

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 34

Rabu

6 November 2013

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta

(Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2014

(Halaman 26)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 26)

Usul Anggaran Pembangunan 2014

(Halaman 26)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 6 November 2013**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut;

- (1) Akta Perbekalan Tambahan (2013) 2013
- (2) Akta Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2013 (Pindaan) 2013,
- (3) Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2013 dan
- (4) Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan sekolah yang telah mencapai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) sehingga kini dan nyatakan langkah kementerian bagi meningkat pencapaian Sekolah Menengah Tahfiz seperti Sekolah Menengah Imtiaz di Terengganu sebagai SBT memandangkan terdapatnya pengetua yang bukan daripada kategori guru (DG).

Menteri Pendidikan II [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan Sekolah Berprestasi Tinggi keseluruhannya ialah 115 dan daripada itu ada dua buah sahaja Sekolah Agama Bantuan Kerajaan yang mencapai taraf Sekolah Berprestasi Tinggi iaitu Sekolah Menengah Imtiaz Besut dan juga Sekolah Menengah Imtiaz Kuala Terengganu. Untuk memastikan pencapaian yang berterusan, program-program dilaksanakan oleh kementerian di antaranya ialah program kelestarian, program *coaching* dan *mentoring* dan juga program-program kepada pengetua dan kepimpinan oleh Institut Aminuddin Baki dan kepada guru-guru ialah program-program yang dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Guru di kementerian.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh kerajaan untuk memartabatkan sekolah tahfiz terutama sekolah tahfiz sains bagi melahirkan modal insan yang *Quranic* dan sejauh manakah hasil pengajian sekolah tahfiz ini telah melahirkan modal insan yang bukan sahaja berjaya sebagai huffaz tetapi juga dalam bidang sains dan teknologi dan berkaitan dengan perkara ini, soalan lanjutannya apakah langkah kerajaan bagi memperkembangkan Program Pendidikan Ulul Albab di sekolah rendah dan juga menengah di seluruh negara bagi melahirkan generasi yang seimbang dalam aspek duniawi dan ukhrawi. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua untuk keseluruhan Sekolah Berprestasi Tinggi kita lihat sejak ia dilaksanakan kita dapat melihat kehebatan sekolah-sekolah tersebut. Sekolah-sekolah agama yang berprestasi tinggi baru sahaja masuk tetapi untuk berprestasi tinggi kita lihat sejak kebelakangan ini peningkatan pencapaian mereka, pelajar-pelajar kita ini didedahkan dengan Program *World Robot Olympian* dan *Young Investor* luar negara yakni di Thailand, *Invention and New Product Exposition* di *United State of America*, *English Speaking*, ini pun ada di *London* supaya ada yang boleh bercakap dengan baik, *Mathematical Olympian* di *Netherlands*, *Physics Olympian* dan juga *International Competitions and Assessment for School* atau ICAS. Ini semua di seluruh dunia.

Kita lihat peningkatan pencapaian mereka pada tahun 2010 pencapaian 29% dan apabila kita katakan 29% iaitu mereka mendapat kejayaan setiap pertandingan yang mereka masuk mereka mendapat sama ada nombor satu, nombor dua dan nombor tiga. Pada tahun 2011, pencapaian telah meningkat kepada 47%. Pada tahun 2012 tahun lalu ia meningkat kepada 75% dan pada tahun ini sasaran kita ialah 85% dan mereka telah mencapai 83.7%. Ini peningkatan-peningkatan Sekolah Berprestasi Tinggi.

Akan tetapi keseluruhannya, kita lihat juga kerana budaya ini juga diterapkan ke sekolah-sekolah agama ataupun sekolah-sekolah yang kita pastikan mereka bukan hanya menghafaz al-Quran, budaya ini dapat diterapkan di sekolah-sekolah tersebut dengan secara menyeluruhnya dan kita lihat bidang sains dan teknologi mula dapat diserapkan ke sekolah-sekolah tersebut agar mereka mempunyai apa yang dikatakan pengetahuan yang lebih menyeluruh di samping nilai-nilai *Quranic* yang ada pada mereka.

■1010

Ini adalah nilai-nilai yang dikatakan nilai-nilai *encyclopedic* dan juga menyeluruh. Pemikiran mereka lebih menyeluruh, bidang-bidang pengajian mereka lebih menyeluruh ataupun dengan menggunakan perkataan kepelbagaian ataupun *multi-disciplinary* dan juga nilai-nilai '*ishtihadik*' iaitu nilai-nilai kreativiti dan inovasi yang harus ada pada mereka. *Insyaa-Allah* saya jangka mereka akan menjadi lebih menyeluruh dan lebih hebat pada masa-masa akan datang untuk melahirkan apa yang dikatakan generasi Ulul Albab. Buat masa ini tidak ada lagi rancangan untuk memulakannya di sekolah rendah kerana kita hendak memantapkan lagi program-program agama di sekolah-sekolah menengah tersebut.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Soalan tambahan untuk Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali tahniah kerana telah mewujudkan Sekolah Intiaz dan saya perhatikan bahawa sekolah ini memang berjaya. Soalan saya ialah memandangkan menghafal al-Quran ini adalah sesuatu yang berat bagi pelajar, kalau saya sendiri pun satu juzuk setahun pun memang susah hendak hafal. Jadi apakah pencapaian mereka? Adakah betul-betul mereka ini boleh menghafal? Maksud saya pelajar-pelajar di sekolah tahfiz seperti Intiaz ini, mereka dapat menghafal al-Quran sepenuhnya dalam tempoh lima tahun berada di sana atau berapakah bilangan pelajar-pelajar yang tidak mencapai tahap itu atau tidak dapat menghafal semua al-Quran dalam tempoh pembelajaran mereka di sekolah tahfiz.

Kedua, saya ingin tahu di antara sekolah-sekolah berprestasi tinggi ini, berapakah bilangan sekolah-sekolah yang memang ada program tahfiz di dalamnya?

Ketiga, adakah kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Banyak soalan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: ...Sambungan daripada yang kedua. Adakah kerajaan merancang untuk mewujudkan lagi sekolah-sekolah tahfiz ini di tempat lain? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Memang penghafazan al-Quran ini bukan satu perkara yang senang. Pengalaman saya, apabila saya mewujudkan sekolah tersebut pada tahun 1999 di Besut, memang ada mengatakan yang ianya tidak boleh dicapai. Akan tetapi melalui pengalaman, di peringkat permulaannya, kita sasarkan mereka dapat menghafaz al-Quran sebanyak 30 juzuk apabila mereka tamat SPM. Akan tetapi melalui pengalaman dengan pelajar-pelajar tersebut dan juga melihat apa yang berlaku di seluruh dunia bukan hanya di Malaysia, kita lihat bahawa pelajar-pelajar kita mampu untuk menghafaz al-Quran sebanyak 10 juzuk setahun. Itu pelajar-pelajar yang mampu. Bukan semua mampu. Ini bermakna mereka perlu menghafaz satu muka surat satu hari. Ini melalui pengalaman. Bukan hanya pengalaman saya tetapi anak-anak saya memang belajar di sana. Melalui pengalaman mereka bahawa diberitahu saya bahawa mereka mampu menghafaz satu muka surat satu hari.

Biasanya di pusat-pusat hafazan, mereka dapat menghafaz lima muka surat satu hari dan mengikut sifir tersebut, mereka boleh menghafaz sepuluh juzuk ataupun satu juzuk selama sebulan, sepuluh juzuk selama setahun, 30 juzuk selama '70' tahun.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Maaf, 30 juzuk selama tiga tahun. Kadang-kadang pasal pagi-pagi hari ini, makan *breakfast* tidak lagi. Kejayaannya ialah 40%, Yang Berhormat. Memang ada yang tidak dapat menghabiskan hafazan di Tingkatan Tiga. Mereka biasanya tamat di Tingkatan Lima. Kita kena faham bahawa pelajar-pelajar ini ialah pelajar-pelajar yang dipilih. Memang apabila untuk masuk ke sekolah tersebut, mereka sudah diberi ujian hafazan peringkat permulaan. Mungkin '*juz amma*' dan sebagainya. Yang ada memang adalah 2% hingga 3% yang tidak dapat menghafaz sepenuhnya. Ini juga satu persoalan kerana hafazan ini bukan satu sahaja

perkara yang kita hafaz pada hari ini dan kita akan terus dapat mengingati buat selama-lamanya. Ini kerana jika mereka dapat mengulangi hafazan mereka sebulan sekali, *insya-Allah* mereka akan terus dapat menghafaz al-Quran dengan baik.

Untuk sekolah agama memang baru. Saya katakan tadi di peringkat permulaan tadi ada dua sehingga kini yang berjaya. Sekolah agama bantuan kerajaan yang berjaya, SABK yang berjaya masuk dalam kategori sekolah berprestasi tinggi. Sememangnya pada tahun hadapan, mengikut kemampuan sekolah-sekolah seluruh negara, kerajaan akan memilih sebuah sekolah, satu negeri untuk dijadikan sekolah yang dikatakan sekolah yang mempunyai program Ulul Albab di sekolah-sekolah mereka.

2. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan pindaan cuti bersalin bilakah akan dapat dibuat dan pindaan kelahiran 5 orang anak dalam Akta Kerja 1955 itu turut dipinda.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya daripada Kuala Langat yang cukup prihatin tentang pekerja ini. Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Langat dan Dewan yang mulia ini, dalam soalan Yang Berhormat ini ada dua isu yang hendak diketengahkan iaitu pindaan cuti bersalin dan juga pindaan kelahiran lima orang anak.

Suka saya maklumkan bahawa bagi cuti bersalin ini, di bawah Akta Kerja 1955 [Akta 265], sebelum 1 Oktober 1980, cuti bersalin yang dibenarkan hanyalah 30 hari tetapi hari ini telah bertambah kepada 60 hari. Soalan Yang Berhormat ini saya tidak tahu berapa Yang Berhormat minta jumlah cuti bersalin. Untuk makluman, Kementerian Sumber Manusia telah pun membuat pindaan kepada Akta Kerja 1955 [Akta 265] yang berkuat kuasa pada 1 April 2012 di mana beberapa penambahbaikan kepada peruntukan mengenai faedah bersalin telah dibuat seperti berikut:

- (i) faedah bersalin di bawah Akta Kerja 1955 telah dipanjangkan kepada semua pekerja wanita tanpa mengira gaji yang diterima. Dahulunya, faedah ini hanya dinikmati oleh pekerja wanita yang bergaji RM1,500 ke bawah dan pekerja manual wanita tanpa had gaji. Maknanya sekarang ini tidak ada *limit*, Tuan Yang di-Pertua. Gaji berapa pun, bersalin, dapat;
- (ii) definisi tempoh hamil telah dipinda daripada 28 minggu. Maknanya dulu, 28 minggu layak dapat faedah ini kepada 22 minggu di mana pekerja wanita yang bersalin setelah hamil 22 minggu, juga layak mendapat faedah bersalin. Maknanya kalau ada hamil 10 minggu, tidak layak. Maknanya kahwin, tiba-tiba esok bersalin. Jadi 22 minggu. Dulu, 28 minggu; dan

- (iii) bagi memastikan hak dan kebajikan pekerja wanita terpelihara, adalah menjadi satu kesalahan sekiranya majikan menamatkan perkhidmatan seorang pekerja wanita semasa tempoh cuti bersalin kecuali atas alasan penutupan syarikat. Maknanya syarikat sudah tidak boleh berjalan. Maka andai kata pekerja yang bersalin itu diberhentikan, maka itu tidak ada masalah kerana penutupan syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isi soalan kedua, berdasarkan peruntukan akta sedia ada, seorang pekerja wanita itu layak bercuti tanpa mengira jumlah anak yang ada manakala kelayakan cuti bersalin yang dibayar elaun pula adalah terhad kepada lima orang anak sahaja. Subseksyen 37(c) Akta Kerja 1955, had kelayakan cuti bersalin dibayar di bawah Akta Kerja 1955 ini adalah sama seperti mana had kelayakan bagi pekerja di sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat, bagi cuti bersalin, kita ada perbandingan antara negara. Kalau saya sebut mungkin banyak perkara yang akan kita sebutkan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri Timbalan Menteri kerana jawapan yang diberikan walaupun tidak pada sasaran yang saya hajati. Namun ianya masih memerlukan jawapan tambahan. Mengikut sasaran kita menjelang tahun 2020, 70 juta menjadi igauan kita untuk bermatlamat mencapai negara maju. Sekarang ini hanya 27 juta, baki tujuh tahun. Di bawah peruntukan seksyen 34, seksyen 35, seksyen 36 dan seksyen 37 memperuntukkan apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri bicarakan tadi.

■1020

Namun yang jelas ialah, lanjutan daripada hak untuk kita menikmati kerana melahirkan anak itu satu anugerah Tuan Yang di-Pertua. Satu anugerah dan juga amanah, tanggungjawab keluarga. Daripada apa yang saya diberitahu, Timbalan Menteri tadi mengatakan berapa tempoh. Saya mohon supaya tempoh 60 hari itu dilanjutkan 90 hari. Saya mohon daripada lima orang berfaedah anak itu diberikan tujuh atau lapan yang membolehkan sasaran 70 juta itu dimatlamatkan, dan soalan saya kepada Tuan Yang di-Pertua, dan juga Timbalan Menteri. Ini tidak pernah terfikir tapi saya ingin menyahut soalan tambahan ini sebagai satu soalan yang perlu difikirkan.

Soalannya ialah, adakah kementerian berhasrat untuk memberi cuti kepada bapa, suami. Cuti berbayar- demi menjaga bersama bayi yang dilahirkan untuk memastikan bayi itu tidak dianiayai oleh mana-mana, termasuk nyamuk ataupun serangga-serangga yang berbahaya. Dengan yang demikian, kita akan menjadikan bayi itu bayi yang sihat, dan dia akan membesar dengan begitu baik, dan saya mohon kementerian untuk memberikan komen berkenaan dengan cuti bapa ini kerana perlu bapa yang bertanggungjawab. Bukan untuk *berenjoy* tetapi untuk menjaga bayi itu daripada selepas isterinya bersalin, dan selepas anak itu dipelihara dengan begitu baik. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri kalau itu idea yang baik, yang dikongsi bersama dengan Yang Berhormat Titiwangsa tadi. Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Saya dah menjangka bahawa Yang Berhormat Kuala Langat akan minta jumlah cuti bersalin ini daripada 60 hari kepada 90 hari, dan ini sama juga seperti mana yang dinikmati oleh pegawai awam. Pegawai awam, mereka mendapat cuti bersalin, wanitalah ya, selama 60 hari sehingga 90 hari bagi setiap kelahiran, dan maksimum kepada 300 hari. Ini yang diperoleh oleh pekerja sektor awam.

Dan bagi anak, saya nak berikan pandangan saya kepada Dewan dan juga Yang Berhormat. Kalau ikut maklumat yang kita ada pada hari ini, di negara kita ini satu keluarga mempunyai bilangan anak kurang lebih tiga orang, atau empat orang anak. Ada yang ramai Yang Berhormat Kuala Langat, ada yang 11 orang. Setengah yang saya jumpa ada 14 orang pun ada, makna satu *team* bola sepak boleh buat pun ada.

Kita juga ingin memberikan sokongan. Hasrat sebenarnya matlamat 70 juta penduduk negara kita ini adalah disuarakan oleh mantan Perdana Menteri kita dahulu, Tun Mahathir Mohamad, dan kalau dibuat perbandingan antara negara, sebenarnya keluasan negara kita yang mempunyai 334,000 kilometer persegi, kalau berbanding dengan jumlah penduduk yang ada pada hari ini, memang berkurangan, kalau banding dengan negara-negara lain. Sebab itulah matlamat 70 juta ini memang satu ketika dahulu disuarakan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad.

Saya bersetuju apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, tetapi saya melihat pendekatan yang lebih berbeza sedikit. Sebab itulah bagi negara maju, mereka memang mempunyai jumlah cuti yang panjang, dan sebagainya, tetapi mereka maju, sebab itulah hasrat Perdana Menteri kita untuk tahun 2020 ini, kita hendak melihat supaya 50% daripada tenaga kerja kita adalah tenaga kerja mahir yang sudah tentulah mereka mempunyai pelbagai kebolehan.

Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, dan walaupun matlamat itu baik, tetapi hari ini seperti mana yang saya sebutkan tadi, kita hanya mempunyai kadar anak dalam keluarga ialah tiga kepada empat orang. Saya lebih melihat supaya kita fikirkan bersama, supaya anak yang kita lahirkan, saya tidak pentingkan faedah yang mungkin didapati oleh ibu yang bekerja, kerana dengan adanya anak yang lebih ramai tetapi anak yang dilahirkan itu tidak boleh memberikan sumbangan, pulangan kepada keluarga, kepada diri mereka, kepada bangsa dan juga negara, saya kira itu satu kerugian yang cukup besar. Biarlah anak itu kurang tetapi mereka adalah orang yang cukup produktif bagi membela masa depan keluarga dan juga negara.

Bagi soalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang akhir itu, sebenarnya pihak kementerian telah, dan sedang membuat kajian dan bagi sektor swasta, kita dah bincang juga dengan majikan ini. Mereka berpendapat bahawa buat sementara ini mereka kurang bersetuju, mungkin kita akan adakan rundingan semula Tuan Yang di-Pertua untuk mencari jalan, sebab saya bersetuju sebenarnya. Pandangan itu ada baik dan ada tidak baiknya, kalau-kalau kita tak dapat pastikan anak-anak yang lahir itu menjadi orang yang baik, tidak menjadi penagih dadah, tidak menjadi penyamun dan sebagainya, dia akan merugikan kepada negara kita, tetapi kalau anak yang lahir semua baik, sudah tentu ia cukup positif untuk negara kita.

Majikan tidak bersetuju dengan pelanjutan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari, dan meningkatkan kadar kelayakan lima orang anak kepada tujuh orang anak kerana perkara ini akan meningkatkan kos menjalankan perniagaan mereka.

Saya mempunyai maklumat sedikit Tuan Yang di-Pertua... [*Mencari dokumen berkaitan*] Di mana saya letak, lupa dah Tuan Yang di-Pertua.

Ini satu kajian yang dibuat oleh Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia. Andai kata dasar ini kita laksanakan segera Yang Berhormat Kuala Langat, mereka mengatakan bahawa jumlah ini akan menambahkan kepada tanggungan RM1.5 bilion tanggungan majikan yang membayar pekerja-pekerja bersalin tadi, kepada tambahan sebanyak RM780 juta - kalau keadaan pekerja yang ada pada hari ini. Sebab itulah majikan merasakan bahawa belum sampai masanya pada mereka, dan pada saya, kalau kita boleh memastikan bahawa pertambahan anak ini positif, yang baik, saya juga positif untuk kita memberikan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kita akan membincangkan perkara ini lebih *detail* supaya ia dapat mencapai matlamat yang dikehendaki dan dalam masa yang sama boleh mencapai hasrat kerajaan untuk negara maju 2020. Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua. Minta saya perbetulkan sedikit jawapan Yang Berhormat Menteri tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak boleh, mana boleh perbetulkan Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Mengenai tentang anak yang belum lahir dia menjangkakan tidak positif...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: [*Bangun*]

Seorang Ahli: Sudahlah itu.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Itu adalah tanggungjawab kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kenapa nak jadi macam ini Yang Berhormat?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Kenapa anak belum lahir kita mahu menghukum bahawa mereka akan menjadi orang yang tidak betul. Itu bukan menjadi pendirian sebagai satu kerajaan [*Dewan riu*] Kerajaan bertanggungjawab, setiap anak yang dilahirkan harus...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ini dah luar peraturan dah Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Jadi tidak betul kalau Menteri mengatakan bahawa ini bersangkutan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Menteri menjawab bahawa kalau anak yang dilahirkan itu adalah menjadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang, duduk Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tidak betul. Setiap anak yang dilahirkan harus diraikan dan dijaga dengan elok, dan menjadi tanggungjawab kerajaan juga, main peranan dalam hal ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Seorang Ahli: Jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu bukan soalan Yang Berhormat, tak payah jawab. Soalan yang dipanggil ini Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dah tahu bahawa kita mempunyai faedah bercuti bersalin kepada isteri dan juga suami tetapi ramai juga daripada kalangan kita terpaksa mengambil cuti ataupun mencuri masa untuk menjaga ataupun melawat keluarga terdekat seperti ibu bapa yang terlantar di hospital. Jadi soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan bercadang untuk memberi cuti lawatan ataupun cuti penjagaan kepada keluarga terdekat khususnya kepada ibu bapa, untuk kita lihat perkara-perkara ini. Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan yang cukup baik. Sebenarnya kita bagi Kementerian Sumber Manusia dan sudah tentulah kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memberikan perhatian kepada kebajikan pekerja-pekerja, termasuklah ibu bapa dan sebagainya. Jadi setakat ini, itulah kelayakan-kelayakan yang diberikan kepada pekerja-pekerja kita, dan saya nampak peningkatan, penambahbaikan telah pun dibuat bukan sahaja di sektor swasta, tetapi juga di sektor awam, di mana seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Jadi, *insya-Allah* saya ambil pandangan Yang Berhormat itu sebagai satu pandangan yang baik dan kita akan bawakan. Yang penting ialah bagaimana kita boleh memberikan kebahagiaan, keselesaan hidup bukan sahaja kepada pekerja tetapi juga kepada keluarga mereka dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

[Soalan No.3 – Yang Berhormat Puan Mas Ermieyati binti Samsudin (Masjid Tanah) tidak hadir]

4. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta Menteri Kesihatan menyatakan, kedudukan terkini projek "*Genetic Aedes Mosquito*" yang dilaksanakan oleh kementerian untuk mencegah wabak denggi. Berapa kos yang telah dibelanjakan untuk projek ini, dan adakah ia telah berjaya mengurangkan ancaman wabak denggi. Berikan butiran-butiran tentang kesannya.

■1030

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pada hari ini di Dewan yang jawab semua soalan ada sedia di sini tetapi yang tanya soalan yang tiada di sini. Tuan Yang di-Pertua, untuk jawab soalan daripada Yang Berhormat Kota Melaka, tentang projek nyamuk genetik aedes. Ini adalah satu kajian yang telah dilakukan oleh kementerian dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) untuk kaji kemungkinan untuk menggunakan *genetically modified aedes aegypti* untuk mengawal demam denggi.

Akan tetapi, pada masa sekarang kajian yang telah dibuat ialah untuk lihat kepada ciri-ciri nyamuk ini tetapi tidak di bawah tahap di mana ia digunakan untuk program pencegahan lagi. Kalau kita masih adakan perbincangan dengan pihak kolaborasi iaitu Oxitec satu firma daripada United Kingdom yang membekalkan nyamuk GM aedes ini daripada beberapa segi termasuk isu-isu teknikal dan isu kos kerana untuk menjalankan rancangan yang lanjutan untuk digunakan untuk buat kajian dari segi pencegahan wabak denggi di beberapa kawasan yang telah ditetapkan. Contohnya kalau untuk dilaksanakan di empat tempat yang *hotspots* itu, kos untuk menjalankan projek itu untuk tiga tahun yang akan datang kalau kita membuat persetujuan, lebih kurang RM100 juta. So, itu menjadi satu projek yang begitu tinggi.

Akan tetapi, sampai sekarang di dalam kajian awal yang telah dilakukan daripada 2012 sampai sekarang yang meliputi tiga fasa, kerajaan telah belanjakan lebih kurang RM3.1 juta. Ini meliputi fasa 1 di mana pengkolonian pembiakan dan kajian *bionomic* nyamuk itu dibuat. Fasa 2, pengawanan nyamuk genetik aedes jantan telah dibuat untuk lihat kebolehan mereka dan kuasa persaingan di dalam proses pengawanan. Fasa 3 di mana kajian nyamuk genetik dilepaskan di dalam satu kawasan tertentu di Bentong di mana tidak ada rumah-rumah untuk lihat dua ciri. Satu ialah jangka hayat nyamuk dan nombor dua ialah untuk lihat jarak penerbangan nyamuk.

Kajian ini telah dibuat tetapi untuk diteruskan untuk membawa maklumat yang telah diperolehi di dalam kajian awal itu untuk digunakan di dalam program pencegahan, kita kena lalu ke fasa yang lain dan itu yang melibatkan kos yang tinggi dan kerajaan sedang membuat perbincangan pada masa sekarang. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucap terima kasihlah atas jemputan Deepavali. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya telah dimaklumkan atau diberitahu oleh pegawai kesihatan di negeri Melaka iaitu tahun ini wabak denggi ini yang paling serius dikatakan berbanding dengan tahun-tahun yang lepas. Di negeri Melaka, Hospital Besar Melaka termasuk hospital swasta keadaan sampai begitu teruk sampai tidak cukup katil untuk pesakit. Saya pun percaya Yang Berhormat Menteri, saya sedar tentang ini.

Saya hendak tanya bolehkan Yang Berhormat Menteri beritahu kepada Dewan yang mulia ini jumlah pesakit lima tahun yang lepas setiap tahun dan apakah tindakan yang diambil selain dari genetik aedes *mosquito* iaitu tindakan yang diambil oleh kementerian untuk mencegah atau mengatasi wabak denggi ini? Terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Fenomena peningkatan kes-kes denggi pada tahun ini ialah satu fenomena global di dalam seluruh negara di dalam dunia termasuk negara jiran kita macam Singapura, Indonesia dan Thailand semua sedang melihat kepada satu keadaan di mana kes-kes telah bertambah. Walaupun saya tidak mempunyai butiran untuk lima tahun yang lalu, kalau banding dengan tahun yang lalu, 2012 jumlah kes yang telah dilaporkan untuk sepanjang tahun 2012 ialah 18,268 kes. Manakala pada tahun ini sehingga sekarang iaitu sehingga 2 November 2013, jumlah kes yang telah dilaporkan ialah 29,754 kes iaitu peningkatan lebih kurang 10,000 kes kalau dibanding dengan tahun yang lalu. Fenomena ini yang

telah dilaporkan di lain-lain negara. Jumlah kes contohnya di satu negara yang kecil seperti Singapura, lebih kurang jumlah yang sama seperti negara kita.

Ada banyak sebab satu ialah perubahan iklim kerana pembiakan nyamuk aedes di dalam air jernih yang bertakung itu ada berkaitan dengan perubahan iklim dan musim hujan sebagainya. Kedua, daripada kesan jangkitan ialah kebolehan virus denggi ini untuk menghadapi apa yang dipanggil *mutation* di mana walaupun ada orang yang telah digigit dan telah mendapat kuasa ketahanan iaitu imuniti daripada satu *strength* yang dulu tetapi dengan stereotaip yang berlainan yang dijangkit pada masa sekarang, kemungkinan mendapat penyakit. Penyakit yang mereka dapat itu pun lebih teruk daripada yang dahulu.

Untuk menjawab soalan lanjutan tentang langkah-langkah yang telah diambil, sampai sekarang langkah yang paling berkesan ialah untuk mengurangkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes. Ini ialah mesej yang kita kena hantar kepada semua pihak. Negeri yang paling banyak kes di dalam 29,000 ialah negeri Selangor yang lebih kurang 15,000 kes yang telah dilaporkan di dalam negeri Selangor. So, ini menunjukkan apa yang diperlukan ialah kerjasama di antara semua agensi iaitu agensi khasnya, pihak berkuasa tempatan dan pihak kesihatan di tempat masing-masing. Kerjasama yang erat untuk memastikan langkah-langkah dibuat untuk mengambil tindakan ke atas kawasan-kawasan di mana ada pembiakan aedes dan untuk meningkatkan kesedaran di dalam kalangan rakyat.

Masalah di Malaysia, pengetahuan tentang cara jangkitan denggi dan cara macam mana penyakit ini merebak adalah luas, pengetahuan luas di dalam kalangan rakyat. Akan tetapi, penterjemahan pengetahuan itu di dalam cara hidup kita itu yang menjadi masalah. Kalau setiap rakyat Malaysia itu boleh menghadapi perubahan daripada sikap supaya mereka boleh mengurangkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes, kita boleh berjaya dalam usaha ini. Sekarang ada pandangan di dalam kalangan rakyat bahawa ini ialah tanggungjawab kerajaan. Kalau kerajaan sahaja tidak boleh berjaya dalam usaha ini, apa yang diperlukan ialah kerjasama semua orang iaitu termasuk pemimpin-pemimpin tempatan, pihak berkuasa tempatan, kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan untuk bekerjasama dalam usaha supaya kita boleh menjalankan pembersihan projek, program-program yang kuat untuk mengurangkan tempat pembiakan nyamuk aedes. Itu ialah langkah yang paling berkesan untuk mengurangkan jangkitan penyakit ini. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bolehlah Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sedikit sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Bolehlah. Saya cuma hendak tanya tentang ada ubat itu. Sehingga hari ini tiada ubat yang tertentu untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Titiwangsa.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat statistik Yang Berhormat Menteri sebut tadi, peningkatan begitu mendadak daripada 18,000 tahun lepas sehingga bulan November tahun ini adalah 29,000 iaitu peningkatan hampir 11,000. Persoalan saya ialah saya hendak tanya sama ada adakah kementerian berdepan dengan masalah dari segi ketidakcukupan perubatan. Ini adalah kerana memandangkan bahawa sebahagian besar daripada ubat-ubat ini kita import dan dari segi wabak ini telah melanda hampir seperti mana Yang Berhormat sebut tadi Indonesia, Singapura dan juga negara-negara jiran. Adakah kita mempunyai masalah dari segi mendapatkan perubatan yang begitu mendadak, yang dikehendaki oleh setiap hospital?

■1040

Datuk Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang tidak ada rawatan tertentu iaitu spesifik rawatan untuk penyakit demam denggi. Walaupun ada kajian dilakukan pada masa sekarang oleh beberapa syarikat untuk menghasilkan satu vaksin yang boleh digunakan untuk mencegah penyakit ini. Keputusan awal daripada kajian ini menunjukkan bahawa ada harapan bahawa kita boleh berjaya di dalam mendapat satu vaksin pada masa yang akan datang. Ini yang boleh digunakan yang akan memberi perlindungan kepada kebanyakan daripada stereotaip virus yang menjadi punca demam ini pada masa sekarang. Daripada rawatan yang ada pada masa sekarang ada dua perkara yang mesti diberi tumpuan.

Satu ialah untuk mengesan dan membuat diagnosis pada masa yang awal, ini yang paling mustahak. Kalau diagnosis dibuat secara awal, pesakit itu boleh dikawal di dalam satu sistem perubatan supaya mereka boleh dijaga dan di bebas daripada kesan-kesan buruk yang akan datang dengan penyakit ini. Untuk bantu di dalam hal ini, kita telah membekalkan kebanyakan daripada klinik-klinik kesihatan dengan *test kit* yang boleh membuat diagnosis tentang penyakit ini secara awal. Itu mempunyai kesan yang tinggi untuk mengurangkan risiko daripada penyakit ini.

Nombor dua ialah untuk mendedahkan kepada pengamal perubatan tentang simptom-simptom yang mereka kena lihat. Untuk membuat rujukan kes-kes ini kepada satu tempat di mana mereka boleh diberi rawatan secara lebih awal. Di hospital ialah *observation* dan *monitoring* dan membuat rawatan sampingan yang diperlu tentang penyakit ini. Supaya mereka boleh bebas daripada risiko-risiko yang datang dengan penyakit ini. Terima kasih.

5. **Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah kerajaan untuk mengurangkan *Gini Index*.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai bertarikh 11 November 2013.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Pekali Gini Negara buat masa ini adalah 0.431 di mana Pekali Gini keseluruhan telah berjaya dikurangkan daripada 0.441 pada tahun 2009. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pekali Gini dari tahun 1999 hingga 2012 adalah seperti berikut:

Tahun	Pekali Gini Negara
1999	0.443
2002	0.461
2004	0.462
2007	0.441
2009	0.441
2012	0.431

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kedudukan Pekali Gini Negara dapat terus dikurangkan, pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan dalam usaha mengurangkan jurang pendapatan di kalangan rakyat. Di mana antara fokus Rancangan Malaysia Kesepuluh ialah dengan memperluaskan kumpulan sasaran dan memberi tumpuan yang lebih besar kepada isi rumah berpendapatan 40% terendah. Bagi mencapai matlamat tersebut beberapa pendekatan inisiatif strategik telah dan akan dilaksanakan berasaskan kepada beberapa program utama yang telah dikenal pasti seperti berikut.

Pertama, program Peningkatan Keupayaan dan Kebolehan iaitu *capacity buildings*, dengan izin. Di bawah program ini, tumpuan khusus diberikan kepada ahli isi rumah berpendapatan 40% terendah bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak serta masyarakat Orang Asli dan masyarakat India melalui Program Pendidikan dan Latihan. Ia bertujuan untuk meningkatkan kelayakan dan kemahiran kumpulan sasaran ini. Ia adalah supaya mereka menjadi lebih berdaya saing, dengan izin, *employable and marketable* dalam mendapatkan pekerjaan bergaji lebih tinggi. Dalam tempoh 2011 hingga 2013 sebanyak RM88 juta telah diperuntukkan dan sehingga tahun 2012 ia telah memberikan manfaat kepada seramai 2,494 orang peserta. Daripada jumlah ini, seramai 2,430 orang peserta telah menamatkan latihan dan seramai 1,140 orang telah berjaya mendapatkan pekerjaan. Manakala 837 orang memilih untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi dan 663 orang tidak menamatkan tempoh latihan kerana mempunyai masalah keluarga, komitmen dan juga telah mendapat peluang pekerjaan tetap seperti diterima memasuki perkhidmatan tentera dan polis.

Kedua, program peningkatan pendapatan secara bersepadu melalui pelaksanaan Program Agropolitan dan Perladangan Kontrak. Program ini merangkumi pembangunan ladang berpusat serta kawasan penempatan semula yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas dan kemudahan awam seperti jalan raya, elektrik, bekalan air dan dewan orang ramai. Ia bertujuan untuk meningkatkan tahap pendapatan dan taraf hidup serta dapat memperluaskan akses kepada pekerjaan. Melalui program ini adalah diharapkan isi rumah berpendapatan 40% terendah

memperoleh jaminan pendapatan daripada hasil pertanian dan perladangan yang dijalankan melalui pelbagai agensi kerajaan. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM685.5 juta yang dijangka memberi manfaat seramai 3,486 orang peserta di 14 lokasi yang telah dikenal pasti.

Ketiga, memberi tumpuan kepada keperluan kumpulan sasar, khususnya seperti masyarakat Orang Asli dan bumiputera di Sabah Sarawak, penduduk di Kampung Baru Cina serta pekerja-pekerja estet. Bagi masyarakat Orang Asli, Program Pembangunan dan Pemilikan Tanah Pertanian turut dilaksanakan. Bagi bumiputera Sabah dan Sarawak pula mereka akan mendapat manfaat daripada pelbagai projek ekonomi, pembangunan tanah *native customary rights*, pendidikan dan pembangunan infrastruktur, meningkatkan keupayaan dan pendapatan mereka. Sebanyak RM40.8 juta diperuntukkan yang dijangka memberi manfaat seramai 23,390 orang peserta. Manakala bagi penduduk Kampung Baru Cina pula mereka akan dapat menikmati bantuan pembiayaan bagi memperbaharui tempoh pajakan, membaiki rumah serta bantuan modal untuk memulakan perniagaan. Kumpulan ini juga akan menikmati manfaat daripada program sasaran tambahan untuk memperkukuh keupayaan dan seterusnya mengurangkan jurang pendapatan di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga komited untuk meneruskan pelbagai skim dan inisiatif bagi rakyat menceburi aktiviti perniagaan dan keusahawanan yang akan memberi pulangan pendapatan yang lebih tinggi melalui kemudahan pembiayaan kewangan. Ia disediakan melalui pelbagai institusi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN). Sehingga September 2013, Amanah Ikhtiar Malaysia telah mengeluarkan pinjaman sejumlah RM2.6 juta yang memanfaatkan 341,300 orang Sahabat AIM, manakala TEKUN telah mengeluarkan sebanyak RM438.8 juta bagi membantu seramai 34,931 orang peminjam.

Berdasarkan penemuan Kajian Impak Pembangunan Lestari Keluarga Miskin melalui kewangan makro yang dilaksanakan oleh Universiti Utara Malaysia pada tahun 2008. Pendapatan Sahabat AIM meningkat daripada RM142 pada tahun 1989 kepada RM2,640 pada tahun 2008. Selain daripada itu, kerajaan juga turut melaksanakan pelbagai program lain seperti Program Bantuan Rumah, saham amanah, Program Pendidikan dan Latihan termasuk Dana Kumpulan Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Bagi membolehkan anak-anak golongan ini hadir dan belajar di sekolah serta meningkatkan akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur, pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial di kawasan luar bandar. Terima kasih.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kesan jurang pendapatan yang besar, dengan lain perkataan, Gini Indeks yang besar akan menjadi punca keresahan masyarakat dan akan mewujudkan ketidakharmonian dalam masyarakat dan ketidakstabilan negara seperti sejarah 13 Mei. Logikinya, untuk mengurangkan *gap* ataupun jurang di antara pendapatan orang yang kaya dan miskin ialah dengan mengurangkan pendapatan yang kaya dan meningkatkan pendapatan yang miskin.

Soalan tambahan saya ialah apakah kerajaan sanggup untuk mengkaji semula format cukai pendapatan orang kaya agar mengenakan cukai tanggungjawab sosial supaya sumbangan

ini dapat diagihkan kepada masyarakat miskin yang memerlukan pembelaan kerajaan. Seterusnya, apakah agenda memperkasakan ekonomi bumiputera yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat membantu mengurangkan Gini Indeks Negara. Apakah nilai Gini Indeks yang kita sasarkan pada tahun 2020 apabila negara kita menjadi sebuah negara yang maju.

■1050

Dato' Razali bin Ibrahim: Terdapat hampir tiga soalan yang dibangkitkan dalam satu nafas. Saya cuba yang pertama, berkenaan dengan cukai. Saya percaya, pengumuman yang dibuat dalam cadangan Bajet 2014 sebenarnya mengambil kira faktor tersebut. Tidak perlu saya ulas satu per satu tetapi ada banyak inisiatif diberikan kepada yang berpendapatan rendah untuk dikurangkan daripada segi pembayaran cukai. Begitu juga daripada segi pengenalan GST. Itu juga salah satu faktor yang pada saya dapat menjawab persoalan kerana ia lebih kepada Kementerian Kewangan.

Keduanya, daripada segi agenda bumiputera. Seharusnya, ia menjadi satu pertimbangan kerana saya bersetuju dengan Yang Berhormat Langkawi menyatakan bahawa usaha kita bukan sahaja untuk rakyat keseluruhan tetapi juga untuk mengimbangi di antara pendapatan rakyat kita pelbagai kaum di dalam negara. Tidak boleh hanya satu sahaja kaum yang menikmati kesejahteraan negara.

Suka saya berkongsi di sini. Mungkin ini boleh menjadi sebagai salah satu garis panduan kita. Pekali Gini mengikut etnik yang dicatatkan bagi negara kita pada tahun 2009, bumiputera 0.440 berbanding kaum Cina - 0.425 dan juga kaum India - 0.424. Manakala jumlah yang dicatatkan bagi tahun 2012, bumiputera - 0.421, Cina - 4.22 dan juga India - 0.443. Ini membuktikan bahawa usaha untuk merapatkan jurang pendapatan mengikut etnik dalam negara kita telah dapat ditangani sedikit demi sedikit dan saya menyeru untuk seluruh kepimpinan dan rakyat untuk bersama-sama dalam agenda transformasi negara ini bagi kita mencapai perkara yang dihasratkan.

Berkaitan tentang sasaran Pekali Gini ini, pada tahun 2020, tidak dapat saya nyatakan buat masa ini kerana perkiraan Pekali Gini ini mengikut graf yang disasarkan tidak membolehkan untuk kita mengira ataupun tidak membolehkan untuk saya memberitahu di saat ini. Namun begitu, saya akan pastikan, bila tiba waktu untuk kita boleh mengumumkan perkara tersebut, saya percaya sasaran ini adalah satu perkara yang sangat mustahak supaya ia dapat mengukur gerak kerja kita dalam mengurangkan jurang pendapatan dalam kalangan rakyat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah tegaskan baru-baru ini bahawa tema perbincangan harus fokus kepada masalah besar hari ini iaitu kesenjangan pendapatan ataupun *income in equality* dalam kalangan rakyat Malaysia. Kita juga akui bahawa 40% daripada rakyat Malaysia berpendapatan kurang daripada RM3,000 bagi satu isi rumah. Kita juga mendapati bahawa 80% daripada mereka adalah dalam kalangan Melayu bumiputera. Satu lagi fakta yang harus kita akui bahawa kesenjangan pendapatan ini bukan sahaja

dalam kalangan bumiputera dengan bukan bumiputera, tetapi juga di antara bumiputera dengan bumiputera. Maka, apakah langkah kerajaan untuk memastikan perkara-perkara ini dapat ditangani sebelum pelaksanaan GST pada bulan April 2015?

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat statistik penerima BR1M, sehingga bulan Mac 2013, yang memohon untuk mendapatkan bantuan BR1M berjumlah RM6.1 juta orang dan yang mendapat kelulusan bagi menerima BR1M berjumlah 5.4 juta orang. Daripada 5.4 juta orang ini, 1.4 juta orang adalah penerima individu, manakala 4 juta orang adalah isi rumah yang menerima BR1M. Persoalan saya ialah, kalau rakyat Malaysia berjumlah 28 juta, tidak termasuk 40,000 orang Bangladesh yang kita nyatakan sebelum ini, kalau 28 juta rakyat Malaysia, maknanya bilangan isi rumah sekitar mungkin 10 juta.

Kalau bilangan isi rumah 10 juta orang, yang menerimanya 4 juta orang, bagi saya ini satu perkembangan yang amat membimbangkan yang mana keadaan kesenjangan pendapatan dan ekonomi dalam kalangan rakyat Malaysia termasuk bumiputera dengan bumiputera ini harus diberikan perhatian. Persoalan saya, apakah langkah yang diambil ini boleh menjamin ia dapat diselesaikan sebelum pelaksanaan GST nanti? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua perkara yang dibangkitkan itu, saya percaya mustahak. Kementerian Kewangan mungkin boleh berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk memberi penjelasan tersebut. Namun begitu, saya ingin membuat beberapa pernyataan di sini tentang BR1M. Memang menjadi hasrat kerajaan untuk membantu mereka yang layak sebagai salah satu inisiatif di bawah rasionalisasi subsidi.

Walaupun tadi pengiraan Yang Berhormat Gombak begitu terperinci, saya tidak ada data tersebut. Namun begitu saya percaya, kalau kita ikut isi rumah negara lebih kurang 4.2 juta orang. Jumlah yang diterima ini mungkin seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Gombak tadi menunjukkan satu perkara yang perlu kita memberi penekanan. Akan tetapi saya percaya bahawa dalam jumlah yang dinyatakan tadi, ramai penerima BR1M yang apabila ditolak, datang kembali seolah-olah mereka merasakan bahawa mereka ditinggalkan. Yang ini juga perlu kita memberi penekanan.

Saya setuju, jumlah ini mungkin satu jumlah yang boleh kita perdebatkan. Namun, bagaimana untuk kita mengendalikan jumlah yang ditolak, yang datang kembali, yang mengatakan bahawa mereka tidak dapat atas pelbagai alasan, juga perlu kita ambil kira. Jadi saya percaya, pelbagai perkara boleh kita laksanakan kerana yang penting, saya rasa Yang Berhormat Gombak juga senada atas persoalan tadi bahawa kumpulan ini perlu kita bantu kerana kegagalan akan dapat lagi menjurangkan pendapatan rakyat walaupun sama ada di antara etnik bumiputera dengan bumiputera atau bumiputera dengan yang bukan bumiputera. Terima kasih.

6. Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berapa bilangan ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas di Malaysia, termasuk mereka yang berdaftar dan tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran termasuklah ibu tunggal, orang kurang upaya dan warga emas bagi meningkatkan lagi kualiti hidup serta kesejahteraan golongan tersebut.

Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan, seramai 831,860 orang wanita iaitu 2.9% daripada jumlah penduduk Malaysia adalah balu atau telah bercerai atau berpisah tetap. Sehingga bulan Jun 2013, seramai 66,243 penerima bantuan merupakan ibu tunggal yang didaftarkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pada tahun 2012, bilangan warga emas, mereka yang berumur lebih daripada 60 tahun di Malaysia adalah seramai 2.4 juta orang ataupun 8.2% daripada 29.34 juta penduduk Malaysia. Sehingga bulan Mei tahun ini seramai 160,070 orang warga emas telah didaftarkan di bawah Jabatan Kebajikan.

Sementara itu, berdasarkan *World Report on Disability* tahun 2011 oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) dan *World Bank*, dianggarkan sebanyak 15% daripada penduduk sesebuah negara adalah terdiri daripada kalangan orang kurang upaya. Mengikut jumlah populasi semasa negara ini iaitu sebanyak 29.7 juta orang, dianggarkan 4.4 juta orang penduduk adalah terdiri daripada kalangan OKU. Berhubung data bilangan OKU, seramai 464,967 orang telah berdaftar dengan JKM sehingga bulan Mei 2013. Seramai 100,434 orang OKU menerima bantuan kewangan daripada JKM. Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey, soalan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya lihat bahawa tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa hampir 29% daripada OKU, ada 4.4 juta OKU dalam negara kita.

■1100

Namun demikian mengecewakan bahawa dalam belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Pekan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada langsung menyentuh tentang golongan OKU ini. Jadi saya juga ingin bertanya bahawa, bagaimanakah program-program pembudayaan untuk keluarga-keluarga OKU, warga emas dan ibu tunggal, yang saya rasa perlu diadakan kerana mereka ini kebanyakan datang daripada keluarga-keluarga yang daif. Jadi pembudayaan keluarga mereka adalah penting untuk meningkatkan kualiti hidup mereka. Namun demikian apabila kita melihat audit *report*, Laporan Ketua Audit bahawa kita lihat kecuaiannya yang telah terjadi dalam pemberian geran atau pun peruntukkan dalam NGO dalam program-program untuk OKU, warga emas dan ibu tunggal. Yang mana pihak kementerian daripada 2006 gagal untuk memantau hasil keputusan, gagal memantau untuk kewangan yang telah diberikan, gagal untuk memantau syarat-syarat dan sebagainya.

Keduanya soalan saya adalah seperti apa yang tercatat dalam Belanjawan Pakatan Rakyat dan juga Manifesto Pakatan Rakyat, kita ada satu agenda khas iaitu agenda masyarakat

penyayang, yang mana sama ada kementerian peka atau Kerajaan Barisan Nasional peka dalam keruncingan hidup sekarang, dalam ekonomi yang terhimpit. Maka adakah Kerajaan Barisan Nasional akan meningkatkan lagi wang pemberian kepada mereka ini daripada RM300 kepada RM500 yang telah dicadangkan oleh Pakatan Rakyat. Adakah kementerian juga akan membuat *categorization* atau pun *segmentation*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, golongan OKU yang kritikal, mungkin harus juga dipertimbangkan untuk memberikan elaun yang lebih. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca buku bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat daripada Pekan pada 25 hari bulan yang lalu, kita akan baca bahawa ada RM441 juta yang disediakan untuk orang kurang upaya. Ada dalam bajet ini. Jadi tidak betullah apa Yang Berhormat katakan tadi itu.

Memang setiap tahun kita sediakan banyak peruntukan untuk orang kurang upaya. Manakala untuk yang tadi Yang Berhormat telah nyatakan bahawa ada penyalahgunaan oleh NGO, di sinilah kita sebenarnya meminta kepada semua pihak supaya niat yang baik, hasrat yang baik, tindakan yang baik yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu kumpulan sasar seperti orang kurang upaya ini, jangan disalah gunakan. Kita harap kepada semua pihak yang menerima daripada kita benar-benar menggunakan wang yang kita berikan itu untuk membantu kumpulan sasar ini seperti orang kurang upaya.

Ingin juga saya memaklumkan kepada Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, bahawa saya juga telah menjawab berkaitan dengan orang kurang upaya ini kepada Yang Berhormat Shah Alam pada minggu lalu. Saya juga telah memaklumkan bahawa banyak program yang dilaksanakan untuk orang kurang upaya itu sendiri, malahan untuk membantu mereka untuk meneruskan kehidupan selain daripada diberi bantuan kewangan RM300, elaun untuk pekerja cacat, kalau mereka mempunyai pekerjaan dengan pendapatan RM1,200 ke bawah, maka mereka akan dapat bantuan. Mereka yang tidak bekerja juga akan dapat bantuan. Akan tetapi selain daripada itu, jika mereka ini produktif, boleh bekerja, mereka ini diberikan latihan selepas itu dibantu untuk mendapat pekerjaan.

Selain daripada itu, mereka diberikan latihan untuk memulakan diri mereka menjadi usahawan supaya mereka boleh berdikari. Dalam hal ini juga, kita memberikan bantuan geran pelancaran kepada mereka RM2,700. Maka mereka bolehlah dengan keluarga mereka memulakan perniagaan. Selain daripada itu ada juga program di bawah Jabatan Tenaga Kerja dan ini juga telah dapat membantu memberikan pekerjaan kepada orang kurang upaya dan juga membantu mereka untuk memulakan perniagaan untuk menjadi usahawan. Setakat Ogos 2013, seramai 9,176 orang telah berjaya mendapat kerja.

Selain daripada itu juga mereka yang telah dibantu diberikan kursus seramai 1,14 orang juga telah dapat memulakan perniagaan mereka sebagai usahawan dan telah diberikan geran bernilai RM3 juta setakat ini. Apa yang dibentangkan oleh pihak pembangkang itu mereka punya hal sendirilah. Akan tetapi sekarang ini kerajaan yang memerintah dalam negara kita ini adalah

Kerajaan Barisan Nasional dan kita buat yang terbaik kepada semua kumpulan sasar kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kanowit.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan permohonan yang telah banyak dibuat bagi pelbagai jenis bantuan daripada JKM. Di kawasan Parlimen Kanowit, saya telah pun membuat sokongan kepada semua mungkin permohonan, tetapi mereka ini datang lagi berulang kali. Saya pun *try* bertanya kepada JKM, dia kata banyak masalah. Jadi saya ingin tahu Yang Berhormat Menteri, apakah permohonan yang telah dibuat bagi banyak jenis bantuan OKUkah, ibu tunggalkah, orang tuakah yang di bawah JKM ini? Berapakah yang telah diluluskan terutamanya kalau kita melihat kepada kawasan Parlimen Kanowit? Oleh sebab mereka telah banyak membuat aduan oleh mereka sebab permohonan itu tidak dapat kelulusan JKM. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kanowit kerana spesifik untuk Parlimen kawasan Kanowit. Nanti kita akan *check* berapa bilangan permohonan yang telah diterima untuk semua jenis bantuan ini di Kanowit dan kita akan maklumkan kepada Yang Berhormat secara bertulis, berapa ramai yang telah menerima. Akan tetapi saya juga meminta Yang Berhormat sekiranya ada yang tidak mendapat bantuan setelah mengemukakan permohonan kepada JKM setakat ini, Yang Berhormat tolong sampaikan kepada kita, nanti kita akan semak, kita maklumkan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

7. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri menyatakan status Pelaksanaan Pasukan Petugas Khas Pemudah cara Perniagaan (PEMUDAH) di peringkat negeri bagi menangani isu berkaitan kecekapan dan keberkesanan sektor awam dan swasta yang merentasi kedua-dua peringkat persekutuan dan negeri yang dilancarkan sejak enam tahun lalu dan keberkesanananya dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Petugas Khas Pemudah cara Perniagaan atau pun PEMUDAH telah pun ditubuhkan oleh Mantan Perdana Menteri Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah bin Ahmad Badawi pada bulan Februari 2007, untuk mewujudkan kerjasama yang rapat antara sektor awam dan swasta. Objektifnya menambah baik penyampaian perkhidmatan awam dan memperbaiki persekitaran perniagaan di Malaysia. Pada masa ini ia dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Tan Sri Dr. Ali Hamsa Ketua Setiausaha Negara dan Yang Berbahagia Dato' Saw Choo Boon.

Tuan Yang di-Pertua, urus setia PEMUDAH ialah di MITI, Kementerian Antarabangsa dan Industri. PEMUDAH di dorong oleh nilai-nilai berikut:

- (i) kesegeraan iaitu segera ambil tindakan ke atas semua permohonan;
- (ii) kerjasama proaktif antara sektor awam dan swasta;
- (iii) menjadi pemudah cara bukannya menghalang;
- (iv) syarat dan peraturan adalah berpatutan; dan

- (v) toleransi sifar terhadap rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, di antara matlamat PEMUDAH ialah untuk menjadi Malaysia muncul sebagai sepuluh negara yang paling *comparative* di dunia yang paling berdaya saing. Sukacita dimaklumkan di sini bahawa, pada masa ini keburukan Malaysia ialah enam daripada 189 buah negara iaitu kita telah pun melepasi sasaran asal menjadi sepuluh negara teratas. Diumumkan baru-baru ini, kita sudah menduduki tempat keenam bertambah baik daripada 12 tahun sebelumnya dan 18 pada tahun sebelumnya.

Jadi ini satu peningkatan yang ketara. Ada kaitan antara lainnya dengan penambahbaikan untuk memulakan perniagaan daripada kedudukan 54 kepada 16 dalam dunia untuk memulakan pembinaan daripada 96 kepada 43. Itu antara sebab-sebab kenapa Malaysia menduduki tempat yang tinggi. Apa yang membanggakan kita untuk akses ke kredit, kita kekal menduduki tempat pertama dalam dunia untuk melindungi pelabur kekal menduduki tempat keempat di dunia.

■1110

Tuan Yang di-Pertua, sebuah media United Kingdom iaitu *Daily Telegraph*, apabila membuat komen tentang kemerosotan kedudukan United Kingdom daripada kedudukan ketujuh tahun lalu pada kedudukan kesepuluh tahun ini menyatakan bahawa Malaysia sudah dengan izin *emerged as the free market tiger of the Islamic world*. Malaysia diiktiraf sebagai sebuah negara Islam yang berjaya. *Free market tiger of the Islamic world* itu yang disebut oleh *Daily Telegraph*. Jadi kita berbangga dengan kejayaan yang dicapai oleh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak maklumkan bahawa PEMUDAH mula ditubuhkan di negeri-negeri juga, negeri pertama ditubuhkan PEMUDAH ialah negeri Selangor iaitu pada 2007 dan hari ini semua negeri ada PEMUDAH dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan wakil daripada swasta. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat PEMUDAH negeri adalah proses pindah milik serta pengambilan tanah, kelulusan lesen oleh majlis perbandaran bagi permohonan pembangunan oleh pemaju, isu kelewatan pembayaran kepada kontraktor, mempercepatkan pelaksanaan projek pembangunan yang telah dirancang dan yang telah diluluskan.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, PEMUDAH telah menubuhkan beberapa kumpulan fokus termasuklah kumpulan fokus proses pelesenan perniagaan. Apa yang dimulakan di peringkat persekutuan telah dilanjutkan di peringkat negeri pada tahun 2012 dan 2013. Negeri pertama yang memulakan inisiatif ini adalah Pahang. Pada masa ini, negeri Pahang telah berjaya untuk mengkompositkan lesen perniagaan daripada 209 lesen kepada cuma 50 lesen.

Metodologi yang sama telah digunakan di Negeri Sembilan dan Melaka. Umpamanya di Negeri Sembilan, dahulunya 197 lesen, sekarang ini hanya 35 lesen. Ini antara kejayaan-kejayaan yang telah dibuat oleh PEMUDAH.

Satu lagi kejayaan ialah penubuhan OSC ataupun *One Stop Centre*, pusat setempat, semua negeri telah pun ada pusat setempat. Dengan adanya pusat setempat ini telah berjaya untuk memperbaiki lagi tahap kecekapan perkhidmatan awam. Pada hari ini kita ada lebih 100 pusat setempat seluruh negara, yang paling banyak pusat setempat OSC ialah negeri Selangor.

Hasil daripada penubuhan pusat setempat ini kedudukan Malaysia di dunia dalam meluluskan permit pembinaan telah melonjak daripada 96 naik kepada 43. Ini ada kaitan dengan pengurangan prosedur untuk mendapatkan permit pembinaan daripada 37 kepada hanya 15 sahaja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, jelas kepada kita bahawa hasil penubuhan PEMUDAH amat ketara. Ia telah meningkatkan daya kecekapan negara. Pencapaian ini harus kita teruskan, kita tidak boleh alpa di peringkat pusat mahupun di peringkat negeri. Maka kita berharap Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri akan bekerjasama untuk memastikan bahawa kita akan terus bukan setakat dapat mempertahankan kedudukan kita pada kedudukan nombor enam dalam dunia daripada 189 buah negara, tetapi kalau boleh kita hendak meningkatkan lagi pencapaian di masa akan datang. Terima kasih.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Terima kasih di atas jawapan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Alor Gajah.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: ...Soalan tambahan saya. Adakah semua kerajaan negeri memberikan kerjasama dalam meningkatkan kecekapan terutamanya usaha mengatasi masalah birokrasi dalam kerajaan tempatan dan juga isu pengurusan tanah negeri. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi PEMUDAH ditubuhkan pada tahun 2007 dan pada tahun yang sama negeri Selangor telah menubuhkan PEMUDAH dan pada hari ini semua negeri sudah menubuhkan PEMUDAH. Kita mendapati bahawa semua kerajaan negeri berminat, menunjukkan komitmen yang tinggi untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan ataupun pencapaian perkhidmatan awam. Inilah satu perkara yang amat penting untuk memastikan rakyat berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan.

Selain daripada itu, kita juga berhasrat untuk meningkatkan dan menambah baik lagi persekitaran perniagaan untuk memastikan bahawa pelabur-pelabur dalam negara dan juga pelabur-pelabur luar negara akan dapat menikmati perkhidmatan yang terbaik daripada kerajaan pusat dan negeri. Kita memang mengakui bahawa birokrasi masih ada, itu sebabnya saya katakan tadi bahawa kita tidak boleh alpa walaupun pencapaian kita nombor enam daripada 189 buah negara. Kita tidak berpuas hati dan saya harap kita akan terus meningkatkan kecekapan dengan mengurangkan birokrasi di peringkat pusat mahupun di peringkat kerajaan tempatan.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada kebetulan bercakap dengan beberapa pelabur di Kedah dan juga beberapa pihak yang berhasrat untuk mengusahakan apa yang dianjurkan...'SAEDA'... *sustainable energy* dengan izin. Masalah yang terbesar ialah isu-isu tanah. Jadi yang saya hendak persoalkan ialah sama ada isu tanah ini ada dibuat kajian khas dari aspek memudahkan perniagaan dan apakah langkah-langkah yang diambil dan adakah ada hasrat kerajaan untuk membuat reformasi dan undang-undang serta peraturan tanah negara untuk memudahkan perniagaan dan lain-lain lagi. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tanah adalah pra syarat yang terpenting untuk hendak memulakan perniagaan sama ada untuk pelabur asing ataupun dalam

negara untuk pembinaan rumah, bangunan, komersial dan lain-lain. Oleh itu, ini merupakan salah satu tumpuan utama yang diberikan oleh PEMUDAH. Banyak tindakan telah diambil. Saya antara lain hendak memaklumkan bahawa umpamanya sebagai contoh Ketua Pengarah Pejabat Tanah dan Galian (KPTG), telah mengeluarkan satu pekeliling yang bertajuk Penyeragaman Prosedur Perumahan Semakan Buku Daftar Strata bagi mengemas kini daftar strata. Ini antara pekeliling yang dikeluarkan.

Apa yang telah dilakukan ialah untuk menyeragamkan kaedah-kaedah dan prosedur serta untuk mengurangkan kerenah birokrasi. Dahulu prosedurnya berbeza antara majlis tempatan, antara negeri ada perbezaannya. Dengan keluarnya *circular-circular*, pekeliling oleh Ketua Pengarah pejabat Tanah dan Galian ini, yang pertama kaedahnya sama. Jika pelabur di Kedah, pelabur di Kelantan dan lain-lain negeri kita berharap prosedurnya sama. Jika mengikut surat pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Pejabat Tanah dan Galian.

Keduanya, kita mahu supaya disegerakan pertimbangan ke atas segala permohonan. Jadi kita mengakui bahawa masih ada lagi kelewatan tetapi dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh PEMUDAH. Jelasnya sejak tahun 2007 banyak kejayaan telah dicapai. Maknanya tanpa PEMUDAH mungkin beberapa kerenah ini, prosedur ini masih lagi diamalkan dan ini akan membantu pelabur asing dan pelabur dalam negara. Kita cukup yakin bahawa Malaysia akan terus mencatatkan kejayaan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam termasuklah pentadbiran tanah di seluruh negara.

[Soalan No. 8 - Tuan Nga Kor Ming (Taiping) tidak hadir]

9. **Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Kewangan menyatakan setakat manakah komitmen kerajaan terhadap pelaksanaan perbankan Islam di negara ini dan nyatakan langkah kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam di peringkat global.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat. Sokongan daripada kerajaan memainkan peranan yang penting bagi menjadikan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam di peringkat global. Sokongan ini dizahirkan dalam Program Transformasi Ekonomi yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 2010 di mana kerajaan telah mengenal pasti kewangan Islam sebagai salah satu sektor penting yang akan menyumbang kepada tambahan pendapatan negara kasar sebanyak RM7.2 bilion dan hampir 12,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Kedua, menetapkan sasaran peningkatan bahagian pasaran pembiayaan Islam daripada 29% pada tahun 2010 kepada 40% pada tahun 2020. Ketiga, menyasarkan sekurang-kurangnya satu institusi kewangan Islam tempatan untuk menjadi antara 10 institusi kewangan Islam yang terbaik di dunia dari segi aset pada tahun 2020.

Pembangunan industri kewangan Islam juga adalah sebahagian daripada projek-projek permulaan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu projek permulaan di bawah

NKEA Pendidikan - EPP 7 yang menyasarkan Malaysia sebagai hab pendidikan kewangan Islam di peringkat antarabangsa. Usaha-usaha sedang dijalankan di bawah EPP 7 termasuk penyeragaman standard kurikulum untuk pendidikan kewangan dan perniagaan Islam di peringkat universiti, penubuhan badan profesional untuk tenaga kerja profesional kewangan Islam dan penubuhan badan akreditasi antarabangsa yang memberikan akreditasi kepada industri perkhidmatan kewangan tempatan dan global. Projek permulaan di bawah NKEA perkhidmatan kewangan adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam yang unggul.

■1120

Antara usaha-usaha yang dicadangkan;

- (i) memandu ke arah pertumpuan global dan pengiktirafan bersama standard;
- (ii) menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan bagi kajian kewangan Islam pembangunan dan pendidikan;
- (iii) mengembangkan perbankan Islam kepada pasaran keutamaan;
- (iv) mengambil bahagian secara aktif dalam meningkatkan pengurusan kecairan global Islam; dan
- (v) membangunkan pengurusan dana Islam.

Bagi menggalakkan penumbuhan yang mampan, kerajaan juga telah menawarkan pelbagai insentif termasuk pengecualian cukai bagi sektor perbankan Islam seperti potongan cukai sehingga RM2,015 ke atas perbelanjaan yang ditanggung dalam penerbitan sekuriti Islam berdasarkan *ijarah*, *istisna mudarabah*, *musyarakah* dan lain-lain sekuriti Islam yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA). Kerajaan juga memberikan sokongan yang padu dalam menyediakan persekitaran perundangan dan peraturan yang kondusif bagi memastikan pembangunan yang teratur dan terancang. Ini dapat dilihat melalui pelaksanaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi. Soalan tambahan saya, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah memperkenalkan pasaran kewangan Islam Malaysia dengan entiti jenama ikon iaitu "Malaysia: Pasaran Kewangan Islam Dunia".

Soalan tambahan saya, sejauh manakah *platform* kewangan Islam yang luas di Malaysia telah dimanfaatkan oleh peserta dan peneraju pasaran sejagat dalam bidang perbankan *sukuk*, ekuiti dan pembangunan tenaga mahir dan khidmat bantuan profesional dan penerbitan perbankan Islam dalam pembiayaan Projek Teknologi Hijau di negara ini masih rendah berbanding dengan perbankan komersial. Apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan pembiayaan dari perbankan Islam untuk projek Teknologi Hijau di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau sejajar dengan tuntutan Islam bagi pemeliharaan alam sekitar. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat. Antara perkara-perkara yang akan kita laksanakan ialah memberikan suatu institusi yang baru yang bernama

Malaysia International Islamic Financial Centre atau MIFC. Inisiatif MIFC ini meliputi rangkaian komuniti yang terdiri daripada pengawal selia sektor kewangan yang melibatkan Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, Bursa Malaysia dan kementerian-kementerian dan agensi yang terlibat.

Pertanyaan mengenai sukuk pula- sehingga Jun 2013, *sukuk* ataupun *Islamic bon* ini di pasaran adalah bernilai USD164 bilion ataupun RM492.1 bilion mewakili 49.3% daripada nilai pasaran bon di Malaysia. Bagi sekuriti hutang swasta sukuk mewakili 66% dan di peringkat market *share* di dunia sukuk adalah nombor satu yang dikeluarkan di negara kita ini 68% daripada pasaran dunia ataupun 2/3 daripada nisbah pasaran ataupun *market share* di dunia itu mengenai *sukuk*. Mengenai Skim Pembiayaan Teknologi Hijau ini kita akan jawab secara bertulis kemudian.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Juga ada soalan tentang *Islamic banking* kerana saya ingat saya pernah baca beberapa artikel dalam majalah *Fortune* misalannya yang mempersoalkan praktis *Islamic banking* di Malaysia. Ada beberapa produk yang kita pasarkan dan dipersoalkan oleh ulama-ulama dari *Middle East* terutamanya. Saya tidak melihat sebarang jawapan daripada pihak kita di Malaysia dalam majalah tersebut. Jadi saya ingin bertanya sama ada, kita sedar tentang sesetengah produk kita dipersoalkan di peringkat antarabangsa oleh sesetengah sarjana-sarjana Islam dan apakah langkah yang perlu dilakukan untuk menjelaskan isu itu? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Kita mempunyai penasihat syariah tentang perbankan Islam ini dan semua bank konvensional yang ada *window Islamic banking* juga mempunyai penasihat syariah dan mereka akan memastikan segala tatacara yang berkaitan dengan syariah ini dipatuhi. Sebagaimana yang kita sedia maklum, perbankan konvensional dan perbankan Islam ini amat jelas. Antaranya konvensional ini berasaskan riba. Perbankan Islam elemen riba ini tidak dibenarkan sama sekali. Pengurusan risiko, perbankan Islam menghapuskan risiko bagi bank tetapi perbankan Islam ini bank menanggung risiko dengan terlibat dalam transaksi. Memaksimumkan keuntungan, bank konvensional ini tiada batas, tetapi perbankan Islam ini ada batas dan syariah.

Dari segi penalti misalnya, bank konvensional boleh mengenakan wang tambahan penalti dan *compounded interest* kepada pelanggan yang mungkir. Akan tetapi perbankan Islam pengenaan dikenakan dalam bentuk *tawi* ataupun ganti rugi ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah. Di Bank Negara juga kita ada Majlis Penasihat Syariah tentang segala sistem kewangan Islam dan kita akan memastikan bahawa perkara ini adalah selaras walaupun di peringkat antarabangsa ada komen-komen yang tertentu sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi.

[Soalan No.10 – YB. Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu) tidak hadir]

[Soalan No.11 – YB. Datuk Seri Reezal Merican (Kepala Batas) tidak hadir]

12. Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta Perdana Menteri menyatakan, rancangan dan tindakan-tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk menghapuskan rasuah dan mengapa kerajaan tidak memberi kuasa pendakwaan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai membuktikan keseriusan pihak kerajaan dalam usaha membanteras rasuah di negara ini, kepimpinan negara telah meletakkan agenda pembanteras rasuah seperti salah satu daripada bidang keberhasilan utama negara (NKRA) di dalam program transformasi kerajaan. Di antara usaha-usaha dan tindakan bagi menjayakan program ini adalah:

- (i) meraih semula keyakinan terhadap agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan;
- (ii) mengurangkan ketirisan dana dalam perolehan kerajaan; dan
- (iii) menangani perbuatan rasuah.

Bagi meningkatkan ketelusan dan mewujudkan persekitaran sektor awam yang bersih dari perlakuan rasuah ini, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif. Antaranya usaha-usaha ditumpukan untuk meningkatkan ketelusan dalam urusan perolehan kerajaan dengan memperkenalkan *integriti pack* dan mendedahkan butiran perolehan kerajaan seperti iklan dan keputusan tender melalui portal *MyProcurement* dan *MyPartnership*. Selain itu kerajaan amat serius dalam meningkatkan imej dan mengurangkan persepsi perlakuan rasuah agensi penguat kuasa dan semua agensi kerajaan dengan memperkenalkan inisiatif unit pematuhan yakni *compliance unit* di setiap agensi penguat kuasa dan agensi-agensi kerajaan lain. Segala urusan akan sentiasa dipantau dan diselaraskan oleh unit ini yang bertujuan untuk memastikan semua prosedur dipatuhi dan kerenah birokrasi yang melambatkan urusan dapat diperbaiki seterusnya integriti sektor awam dapat dipertingkatkan. Dengan memperkenalkan inisiatif-inisiatif ini, ia akan dapat menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah. Sebahagian impak atau keberkesanan inisiatif ini akan dapat dicapai dalam masa yang singkat dan sebahagiannya pula mengambil masa yang panjang kerana ia berbentuk pencegahan dan bukannya operasi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kuasa pendakwaan kepada SPRM adalah dimaklumkan bahawa pihak kerajaan tidak bercadang untuk memberikan kuasa tersebut kepada mana-mana agensi penguatkuasaan termasuk SPRM. Ini adalah kerana cadangan tersebut melibatkan pindaan kepada Perkara 145(3), Perlembagaan Persekutuan. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, yang mana prinsip pengasingan kuasa adalah menjadi tunjangnya, maka adalah menjadi amalan yang diterima sebagai terbaik ialah apabila pihak yang membuat siasatan tidak memutuskan hasil siasatan sendiri. Kesannya akan wujud keadaan di mana keputusan untuk mendakwa dibuat tanpa siasatan dilengkapkan ataupun timbul unsur penganiayaan bila mana keputusan pihak siasatan tidak disemak oleh pihak berasingan. Telah menjadi amalan setiap negara di dunia ini bahawa keputusan untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding terhadap satu kesalahan dibuat oleh pendakwa raya.

■1130

Tanpa kuasa pendakwaan, SPRM dapat menjadi lebih telus dan profesional dalam menjalankan siasatannya kerana dapat melaksanakan tugas tanpa mengambil kira unsur-unsur lain yang boleh mengganggu fokus. Di samping itu, di bawah seksyen 376(3a) Kanun Prosedur Jenayah telah memperuntukkan bahawa orang yang layak dan sesuai sahaja dilantik sebagai pendakwa raya. Terima kasih.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah cara MACC atau pun SPRM membuat siasatan berkenaan dengan apa yang sudah *diexposed*, dengan izin, dalam *Auditor General Report* yang diberikan kepada kita baru-baru ini? Kita dengar dan baca bahawa, banyak penyelewengan atau pun *excessive expenditure*, dengan izin, di jabatan-jabatan yang tertentu. Dari itu *I think* MACC atau pun SPRM, sepatutnya meng*expose*kan di mana sudah tahap *investigation* mereka setakat ini. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Seperti yang telah pun diumumkan, sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada SPRM telah pun diwujudkan untuk meneliti kesemua laporan yang telah pun dinyatakan dalam *Auditor General Report* yang dikeluarkan. Walau bagaimanapun, suka saya nyatakan di peringkat awal ini, tidak semua perkara yang dinyatakan itu ada melibatkan unsur rasuah. Saya percaya dalam masa terdekat akan diumumkan beberapa daripada perkara yang telah dilaporkan di dalam *report* atau pun laporan tersebut yang mana disiasat oleh pihak SPRM, dan juga perkara itu akan dikemukakan kepada satu lagi jawatankuasa penilaian untuk kita melakukan pendakwaan, jika didapati ada bukti-bukti yang kukuh.

Saya tidak dapat memberikan jumlah kes yang disiasat di dalam laporan tersebut, cuma saya dapat menyatakan bahawa memang telah diberikan arahan, dan tidak semua yang dinyatakan itu tergolong dalam kes-kes salah laku rasuah. Namun begitu saya percaya, ini adalah satu perkara yang baru dalam usaha kita untuk meningkatkan integriti dan juga kecekapan kakitangan awam dan juga mengambil tindakan kepada laporan yang telah dikemukakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Setakat itulah Ahli-ahli Yang Berhormat Sesi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.32 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 7 November 2013”.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2014**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh enam bilion empat ratus sembilan puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh sembilan ribu ringgit (RM46,499,999,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2014, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2014, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2013, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut. **[31 Oktober 2013]**”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

11.34 pg.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk berbahas tentang Bajet 2014. Saya gembira menjadi *speaker* nombor satu pada hari ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pekan kerana telah berjaya membentangkan bajet kelima beliau. Bajet ini saya kira satu bajet ikat perut yang terpaksa dilaksanakan kerana kerajaan telah gagal untuk mentadbir, menyebabkan hutang negara melambung tinggi dan menyebabkan rasuah berleluasa. Kata Ketua Audit Negara pada tahun 2009, jika segala-gala penyelewengan ini dikoskan, maka negara rugi kira-kira RM28 bilion setahun, dan bajet ini juga merupakan bajet pertama selepas PRU13. Jadi saya kira kerajaan mengambil kesempatan ini untuk memperkenalkan beberapa dasar yang bakal membawa beban baru kepada rakyat kerana mungkin kerajaan tidak perlu kluatir untuk hilang undi buat seketika.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa topik yang paling *hot* dalam Bajet 2014 ini ialah GST. Dalam bab ini saya ingin mengatakan- dengar baik-baik kawan-kawan di sebelah sana, saya ingin mengatakan bahawa saya sokong pelaksanaan GST tetapi ada syarat.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya sokong dengan syarat kita tangguhkan GST sehingga memenuhi lima kondisi atau pun lima syarat berikut:

- (i) gaji minimum secara keseluruhannya mestilah terlaksana di seluruh Malaysia;
- (ii) sekurang-kurangnya 50 peratus populasi pekerja dapat membayar cukai pendapatan atau pun *income tax*. Kini hanya 14%, dan sekurang-kurangnya 50% syarikat swasta membayar cukai pendapatan korporat. Kini hanya 21%;
- (iii) kerajaan mesti mengurangkan perbelanjaan mengurus Kerajaan Pusat sehingga mencapai nisbah 60:40 kepada perbelanjaan pembangunan. Kini nisbahnya 80:20;
- (iv) pemulihan semula atau pun dengan izin, *the recovery of* RM28 bilion setahun daripada rasuah dan kepincangan seperti yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara; dan
- (v) pungutan GST ini mestilah dikongsi bersama-sama dengan kerajaan negeri dan kerajaan tempatan dengan kadar 50:50 supaya kerajaan negeri dan kerajaan tempatan boleh menggunakan dana ini untuk membangunkan negeri masing-masing...

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Mohon mencelah.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Bukit Bendera, kawan saya.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Sedarkah Yang Berhormat bahawa pelaksanaan GST di negara-negara persekutuan yang lain, sebagai contoh Australia, berlaku di mana hasil kutipan GST ini setelah dipungut oleh Kerajaan Pusat, kemudian akan diagihkan kepada negeri-negeri dan wilayah-wilayah di dalam negara tersebut mengikut formula yang tertentu? Tujuan pengagihan ini adalah supaya kerajaan, kerajaan negeri dan wilayah mempunyai kapasiti fiskal untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat mereka. Akan tetapi malangnya di Malaysia nampaknya tidak ada kesanggupan dari pihak Kerajaan Pusat untuk mengagihkan semula kutipan GST atau pun kutipan cukai mahu pun GST atau pun cukai pendapatan.

Ini telah mengakibatkan kerajaan negeri-negeri seperti Selangor dan Pulau Pinang yang walaupun menyumbang berbilion-bilion ringgit dari segi pendapatan cukai, tidak mendapat apa-apa kembali. Adakah ini adil Yang Berhormat?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Memang betul tidak adil. Justeru saya menyeru supaya pungutan hasil GST ini mestilah dikongsi bersama-sama dengan kerajaan negeri. Saya hendak masukkan ucapan Yang Berhormat Bukit Bendera ke dalam ucapan saya, sebab amat bernas sekali. Jika kelima-lima syarat ini sudah dipenuhi dan sudah dicapai, maka saya akan sokong sepenuhnya pelaksanaan GST oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kini saya hendak sentuh sedikit tentang Polis Diraja Malaysia atau pun PDRM. Sebelum ini kerajaan telah berkali-kali enggan memberikan angka pegawai polis dalam cawangan khas atau *special branch* atau SB. Pada bulan Julai yang lalu, berdasarkan maklum balas oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dalam Dewan ini saya telah membuat satu unjuran bahawa kini kita mempunyai SB seramai 7,642 orang, tetapi nampaknya saya salah. Berdasarkan Laporan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan, saya mendapati bahawa jumlah SB sebenarnya lebih tinggi lagi iaitu kira-kira 8,200 orang, dan telah diperuntukkan sebanyak RM394 juta pada tahun 2014.

Operasi SB memakan belanja 5.7% belanjawan keseluruhan PDRM, dan ini dibandingkan dengan Jabatan Siasatan Jenayah yang memakan belanja 7.7% dari belanjawan tersebut. Dari segi tenaga kerja pula, kekuatan SB ialah 6.3% daripada keseluruhan kekuatan PDRM berbanding Jabatan Siasatan Jenayah sebanyak 8.8%. Ini bermakna kekuatan unit risikan SB yang sering digunakan untuk risikan politik adalah hampir sama kuat dengan kekuatan Jabatan Siasatan Jenayah dalam PDRM.

■1140

Dari segi prestasi pula, prestasi SB nampaknya amat cemerlang. Pada tahun 2012, SB berjaya menghasilkan lebih 380,000 laporan risikan termasuklah saya percaya risikan politik terutamanya terhadap ahli politik pembangkang. Ini bermakna 1,000 laporan risikan setiap hari. Jabatan Siasatan Jenayah pula hanya berjaya menyelesaikan kira-kira 60,000 kes jenayah indeks yang dibuka fail. Dalam kata lain, Jabatan Siasatan Jenayah hanya berjaya menyelesaikan kira-

kira 15% daripada kes jenayah yang disiasat. Alangkah baiknya jika kekuatan SB dan kecemerlangan SB ini boleh digunakan juga untuk melawan jenayah.

Soalannya, mengapa Yang Amat Berhormat Pekan perlu begitu ramai SB sedangkan di bawah pentadbiran mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi bilangan SB telah berkurangan sehingga lebih kurang 5,000 orang pada tahun 2008. Malah di pertengahan zaman darurat pada 1954, Unit SB yang memangnya ditubuh khas untuk operasi risikan darurat hanya mempunyai 459 anggota ataupun kira-kira 2% kekuatan polis pada masa itu untuk kerja-kerja darurat. Jadi, adakah keadaan di Malaysia pada hari ini di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan lebih teruk lagi daripada zaman darurat?

Dalam ucapan Bajet 2014 Perdana Menteri mengumumkan ada peruntukan sejumlah RM8.8 bilion kepada PDRM dengan objektif mengurangkan jenayah. Peruntukan ini akan digunakan antara lain untuk membina, menaik taraf ibu pejabat polis, membina balai polis, kuarters kakitangan serta membeli pelbagai peralatan seperti senjata api dan motosikal. Namun semua ini saya kira tidak bermakna jika kerajaan masih enggan melaksanakan pembaharuan yang telah lama disarankan oleh Pakatan Rakyat dan bukan sahaja oleh Pakatan Rakyat, malah oleh Laporan Suruhanjaya Polis Tun Zaidin 2005.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, ada gangguan sedikit di sebelah sana. Minta...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Sila, masa Yang Berhormat ya.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Kerajaan nampaknya lebih rela untuk meluluskan beberapa undang-undang anti demokrasi dan anti hak asasi manusia daripada melaksanakan pembaharuan yang disarankan oleh laporan Tun Dzaidin 2005. Jika tanpa pembaharuan, kalau beli senjata api saya takut nanti jatuh lagi ke dalam laut atau ke dalam tandas, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kini saya hendak sentuh sedikit tentang anak muda. Saya pernah di Dewan yang mulia ini mengatakan bahawa anak muda di Malaysia kini menghadapi *trilemma* ataupun tiga masalah besar. Satu, kadar pengangguran anak muda yang tinggi. Keduanya, fenomena *under employment* yang serius. Ketiga, kadar *brain drain* yang tinggi terutamanya di kalangan siswazah dan *trilemma* ini bertambah serius lagi dengan masalah hutang yang teruk di kalangan anak muda.

Jadi bagi saya, Bajet 2014 ini bagi anak muda tiada apa-apa berita yang baik. Bajet ini bagaikan lagu lama. Dia ulang terutamanya bab-bab latihan semula. *Re-skilling*, latihan semula. *Up-skilling*, latihan semula. Semua ini pun telah pun dilaksanakan sebelum ini. Jika program-program ini begitu berkesan maka tidak wujudlah keadaan *trilemma* yang saya nyatakan tadi. Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 83% anak muda berumur 30 tahun ke bawah mempunyai pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Maka mereka ini tidak perlu membayar cukai pendapatan sebelum ini.

Justeru, pengumuman Perdana Menteri, perluasan pengurangan cukai di mana mereka yang bergaji RM4,000 ke bawah tidak perlu membayar cukai langsung tidak membawa apa-apa manfaat baru kepada majoriti anak muda di negara ini. Tambahan pula, melalui GST, anak muda majoriti mereka yang dulunya tidak perlu bayar cukai pendapatan, kini bakal dibebankan dengan cukai baru.

Dalam aspek sukan, Yang Amat Berhormat mengumumkan RM239 juta untuk kecemerlangan sukan terutamanya dalam baik pulih kompleks sukan, gelanggang sukan dan untuk mengenal pasti bakat-bakat sukan daripada bangku sekolah rendah lagi. Semua ini ayat yang baik. Perancangan yang baik tetapi masalahnya ialah pelaksanaan. Kata hendak naik taraf kemudahan sukan, kata hendak cungkil bakat tetapi jika ada sekolah yang masih tidak ada padang, apa hendak buat? Dulu katanya satu murid, satu sukan tetapi padang sekolah yang begitu asas pun tidak ada. Macam mana hendak bersukan?

Di kawasan saya ada sekurang-kurangnya lima buah sekolah yang masih tidak ada padang. SRJK(T) Kampung Baru, SRJK(T) Ladang Alma, SRJK(C) Beng Teik, SRJK(C) Keow Kuang dan sebuah lagi sekolah kebangsaan yang sudah berumur 100 tahun, SK Machang Bubok. Semua ini tidak ada padang. Ada Ahli-ahli di sebelah sana yang mengatakan bahawa tidak ada padang tidak apa, pun boleh bersukan. Mungkin di kawasan mereka tidak apa tetapi bagi kawasan saya, saya hendak anak-anak muda di kawasan saya mempunyai satu suasana pembelajaran yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, kini saya hendak sentuh sedikit tentang wanita. Walaupun kita Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mempunyai bajet yang lebih tinggi berbanding tahun lepas, namun saya rasa kerajaan telah gagal untuk menangani satu isu pokok iaitu membanteras budaya diskriminasi terutamanya diskriminasi gender. Saya hendak bagi contoh. Ramai yang kata bahawa wanita tidak hendak kerja sebab lepas kahwin hendak jaga suami, hendak jaga anak, hendak jaga rumah tetapi daripada 155,600 orang wanita yang menganggur pada hari ini, lebih 86% daripada mereka tidak berkahwin, bukan janda dan bukan duda.

Ini bermakna majoriti orang perempuan ataupun wanita yang tidak bekerja dan tidak berada dalam pasaran kerja pada hari ini bukanlah kerana sebab berkahwin. Ada faktor lain termasuklah ketidakadilan dalam perbezaan gaji antara pekerja lelaki dan wanita, kekurangan peluang terutamanya dalam kenaikan pangkat dan suasana kerja yang tidak elok. Dalam kata lain, wujud keadaan diskriminasi gender di tempat kerja. Bagi mengatasi masalah diskriminasi dan memastikan pengagihan sumber secara adil kepada lelaki dan wanita, Kerajaan Pusat sendiri pada tahun 2003 telah melaksanakan satu projek perintis *Gender Responsive Budgeting* (GRB) yang diketuai oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama UNDP.

Antara objektif GRB dan saya hendak petik dengan izin kata-kata mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa. Saya difahamkan masa telah ditentukan kepada 10 minit.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: 15 minit

Tuan Yang di-Pertua: 15 atau 10 minit.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua: 15 minit, okey sila. Ada lagi 3 minit Yang Berhormat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *To narrow existing disparities and to reorient public expenditure to reflect the concern of all its citizen, men and women.* Sudah sepuluh tahun GRB masih belum terlaksana dan kini Perdana Menteri pula kata hendak buat *Outcome Based Budgetting (OBB)*. Ini tidak apa tetapi apa pula jadinya dengan GRB dan pengupayaan wanita? Fokus kementerian patutlah pada kepada pengupayaan wanita, kepada pengagihan sumber kerajaan secara keseluruhannya, secara adil seperti yang dituntut dalam GRB dan bukan hanya memberi *handouts* kepada wanita. Dengan kata lain, dengan izin, *what women want is justice, not just charity.*

Bajet 2014 ini juga tiada berita baik untuk ibu-ibu dan wanita yang memilih untuk menjadi suri rumah tangga. Mereka tidak ada pengiktirafan, tiada insentif dan tiada keselamatan sosial. Di sini saya hendak minta, bukan saja minta, saya hendak merayu kepada Yang Amat Berhormat Pekan supaya tiru sajalah belanjawan Pakatan Rakyat untuk menyediakan caruman sosial wanita RM600 setahun kepada golongan suri rumah supaya mereka ini mempunyai satu jaminan keselamatan sosial terutamanya pada hari tua.

Akhir sekali, saya hendak bincang dua perkara dengan ringkas tentang kawasan saya. Satu, adalah banjir. Saya sokong Bajet 2014 untuk memperuntukkan RM659 juta untuk meneruskan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) tetapi malangnya apabila saya melihat ucapan Perdana Menteri dan anggaran perbelanjaan persekutuan, saya tidak nampak nama Bukit Mertajam dan Pulau Pinang dalam RTB yang disenaraikan. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya hendak tanya kepada Kerajaan Pusat, bilakah kerajaan akan menyelesaikan masalah banjir di kawasan kami? Bilakah kerajaan akan melaksanakan RTB di Sungai Juru, di Sungai Junjung, di Sungai Prai yang telah dijanjikan untuk siap dalam RMKe-9. Kini sudah RMKe-10. Apa sudah jadi dengan projek-projek ini?

Keduanya, adalah tentang bas, pengangkutan awam. Dalam Bajet 2014 ada disebut pengukuhan jaringan pengangkutan awam. Akan tetapi nampaknya fokus bas awam, Komuter KTM dan LRT semuanya berpusat di Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Bagaimana pula dengan bandar-bandar lain di seluruh Malaysia? Di Bukit Mertajam contohnya, perkhidmatan bas Rapid yang dimiliki oleh Kerajaan Pusat tidak komprehensif, tidak mencukupi perkhidmatannya. Basnya pun tidak cukup. Kerajaan Pulau Pinang telah menawarkan RM10 juta kepada GLC Prasarana untuk menyediakan bas percuma terutamanya semasa waktu puncak kepada rakyat Pulau Pinang tetapi itu pun Kerajaan Pusat sudah tolak.

Saya hendak tanya di sini, apakah rancangan Kerajaan Pusat untuk menambah baik pengangkutan awam terutamanya perkhidmatan bas di Bukit Mertajam dan Pulau Pinang? Akhir

sekali bajet ikat perut ini amat jelas sekali bajet yang kurang cerdas kerana bukan saja tidak dapat menyelesaikan masalah rakyat malah bakal membawa beban-beban yang baru.

■1150

Saya hendak menyeru kepada Perdana Menteri supaya menjadi seorang pemimpin yang berani. Beranilah untuk melangkah ke hadapan, beranilah untuk melintasi garisan partisan, beranilah untuk mengambil pedoman daripada cadangan-cadangan Belanjawan Pakatan Rakyat. Jangan takut kalau hendak tiru perkara yang baik. Sekian sahaja ucapan saya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Simpang Renggam.

11.50 pg.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2014 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat pada tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, jadi saya akan terus pada beberapa isu yang ingin saya bawa dalam ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat Dasar Jaminan Makanan Negara yang merupakan fokus oleh kerajaan menerusi bantuan seperti subsidi ke atas barangan-barangan tertentu menerusi bantuan seperti pinjaman mudah dan juga geran.

Dasar Jaminan Makanan Negara adalah amat penting untuk rakyat supaya pengurangan *food import bill* dengan izin, yang terlalu tinggi hasil daripada kebergantungan kita kepada pengimportan makanan daripada luar negara. Perkara ini dilihat masih lagi tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh bagi semua bidang, sektor penghasilan makanan di negara ini. Kita amat bimbang kedudukan simpanan makanan negara hanya tidak sampai dua bulan sekiranya berlaku apa-apa bencana.

Bagi memastikan pelaksanaan ini dijalankan dengan lebih berkesan, saya ingin mencadangkan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian yang lebih berfokus dan terancang oleh kerajaan. Contohnya, penghasilan sayur-sayuran. Kita hairan kenapa sayur-sayuran seperti kubis, cili dan juga kelapa dan sebagainya masih diimport dari negara jiran, sedangkan masih banyak lagi tanah belum diusahakan bagi tujuan penanaman sayur-sayuran untuk tujuan bekalan domestik atau pun eksport ke luar negara.

Saya telah mengadakan dialog bersama dengan Persatuan Pekebun Sayur-sayuran. Masalah yang dihadapi oleh mereka pertamanya adalah isu tanah. Saya faham bahawa isu tanah ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Akan tetapi Kerajaan Pusat haruslah melihat dengan lebih serius untuk berbincang dengan kerajaan negeri bagi tujuan penghasilan sayur-sayuran. Tanah milik Kerajaan Pusat harus dibuka dengan lebih banyak lagi untuk permohonan pekebun sayur-sayuran.

Saya juga ingin bangkitkan tentang tenaga kerja yang amat kritikal dalam sektor ini. Ini kerana proses yang dibuat sekarang memerlukan jangka masa yang cukup panjang yang melibatkan tiga kementerian sebelum kelulusan tamat diberikan oleh pihak imigresen. Setakat ini, proses ini mengambil selama lapan hingga sembilan bulan. Jadi hasil daripada dasar yang tidak

selaras dan penuh dengan birokrasi yang menyusahkan pengusaha-pengusaha kebun sayur di negara ini, justeru itu saya mahu kuasa untuk mempertimbangkan kelulusan pekerja-pekerja asing ini hanya dibuat oleh KDN sahaja hasil pemantauan bersama antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Sumber Manusia supaya tempoh kelulusan dapat disingkatkan.

Selain itu, untuk memberi galakan kepada pekebun-pekebun sayur-sayuran, saya cadangkan semua cukai harus dihapuskan seperti mana yang diamalkan oleh negara maju seperti di negara Amerika Syarikat, Perancis mahupun negara China. Saya mohonlah kerajaan bantulah pekebun-pekebun sayur-sayuran ini kerana mereka memang mengeluarkan rintihan dan juga keluhan bahawa seolah-olah mereka dipinggirkan dan tidak menerima apa-apa manfaat dalam bajet ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya adalah berkaitan dengan KDN. Saya lihat banyak peruntukan diberikan untuk menaiktarafkan bangunan IPD. Akan tetapi saya ingin menarik perhatian kementerian agar jangan juga melupakan balai-balai polis yang kecil seperti balai polis di Simpang Renggam. Kebelakangan ini kadar jenayah telah pun meningkat dan setiap kali saya berdialog dengan ketua balai polis, antara sebab yang saya dimaklumkan adalah kekurangan anggota polis, kekurangan kereta peronda kerana balai kita adalah diklasifikasikan, atau pun dikategorikan sebagai kelas C.

Saya pernah menerima jawapan secara bertulis daripada kementerian tentang syarat-syarat yang diperlukan untuk menaiktarafkan kelas C ke kelas B. Ia berbunyi sebegini Tuan Yang di-Pertua, "*Untuk makluman, cadangan untuk menaiktarafkan sesebuah kategori balai polis memerlukan penilaian kepada tujuh skor utama iaitu:*

- (i) *kelulusan kawasan pentadbiran Ibu Pejabat Polis;*
- (ii) *jumlah penduduk;*
- (iii) *jumlah keseluruhan laporan polis bagi tempoh tiga tahun;*
- (iv) *jumlah kejadian jenayah indeks dan bukan indeks bagi tempoh tiga tahun;*
- (v) *kes-kes narkotik bagi tempoh tiga tahun;*
- (vi) *kes-kes kemalangan jalan raya bagi tempoh tiga tahun; dan*
- (vii) *kawasan komersial atau pun perniagaan dan IPTA atau pun IPTS serta bangunan 10 tahun hingga 20 tahun.*

Selain daripada skor yang dinyatakan, ia juga bergantung kepada penambahan perjawatan baru yang diluluskan oleh pihak yang berwajib dan kemudahan infrastruktur bagi Ibu Pejabat Polis atau pun balai berkenaan."

Tuan Yang di-Pertua, kalau itulah syarat-syarat yang harus dipenuhi, sampai bila pun balai kita tidak akan dinaiktarafkan. Saya ingin mencadangkan bahawa bukan sahaja IPD dinaiktarafkan, maka balai-balai juga harus dilihat secara serius dan bukannya meletakkan syarat-syarat yang ketat yang menyusahkan. Faktor yang menentukan sama ada balai itu harus dinaiktarafkan, pada saya cuma satu faktor iaitu jumlah penduduk. Ini kerana kalau bilangan

penduduk naik, kemungkinan berlakunya jenayah juga akan meningkat. Saya pohon kementerian memandang perkara ini secara serius demi kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kerana satu jawatankuasa khas mengenai rasuah telah pun ditubuhkan di Parlimen dan terus dianggotai oleh Ahli-ahli Parlimen termasuk daripada Ahli Parlimen pembangkang. Saya ingin menyeru pihak kerajaan, pada masa yang sama mengetatkan juga tindakan terhadap sektor swasta. Ini kerana ada persepsi juga menunjukkan bahawa gejala rasuah yang berlaku di kerajaan adalah salah tetapi di swasta ia cuma merupakan satu *business* dan tidak bersalah. Jadi, kesedaran perlu diberi dan dipertingkatkan kepada orang ramai iaitu sebenarnya kedua-dua ini adalah salah.

Saya juga ingin meminta pihak SPRM, kalau boleh menyiarkan perjalanan penyiasatan. Ini kerana saya lihat program yang sama yang disiarkan di negara Jepun amat berjaya. Bagaimanakah pegawai-pegawai SPRM menyamakan diri sebagai pelanggan dan seterusnya berjaya menangkap *suspect*. Mereka *record* sepanjang perjalanan semasa menjalankan tugas dan menjadikannya sebagai satu dokumentari dan menyiarkan kepada rakyat melalui televisyen. Ini sudah tentunya akan menjadi satu tarikan penonton untuk mengikuti rencana seperti ini dan ia akan memberikan imej yang positif kepada pihak SPRM bahawa selama ini memang SPRM giat berusaha dalam memerangi rasuah.

Di kesempatan ini juga, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian tentang perkara yang ditegur oleh pihak pembangkang bahawa *illicit outflow* yang sejumlah RM176 bilion semuanya adalah duit rasuah, duit rasuah yang disalurkan ke luar negara, *illicit outflow*.

■1200

Pada saya, saya tidak percaya kerana kalau kita kira, kita anggap 10% adalah duit rasuah daripada projek ini. Jadi selama 10 tahun ini, kita perlukan projek sebanyak RM1.76 trilion bagi tempoh 10 tahun dan bagi saya tidak masuk akal. Walaupun Bank Negara telah pun memberikan penjelasan tetapi ia amat teknikal dan bukan senang dapat difahami oleh rakyat. Jadi saya pohon kerajaan memberikan penjelasan dalam *layman's term* dengan izin, supaya dapat difahami oleh rakyat.

Satu lagi mengenai *political fund* atau dana politik. Saya ingin bertanya kepada kerajaan sama ada kita bersedia untuk mewajibkan semua parti politik untuk mengisytiharkan dana politik masing-masing sama ada ia daripada swasta, peribadi ataupun daripada agen korporat di luar negara. Tidak ada masalah selagi kita dapat mengisytiharkan sumber dana politik ini. Saya berharap sekiranya kita mahu sebuah negara yang telus, inilah antara usaha dan langkah yang perlu diambil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet ini juga GST telah menjadi tumpuan perbahasan. Banyak cadangan telah dikemukakan oleh rakan-rakan. Di sini saya ingin penjelasan daripada kementerian tentang beberapa soalan yang dilontarkan kepada saya. Pertama ialah di mana saya juga bertanya kepada Yang Berhormat Labuan pada minggu lepas, ada sesetengah pihak telah pun membuat *calculation* atau pengiraan dan menganggarkan bahawa bagi sebuah keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM2,000, GST yang dikenakan dalam tempoh setahun

dianggarkan lebih kurang RM600. Di samping itu, kerajaan juga beri bantuan sebanyak RM600. Jadi ada orang kata kerajaan beri duit masuk poket kanan, lepas itu keluar poket kiri. Jadi adakah ini betul? Saya pohon penjelasan daripada kerajaan. Apakah definisi mengenai beban? Kalau kita kata ia membebaskan rakyat sedangkan kerajaan juga menjelaskan bahawa kadar inflasi akan meningkat antara 1% hingga 2%?

Ketiga, saya juga mohon kerajaan menjelaskan kenapa kadar GST ini ditetapkan dan dicadangkan pada kadar 4% dan bukannya 6% ataupun 7% yang diuar-uarkan sebelum ini. Saya bersyukur melihat kerajaan meletakkan *threshold* sebanyak RM500 pada kedai yang di bawah *threshold* ini tidak dikenakan cukai GST. Dengan kata lain *supermarket* yang bersaiz besar akan dikenakan GST. Jadi apabila kita pergi ke kedai runcit yang kecil ini, barang yang sama yang dijual di kedai runcit sebenarnya akan lebih murah 6% daripada barang yang sama yg dijual di *supermarket*. Jadi, adakah kerajaan benarkan kedai runcit ini menjual dengan harga yang sama yang dijual di *supermarket*?

Jadi, ramai di kalangan orang awam masih tidak jelas tentang barangan-barangan yang dikecualikan atau dikenakan GST. Jadi saya ingin mencadangkan kalau boleh kementerian menyediakan satu laman web dan mempamerkan semua senarai yang lengkap untuk semakan orang ramai. Saya faham cukai GST adalah sistem yang terbaik dalam penyusunan dan percukaian yang lebih jelas untuk pendapatan negara, tetapi dalam masa yang sama, kerajaan tidak mahu sistem ini menyusahkan dan membebaskan rakyat. Oleh itu, kerajaan sewajarnya dalam tempoh 17 bulan ini menggunakan semua jentera agensi untuk memberikan penerangan mengenai GST kepada orang ramai. Ini termasuk bekerjasama dengan NGO seperti Persatuan Pengguna dan kerajaan perlu menjelaskan kepada rakyat, rasional dan kewajaran pelaksanaan GST dengan secara telus dan mudah difahami.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang teknologi hijau. Kerajaan perlu menggalakkan lagi teknologi hijau dalam negara. Insentif dan perlepasan cukai seharusnya diberikan kepada pihak-pihak yang jerumus dalam sektor ini sama ada dalam pendidikan, pembangunan ataupun pemasaran. Galakan kerajaan yang bercorak perlepasan cukai kepada pembangunan-pembangunan yang memenuhi pengkhususan tenaga cermat dan juga insentif kepada pihak-pihak swasta yang memerlukan teknologi hijau, seharusnya diperkenalkan dalam Bajet 2014. Galakan yang bercorak polisi ini juga akan memberi kesan yang paling efektif dalam usaha mengembangkan teknologi hijau dalam negara. Ia juga amat dialu-alukan oleh golongan pencinta alam dalam mewujudkan sebuah keadaan sosial ekonomi yang kondusif kepada pemeliharaan alam sekitar dan ekonomi lestari.

Usaha pengenalan penggunaan dalam perwujudan LED, kereta *hybrid* dan kereta bateri oleh kerajaan dengan persefahaman dan kerjasama yang tercapai dengan pihak pengusaha automobil dalam negara yang pertama seperti Proton dan Perodua amat dialu-alukan oleh orang ramai. *Petrol station* dalam negara seharusnya dibekalkan dengan LPG dan NGV secara menyeluruh untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif selain daripada kebergantungan terhadap minyak petrol konvensional. Ini merupakan cara penyelesaian jangka

panjang yang dapat membendung beban kenaikan harga minyak yang terpaksa dihadapi oleh rakyat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah yang ingin saya sampaikan dalam ucapan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena.

12.07 tgh.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan peluang kepada saya untuk sama terlibat dalam perbincangan belanjawan negara untuk tahun 2014. Saya mengharapkan belanjawan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan ini, dengan sejumlah wang yang begitu besar dan kita mengharapkan bahawa supaya seluruh jentera kerajaan ini, dapat memanfaatkan peruntukan belanjawan yang telah pun dikemukakan itu untuk memastikan supaya ia benar-benar dapat memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat dan rakyat dalam negara kita dan supaya pihak kerajaan dan seluruh kementerian juga jabatan serta agensi kerajaan, mestilah mempunyai perencanaan dan perancangan yang rapi dalam memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang hendak dibuat untuk kepentingan masyarakat dan rakyat dalam negara kita.

Saya menyebut ini Tuan Yang di-Pertua kerana dilihat bahawa daripada Laporan Ketua Audit Negara saban tahun berlaku ketirisan dan kebocoran yang menyebabkan kita kehilangan wang yang begitu besar dengan jumlah yang berbilion ringgit yang sepatutnya bahawa itulah wang yang boleh menampung perbelanjaan yang lebih besar untuk memberikan manfaat kepada kehidupan rakyat. Saya fikir kalau kita hendak mencari sumber pendapatan baru seperti yang disebut baru-baru ini iaitu melalui GST. Padahal pada saya bahawa walaupun belum ada satu unjuran yang dibuat bahawa berapa penambahan pendapatan yang boleh diperolehi oleh negara kita daripada GST ini tetapi sudah tentulah bahawa kalau kita dapat mengelak daripada ketirisan dan kebocoran berlaku dalam belanjawan kita ini, maka sudah tentu wang yang kita harap boleh ditampung oleh GST itu sebenarnya sudah boleh ditampung oleh penjimatan-penjimatan yang boleh kita lakukan. Jadi sebab itu bagi saya bahawa yang penting ialah bagaimana kita merancang, bagaimana kita merangka program-program pembangunan untuk membantu masyarakat dan rakyat dalam negara kita.

Saya melihat bahawa hari ini macam jentera kerajaan sudah hilang fokus daripada untuk melihat kepada program-program yang boleh memberikan kekuatan kepada membantu masyarakat dan rakyat untuk meringankan beban sara hidup rakyat.

■1210

Saya bawa tunjuk contoh kepada Tuan Yang di-Pertua, apabila jentera kerajaan disalahgunakan untuk kepentingan politik. Kita baru mengakhiri pilihan raya kecil di DUN Sungai Limau. Ini saya katakan bahawa seolah-olahnya sepanjang dua minggu ini Putrajaya dipindahkan ke Sungai Limau. Jadi, saya katakan bahawa ini yang akan mengakibatkan ketirisan dan kebocoran akan terus berlaku. Oleh sebab saya lihat bahawa program-program yang diadakan di

Sungai Limau, saya percaya bahawa ini bukan program-program yang termasuk dalam perencanaan dan perancangan yang telah pun dipelankan.

Sebelum berlaku kekosongan kerusi, tidak ada pula fikir hendak turun buat festival rakyat, buat Mini KCT, hendak buat itu, hendak buat ini. Itu tidak kira lagi ligan itik dalam bendang. Saya katakan bahawa ini penyalahgunaan jentera kerajaan yang kita melihat bahawa dibuat program-program, projek-projek yang dibuat, program-program yang dibuat itu tidak menyentuh soal bagaimana hendak membantu masyarakat dan rakyat setempat dalam hendak membangunkan taraf hidup mereka.

Saya hendak sebut kepada Tuan Yang di-Pertua, Sungai Limau adalah persekitaran sawah padi dan yang pi buat kursus pembinaan yang...

Datuk Mohd. Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Boleh mencelah Yang Berhormat? Ini Batu Pahat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekejap, yang dibuat kursus pembinaan untuk kontraktor ini buat apa? Sawah padi. Saya tidak boleh fikir apa kena-mengena dengan-kalau dibuat kursus untuk bawa traktor, munasabah juga. Kursus bawak traktor hendak bajak sawah.

Tuan Yang di-Pertua: Hijrah Yang Berhormat, hijrah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau hijrah pun biarlah hijrah yang betul. Ini hijrah dia makin merapu.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang kita menyambut bulan Maal Hijrah Yang Berhormat, hijrahlah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oleh sebab itu bagi saya bahawa, saya lihat sampai kepada peringkat buat kursus binaan untuk kontraktor. Saya jumpa bukan kontraktor daripada DUN Sungai Limau tetapi kontraktor daripada Kubang Pasu. Mereka berjumpa saya, "Alah, kami kena pergi, kena hadir kursus ini sebab kalau tidak, hadir nanti tidak boleh sambung lesen". Jadi, saya katakan bahawa ini bukan membantu masyarakat setempat tetapi ini menunjukkan bahawa bagaimana sekadar untuk hendak meramaikan. Akhirnya, menyebabkan ketirisan dan kebocoran akan berlaku sebab faedahnya tidak akan dapat kepada rakyat. Yang Berhormat Batu Pahat.

Datuk Mohd. Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Pokok Sena, Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena, kalau Yang Berhormat Pokok Sena melihat bahawa ini adalah merupakan suatu amalan biasa bagi UMNO Barisan Nasional dalam setiap kali pilihan raya kecil. Bahkan, dalam pilihan raya besar pun, pilihan raya umum. Ia barangkali menepati apa yang disebut dalam *catchword*nya, UMNO dahulu, kini dan selamanya. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional dia tidak ada semangat hendak berhijrah. Sepatutnya berhijrah, tinggallah benda-benda tidak elok itu. Jadi, akhirnya tunggu wakil rakyat mati baru ada projek. Ini bahaya Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf,

kalau Tuan Yang di-Pertua mati tidak ada kerusi kosong dan perlu kepada pilihan raya semula, cuma kita sedihlah kehilangan seorang yang baik.

Akan tetapi saya hendak sebut bahawa bagi saya seolah-olah kerajaan ini dasar pembangunan setempat itu hanya boleh dibuat apabila ada wakil rakyat mati. Jadi, ini saya katakan bahawa kita akan melaksanakan perkara-perkara yang tidak bertepatan berasaskan kepada perencanaan dan program pembangunan yang rapi. Ini kita pergi buat pengumuman. Kadang-kadang hanya bersifat buat pengumuman tetapi tidak menyelesaikan masalah rakyat. Projek-projek pengumuman, RM17 juta yang diumumkan oleh kerajaan. Pengumuman adalah satu projek baru sekarang ini bagi Barisan Nasional.

Jadi, bagi saya bahawa sepatutnya kerajaan kalau dia hendak turun kawasan pilihan raya kecil dia, betul niat hendak bantu rakyat. Okey, di DUN Sungai Limau ialah kawasan petani, okey kita selesai masalah pak tani. Apa masalah pak tani? Apa masalah orang buat bendang? Ini tetapi kalau setakat ligan itik dalam bendang buat apa? Orang Sungai Limau pun tidak ligan itik dalam bendang sekarang ini. Itik duduk dalam kandang, duduk dalam pagar, dia bela tepi rumah dia sahaja. Ini duduk pi ligan dalam bendang hendak buat apa?

Jadi, saya hendak sebut, saya hendak katakan kepada Tuan Yang di-Pertua, bahawa isu yang pertama, sebab itu saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Masalah yang dinanti oleh pak tani sekarang ini ialah hendak minta kenaikan subsidi harga padi. Selama 23 tahun tidak pernah naik subsidi harga padi, 23 tahun. Harga gula daripada tahun 1999 sampai yang baru ini, tujuh kali naik Tuan Yang di-Pertua, tujuh kali naik harga gula. Bagi alasan, harga gula kata hendak mengelak penyakit kencing manis. Pergi Sungai Limau boleh pula harga gula RM1 sekilo. Saya pun tidak boleh fikir, pergi Sungai Limau jual harga gula RM1 sekilo. Apa, hendak suruh depa dapat kencing manis?

Baguslah rezeki orang Sungai Limau tetapi selepas ini gula itu boleh tahan berapa lama? Bukan boleh tahan sampai berkurun-kurun, bukan boleh tahan sampai lima tahun akan datang. Jadi, oleh sebab itu saya katakan bahawa yang kita hendak, yang saya hendak minta kerajaan, khususnya kepada Kementerian Pertanian. Pak tani padi hendak minta apa dia ialah kenaikan subsidi harga padi. Bukan banyak Tuan Yang di-Pertua, macam kenaikan harga gula 34 sen, tiga kupang empat duit tetapi yang kita minta 12 sen. Kenaikan daripada sekarang 25 sen sekilo kepada 37 sekilo, kenaikan berapa? Hanya 12 sen, tak kan kedekut *piang* nak mampus kerajaan macam ini.

Ini yang kita minta, ini yang pak tani minta. Dia bukan minta sampai 34 sen, tidak. Saya hendak katakan bahawa pak tani padi ini punya hati perut tidak seperti mana kerajaan, tidak punya hati perut. Pak tani padi ada hati perut. Gula naik 34 sen, dia minta subsidi padi naik 12 sen, ya ada hati perut. Harga gula naik 34 sen, pak tani minta 12 sen tidak boleh? 23 tahun tunggu, penantian yang penuh mendukacitakan pak tani-pak tani padi.

Jadi, sepatutnya kerajaan kalau ada *vision*, tahu dan faham masalah rakyat, dia pergi ke Sungai Limau, dia mesti selesaikan masalah pak tani. Bukan pergi bagi benih pelam dua pokok. Ini macam politik tahun 1970-an, bagi benih pelam, bagi benih anak ayam. *Allah*, apa punya lekeh

politik macam ini? Jadi, sebab itu saya minta pihak kerajaan bila hendak naik subsidi harga padi? Kita hendak minta ini selaras, mesti dinaikkan. Sudah 23 tahun, takkan nak tunggu 23 tahun akan datang?

Kedua, pak tani minta dinaikkan harga lantai padi. Sekarang, RM750 satu metrik tan harga lantai. Sekarang pak tani hendak minta dinaikkan RM1,150 satu metrik tan. Ini yang diminta sebab sekarang walaupun harga-harga yang dibeli oleh sesetengah kilang, kalau di Kedah, di Perak umpamanya. Dia beli RM1,100, kilang akan berlawan untuk minta pak tani jual padi kepada depa RM1,100. Akan tetapi masih ada di Kelantan, umpamanya di Kelantan kilang-kilang masih lagi membeli tidak berikan tawaran insentif dan masih lagi beli dengan harga RM750.

Oleh sebab itu kita minta kerajaan mesti selaraskan letakkan harga lantai RM1,150. Bermakna bahawa kilang tidak ada alasan untuk hendak beli lebih kurang daripada itu dan dia mesti beli tidak boleh kurang daripada RM1,150. Kalau kilang hendak tawarkan lagi sebagai perlumbaan antara kilang dengan kilang, hendak minta pak tani pi jual padi ke kilang depa, itu rezeki pak tani. Akan tetapi bayangkan kalau RM750 satu tan, gula tiga kupang empat duit.

■ 1220

Ini bagi saya bahawa satu benda yang tidak adil. Sebab itu saya katakan bahawa kerajaan tidak tahu apa masalah rakyat. Dia pergi Sungai Limau, dia tidak tahu apa masalah rakyat. Rakyat di sana kontraktorkah, dok bawa Kubota ataupun traktor. Sepatutnya kerajaan dengan penuh, dengan agensi, jentera kerajaan yang cukup lengkap, dia kena tahu apa masalah rakyat. Saya tidak tahulah kalau Menteri Besar Kedah beliau tidak beri maklumat betul kepada kerajaan. Masalah di sini pak tani. Pak tani padi. Mungkin ini jugalah kelemahan Menteri Besar Kedah. Sekarang habis sunyi. Sungai Limau sunyi. Sudah tidak ada karnival, sudah tidak ada mini RCT, sudah tidak ada Putrajaya. Hilang semua bawa balik Putrajaya yang betul. Senyap, sunyi, sepi. Sudah tidak ada pesta ligan itik. Saya hendak katakan bahawa akhirnya tinggallah pak tani padi di DUN Sungai Limau ini dalam keadaan berhadapan dengan kos sara hidup yang masih tinggi dan masalah yang dihadapi tidak diselesaikan oleh kerajaan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Pokok Sena, Sungai Petani.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oh, Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Pokok Sena. Sedarkah Yang Berhormat Pokok Sena hampir tidak ada tanah yang terbiar dan kosong di Korea di mana tanah-tanah tersebut yang tidak dibangunkan ditanam dengan padi dan lain-lain hasil pertanian kerana kerajaan memberikan subsidi yang cukup banyak. Ini menyebabkan petani-petani di sana berlumba-lumba untuk bercucuk tanam dan tanah tidak terbiar. Apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sungai Petani bahawa itulah galakan kerajaan untuk memastikan supaya pertanian padi ini akan disertai oleh generasi baru atau generasi muda. Sekarang Tuan Yang di-Pertua, pertanian padi ini dia generasi tua sebab orang muda tidak berminat. Bukan pasal '*belemoih*', bukan pasal '*belemoih*' tetapi pasal apa? Hasil pendapatan itu tidak lumayan. Tidak berpatutan

dan tidak berbaloi dengan kos sara hidup yang terpaksa ditanggung oleh kehidupan mereka. Sebab itu saya katakan bahawa kita tidak mahu nanti akhirnya bila tidak ada generasi yang sudah tua ini, akhirnya siapa hendak buat bendang? Siapa hendak buat sawah padi? Akhirnya kita akan membangunkan dengan kilang (*factory*) dan sebagainya. Maka akhirnya kita akan kehilangan dari segi – sebagai satu sumber pemakanan.

Tuan Yang di-Pertua, DUN Sungai Limau ini, saya hendak sebut kepada kerajaan. Kedah jelapang padi. DUN Sungai Limau ialah kawasan yang terbaik dalam negeri Kedah untuk menghasilkan padi. Sumbangan yang amat besar. Tiba-tiba kerajaan pergi langsung tidak menghargai petani-petani padi. Ini bagi saya satu benda yang cukup malang. Tanyalah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Tanyalah MADA. Sungai Limau adalah salah satu daripada kawasan yang terbaik di negeri Jelapang Padi yang menyumbang hasil padi yang sangat baik untuk sumber pemakanan negara. Jadi saya minta supaya kerajaan bukan sahaja untuk pak tani di Sungai Limau tetapi untuk petani-petani di seluruh negara. Minta 12 sen. 12 sen sahaja, kenaikan 12 sen dan juga harga lantai daripada RM750 satu metrik tan kepada RM1,150 satu metrik tan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa. Masa, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sudah cukup masa, Tuan Yang di-Pertua? Berapa masa? Berapa masakah tadi?

Tuan Yang di-Pertua: 15 minit sahaja.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Allah, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya lama tidak datang. Saya tidak tahu kata 15 minit. Baik, baik, baik, baik.

Jadi saya minta supaya pihak kerajaan untuk memastikan perkara ini berlaku. Kita tidak mahu bila pergi itu sekadar hanya untuk berpolitik. Guna jentera kerajaan. Saya balik kepada perkara pokok tadi. Kemudian masih lagi dengan amalan-amalan menyogok wang daripada Perhimpunan Agong UMNO kepada Sungai Limau. Ini budaya yang tidak baik yang dibawa oleh Barisan Nasional daripada pemilihan UMNO baru-baru ini kepada amalan di DUN Sungai Limau. Kalau ikut Yang Berhormat Pulai, untuk hendak menang Naib Presiden, kena RM13 juta. RM13 juta hendak menang Naib Presiden. RM13 juta. Ikut Tun Dr. Mahathir, zaman dia pun bagi RM200 seorang. Ini pasal anak dia bertanding, saya tidak tahulah berapa banyak. Kalau bapa bagi, anak pun mesti bagi. Betul atau tidak? Walaupun tidak menang sebab hendak dapat Naib Presiden.

Jadi saya katakan bahawa janganlah bawa budaya UMNO ini kepada masyarakat kita. Kita hendakkan politik yang berasaskan kepada kebijaksanaan, kekuatan, ketahanan daya fikir dan bukan berasaskan kepada provokasi dan sogokan yang diberikan kepada pengundi-pengundi. Ini tidak baik yang akan melahirkan masyarakat Malaysia ini masyarakat yang boleh dibeli. Sekarang kita berhadapan dengan pengintipan daripada Amerika dan juga Australia. Apa akan jadi selepas ini? Ancaman apabila mereka datang untuk membeli rakyat yang akhirnya membolosi pertahanan negara kita. Membeli tentera kita, membolosi pertahanan. Membeli polis dan membolosi keselamatan negara kita. Ini sangat berbahaya.

Sebab itu saya minta supaya pihak kerajaan menghentikan amalan. Kalau hendak kekal pun, biarlah dalam UMNO. Kekallah amalan-amalan yang tidak sihat ini tetapi jangan bawa keluar daripada Pemilihan UMNO untuk kepentingan rakyat. Akan tetapi saya harap UMNO pun tinggallah cara pemilihan yang tidak baik ini seperti mana yang disebut oleh Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. RM13 juta untuk dapatkan tempat Naib Presiden UMNO, RM1.6 juta untuk dapatkan tempat Ahli Majlis Tertinggi. Saya kira ini perkiraan yang tepat sebab dia Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Tentulah matematik dia hebat. Kalau tidak, tidak gunalah lantik jadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Ini bagi saya bahawa satu yang harus diberi perhatian oleh kerajaan.

Kemudian akhir saya hendak sebut, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua sudah beritahu dekat saya. Ini betul-betul akhir, Tuan Yang di-Pertua. Yang lain-lain itu insya-Allah saya akan sebut pada peringkat Jawatankuasa. Saya hendak minta pihak kerajaan khususnya pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk berikan penjelasan atas perkiraan apakah pemilihan kontraktor untuk membina pembangunan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari di Kampung Tertak Batu, Marang, Terengganu. Atas perkiraan apa? Kebolehan atau pengalaman apa sebab saya lihat bahawa harga yang ditawarkan ini RM35 juta. RM35 juta. Ini bagi saya bahawa sesuatu yang tidak munasabah sebab ada tawaran-tawaran yang lebih rendah daripada itu. Buat open tender. Ini satu benda yang baik tetapi bila buat open tender, kita pilih harga yang tidak sepatutnya, inilah yang akan menyebabkan ketirisan dan kebocoran berlaku.

Saya hendak minta supaya SPRM membuat satu penyiasatan yang rapi. Kenapa dan bagaimana seperti mana yang telah pun diumumkan iaitu pada 23 September 2013 baru-baru ini iaitu kerajaan mengumumkan syarikat AJ-Corp Sdn. Bhd. mendapat tender projek yang saya sebutkan tadi sebanyak RM35 juta sedangkan sepatutnya diberikan kepada syarikat-syarikat yang menawarkan antara lainnya antaranya RM24 juta dan RM25 juta sahaja. Perkiraan ini saya sudah buat dengan beberapa rakan di peringkat teknikal dan juga kawan-kawan yang tahu tentang harga ini. Maknanya ada syarikat yang menawarkan antara RM24 juta hingga RM25 juta. Sepatutnya inilah yang diberikan kepada syarikat-syarikat tersebut. Tiba-tiba, ada syarikat yang diberikan iaitu syarikat yang menawarkan harga pada RM35 juta.

Kalau tidak diberikan kepada RM24 juta ataupun RM25 juta pun, kenapa tidak diberikan kepada RM26 juta ataupun RM32 juta? Kenapa diberikan kepada syarikat yang menawarkan pada harga RM35 juta? Saya anggap bahawa ini satu yang tidak sepatutnya. Saya minta penjelasan daripada pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Atas alasan apa dipilih dengan harga yang sedemikian rupa dan saya minta SPRM untuk turut terlibat untuk menyiasat kes yang seperti ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiawangsa.

12.29 tgh.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam berbahas Rang Undang-undang Perbekalan 2014.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali bajet negara dibentangkan, akan terdapat pelbagai reaksi sama ada positif ataupun negatif dari pelbagai pihak. Dengan izin *there are always two sides of a coin*. Yang penting ialah Bajet 2014 kerajaan telah mengambil kira dari segala segi dan sudut untuk menentukan negara terus maju, sejahtera dan makmur tanpa rakyat daripada apa bangsa sekalipun rasa terbeban dan terpinggir. Mana-mana golongan rakyat tanpa mengira bangsa yang perlu dibantu mesti dibantu tanpa teragak-agak. Kita semua adalah rakyat Malaysia.

Bajet kerajaan yang sentiasa progresif dan bertanggungjawab sepanjang ini telah meletakkan Malaysia di tangga ke-24 daripada 148 buah negara dalam laporan daya saing *World Economic Forum 2013*. Malaysia yang sebelum ini diletakkan di tangga ke-12 dalam 2009 kini diletakkan di tempat ke-6 dari 189 buah negara oleh *World Bank Report 2013-2014* sebagai sebuah negara yang mudah menjalankan perniagaan.

■ 1230

Ini satu lagi pencapaian yang amat membanggakan. Daripada segi modal insan iaitu *human capital*, Malaysia telah diletakkan di tempat ke-22 daripada 122 negara di dalam dunia oleh *World Economic Forum, Human Capital Index 2013*. Sekali lagi pencapaian yang amat membanggakan. Pencapaian ini dan banyak lagi pencapaian negara yang cemerlang hanya dapat berlaku disebabkan bajet tahunan yang *responsive* kepada keadaan semasa, lengkap dan bertanggungjawab yang setiap tahun dibentangkan oleh kerajaan termasuk tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, telah banyak yang diperkatakan di dalam Dewan yang mulia ini tentang kebaikan dan keburukan GST sehingga telah mengabui banyak perkara yang baik yang dibentangkan di dalam Bajet 2014 sehingga para ahli ekonomi pun berbalah tentang apakah jalan yang terbaik untuk GST ini tetapi izinkan saya memetik kata-kata Presiden Harry S. Truman, Presiden Amerika yang ke-33 mengenai ekonomi ini. *"I'm tired of economist who says on the one hands and then on the other hand send me a one armed economist"*. Ini bermakna akan ada perbalahan tentang apa yang terbaik tentang ekonomi ini. Walau bagaimanapun, keputusan kerajaan ialah mengambil pandangan-pandangan daripada mereka yang progresif tentang GST ini.

Maklumat GST yang cukup boleh didapati di *website* Jabatan Kastam, surat khabar, *internet* dan banyak lagi artikel-artikel yang ditulis mengenai GST ini yang mudah didapati dan diakses oleh rakyat. Yang setuju akan mengambil semua maklumat tentang kebaikan GST daripada 160 negara dunia yang telah melaksanakan GST manakala yang tidak bersetuju akan terus mengutip tentang keburukan GST.

160 negara dan beratus juta rakyat di seluruh dunia tidak mungkin silap dan merasa dianiyai oleh GST ini yang dilaksanakan di negara mereka. Tidak kita dengar rusuhan di negara di mana sistem GST ini diperkenalkan kepada rakyat. Mereka faham kepentingannya. Cukup sekadar saya katakan GST ini adalah satu sistem percukaian yang komprehensif, telus, efisien,

efektif dan dengan izin, *generating a stable soft of revenue* untuk negara sekali gus menutup lubang untuk mereka yang ingin mengambil kesempatan daripada cuba mengelak daripada membayar cukai.

Saya akui semua orang takut atau dengan izin, *fear of the unknown* tetapi izinkan saya memetik kata-kata Presiden Amerika yang ke-32 pada tahun 1933 iaitu Presiden Franklin Delano Roosevelt yang mengatakan dengan izin, *'the only thing we have to fear is fear itself'*. Dengan izin, perkara yang kita harus takut ialah perasaan takut itu sendiri. Insya-Allah dengan penerangan demi penerangan akan hilang rasa ketakutan itu dan transformasi sistem percukaian daripada SST kepada GST ini dapat diimplementasikan dengan jayanya pada 1 April 2015 nanti.

Tarikh 1 April ini dengan izin amat signifikan maknanya bukan kerana *April Fool* seperti yang diuar-uarkan oleh pembangkang tetapi bulan itu dipilih sebagai bulan di mana rakyat *has have enough and stop being fool by the opposition*, dengan izin. Sudah bertahun lamanya kerajaan telah berbincang dengan pelbagai pihak seperti dewan perniagaan, pelabur, pakar ekonomi, ahli akademik, persatuan pengguna, NGO dan masa 17 bulan daripada sekarang adalah masa yang terbaik untuk GST dilaksanakan.

Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pembangkang seperti *corruption*, ketirisan dan lain-lain lagi akan ditangani oleh kerajaan secara bersepadu dan selari dengan pelaksanaan GST. Bezanya kerajaan hari ini mempunyai *political will* dan bersedia mengambil risiko politik yang besar disebabkan pelaksanaan GST ini. Dalam melaksanakan GST ini, kerajaan bukan melawan arus, kerajaan juga tidak berkeinginan untuk mengikut arus tetapi kerajaan akan terus melakukan apa yang harus demi kepentingan rakyat dan kesejahteraan negara.

Yang penting dalam pelaksanaan GST ini, kerajaan akan memastikan golongan sederhana dan berpendapatan rendah dilindungi sepenuhnya daripada implikasi kenaikan harga. Sebanyak 40 jenis makanan asas, pengangkutan, *tol highway*, sewa dan jual rumah, pendidikan, kesihatan, elektrik, air dan perkhidmatan kewangan tertentu dikeluarkan daripada senarai GST ini. Dengan izin, *to delay further on the implementations of GST is no longer an option*. Lebih kurang RM4 bilion lebih akan dikutip dalam tahun pertama GST ini dilaksanakan jika dibandingkan dengan sistem SST sebelum ini. RM4 bilion ini adalah penambahan sebanyak 2% lagi daripada pendapatan negara yang sedia ada dan sekali gus dapat mengurangkan defisit negara sebanyak 11%. Dengan penambahan pendapatan ini juga, kerajaan dapat lagi banyak menjalankan program-program yang mesra rakyat terutamanya kepada yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan rakan-rakan bahawa Laporan Ketua Audit Negara mesti diambil serius oleh kerajaan. Kalau tidak, kerja-kerja audit yang dilakukan oleh para audit tiap-tiap tahun akan menjadi *exercise in futility*, dengan izin, kerja yang sia-sia dan membuang masa sahaja tanpa ada sebarang tindakan konkrit untuk menghukum mereka yang terlibat dengan salah urus wang kerajaan. Kecuaian, pembaziran dan salah guna wang kerajaan mesti dihentikan dengan segera.

Tindakan tegas harus diambil kepada mereka-mereka yang terlibat. Saya ingin mencadangkan iaitu selepas laporan audit dikeluarkan, masa sebulan mesti diambil bagi mengenal pasti pesalah yang terlibat untuk dikenakan tindakan. Seterusnya sekiranya perlu, bajet tahunan jabatan tersebut harus dipotong sebanyak 10% hingga 20% atau yang berpatutan untuk menunjukkan betapa seriusnya kerajaan menangani isu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keinginan kerajaan membina 223,000 unit rumah termasuk yang akan dibina oleh pihak swasta, saya ingin mencadangkan satu jawatankuasa khas memantau harus ditubuhkan bagi memantau secara bersungguh-sungguh agar matlamat membina 223,000 unit rumah ini tercapai. Mana-mana projek perumahan yang lewat dua bulan daripada tempoh yang ditetapkan maka kontraktor *stand by* mestilah mengambil alih secepat mungkin bagi menyiapkan projek tersebut. Sekiranya ada urusan saman-menyaman di antara kontraktor dengan pemaju ataupun kontraktor dengan kerajaan atau sebagainya, kalau ada sekalipun mestilah tidak membantut daripada projek itu diteruskan. Kepentingan rakyat mesti diutamakan.

Saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan memberi banyak insentif kepada tuan punya tanah yang jauh daripada bandar untuk dibangunkan sebagai kawasan perumahan rakyat yang mampu dimiliki oleh sebahagian besar rakyat Malaysia. Ini akan hanya terlaksana sekiranya kerajaan dapat membina satu jaringan sistem pengangkutan dan sistem pengangkutan awam yang baik dan efisien dan membina prasarana asas yang baik bagi menghubungkan taman perumahan mereka dengan bandar. Dengan cara ini sahajalah tekanan terhadap membina lebih banyak rumah di dalam bandar dengan harga yang murah dapat dikurangkan.

Akhir sekali, BR1M yang dikatakan gagal dinaikkan kepada RM1200 seperti mana yang ditimbulkan oleh pembangkang tidak tepat kerana kerajaan komited untuk menaikkan sehingga RM1200 seperti dijanjikan dalam masa lima tahun ini. Itu pun dah ada kenaikan daripada RM500 sehingga RM700 iaitu kenaikan sebanyak 40% semenjak kerajaan Barisan Nasional memerintah semula selepas 5 Mei 2013. Bagi melaksanakan kesemua Pakej BR1M 3.0 ini sahaja, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM4.6 bilion yang melibatkan sebanyak 7.9 juta penerima. Kerajaan mempunyai empat kali lagi bajet untuk dibentangkan bagi mencapai sasaran RM1200 tersebut. Dengan pendapatan kerajaan yang meningkat melalui pertumbuhan ekonomi tahun depan di sekitar di antara 5% hingga 5.5% mengekang perbelanjaan kerajaan kepada projek yang hanya mempunyai impak tinggi ditambah dengan sistem percukaian yang lebih mantap, kita dapat mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, Insya-Allah. Negara maju, rakyat makmur.

Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita akan terus melakukan apa yang terbaik untuk menentukan masa depan negara yang tercinta ini supaya sentiasa aman, makmur dan sentosa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rasah. Dalam *list* saya, Yang Berhormat Rasah. Kalau Yang Berhormat Rasah tak ada,

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Rasah ada.

Tuan Yang di-Pertua: Oh ya, sila.

12.38 tgh.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seluruh rakyat Malaysia memang menanti-nantikan pembentangan Bajet 2014 sebab sebelum PRU13, kita boleh lihat pihak Barisan Nasional telah menjanjikan bermacam-macam janji yang cuba menyelamatkan Barisan Nasional tetap berkuasa di Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Barisan Nasional cuma memenangi 47% sokongan daripada seluruh pengundi Malaysia tetapi Barisan Nasional masih mampu membentuk Kerajaan Persekutuan. Pakatan Rakyat pula yang mendapat sokongan 51% masih menjadi pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyifatkan Bajet 2014 ini merupakan satu bajet yang melaksanakan janji sebab kalau kita lihat pelbagai bantuan kewangan dan sebagainya telah pun diberikan kepada rakyat yang berpendapatan rendah.

■1240

Kalau kita cuma lihat kepada Bajet 2014, rakyat jelata memang mendapati adanya peningkatan pemberian BR1M kepada mereka yang berpendapatan rendah. Akan tetapi, ramai yang telah lupa ketika PRU Ke-13, manifesto Barisan Nasional menjanjikan bahawa bagi mereka yang pendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000, Kerajaan Barisan Nasional akan tambah sehingga RM1,200. Akan tetapi, penambahan yang disebutkan di dalam Bajet 2014 cuma RM650 sahaja. Sama juga bagi mereka yang bujang, gaji bulanan mereka kurang daripada RM2,000, Kerajaan Barisan Nasional menjanjikan BR1M ditingkatkan kepada RM600 tetapi bajet yang dibentangkan baru-baru ini cuma sebanyak RM450 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional sering berasa bangga kerana dapat memberi bantuan BR1M secara tunai kepada mereka yang berpendapatan rendah tetapi mengapa BR1M atau bantuan kewangan secara sistematik ini tidak diberikan sebelum 8 Mac 2008? Oleh sebab itu, rakyat Malaysia hari ini dapat menikmati BR1M kerana rakyat Malaysia berani bangkit untuk membuat perubahan dan mewujudkan sistem dua parti. Jadi, tiada layanan yang sebegini jika berbanding dengan masa dahulu yang dimonopoli oleh Barisan Nasional. Jadi, di sini saya ingin ucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia yang bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, manifesto Barisan Nasional ketika PRU Ke-13 menjanjikan akan meringankan beban rakyat. Kita dapat lihat, tak ada satu perkataan pun wujud di dalam manifesto Barisan Nasional di mana bahawa kalau Barisan Nasional diberi mandat untuk terus menjadi kerajaan, GST akan dilaksanakan. Kalau Barisan Nasional diberi mandat menjadi kerajaan, harga minyak akan dinaikkan dan juga harga gula akan dinaikkan. Ini semua tidak termaktub di dalam manifesto Barisan Nasional. Akan tetapi, ia berlaku selepas Barisan Nasional berkuasa semula. Pilihan raya 5 Mei, tetapi cuma setengah tahun sahaja, harga minyak sudah naik, subsidi gula pun sudah naik. Akan tetapi, pihak Barisan Nasional pula mengatakan bahawa "*Oh, ini bukan kenaikan harga tetapi itu langkah kerajaan untuk mengurangkan subsidi*".

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu pendidikan- pendidikan adalah amat penting kepada negara kita sebab setiap pelajar merupakan pemimpin negara yang akan datang. Pihak kerajaan seharusnya memberi bantuan secara adil dan juga saksama kepada semua aliran sekolah

berdasarkan keperluan, agar anak-anak kita dapat belajar dalam keadaan yang selesa dan selamat.

Selepas Bajet 2014 dibentangkan sejak 25 Oktober, kita boleh lihat juga ramai pemimpin khususnya pemimpin-pemimpin tertinggi ataupun Ahli Parlimen daripada MCA Barisan Nasional telah pun menyerang, mengutuk rakannya sendiri - Yang Berhormat Tawau selaku Timbalan Menteri Pelajaran mengenai ketiadaan peruntukan untuk sekolah menengah jenis kebangsaan. Di sini saya berasa amat simpati terhadap Yang Berhormat Tawau. Hal ini kerana isu peruntukan kepada SMJK bukanlah satu perkara yang baru tetapi pihak MCA ataupun Barisan Nasional yang sudah pun berada di Kabinet melebihi setengah dekad, sampai hari ini, peruntukan untuk SMJK masih tidak boleh diletakkan dalam Bajet 2014.

Ketika saya semak balik manifesto Barisan Nasional ketika PRU-13, sama juga di manifesto Barisan Nasional, tidak berani menjanjikan, meletakkan peruntukan kepada SMJK di dalam bajet. Manifesto Barisan Nasional cuma menyebut peruntukan khas akan terus diberikan kepada SMJK. Saya juga ingin memohon pihak kerajaan supaya dapat memandang serius terhadap perkara ini sebab saya lihat dalam Bajet 2014, program angkasawan negara diberi peruntukan RM119 juta tetapi SMJK kosong. Jadi, saya mohon pihak kerajaan dapat memberi penjelasan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyebut mengenai mengelakkan *job duplicity*. Yang Berhormat Bukit Mertajam tadi telah pun menyebut bahawa PDRM khususnya Cawangan Khas memang sangat-sangat aktif dalam kerja-kerja risikan khususnya bagi program pembangkang. Akan tetapi di sini, ada satu jabatan iaitu Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA). Sebenarnya rakyat jelata memang mempersoalkan apakah fungsi sebenar jabatan ini? Dahulu saya sebagai ADUN, saya pernah tanya di Dewan Undangan Negeri. Dia kata jabatan ini anggota-anggota mereka ditugaskan untuk memberi penjelasan kepada rakyat, sebab mendapat banyak tohmahan daripada pembangkang terhadap kerajaan.

Saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya *job scope* ataupun kerja-kerja pegawai-pegawai JASA ini sama dengan apa yang dilakukan oleh *special branch*. Kalau kita kata kita hendak jimatkan kos untuk kerajaan, jimatkan kos untuk negara kita, mengapa kah kita boleh mempunyai dua set jentera ataupun dua set anggota yang melakukan kerja-kerja yang sama? Akan tetapi, kita perlulah bayar dengan lebih banyak gaji. Satu lagi, bagi pegawai-pegawai JASA ini, mereka bukanlah pegawai yang dipilih ataupun diambil daripada golongan *graduate*. Pegawai ini semua diambil daripada anggota-anggota atau pemimpin-pemimpin tempatan Barisan Nasional.

Bagi saya, kalau kita hendak wujudkan satu jabatan untuk memberikan penerangan kepada rakyat Malaysia, saya lebih rela, suka pihak kerajaan mengambil pelajar-pelajar ataupun *graduate-graduate* yang masih menganggur di pasaran tetapi bukanlah memberi kemudahan kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional untuk mendapat jawatan, makan gaji buta, makan duit rakyat untuk melakukan kerja-kerja mempromosikan Barisan Nasional. Esok DAP perintah, saya bagi Yang Berhormat jadi pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun berbilion-bilion ringgit diperuntukkan untuk pembangunan negara ataupun pembangunan kepada modal insan, memberi bantuan kepada rakyat. Akan tetapi, saya rasa ada satu perkara yang sudah kita tertinggal iaitu bantuan kepada mereka yang kehilangan kediaman disebabkan oleh pengambilan tanah. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini minggu lepas hari Khamis, saya bersama Yang Berhormat Seremban. Ketika kita turun di Kampung Hakka yang menghadapi masalah pengambilan tanah, saya dengan Yang Berhormat Seremban dan juga empat ADUN daripada Negeri Sembilan telah pun ditangkap oleh pihak polis dan kita digari seolah-olahnya kita merupakan penjenayah. Saya hendak menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kalau berlaku bencana banjir, kebakaran, kita boleh lihat pihak kerajaan akan hantar jentera, akan hantar polis, akan hantar ambulans, akan hantar Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menolong mangsa-mangsa yang menghadapi bencana.

Akan tetapi, ketika berlakunya pengambilan tanah, rumah-rumah penduduk kampung dirobuhkan, satu orang pun tidak ada daripada kerajaan turun untuk membantu. Perkara yang paling dukacita, pihak polis sepatutnya menjaga kepentingan orang ramai pula digunakan oleh pihak pemaju untuk mempertahankan hak pemaju, menahan penduduk kampung yang mempertahankan rumah, kampung halaman mereka. Jadi, saya rasa dalam perkara ini pihak kerajaan perlu membuat sesuatu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya di Negeri Sembilan sahaja, selain daripada Kampung Hakka di Mantin, Kampung Chew Huat, Bahau dan juga Ulu Temiang di Seremban- ratusan penduduk kampung menghadapi isu masalah pengambilan tanah. Ketika saya menjadi ADUN, tanya di Dewan, Menteri Besar jawab *"Oh, itu kes mahkamah. Mahkamah akan selesaikan"*

■1250

Ketika saya tanya di Parlimen macam mana pihak kerajaan boleh menolong penduduk ini, soalan saya ditolak. Selepas itu diberi penjelasan bahawa itu masalah kerajaan negeri, kerajaan negeri harus bertanggungjawab. Dalam perkara ini, kalau kita boleh membantu mereka yang menghadapi bencana alam ini, mengapa kita tidak boleh membantu mereka yang rumahnya dirobuhkan? Rumah dirobuhkan tetapi selepas rumah dirobuhkan, tidak ada pihak daripada pihak kerajaan khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat turun memberi bantuan yang segera kepada mereka. Itu saya lihat pihak kerajaan haruslah melakukan sesuatu supaya memastikan bukan sahaja penduduk-penduduk yang kehilangan rumah mereka, tetapi juga pastikan semua penduduk, semua rakyat di negara kita dibela oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir. Tuan Yang di-Pertua, ramai yang mempersoalkan saya bagi contoh, katakan kita membeli barangan harian dengan bilangan yang banyak, kita boleh mendapat diskaun daripada peniaga. Sama juga bagi pihak kerajaan. Kalau pihak kerajaan- saya bagi satu contoh. Salah satu jawapan yang saya dapat ketika saya menanya soalan bagi sesi yang lepas. Saya pernah menanya jumlah kos untuk menyewa kenderaan rasmi. Kerajaan Persekutuan telah menandatangani perjanjian konsesi dengan Syarikat Spanco Sdn. Bhd. untuk membekalkan kereta *saloon* bagi kenderaan rasmi dan kenderaan jabatan Kerajaan Persekutuan secara sewaan.

Dari tahun 2008 sehingga tahun 2011, 261 buah *Proton Perdana Executive* disewa, purata kos sewaan untuk *Proton Perdana Executive* termasuk kos selenggaraan dan pembaikan adalah sebanyak RM4,300 sebulan. Manakala tahun 2011 hingga tahun 2013, 2,417 buah *Proton Inspira* disewa oleh pihak kerajaan dan purata kos sewaan *Proton Inspira* termasuk kos selenggaraan dan pembaikan adalah sebanyak RM3,200 sebulan. Jadi untuk maklumat Dewan yang mulia ini, saya telah pun menyelidik dan menanya kepada beberapa syarikat menyewa kereta yang terkemuka di Malaysia. Sebenarnya, kalau bagi seseorang individu yang menyewa sebuah kenderaan *Toyota Camry* yang setaraf dengan *Proton Perdana Executive*, individu tersebut menyewa dengan harga RM4,000 tetapi kerajaan menyewa 261 unit, harganya RM4,300 sebulan. Bagi *Proton Inspira*, harga untuk *Toyota Altis* yang setaraf dengan *Proton Inspira*, harganya cuma RM3,100. Individu yang menyewa satu kereta, harganya RM3,000 tetapi kerajaan yang menyewa 2,000 kenderaan *Proton Inspira*, harganya RM3,200.

Saya rasa pihak kerajaan dalam perkara ini haruslah, kalau boleh buatlah tender terbuka. Tidak akanlah kerajaan yang menyewa 2,000 kereta, harganya lebih mahal daripada seorang individu yang menyewa satu kereta. Baru-baru ini saya juga memaklumkan bahawa pihak kerajaan ingin menambahkan 800 buah motosikal untuk perondaan polis. Ya saya memang mengalu-alukan keputusan ini. Saya cuma ingin hendak mengingatkan pihak kerajaan. Kalau 800 buah motosikal yang diambil, saya berharaplah, jangan kos motosikal setiap unit mengikut harga pasaran. Saya rasa kalau membeli 800 unit motosikal itu sebenarnya pihak kerajaan boleh dapat lebih banyak diskaun daripada pembekal-pembekal motosikal. Sebab saya sedia maklum bahawa tidak senang untuk satu pembekal motosikal untuk jual satu motosikal sebanyak 1,000 unit bagi setahun.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin sekali lagi memohon kepada Dewan yang mulia ini, memohon kepada pihak kerajaan supaya dapat memandang serius terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata. Sebab kita semua rakyat Malaysia, kita semua berharap kerajaan yang sedia ada ini dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan jimat-berhemat, melaksanakan segala yang terbaik kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ada lima minit lagi, saya ingin memberi kredit kepada Biro Pengaduan Awam...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, di mana Yang Berhormat dapat lima minit itu? *[Ketawa]* Saya sudah tambah masa Yang Berhormat empat minit.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Oh! Sudah tambah. Okey Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Parit. Yang Berhormat Parit, kalau Yang Berhormat Parit gunakan lima minit mulai daripada sekarang, bermakna Yang Berhormat Parit ada 10 minit sebelah tengah hari.

12.56 tgh.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana beri peluang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2014. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan kerana telah berjaya membentangkan satu bajet yang komprehensif dan inklusif bagi membantu segenap lapisan rakyat daripada golongan miskin, pertengahan mahupun yang kaya. Ia juga meliputi masyarakat yang tinggal di desa dan juga di bandar yang bekerja sendiri baik pun yang bekerja di sektor swasta dan penjawat awam dan juga golongan belia dan pelajar. Semuanya telah mendapat pertimbangan kerajaan dan dibela dalam Bajet 2014 yang lalu. Syabas diucapkan.

Bajet 2014 yang bertemakan '*Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji*' benar-benar memperlihatkan komitmen dan iltizam kerajaan untuk membantu rakyat dan mencapai matlamat Wawasan 2020 sebagai negara maju berpendapatan tinggi. Saya yakin dan tidak sangsi bahawa segala yang di cadang dan dirancang dalam bajet ini akan membawa kejayaan dan kesejahteraan kepada rakyat Malaysia. Dengan jumlah peruntukan sebanyak RM264.2 bilion, saya percaya pelaksanaan langkah-langkah program dan projek kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara akan tercapai. Peruntukan bajet pada tahun ini memperlihatkan pertambahan sebanyak RM31.4 bilion dengan jumlah peruntukan tahun 2012 iaitu sebanyak RM232.8 bilion. Ini menunjukkan kerajaan masih mampu berbelanja dan mempunyai pendapatan yang baik walaupun dalam keadaan ekonomi global dijangka berkembang perlahan dengan kadar 2.9% pada tahun 2013.

Dalam bajet kali ini, saya melihat beberapa inisiatif baru telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk meningkat dan merencanakan ekonomi negara. Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan beberapa perkara bagi mohon penjelasan daripada kerajaan dan juga untuk memberi cadangan untuk dipertimbangkan oleh kerajaan. Pertama, Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Tuan Yang di-Pertua, salah satu inisiatif kerajaan yang telah mendapat perhatian besar daripada rakyat dan juga pelabur asing ialah langkah kerajaan untuk memperkenalkan cukai barangan dan perkhidmatan yang akan dikuatkuasakan pada 1 April 2015. Dengan lebih 160 buah negara yang telah pun melaksanakan GST, Malaysia dilihat sebagai agak terlambat untuk melaksanakan inisiatif ini. Namun, dalam suasana ekonomi global yang semakin mencabar dan usaha kerajaan untuk menjana lebih banyak pendapatan di samping mengurangkan hutang negara, maka usaha ini merupakan satu langkah yang berani oleh kerajaan walaupun dapat bangkangan daripada banyak pihak.

Walaupun langkah ini mungkin tidak popular dalam kalangan mata rakyat tetapi sudah tiba masanya kerajaan bertindak bagi kebaikan negara untuk jangka masa panjang. Ini mungkin disebabkan rakyat tidak memahami dan mendapat maklumat yang betul kepada sistem GST ini. Buat masa sekarang pendapatan kerajaan di sumbang sebanyak beberapa peratus daripada hasil minyak dan gas. Justeru, bagi menambah pendapatan kerajaan, langkah ini adalah sesuai pada masanya. Malahan, sistem cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang diamalkan oleh kerajaan selama ini adalah tidak relevan lagi. Ini kerana didapati mengandungi banyak ketirisan dan

penyelewengan. Malah menurut pakar ekonomi, GST akan memberikan Malaysia mengecilkan defisit dan menambahkan pendapatan yang amat diperlukan bagi menjana pembangunan negara.

Selain dari itu, ia dapat mengekal daya saing dengan menarik lebih banyak pelaburan di dalam dan luar negara, mengekalkan kemapanan pertumbuhan ekonomi serta mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi. Adalah diharapkan, defisit negara pada tahun 2015 akan mengecil kepada 3.1%. Daripada segi pendapatan per kapita, dijangka...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung sebelah petang nanti Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: *Insya-Allah.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]

2.32 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, Yang Berhormat Parit ya? Durian banyak kah?

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Belum lagi, belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dalam *Facebook* sudah banyak *[Ketawa]* Sila.

2.32 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, tadi saya bercakap pasal GST. Kini saya mahu mencadangkan yang GST ini dicadangkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia supaya dapat mengaturkan majlis penerangan dan penjelasan tentang GST ini, supaya rakyat jangan bimbang dan takut tentang pelaksanaan GST ini.

Ini penting untuk mengelakkan kebimbangan rakyat yang bimbang bahawa dengan pelaksanaan GST ini akan meningkatkan inflasi dan harga barang. Jadi kalau sekiranya kedua-dua kementerian itu dapat mengadakan majlis penerangan, maka rakyat akan dapat difahamkan.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, bercakap soal pengangguran. Dalam Bajet 2014 menyatakan kadar pengangguran tahun 2013 adalah pada paras 3.1%. Namun perkembangan mutakhir ini, menunjukkan bahawa bilangan jawatan kosong yang ditawarkan oleh majikan hingga bulan Jun 2013 telah menurun sebanyak 35.7% iaitu sebanyak 107,780 jawatan berbanding 167,968 jawatan pada tempoh yang sama tahun lepas.

Justeru, isu ini harus diberi perhatian yang sewajarnya agar kadar pengangguran dapat dikurangkan, khususnya bagi para belia yang baru hendak menceburkan diri dalam bidang pekerjaan, yang meliputi mahasiswa serta pelajar sekolah menengah yang baru tamat pengajian.

Di antara faktor utama pasaran pekerjaan telah semakin menurun adalah disebabkan peluang mencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan telah semakin mengecil. Ini disebabkan oleh dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan dengan meningkatkan umur persaraan dari 55 tahun kepada 60 tahun dan pengenalan dasar gaji minimum oleh kerajaan yang telah dikuatkuasakan pada 31 Julai 2012. Selain itu disebabkan oleh pengurangan pendapatan syarikat yang ada kaitan dengan pengurangan kadar eksport negara sebanyak RM4.9 bilion daripada Januari hingga Jun tahun ini yang memaksa syarikat untuk mengkaji semula kos buruh mereka.

Kesan daripada kesusahan mendapat pekerjaan, menyebabkan ramai graduan yang berkelulusan tinggi seperti kelulusan lepasan ijazah, sanggup bekerja walaupun pada kadar gaji yang serendah RM1,000 sebulan dan melakukan pekerjaan yang bukan bidang pengajian mereka semasa di universiti dahulu. Bagi kebanyakan syarikat pula, bagi mengurangkan kos buruh, mereka telah mengambil pendekatan mengambil pekerja secara kontrak dan *outsourcing* pekerjaan yang jika perlu sebagai langkah penjimatan. Seramai 180,000 mahasiswa yang baru tamat pengajian, akan menyertai fasa pekerjaan pada setiap tahun. Terdapat hampir satu juta belia luar bandar yang masih menganggur dan mencari pekerjaan.

Justeru, saya ingin memohon penjelasan kerajaan, berapa banyakkah bilangan pekerjaan yang dapat diwujudkan dalam bajet tahun ini? Berapakah industri baru dapat diwujudkan bagi membuka peluang pekerjaan? Dan apakah langkah-langkah perlindungan kepada para pekerja bagi mengelakkan mereka dari dibuang kerja kesan daripada suasana ekonomi dunia yang malap, jika ia masih berterusan untuk beberapa tahun lagi.

Yang ketiga ialah rasionalisasi subsidi. Tuan Yang di-Pertua, berhubung perkara ini, saya menyanjung usaha kerajaan untuk menstrukturkan semula kaedah pemberian subsidi. Ini adalah untuk memastikan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja menikmati subsidi yang diberikan oleh kerajaan. Rakyat Malaysia amat berterima kasih kepada kerajaan kerana pada setiap tahun, kerajaan akan menyediakan peruntukan subsidi yang besar untuk mengurangkan kos hidup rakyat. Pada tahun 2013 sahaja, kerajaan telah menyediakan hampir RM47 bilion untuk pelbagai jenis subsidi, insentif dan bantuan. Namun niat murni kerajaan itu telah dicemari oleh ketirisan yang tidak sepatutnya berlaku, disebabkan oleh pengurusan dan penguatkuasaan jabatan dan agensi yang lemah dan tidak berkesan.

Hari ini saya merujuk kepada kerugian yang ditanggung oleh kerajaan akibat daripada pelbagai jenis barang dan perkhidmatan di bawah senarai pemberian subsidi yang telah dapat

dinikmati oleh rakyat asing, khususnya pendatang asing tanpa izin (PATI). Selain isu minyak petrol yang di seludup keluar negara oleh warga asing dan sindiket kutu, kita juga mendapati barang-barang keperluan seperti beras, tepung, gula, minyak masak dan banyak lagi telah dinikmati oleh rakyat asing. Selain subsidi barangan, rakyat asing ini juga menikmati subsidi perubatan, air, elektrik, pendidikan dan beberapa lagi. Persoalannya ialah kita mendapati banyak ketirisan yang berlaku akibat kelemahan pengurusan dan penguatkuasaan oleh agensi kerajaan.

Kita menyanjung rakyat asing datang berbelanja ke negara kita, tetapi bukan sampai menikmati lebih daripada apa yang sepatutnya yang diperolehi oleh warga Malaysia. Justeru itu, saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah langkah tindakan kerajaan untuk menentukan faedah subsidi ini hanya dinikmati oleh rakyat Malaysia sahaja. Saya juga ingin penjelasan daripada kerajaan, apakah langkah tindakan kerajaan untuk menuntut dan mengutip semula hutang-hutang bil hospital yang tinggi jumlahnya yang masih tertunggak dan belum dibayar oleh rakyat asing?

Ini termasuklah juga saman-saman trafik oleh warga Singapura dan Thailand. Saya juga ingin mencadangkan agar satu mekanisme yang efektif dapat ditingkatkan bagi menentukan subsidi layak dinikmati oleh hanya rakyat Malaysia semata-mata. Tuan Yang di-Pertua, transformasi zakat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, gulung.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Gulung? Pendek benar. Boleh makan durian dulu [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bukan suruh berhenti, suruh gulung.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Gulung? Okey. Dalam perbincangan bajet ini, saya ingin membahaskan isu transformasi zakat. Saya berpendapat, perlu isu ini diberi perhatian oleh kerajaan bagi melestarikan lagi peranan zakat dan agensi zakat dalam usaha memperkasakan pembangunan ummah.

■1440

Pada dasarnya terdapat dua isu zakat yang boleh dibangunkan. Dua isu tersebut ialah zakat korporat dan penubuhan Lembaga Zakat Negara. Isu zakat korporat telah didebatkan sejak sekian lama dan masih tiada penyelesaian mutlak oleh mana-mana pihak. Perkara ini telah menyukarkan syarikat-syarikat korporat untuk melaksanakan tanggungjawab berzakat. Ini kerana menurut Perlembagaan Persekutuan, syarikat korporat bukanlah individu Islam, maka tanggungjawab zakat tidak diwajibkan ke atas syarikat kepunyaan orang bukan Islam.

Perkara ini menimbulkan masalah kepada syarikat-syarikat ini kerana secara tidak langsung mereka terpaksa membayar dua kali cukai iaitu cukai perniagaan dan zakat korporat. Keadaan ini bukan sahaja dibimbangkan membebaskan mereka malah akan merencatkan niat dan gelagat mereka untuk membayar zakat.

Justeru itu, saya mencadangkan agar zakat korporat dilaksanakan melalui dua strategi iaitu pertama, pelarasan tafsiran individu dan syarikat antara Akta Cukai Pendapatan 1967 dan

Perlembagaan Persekutuan. Pada amalan sekarang, seksyen 4, Akta Cukai Pendapatan 1967 menetapkan bahawa cukai pendapatan syarikat dikenakan ke atas keuntungan daripada perniagaan. Sedangkan dalam senarai itu, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa undang-undang Islam hanyalah diterima pakai ke atas individu Islam semata-mata. Ini menunjukkan kelompangan dalam undang-undang sedia ada yang mewajibkan syarikat korporat membayar zakat perniagaan.

Oleh yang demikian, perlu disediakan inisiatif bagi meminda undang-undang itu. Meskipun negara telah mempunyai Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di peringkat persekutuan, namun peranannya terbatas, tersembunyi oleh undang-undang sedia ada yang menyukarkan pengurusan yang lebih komprehensif di peringkat nasional seperti mana Tabung Haji. Dengan adanya Lembaga Zakat Negara masalah kita, penyeragaman pentadbiran dan pengurusan zakat pada masa sekarang dapat diatasi.

Isu seperti perbezaan penstrukturan zakat, ketidakcekapan pengurusan kutipan dan agihan zakat dan pembayaran yang tidak mengikut simpanan akan dapat dikurangkan. Dana zakat juga dapat dikembangkan dengan lebih baik di bawah Lembaga Zakat Negara. Jadi dengan demikian saya mencadangkan supaya kerajaan dapat menyegerakan penubuhan Lembaga Zakat Negara dan zakat korporat kerana isu ini telah pun dibincangkan selama lebih enam tahun tetapi tidak ada keputusan yang dibuat oleh pihak yang berkuasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Gulung ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Berpeluh makan durian banyak ya?

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Berpeluh. Tuan Yang di-Pertua, bajet ini dirancang dan disediakan dengan teliti, teratur dan tersusun yang dilakukan oleh mereka yang berilmu, mempunyai kebolehan dan berfikiran waras. Bajet ini juga disediakan setelah melalui beberapa siri rundingan dialog dan perbincangan dengan pelbagai pihak, sama ada kerajaan mahu pun swasta. Maka itu Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat tidak wajar untuk sesiapa sahaja mengatakan bahawa bajet ini tidak sempurna, tidak teratur dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, Yang Berhormat Parit dengan ini menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat sekalian, dalam senarai yang telah dihantar kepada Tuan Yang di-Pertua, masih ramai lagi yang belum berucap. Pakatan Rakyat dalam senarai 56 orang dan Barisan Nasional 23 orang. Jadi, kita berpendapat kita hendak berikan semua peluang ini kepada semua wakil rakyat dan kita minta masa 15 minit dipendekkan kepada 10 minit. Kita ada sampai 10.30 malam ini, lapan jam. Kalau kita dapat satu jam enam orang, enam darab lapan baru kita dapat 48 orang. Jadi, esok tinggal satu hari sahaja lagi. Saya kira semua Yang Berhormat sekalian boleh memberikan

kerjasama dan menjaga masa serta memberikan peluang kepada wakil rakyat atau Yang Berhormat yang lain berucap. Jadi, sila Yang Berhormat Indera Mahkota, sepuluh minit.

2.44 ptg.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya buat persiapan untuk bercakap satu jam tetapi sepuluh minit ini saya tidak pandai bercakap macam mana. Walau bagaimanapun terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mulakan pada hari ini, tidak mahu menyentuh banyak perkara, hanya perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar. Tuan Yang di-Pertua, sempena dengan Maal Hijrah yang kita tempuhi semalam, saya kira kita sebagai Ahli Parlimen dan mentadbirkan negara Malaysia, kita boleh mengambil semangat daripada maal hijrah dan kalau kita tengok bahawa hijrah Rasulullah SAW, dia berhijrah berteraskan kepada tiga perkara, iaitu:

- (i) berhijrah dengan ilmu bukan kejahilan;
- (ii) melalui kemantapan iman bukan kebatilan; dan
- (iii) ke arah amal soleh bukan amal 'mat salleh'.

Jadi, kalau itu kita sebagai Ahli Parlimen dan juga, saya pohon agar kerajaan kita mengambil iktibar daripada kebijaksanaan atau pun hikmah Maal Hijrah yang telah kita lalui pada malam semalam dan kita raikannya.

Tuan Yang di-Pertua, hijrah adalah daripada keburukan kepada kebaikan. Saya percaya dalam pemerintahan, kalau kita sebut reformasi, transformasi, semuanya, kita menuju ke arah kebaikan dan kita meninggalkan keburukan. Kalau boleh saya katakan kita juga sebahagian daripada pemerintah, kita mahu bahawasanya negara kita ini aman, makmur dan pemerintahan kita mestilah menggembirakan, kalau sikap Maal Hijrah menggembirakan yang di langit dan menggembirakan yang di bumi. Apa juga yang kita lakukan dalam pemerintahan kita, wajib kita melakukannya bersejajar dengan hukum-hukum yang mencipta kita dan menggembirakan orang yang diciptakan oleh pencipta kita iaitu rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik dan bersetuju dengan Menteri Kewangan yang menyatakan bahawasanya kita seharusnya bersyukur kepada Allah SWT kerana negara kita ini aman, tidak diturunkan mana-mana bencana atau malapetaka yang keterlaluan. Malahan saya ingin menyatakan bahawasanya kita harus bersyukur lebih lagi. Saya telah mengelilingi dunia, melihat tidak ada negara seperti negara Malaysia yang diberikan nikmat kekayaan yang tidak terjumpa di negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam solat-solat kita, solat *duha* umpamanya, kita mohon kepada Allah SWT agar Allah mengurniakan kepada kita rezeki dari langit, bumi, laut, yang jauh didekatkan, yang susah dimudahkan. Jadi, kita tengok negara Malaysia diturunnya, hujan tidak setitik lebih, tidak setitik kurang. Hujan turun dari langit, dibasahi bumi Malaysia dari puncak air meleleh di gunung-ganang hingga ombak memukul pantai di kuala-kuala. Tanam apa di negara Malaysia ini, semuanya tumbuh. Tanam getah, getah tumbuh, tanam kunyit, kunyit tumbuh, tanam

lada, lada tumbuh, tidak tanam apa, lalang pun tumbuh. Hebatnya negara Malaysia, rezeki dari langit dikurniakan Allah SWT.

Kemudian dari bumi, korek di bumi sini, di sini jumpa emas, di sana jumpa perak, di sana jumpa timah, bijih besi dan sebagainya. Dalam erti kata yang lain, Allah mengurniakan kita rezeki dari bumi yang tidak ada bandingannya dengan negara-negara lain. Di laut ada gas, ada minyak tetapi inilah cara Allah menguji manusia, dia menguji manusia dengan dua cara. Dia tengok sama ada Allah beri kita 'S' susah untuk melihat sama ada kita jenis sabar atau tidak. Dia beri kita kesenangan 'S' senang, dia hendak melihat sama ada kita syukur atau tidak. Jadi, kita berasa bersyukur kepada Allah SWT bukan hanya setakat lafaz bahawasanya Allah mengurniakan kita dengan nikmat yang berlebih-lebihan. Kiranya kita gunakan nikmat ini ke arah mungkar dan maksiat percayalah bahawasanya Allah akan turunkan bala kepada negara kita yang kita kasihi ini.

Tuan Yang di-Pertua, 50 tahun, sudah lebih 50 kali kita membentang bajet. Memang ada yang berkata bahawasanya "*Oh! Kita tidak bersyukur kepada UMNO atau kerajaan, yang dulunya jalan kecil sekarang sudah besar, dulu jalan pasir, tanah, sekarang ini jalan batu. Dulu one single road, sekarang sudah double highway*". Kita kata bahawasanya dulu kita rumah papan, sekarang sudah rumah batu. Dahulu dua tingkat, sekarang sudah 50 tingkat pejabat. Memang Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ambil *vertical comparison*, perbandingan secara *vertical*. Memang kalau dulu begitu, sekarang kita ada kemajuan. Somalia, Biafra pun ada kemajuan.

Akan tetapi yang penting kita bandingkan sekarang Tuan Yang di-Pertua adalah *the horizontal comparison*, perbandingan melintang bukan menegak. Kalau kita hendak bandingkan, kita bandingkan negara-negara yang membangun sama dengan kita. Kita tengok Korea, kita tengok Jepun, kita tengok Singapura, kita tengok Taiwan, semasa mula kita mencapai kemerdekaan, apabila Jepun dibom, Hiroshima dan Nagasaki dibom oleh tentera Amerika, hancur ekonomi Jepun. Ekonomi ini jauh lebih bawah daripada kita.

■1450

Akan tetapi setelah 50 tahun lebih ini, ekonomi Jepun muncul sebagai ekonomi dunia, yang kita Malaysia hanya di peringkat lutut, 15% daripada kekuatan ekonomi Jepun. Kita tengok Korea. Semasa mula-mula kita mencapai kemerdekaan. Korea mempunyai *income* per kapita 1/3 daripada *income* per kapita Malaysia. Malaya ketika itu pendapatan per kapita kita tiga kali ganda daripada pendapatan per kapita orang-orang Korea. Akan tetapi hari ini setelah 57 kali kita membentangkan bajet, ekonomi Korea pada hari ini, *income per capita* mereka tiga kali ganda, hampir empat kali ganda mengatasi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga Taiwan, Singapura. Singapura dahulu RM1 dengan RM1 *exchange*, sekarang RM1 dengan RM2 lebih, RM2.40, RM2.50. Apakah ertinya semua ini? Sedangkan Singapura, Taiwan, Korea dan Jepun tidak memiliki kekayaan yang kita ada. Tidak memiliki rezeki dari langit, dari bumi dan dari laut yang kita peroleh tetapi mereka masih boleh berjaya, lebih hebat daripada negara Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya katakan *that horizontal comparison* yang lebih penting daripada kita membanggakan, dahulu jalan pasir

sekarang sudah jalan tar, dahulu rumah papan sekarang sudah rumah batu. Akan tetapi kalau kita bandingkan dengan negara-negara *relative comparison*, kita jauh ketinggalan di belakang.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya mengapa? Mengapa mereka yang tidak ada sumber tetapi kita ketinggalan? Inilah yang saya katakan kadang-kadang bila orang membuat laporan, kita selalu mengeceh. Sikap *denial syndrome* bila *Global Financial Integrity* menyatakan bahawa negara Malaysia, duitnya keluar, duit hitam keluar RM80 bilion satu tahun daripada tahun 2000 sehingga tahun 2010, bererti hampir RM1 trilion duit hitam keluar daripada negara kita, kita kata tidak boleh percaya CFI. Bila *Ernst & Young* mengatakan bahawa kita negara yang rasuahnya tinggi, kita kata tidak boleh percaya *Ernst & Young*. Apabila *Fitch Ratings* mengatakan bahawa markah keyakinan orang terhadap kita jatuh, kita kata jangan percaya kepada *Fitch Ratings*. Akan tetapi *Auditor General*, Ketua Audit Negara kita sendiri yang kita pilih, yang ini pun kita tidak dapat hendak atasi dari tahun ke tahun, ulang serupa dari tahun ke tahun masalah yang dihadapi oleh negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyeru kepada pihak kerajaan supaya memandang amat serius terhadap apa yang dinyatakan oleh Ketua Audit Negara. Saya rasa kita patut bersyukur kepada Allah SWT. Jabatan Audit Negara, *Auditor General* kita ini daripada dahulu adalah terdiri daripada manusia yang *we did it right*. Kita memilih *Auditor General* yang memiliki integriti profesionalisme yang tinggi. Saya ingat semasa dahulunya seorang yang bernama, Tan Sri Ahmad Nordin dipilih menjadi *Auditor General* negara Malaysia, beliau memelihara kewangan kita dengan cukup baik hingga kewangan kita tidak berada di dalam keadaan sekarang.

Beliau menjadi *state financial officer* di Pahang pada tahun 60-an kalau tidak silap saya. Tidak pernah negeri-negeri ada *excess fund*. Beliau berjaya mengawal kedudukan negeri Pahang sehingga ada simpanan RM300 juta pada tahun 60-an. Kalau kita bandingkan dengan hari ini, mungkin nilainya hampir bilion. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sendiri tidak menggunakan pandangan daripada jabatan ini, saya tidak tahu siapa lagi yang kita hendak dengar.

Tuan Yang di-Pertua, lihat kepada hutang negara kita. Saya difahamkan pada tahun 1998, hutang negara kita 35%- 36% daripada KDNK. Akan tetapi pada hari ini telah mencecah hampir 55% dan menduduki dalam keadaan yang amat bahaya. *We have to take stop now* sebab kedudukan kita sudah hampir menyamai kedudukan negara *Greece* yang istilah telah bankrap. Ada orang kampung beritahu kepada saya Tuan Yang di-Pertua, *Greece* kalau bankrap serupa juga kita macam ini. Tidak, tidak serupa. Hari ini kalau kita pergi *Greece* hendak pinjam duit pun, hendak mengimport barang-barang pun amat sukar Tuan Yang di-Pertua. Jadi oleh itu, saya meminta negara kita ini- ini kerajaan kita mengambil iktibar. Ini kerana kalau kita campur dengan liabiliti kerajaan, kepada GLC semua ini, saya difahamkan hampir 70% kita berhutang berdasarkan kepada KDNK.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Boleh 20 minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebenarnya masa sudah habis.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Okey Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kata begini sahajalah. Ringkas, ringkas mengurus. Saya hendak minta kerajaan timbang, ini perangkaan kita dari segi perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan mengurus kita meningkat dengan hampir 15%. Ini perbelanjaan mengurus, tidak kira lagi pembangunan tetapi kita punya *revenue*, pendapatan kita meningkat hanya 12%. Ada *deferential*, perbezaan 2% antara *revenue* dengan perbelanjaan mengurus. Percayalah kalau *trend* ini berterusan, percayalah Tuan Yang di-Pertua, negara kita akan menghadapi masalah suatu ketika.

Saya hendak minta kerajaan kita. Saya hendak orang kata, *not in a negative connotation* dengan izin, mencabar kerajaan supaya *work on AG's Reports*. Kita hendak tengok supaya tahun depan ada *zero* ketirisan, *zero wastage* dan kalau boleh *zero* peruntukan tambahan pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tidak adil. Banyak lagi yang hendak diperkatakan, saya hendak ringkaskan sahaja. Saya minta kalau boleh, hasil kita ini, pendapatan kita bergantung dengan Petronas cukup hebat. Sebanyak 35% - 40% hasil negara kita, kita bergantung kepada Petronas. Petronas adalah hak rakyat. Saya mohon agar kerajaan memberikan pertimbangan supaya Petronas ini tidak lagi terletak di bawah satu jabatan, malahan hendaklah diletakkan di bawah Parlimen.

Saya juga minta- saya menyambut baik kerajaan mencadangkan bahawa KSN akan melihat kepada perbelanjaan kita, ketirisan, pembaziran dan sebagainya. Saya memohon agar kerajaan menggunakan KSN ini bekerjasama dengan SPRM, *Public Account Committee* dan badan-badan lain untuk melihat bahawasanya ketirisan dan pembaziran tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita patuh kepada arahan ataupun kajian daripada Ketua Audit Negara, kita boleh menyelamatkan RM20 bilion hingga RM30 bilion atau RM40 bilion. Bererti kalau sekarang ini kita dapat 3.3% defisit, percayalah kalau kita berjaya mengambil syor-syor daripada Ketua Audit Negara, *it is not impossible*, dengan izin, kita akan datang hampir kepada *balance budget* pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak kata beginilah. Hendak mengucapkan terima kasih kepada kerajaan bagi peruntukan kepada *Kuantan Port/Airport* dan sebagainya. Hanya saya hendak minta satu sahaja, agar kerajaan cuba melihat keadaan di *Kuantan Port/Airport*. Akses kepada *airport*, akses kepada Pelabuhan Kuantan, akses daripada Kuantan hendak pergi Lebuhraya Pantai Timur adalah ibarat macam hendak masuk ke ladang, ke estet. Jadi ini adalah perkara yang perlu diambil perhatian oleh kerajaan.

Saya hendak menggulung dengan menyatakan begini Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya kita mengambil semangat Maal Hijrah. Saya bermula dengan Maal Hijrah- hendak menggulung dengan Maal Hijrah. Maal Hijrah Tuan Yang di-Pertua, tiga perkara yang dilakukan oleh Rasulullah apabila dia berhijrah daripada Mekah ke Madinah, tiga perkara yang utama.

Pertama, Baginda menyatukan golongan Ansar dan Muhajirin. Baginda menyatukan, bukan menyatukan Melayu dengan Melayu, bukan menyatukan Islam dengan Islam. Baginda menyatukan Islam dengan bukan Islam. Dalam erti kata yang lain, dalam semangat Maal Hijrah, perpaduan rakyat bukan perpaduan Melayu, bukan perpaduan Orang Asli, bukan perpaduan kaum Cina tetapi perpaduan rakyat Malaysia harus menjadi keutamaan dalam gerakan kerajaan kita yang ada pada hari ini.

Panjang lagi yang boleh dibicarakan tetapi oleh sebab masa Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyatakan bahawasanya pada dasarnya kita menerima, tidak terima pun kena terima belanjawan kerajaan yang- tetapi kalau kita lihat, saya minta kerajaan juga meneliti belanjawan yang disediakan oleh pihak Pakatan Rakyat. Apakah tidak hilang bisanya ular menyusur akar, melihat kalau ada kebaikan kita gunakan. Jangan mengambil sikap *the government is always right, and the opposition is always wrong*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1500

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih, Yang Berhormat Tanjong Piai. Sila, 10 minit.

3.00 ptg.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan untuk Belanjawan 2014.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari harus juga mengambil kira masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah projek terbengkalai. Beban yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah projek terbengkalai selalu dimuatkan di dada-dada akhbar. Akan tetapi, harus ada satu penyelesaian yang berpihak kepada pembeli rumah terbengkalai dibuat bagi mereka meringankan beban yang dihadapi. Pembeli-pembeli rumah projek terbengkalai tidak dilindungi oleh undang-undang. Mereka tersepit di antara pemaju yang tidak bertanggungjawab dan pihak bank yang tidak berkompromi dalam mengenakan tindakan terhadap pembeli-pembeli rumah projek terbengkalai.

Setelah pembeli-pembeli rumah mendapat pinjaman dari bank untuk dibayar kepada pemaju, terdapat banyak kes di mana pemaju meninggalkan projek perumahan tersebut walaupun wang telah, dengan izin, di *drawdown* oleh pihak bank untuk membayar terhadap pembinaan rumah. Arkitek telah memberi kerjasama kepada pemaju walaupun tahap pembinaan tidak mencapai tahap dalam laporan arkitek.

Izinkan saya mengambil contoh projek Apartmen Danau Sutera yang pemajunya Nilai Idaman Sdn. Bhd yang terbengkalai sejak tahun 2002. Oleh yang demikian pihak pembeli masih terpaksa membayar faedah bersama bayaran bulanan untuk rumah tersebut meskipun projek perumahan tersebut terbengkalai. Tuan Yang di-Pertua, sudahlah rumah yang dibeli terbengkalai, bayaran bulanan bersama faedah perlu dibayar dan kebanyakan pembeli rumah adalah pembeli

rumah kali pertama terpaksa pula terus mengeluarkan wang untuk menyewa rumah. Ini cukup membebankan pihak pembeli rumah kerana tidak ada apa-apa jaminan rumah yang dibeli boleh disediakan walaupun projek yang dibeli dana dan dibantu oleh kerajaan supaya siap. Saya mencadangkan supaya pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab diadili secukupnya seperti berikut:

- (i) supaya kerajaan menghalang pemaju-pemaju dari diisytiharkan mufliis atau syarikat mereka digulung bagi memberi peluang kepada pembeli-pembeli rumah ini membuat tuntutan kepada syarikat;
- (ii) supaya diadakan undang-undang untuk menjadikan pengarah-pengarah syarikat dengan izin, *personally liable* atau bertanggungjawab secara peribadi bagi projek yang terbengkalai. Oleh yang demikian guaman boleh dijalankan terhadap pengarah syarikat secara peribadi; dan
- (iii) tindakan undang-undang ini juga harus diambil terhadap pihak arkitek jika mereka didapati memalsukan laporan terhadap pembinaan yang tidak mencerminkan keadaan yang sebenarnya.

Di samping itu kerajaan harus memastikan pembeli-pembeli rumah projek terbengkalai tidak dibebani oleh beban hutang oleh kerana pihak bank tidak mengambil kira projek perumahan adalah terbengkalai. Oleh itu saya mencadangkan bahawa faedah projek perumahan terbengkalai tidak perlu dibayar kepada bank untuk meringankan beban pembeli-pembeli projek perumahan terbengkalai.

Saya juga mencadangkan supaya diwajibkan terma-terma perjanjian pinjaman dengan bank dimasukkan di mana terma tersebut memberi ruang kepada pembeli rumah untuk tidak perlu membayar faedah. Oleh kerana projek perumahan mereka terbengkalai. Kerajaan harus mengenal pasti mengapakah pembayaran kepada bank terus dibuat walaupun jelas projek tersebut terbengkalai dan pembayaran harus dilakukan secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh isu status projek terbengkalai Plaza Rakyat Kuala Lumpur. Tahun hadapan merupakan Tahun Melawat Malaysia. Sesungguhnya negara kita ingin menunjukkan yang terbaik kepada dunia terutamanya Bandaraya Kuala Lumpur yang menjadi nadi negara ini. Walau bagaimanapun, terdapat projek-projek terbengkalai di tengah kota yang menyakitkan mata.

Saya ingin mengetahui status terkini Plaza Rakyat yang telah sekian lama terbengkalai dan juga sama ada Unit Penswastaaan, Jabatan Perdana Menteri telah mendapat mengenal pasti syarikat baru yang akan mengambil alih projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ingin memperkenalkan GST yang akan dilaksanakan pada tahun 2015. Saya mencadangkan kerajaan lebih agresif untuk membetulkan persepsi yang ditimbulkan oleh pihak tertentu terhadap GST. Rakyat harus mengetahui bahawa GST yang dicadangkan oleh kerajaan bukan bersifat regresif dan akan membawa keuntungan kepada rakyat dan negara pada jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan GST yang akan meluaskan pencapaian cukai dengan izin, *broaden the tax base* adalah amat diperlukan untuk memacu ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi. Kadar GST yang berasaskan kepenggunaan adalah lebih rendah dari kadar cukai jualan yang kini 10% dan perkhidmatan 6% dan ini merupakan cara yang saksama dalam kutipan cukai.

Melalui GST juga kerajaan dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pendapatan dari cukai langsung dan petroleum sambil memberi ruang kepada kerajaan untuk mengurangkan cukai persendirian dan cukai korporat yang akan memberangsangkan ekonomi. Saya mencadangkan supaya kerajaan dan agensi yang terlibat turun padang untuk memberi maklumat yang tepat kepada rakyat berkenaan GST. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ramai orang awam terutamanya penduduk luar bandar ramai yang tertanya-tanya apakah itu GST. Barangan apakah yang akan dikenakan GST. Adakah selepas pelaksanaan GST harga barangan akan naik? Pada masa yang sama, saya memohon pertimbangan kepada kerajaan mengenai dengan kadar GST yang dikenakan. Saya pasti kerajaan telah membuat kajian menyeluruh mengenai kadar GST. Akan tetapi saya mencadangkan supaya kadar GST dimulakan pada kadar 4% dan tahun demi tahun kadar tersebut boleh dinaikkan.

Sebagai contoh negara jiran Singapura, telah melaksanakan GST pada tahun 1994 pada kadar 3%, ia telah naik kepada 4% pada tahun 2003, 5% pada tahun 2004 dan 7% pada tahun 2007. Saya mencadangkan kenaikan berkala contoh seperti yang disebut tadi digunakan untuk mendidik rakyat mengenai pelaksanaan GST ini. Akan tetapi saya hendak tahu juga apakah rasional kerajaan memulakan dengan kadar 6%.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengetengahkan isu tapak sekolah SJK(C) Chin Wu Kuala Lumpur. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tapak SJK(C) Chin Wu merupakan tanah yang diberikan oleh pihak Kerajaan British pada tahun 1938 sebagai tujuan pendidikan. Maka tanah tersebut dimiliki oleh Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan. Pihak pengurusan SJK(C) Chin Wu telah dimaklumkan melalui surat oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan pada tahun 2011 bahawa pihak kementerian hendak mengambil balik tanah seluas 0.69 hektar kawasan sekolah yang berstatus hak milik kerajaan sebagai kegunaan untuk membina Kampung Budaya yang dianggarkan bernilai RM32.5 juta menerusi Projek Kota Warisan Kuala Lumpur.

Setakat ini terdapat beberapa kali rundingan di antara pihak sekolah dengan pihak kerajaan atas perkara ambil alih tanah sekolah SJK(C) Chin Wu dan kesemuanya tidak menghasilkan keputusan yang menunjukkan *win-win situation* bagi kedua-dua pihak atas perkara ini. Selain itu pihak SJK(C) Chin Wu pernah mendapat kelulusan peruntukan oleh pihak Kementerian Pendidikan pada tahun 2010 sebagai kegunaan baik pulih kerana sekolah ini merupakan sekolah bantuan kerajaan. Peruntukan tersebut akan dibelanjakan sekiranya tindakan pengambilan tanah dalam SJK(C) Chin Wu dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, tindakan ambil alih tanah SJK(C) Chin Wu telah diarahkan supaya ditangguhkan pada bulan September 2013 oleh pihak Kementerian Pelancongan dan

Kebudayaan. Ketua Setiausaha Negara telah mencadangkan pihak SJK(C) Chin Wu menyewa kawasan tanah yang merupakan hak milik kerajaan dengan syarat RM1000 setiap tahun untuk 20 tahun akan datang. Kerajaan juga memberi empat syarat untuk menangguhkan pengambilan tanah pada bulan Oktober 2013.

Tuan Yang di-Pertua, pihak sekolah perlu membuktikan terdapat peningkatan dalam kadar pengambilan pelajar bagi SJK(C) Chin Wu selepas 15 tahun dari syarat sewa tanah itu.. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya berpendapat bahawa pihak Kementerian Pendidikan seharusnya mengambil inisiatif untuk menghasilkan masalah ini dari awal lagi memandangkan sekolah ini sekolah bantuan kerajaan.

■1510

Oleh itu saya ingin tahu, apakah pendirian Kementerian Pendidikan di dalam isu ini? Kementerian Pendidikan harus mengambil tindakan untuk mengelakkan tapak sekolah tersebut dikenakan bayaran memandangkan SJK(C) Chin Woo merupakan sebuah sekolah yang berada di bawah hak milik Kementerian Pendidikan atau pun sekolah bantuan kerajaan. Saya berharap sekiranya kerajaan memutuskan bayaran RM1,000 setahun dikenakan, saya berpendapat ianya patut ditanggung oleh Kementerian Pendidikan dan bukannya pihak sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh satu isu lagi. Sebagai masyarakat yang majmuk, setiap segmen masyarakat mempunyai keperluan masing-masing untuk memastikan kesinambungan masa depan. Saya mengalu-alukan perkasa pembangunan masyarakat India yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada masa yang sama, saya memohon supaya kerajaan juga prihatin terhadap belia kaum-kaum lain terutamanya belia kaum Tionghoa yang menunjukkan potensi untuk berkembang dan maju di dalam bidang keusahawanan untuk mendapatkan peruntukan untuk meningkatkan pencapaian pelajaran dan latihan kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan pemberian pinjaman dari TEKUN dan juga Amanah Ikhtiar Malaysia. Jika peluang pinjaman diberi kepada belia dari kaum lain yang bertanggungjawab ia akan pasti memberi peluang atau memberi pulangan yang memberangsangkan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan saya mohon agar segala isu yang dibangkitkan dapat diberi keprihatinan oleh kerajaan. Jadi itu sahaja. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Parit Buntar. Sepuluh minit ya?

3.12 ptg.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terus masuk kepada persoalan Bajet 2014 dengan membawa isu yang masih lagi menjadi dasar dalam mana-mana kita membincangkan tentang tata kelola kewangan yang baik iaitu pertamanya, berhemah.

Saya merasakan bajet yang kita bincang buat sekian kalinya adalah bajet yang banyak sekali menggambarkan atau pun melihat pembaziran yang dibuat oleh kerajaan yang memerintah hari ini iaitu Barisan Nasional, sedangkan kalau kita tengok pepatah Melayu, di dalam kita memegang nilai-nilai murni iaitu, yang lama dikelek, yang baharu didukung. Maknanya benda-benda asas yang orang-orang kampung selalu cakap iaitu berjimat cermat, pandai berbelanja dan sebagainya mungkin sering kali kita sudah dengar. Ibu bapa kita orang kampung juga berpesan tetapi masalahnya kita tidak melaksanakan peribahasa yang baik ini di dalam melaksanakan tata kelola kewangan.

Saya bagi contoh antaranya ialah isu-isu yang berkaitan dengan perbelanjaan daripada Jabatan Perdana Menteri sendiri yang saya kira hampir kesemua rakan di sini sudah memberikan pandangan tentang perbelanjaan yang besar itu. Antara lain Tuan Yang di-Pertua yang melibatkan gaji-gaji yang diberi kepada CEO yang dibuat dalam Jabatan Perdana Menteri untuk kononnya memudahkan pelaksanaan projek dan mencapai KPI yang ditetapkan. Cuma persoalannya kita melihat pembaziran terhadap gaji-gaji yang diberi kepada CEO ini kadang-kadang melampaui lebih daripada gaji tertinggi di dalam perkhidmatan awam.

Bagi saya ini satu— saya tidak sebut penghinaan, tetapi seolah-olah yang diluluskan untuk belanja gaji yang besar ini dan saya rasa rakan-rakan di sebelah sana akan bersetuju dengan saya, tidak ada mana hasilnya apabila dalam bajet yang kita buat tahun sudah apabila dibentangkan Laporan Audit, kita masih mendengar perkara yang sama. Lainlah kalau kita *invest*, bayar gaji yang tinggi tetapi kita dapat menyelamatkan duit negara daripada ketirisan dan sebagainya. Bagi saya itu tidak mengapa tetapi belanja tinggi di dalam Jabatan Perdana Menteri yang meningkat dari setiap bajet hingga ke sekarang ini RM16 bilion tetapi kita masih berbicara tentang ketirisan yang berlaku yang melibatkan berbilion-bilion ringgit. Itu satu. Bagaimana kerajaan melihat berhemahnya kita dengan duit ringgit ini?

Keduanya, PLKN yang memakan belanja RM70 juta dengan pelbagai masalah yang telah dibentangkan dalam Laporan Audit. Itu pun satu perkara yang saya rasa kami daripada Pakatan Rakyat melihat dengan rendah hati bahawa seharusnya PLKN ini kita nilai semula. Ini kerana ia memakan belanja yang besar sedangkan pelbagai penyelewengan berlaku dalam segi tata kelola kewangan dan kesannya itu pun tidaklah seberapa mana.

Seterusnya ialah dari sudut berhemah seperti orang tua-tua kita berpesan iaitu ketelusan dari sudut perolehan-perolehan kerajaan yang paling tinggi kita tengok berlaku ketirisan dalam sejarah bajet negara ialah ketirisan dalam perolehan pertahanan. Ini adalah satu yang amat mendukacitakan kita kerana dengan berlakunya ketirisan dalam perolehan pertahanan, ia menyebabkan negara rugi berbilion-bilion ringgit sedangkan duit yang kita gunakan atau belikan untuk perolehan ini boleh kita masukkan ke dalam perbelanjaan pembangunan khususnya yang kita tengok peruntukannya sedikit.

Saya terus masuk Tuan Yang di-Pertua kepada satu lagi aspek iaitu keberkesanan. Orang tua-tua juga ada menyatakan, "*Ikan di hulu, tuba di hilir*" iaitu satu perumpamaan yang menggambarkan satu perbuatan yang sia-sia. Dengan niat yang baik tetapi sia-sia. Maksud saya

Kerajaan Barisan Nasional dan saya kira mana-mana kerajaan, tidak semestinya Barisan Nasional sahajalah, mana-mana kerajaan apabila kita berniat baik hendak tolong orang, buat kebajikan tetapi biarlah kita buat itu jangan sia-sia. Ini kerana kebajikan walau pun satu benda yang baik tetapi ia memakan belanja bagi pihak pemerintah. Bukan *free*. Bukan *gratis*. Dia perlu dapat duit untuk tolong orang. Tidak ada dalam dunia kita hendak tolong orang *free*, tidak ada. Khususnya kepada kerajaan yang memang tanggungjawabnya memberi kebajikan kepada rakyat.

Akan tetapi mestilah kebajikan itu jangan disia-siakan. Saya beri contoh, dalam subsidi, yang ini saya kena sebutlah sebab ini sudah beberapa kali saya lontarkan di dalam Dewan Parlimen ini. Sekarang kita ada apa yang dinamakan sebagai subsidi yang sifatnya itu secara umumnya masih lagi di atas premis subsidi umum dari sudut bahan api dan juga makanan. Subsidi umum ini maknanya *general subsidy* yang semua orang dapat. Yang kaya pun dapat, yang miskin pun dapat.

Walau pun kita menyatakan subsidi kita sekarang ini subsidi yang bersasar tetapi realiti sebenarnya subsidi ini banyak yang tersasar. Sudah beberapa kali saya ulang di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua tentang kita kata subsidi petrol dan makanan contohnya. Subsidi petrol orang miskin pun dapat, orang kaya pun dapat. Saya mencadangkan bagi keberkesanan bajet kali ini, apa salahnya kerajaan memikirkan subsidi yang lebih bersasar kepada mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah supaya mereka menikmati subsidi petrol, bahan api dan juga makanan.

Bagi yang bergaji lebih daripada itu khususnya yang bergaji RM6,000, RM7,000 dan RM10,000 ke atas saya rasa mereka tidak memerlukan subsidi. Mereka terpaksa bayar harga pasaran tetapi yang ada sekarang yang kaya gaji RM10,000 atau RM20,000 pun dapat, yang gaji RM3,000 atau yang bawah miskin pun dapat. Akan tetapi bagi saya yang banyak akan menggunakan subsidi petrol ini bukan orang miskin tetapi orang yang ada kemudahan.

Oleh sebab itu saya mencadangkan seperti yang dibuat oleh beberapa negara yang lain bahawa subsidi yang kita maksudkan supaya berkesan ini biarlah benar-benar kita boleh gunakan mekanisme subsidi e-petrol yang mana mereka diberikan semacam satu kupon atau apa juga bentuk yang melayakkan mereka dapat dan mereka akan gunakan.

1520

Bukan bayar *cash* pakai duit, tapi bayar kupon di mana kerajaan sudah pun memperuntukkan subsidi untuk mereka. Adapun orang yang tidak layak, yang berpendapatan tinggi, mereka bayar harga pasaran. Dengan cara itu kita dapat selamatkan berbilion subsidi petrol yang kita bagi untuk minyak dan sebagainya, supaya duit itu kita guna untuk pembangunan dan sebagai pendidikan, kita labur balik dalam modal insan.

Jadi tidaklah subsidi kita ini terbuang begitu sahaja, dan satu model yang terbaik, yang telah ditunjukkan iaitu di negara Iran sendiri. Saya bukan Syiah lah, tapi saya hanya menunjukkan satu *administrative reform* yang dibuat oleh Kerajaan Iran. Pada tahun 2010 mereka telah memperkenalkan *subsidy reform* di mana tiga tahun kemudian, mereka telah berjaya menjimatkan

100 bilion daripada khazanah negara apabila mereka telah buat *subsidy reform* kepada yang bersasar, bukan yang tersasar...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Parit Buntar, gulung.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey, saya hendak *landing* sudah ini. Jadi saya rasa itulah yang penting ini. Jadi saya mencadangkan dalam penggulungan, *point* saya yang terakhir ini, kita semua sayangkan negara kita ini. Saya rasa tidak timbul apabila kita mencadangkan, pembangkang tidak sayang negara. Mereka hendak tengok negara kita susah kah? Saya rasa itu bukan isunya, dan saya rasa rakan-rakan di sebelah sana pun tahu itu bukan isunya tapi maklumlah Ahli Parlimen bila dia cakap begitu, sensasilah sikit kan tetapi sebenarnya kita tahu bahawa, "*Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri*". Kita tahu, semua itu kita tahu. Ia bukan isu sebenarnya.

Apa yang kita cakap di sini, rakan-rakan saya bercakap di sini ialah tentang bagaimana tata kelola kewangan negara, dari segi berhemahnya, dari segi berkesan.

Maka itu saya mencadangkan, pertama Tuan Yang di-Pertua, bagi saya habiskan cadangan nanti takut tergantung. Maknanya Yang Berhormat Parit Buntar tidak memberi cadangan kata kawan-kawan kita. Pertama ialah saya mencadangkan tindakan susulan yang tegas diambil hasil daripada Laporan Audit Negara. Saya rasa sahabat-sahabat sana pun setuju. Tegas! Jangan hanya kita akan ambil tindakan sekarang ini dua orang sudah disabitkan begitu, lepas itu kita tidak tahu apa jadi. *So*, saya tidak mahu jadi, "*Intan di kalungkan di leher anjing*". Itu pepatah Melayu ya. Cakap, cakap, cakap tapi tidak dengar ya. Jadi kita tidak mahu jadi, "*Intan di kalungkan di leher anjing*". Jadi susulan, tindakan tegas.

Yang kedua saya cadangkan, meluaskan lingkaran pembayar cukai. Lingkaran pembayar cukai ini akan menghasilkan, meluaskan lingkaran cukai itu akan menghasilkan pendapatan kepada negara.

Kemudian saya mencadangkan juga duti setem untuk transaksi hartanah yang tinggi. Nilai mesti dikenakan duti setem termasuklah apa yang kita namakan cukai keuntungan modal diperkenalkan, dan saya harapkan juga data lengkap. Kalau kita kata GST kita hendak perkenalkan pada 1 April 2015, seharusnya kita melihat keberkesanan subsidi bersasar ini dengan pada tahun 2015, kita telah sedia ada satu data lengkap mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah, di mana mereka ini kita akan gunakan pendekatan subsidi yang bersasar, dan dengan itu kita dapat kawal duit negara supaya kena pada tempatnya dan dengan itu mengikut model daripada negara-negara yang telah berjaya mengadakan subsidi bersasar ini, mereka telah berjaya menjimatkan beratus bilion ringgit.

Daripada kita bercakap, *introduced* GST boleh untung berapa ratus ribu kah, lebih baik kita fikir macam mana kita hendak *reform* kita punya subsidi, sedangkan negara kita ini belum lagi sampai kepada tahap GST yang mana pepatah Melayu kata, "*Dayung sudah di tangan, perahu sudah di air*". Ini dayung entah ke mana, perahu entah ke mana, air pun tidak nampak...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Oh, perahu bocor.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya rasa itu sahaja. Cuma saya bagi, izinkan saya menutup dengan firma Allah SWT, moga-moga mendapat berkat pada semangat Hijrah ini [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Mereka yang apabila berbelanja (maksudnya kerajaan juga), mereka tidaklah berboros dan mereka tidaklah bakhil dan kedekut. Sesungguhnya mereka mengambil pendekatan yang pertengahan iaitu tidak boros dan tidak kedekut. Dengan firman Allah itu, saya menggulung perbahasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila Yang Berhormat Jerantut. Masa 10 minit ya.

15.25 ptg.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, dan salam perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014. Tuan Yang di-Pertua, untuk petang ini saya hidangan serangkap pantun.

Ramai MP kaku dan terkedu,

Mendengar bajet yang PM bentang,

Pembangkang pula cemburu dibalut keliru,

PM bajet penuh penyayang.

Terdahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pekan kerana telah berjaya membentangkan satu bajet yang penuh prihatin dan penyayang bagi membantu segenap lapisan rakyat yang terdiri daripada golongan miskin, pertengahan, mahupun yang kaya. Ia juga mencakupi yang tinggal di desa, di FELDA, bandar kecil dan juga di bandar besar, yang bekerja sendiri, yang bekerja di sektor swasta mahupun penjawat awam. Tidak terkecuali golongan belia dan pelajar. Semuanya telah mendapat pertimbangan kerajaan dan dibela dalam Bajet tahun 2014 ini. Syabas saya ucapkan.

Dengan jumlah peruntukan sebanyak RM264.2 bilion, saya yakin dan percaya pelaksanaan langkah-langkah program dan projek kesejahteraan rakyat, dan pembangunan negara akan tercapai. Peruntukan bajet tahun ini memperlihatkan pertambahan sebanyak RM12.6 bilion daripada jumlah peruntukan tahun 2013, iaitu sebanyak RM251.6 bilion. Ini menunjukkan kerajaan masih mampu berbelanja dan mempunyai pendapatan yang baik walaupun dalam keadaan ekonomi global yang dijangka berkembang perlahan pada kadar 2.9% pada tahun 2013.

Dalam bajet kali ini saya melihat beberapa inisiatif baru telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk meningkat dan merencanakan ekonomi dan pembangunan negara. Justeru itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan beberapa perkara bagi memohon penjelasan kepada kerajaan dan juga memberikan cadangan untuk dipertimbangkan oleh kerajaan.

Pertamanya, cukai barangan dan perkhidmatan yakni GST. Tuan Yang di-Pertua, pantun serangkap lagi.

Bicara GST Pak Pandir bagaikan pakar,

Kebaikan pula selalu disalah erti,

Cerita sebenar berguni diputar,

Pemikiran rakyat diracuni tidak pernah henti.

Isu GST ini nampaknya merupakan isu yang paling popular di kalangan Ahli Parlimen Dewan Rakyat dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 kali ini. Saya berpendapat demikian kerana pengenalan GST di dalam Dewan ini pada kali ini merupakan sejarah buat negara. Sebanyak 160 buah negara di dunia telah pun melaksanakan GST, dan ini membuktikan bahawa sistem ini banyak memberi manfaat kepada negara-negara berkenaan. Sebagai contoh Australia- telah dapat meningkatkan pendapatan per kapita rakyatnya sebanyak lebih tiga kali ganda kepada USD67,000 sekarang, berbanding hanya kira-kira USD20,000 semasa GST mula diperkenalkan tahun 2000.

Sebagai permulaan, kerajaan telah menyatakan hasrat untuk mengenakan kadar cukai GST sebanyak 6% yang dijangka dapat menjanakan pendapatan fizikal antara RM3 bilion hingga RM4 bilion yang mampu mengimbangi kehilangan pendapatan cukai perkhidmatan dan jualan selama enam bulan. Berhubung dengan kadar cukai 6% yang dicadangkan, saya ingin memohon penjelasan daripada kerajaan apakah rasional dan asas yang diguna pakai bagi penetapan kadar cukai tersebut sungguhpun ia dianggap kadar terendah di kalangan negara ASEAN?

Selain daripada itu, terdapat tanda tanya daripada kalangan rakyat berhubung dengan formula kiraan dan penetapan harga sesuatu barangan dan perkhidmatan yang dipasarkan. Sebagai contoh jika satu barangan tersebut semasa di bawah sistem cukai SST ialah RM10 dan setelah ditolak cukai 15% cukai SST, maka harga asas barangan tersebut akan menjadi RM8.50.

■1530

Akan tetapi apabila harga asas ini dikenakan cukai GST yang 6%, harga tersebut akan menjadi rendah kepada RM9.01 setelah ditambah cukai sebanyak 51 sen. Maknanya, dengan pengenalan GST tidak sepatutnya berlaku inflasi. Bagi mengatasi segala salah faham rakyat berhubung GST ini, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya diadakan sesi penerangan yang menyeluruh kepada rakyat bagi menjelaskan kesan-kesan GST ini kepada rakyat dan negara.

Di bawah tajuk “Memperkasakan Ekonomi Bumiputera” Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membawa perbahasan ini kepada isu memperkasakan ekonomi bumiputera yang telah mendapat perhatian dan perbincangan secara meluas di kalangan rakyat jelata. Pelan strategik memperkasakan ekonomi bumiputera yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan pada 15 September 2013 merupakan satu anjakan drastik dalam membina nasib bumiputera yang mewakili 67.9% daripada 27.4 juta rakyat Malaysia. Kemuncak kepada pelaksanaan strategi berkenaan adalah penubuhan Majlis Ekonomi Bumiputera bagi menggantikan Majlis Tindakan Ekonomi Bumiputera.

Saya menyanjung tinggi usaha kerajaan untuk mengangkat agenda memperkasakan ekonomi bumiputera ini sebagai agenda nasional. Sebagai penduduk majoriti di negara ini, kedudukan ekonomi kaum bumiputera harus dibela sebagaimana terkandung dalam tujuh wasiat oleh sembilan Raja-Raja Melayu yang telah menyatakan tidak boleh diabaikan tentang ekuiti dan pemilikan orang Melayu dan kemudiannya diperluaskan kepada bumiputera melalui penyertaan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia.

Matlamat utama kerajaan dalam pelan strategi ini adalah untuk memastikan sasaran ekuiti ekonomi bumiputera sebanyak 30% dicapai. Di samping itu, untuk meningkatkan kemampuan bumiputera dalam bidang keusahawanan dan pendidikan. Justeru, adalah diharapkan kepada mereka yang membangkang kepada usaha ini supaya tidak menyifatkan pelaksanaan pemerksaan ekonomi bumiputera sebagai perkauman kerana agendanya adalah untuk meningkatkan daya saing dan mengangkat martabat bumiputera.

Namun begitu, saya dapat beberapa kekangan untuk mendapat hasrat ini. Antaranya ialah kurangnya sokongan oleh syarikat yang berkaitan dengan kerajaan untuk menyokong dan membantu para usahawan bumiputera dalam mendapatkan kontrak perniagaan dengan GLC. Selain daripada itu, pihak GLC juga didapati sering memberi kontrak dan keistimewaan kepada syarikat vendor yang berpengaruh dan telah lama berurusan dengan mereka. Lantas, menyekat peluang bagi vendor-vendor bumiputera yang baru. Masalah ini ditambah dengan tidak adanya ekosistem yang bersepadu antara agensi untuk membantu usahawan bumiputera. Justeru itu, saya memohon penjelasan kerajaan apakah caranya untuk membantu usahawan bumiputera yang ingin mendapat kontrak dengan syarikat GLC dan apakah mekanisme yang dapat diwujudkan agar ekosistem bersepadu dapat diwujudkan untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perumahan rakyat. Satu lagi isu yang hangat dan sering menjadi perbualan rakyat ialah berhubung dengan masalah pemilikan rumah yang selesa khususnya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Ini adalah disebabkan harga rumah yang terlalu tinggi dan di luar kemampuan untuk dibeli. Selain daripada itu, adalah disebabkan juga oleh masalah bekalan rumah yang tidak mencukupi dan kesukaran untuk mendapat pinjaman daripada bank. Bagi yang sudah membeli rumah pula, wujud pelbagai masalah lain yang melambatkan proses pemilikan rumah tersebut. Misalnya masalah kelewatan mendapatkan sijil kelayakan menduduki atau CF yang mana ada terpaksa menunggu bertahun-tahun lamanya untuk menduduki rumah yang telah dibeli. Saya menyanjung tinggi usaha kerajaan untuk membantu rakyat dalam mengatasi masalah pemilikan rumah melalui pelbagai program yang diadakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jerantut gulung ya?

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: *Insyah-Allah*, antaranya usaha kerajaan untuk menyediakan sejuta unit rumah mampu milik untuk rakyat dalam tempoh lima tahun akan datang. Ini disusuli inisiatif kerajaan untuk memberi subsidi antara RM15,000 hingga RM20,000

bagi membolehkan rakyat membeli rumah mesra yang dimajukan oleh Syarikat Perumahan Negara.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya kerajaan dapat menyediakan satu tabung khas bagi rakyat yang berpendapatan rendah membuat pinjaman pada kadar 1% untuk membeli rumah. Selain daripada itu, saya juga mencadangkan supaya kerajaan dapat mewujudkan satu pusat penyimpanan data pemilikan rumah, pemantauan pembeli rumah di bawah Program PPR, Program Perumahan Rakyat 1Malaysia, Perumahan Mesra Rakyat 1Malaysia dan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia. Ini bertujuan untuk mengelakkan seseorang itu memiliki lebih daripada satu rumah yang disediakan di bawah program kerajaan ini.

Saya juga mencadangkan tempoh pinjaman rumah kembali dipanjangkan kepada 45 tahun seperti yang diluluskan sebelum ini bagi mengatasi masalah terpaksa membayar ansuran pinjaman rumah yang tinggi setiap bulan bagi membantu penjawat awam. Kerajaan juga diharap dapat meluluskan permohonan CUEPACS supaya kadar pinjaman perumahan kerajaan dikenakan pada kadar 1%.

Sedikit Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan isu alam sekitar yang melibatkan kawasan Parlimen saya iaitu Jerantut. Ia adalah berkaitan dengan pencemaran yang berlaku terhadap sungai Pahang yang disebabkan oleh aktiviti perlombongan bijih dan pembalakan yang agresif di daerah pedalaman. Akibat aktiviti yang tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan, ia telah memberi kesan yang negatif terhadap alam sekitar dan penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, di ruang ini saya juga ingin menyentuh masalah keselamatan di Jerantut. Oleh kerana Parlimen Jerantut merupakan Parlimen yang menjadikan pintu masuk kepada pelancong yakni ada Taman Negara, maka adalah sangat wajar agar Jerantut diberikan sebuah IPD yang baru kerana IPD sekarang telah dibina pada tahun 1976 dan sudah pasti segala kemudahannya tidak sesuai dengan perkembangan Jerantut sebagai Parlimen yang besar antara yang terbesar di Malaysia ini yang meliputi keluasan Negeri Sembilan, Melaka dan juga Perlis.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2014 ini telah dengan jelas sekali merupakan bajet untuk membantu rakyat. Keberanian kerajaan untuk membuat perubahan dan melaksanakan transformasi kewangan negara adalah satu-satunya langkah yang harus diberi pujian. Sungguh pun banyak perkara yang dipersoalkan oleh pihak pembangkang tetapi sebagai sebuah kerajaan yang berwibawa, tindakan drastik harus dilaksanakan demi kemakmuran bangsa dan negara.

Apa pun Bajet 2014 ini telah mendapat pujian daripada beberapa pihak. Antaranya penganalisis dari Singapura yang secara umumnya menyifatkan cadangan dalam bajet ini sebagai langkah yang berani dan berhemat. Oleh itu, tidak hairanlah jika di lihat negara kita telah diberi penarafan dunia dalam banyak aspek. Yang terbaru ialah Malaysia menempatkan diri ke tempat keenam daripada 189 negara yang mudah menjalankan perniagaan. Dengan ini saya sudah dengan ungkapan **wabilahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh**. Saya mohon menyokong. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur.

3.38 ptg

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan dan bajet yang bertemakan "Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasakan Transformasi Dan Melaksanakan Janji".

Apa yang kita dapat lihat dalam Bajet 2014 ini adalah satu tindakan kerajaan yang melaksanakan janji tersirat selepas Pilihanraya Umum Ke-13 di mana GST akan dilaksanakan pada tahun 2015. Isu ini telah pun hangat dibahaskan oleh kedua-dua pihak. Saya cuma ingin mengambil kesempatan untuk membuat kenyataan di sini bahawa ungkapan atau pun kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat di sebelah mengatakan GST ini tidak akan memberi kesan atau pun impak kepada golongan yang berpendapatan rendah atau pun sederhana adalah tidak begitu betul.

Kita dapat lihat walaupun memang dikatakan orang yang berbelanja lebih akan dikenakan cukai lebih jika GST dilaksanakan. Akan tetapi saya hendak bagi satu contoh. Jika seorang yang kaya-raya, dia hendak beli barang mewah seperti satu *handbag* Birkin, dia akan pergi ke London. Dia tidak akan beli Birkin di *Mid Valley* ataupun di Pavilion kerana di London dia akan dapat pengecualian GST di sana. Dia tidak akan belanja wang itu di sini. Jadi, dia tidak akan membawa kebaikan kepada negara kita. Kalau dia hendak beli cincin permata berjuta-juta ringgit, takkan dia akan beli di negara kita. Dia akan pergi ke luar negeri semasa lawatan cuti tahunan dia akan beli cincin di Amerika Syarikat. Betul tidak?

■1540

Beberapa Ahli: Ya, betul

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Lagi satu contoh, kalau dia seorang yang sukakan fesyen, dia akan pergi ke Australia untuk jumpa *Carl Kapp* dan beli di Australia, akan dapat pengecualian GST juga. Itulah kita katakan di sini, buat masa ini negara kita tidak perlu untuk laksanakan GST kerana golongan yang kaya raya ini tidak akan membelanjakan wang mereka di sini. Kebanyakan mereka akan belanja wang mereka untuk beli barang mewah ini di negara lain di mana mereka akan menikmati pengecualian GST di negara-negara tersebut. Apa yang dibebankan adalah golongan rendah dan sederhana yang membelanjakan hampir keseluruhan pendapatan bulanan mereka untuk beli barang-barang keperluan yang asas. Itulah yang kita katakan, negara kita kerana jurang pendapatan di antara yang kaya dan yang rendah ini terlalu tinggi. Belum tiba masa untuk kita laksanakan GST ini.

Jadi, saya harap sebelum tahun 2015, kerajaan betul-betul mengkaji impak dan kesan ke atas golongan berpendapatan rendah dan juga sederhana ini. Oleh sebab kita rasa jika GST dilaksanakan, ia memang akan membawa kesan dan beban yang teruk kepada golongan-golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Yang Berhormat Pekan, dia juga menyentuh bahawa niat kerajaan untuk menubuhkan atau menjadikan Malaysia sebagai satu hab penerbangan di rantau ini. Ini kerana dikatakan Malaysia berpotensi untuk menjadi hab penerbangan di rantau ini. Industri ini dapat memberi kesan pengganda kepada ekonomi memandangkan permintaan terhadap penumpang dan kargo udara semakin meningkat.

Akan tetapi bagi warga negeri Perak, saya hendak bangkitkan di sini. Walaupun kita telah ada Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah yang telah berpuluh-puluh tahun. Baru-baru ini baru dinaiktarafkan dengan jumlah sebanyak RM42 juta yang baru dirasmikan oleh Pemangku Raja Perak pada bulan Mei 2013. Akan tetapi daripada lapangan terbang ini, tiada penerbangan bertolak atau tiba di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah. Di negeri Perak sekarang, kita amat memerlukan usaha kerajaan untuk meningkatkan penerbangan dalam negeri dan juga di luar negeri. Buat masa ini, saya difahamkan hanya satu penerbangan sahaja, sehari. Dahulu kita katakan lapangan ini tidak sesuai kerana landasan tidak cukup panjang, kini telah dipanjangkan. Akan tetapi apa yang kita hendak lihat adalah usaha kerajaan untuk meningkatkan penerbangan agar ekonomi seperti yang dikatakan ini dapat menjana dan menggandakan ekonomi dan permintaan terhadap penumpang dan kargo udara di negeri Perak.

Jadi, saya harap isu ini dapat dilihat dan dapat dipertimbangkan oleh kerajaan dalam bajet ini dan satu usaha yang betul-betul dilaksanakan untuk meningkatkan penerbangan dari Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah ini di Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu undang-undang yang amat perlu dikaji dan dipinda iaitu adalah satu Akta Undang-undang Sivil 1956. Akta Undang-undang Sivil ini ialah yang dahulu dipinda pada tahun 1984 iaitu lebih kurang 30 tahun. Sehingga kini masih dipakaikan, di mana ini ada isu yang menjejaskan dalam tuntutan sivil bagi kecederaan diri dan kemalangan maut. Tuan Yang di-Pertua, isu ini bukan dibangkit pertama kali. Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Padang Rengas pada tahun 2011 juga dalam Dewan ini mengatakan kerajaan sekarang mengkaji dan membawa pindaan. Sudah dua tahun selepas itu, sehingga hari ini kami masih tidak lihat apa-apa yang dibuat oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah penting sebab undang-undang tahun 1984 hingga sekarang, saya boleh katakan telah pun tiba masanya untuk membawa pindaan agar ia membawa keadilan kepada orang-orang yang membuat tuntutan akibat kecederaan diri dan kemalangan maut di jalan raya. Ini kerana tuntutan mereka adalah ditetapkan oleh undang-undang Akta Sivil ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam undang-undang tersebut hanya berapa isu sahaja yang perlu dikaji dan dipinda. Saya tidak faham kenapa boleh bawa begitu lama sehingga hari ini. Saya difahamkan, Yang Berhormat Ipoh Barat beritahu saya, tahun 1999 beliau juga telah membangkitkan isu ini. Ia sudah lebih 10 tahun tetapi tidak dibawa pindaannya.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, isu *multiplier* iaitu pengiraan jika seseorang itu mati dalam kemalangan jalan raya. Di mana *multiplier* adalah ditetapkan bahawa 16 tahun untuk sesiapa yang berumur 30 tahun ke bawah. Tuan Yang di-Pertua, kita boleh lihat ini adalah satu pengiraan yang

sekarang telah pun tiba masa untuk ditingkatkan kerana usia kita sekarang di Malaysia ini semakin meningkat. Jadi, apa yang ditetapkan untuk 16 tahun pengiraannya adalah terlalu rendah. Jadi, ada yang telah dicadangkan membawa kepada 20 tahun ataupun 22 tahun yang mana adalah lebih wajar. Untuk pengiraan kehilangan pendapatan masa depan, ia ditetapkan seseorang itu hanya bekerja sehingga 55 tahun sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita lihat, penjawat awam pun boleh bekerja sehingga 58 tahun dan ada sebagai hakim boleh kerja sampai 65 tahun. Akan tetapi apabila seseorang itu mengalami kecederaan diri dan tidak dapat bekerja selepas itu? Pengiraan adalah ditetapkan dan dihadkan pada usia 55 tahun sahaja. Jadi, kenapa ia tidak dipinda kepada satu usia yang lebih berkesesuaian dengan masa kini? Ada dua atau tiga isu yang lain. Saya dengan singkat mengatakan adalah pampasan untuk perkabungan yang ditetapkan 10,000 pada tahun 1984. Bayangkan seorang ahli keluarga anda mati, pampasan hanya RM10,000 untuk *bereavement*, dengan izin. Ini adalah terlalu rendah dan masa sekarang untuk pinda sekurang-kurangnya mungkin kepada RM50 memandangkan kadar inflasi dan juga sudah 30 tahun.

Satu lagi isu yang lebih tidak adil adalah untuk seseorang kanak-kanak yang belum mencapai 18 tahun, sekiranya ibu bapa anda meninggal, boleh dapat. Sebelum 18 tahun ibu meninggal, boleh dapat pampasan perkabungan RM10,000. Akan tetapi selepas itu, kalau sudah sampai majoriti, tidak dapat. Takkan selepas 18 tahun, seseorang anak itu tidak ada *bereavement*. Itulah maknanya di mana isu ini juga perlu dipertimbangkan. Ada dua atau tiga isu di mana *medical expenses* iaitu kos rawatan swasta pada masa kini adalah tidak ditentukan. Jadi, kami mahu Parlimen melaksanakan atau meminda ia untuk ditetapkan. Di mana seseorang yang memilih untuk perubatan swasta, dia boleh tuntutan sepenuhnya. Ini adalah isu-isu yang perlu dipertimbangkan semula oleh Dewan yang mulia ini.

Satu lagi isu yang saya hendak bangkitkan juga adalah berkenaan dengan undang-undang. Pada Jun 2012, Dewan yang mulia ini telah pun meluluskan satu Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012. Saya difahamkan dan soalan saya pada 1 Oktober 2013, jawapan yang diberikan sehingga hari ini iaitu lebih satu tahun sekarang, undang-undang ini masih belum digazet dan masih belum lagi dikuatkuasakan. Kami hendak tanya kenapa? Kami rasa undang-undang ini adalah satu undang-undang yang baik, yang perlu dilaksanakan dengan segera.

Oleh sebab undang-undang ini adalah berkaitan dengan pembayaran kontrak-kontrak yang telah dilaksanakan. Ia akan menjadi satu kesalahan jika seseorang kontraktor tidak membayar kepada subkontraktor dan seterusnya. Ini adalah penting dalam segi pembinaan di mana pembayaran yang tepat pada masanya akan melaksanakan projek dengan lebih baik...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila gulung.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Oleh yang demikian, saya berharap undang-undang ini akan diberi perhatian dan dikuatkuasakan dengan secepat mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Satu isu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini, bulan lepas iaitu bulan Oktober, Presiden China telah datang ke negara kita dan kami telah memberi *red carpet treatment* kepada beliau, dengan izin. Akan tetapi saya hendak tanya kerajaan, adakah bila kami beri *red carpet treatment* kepada Presiden China, ini adalah satu *treatment* yang betul? Akan tetapi saya hendak tanya, adakah isu permasalahan *Spratly Island* atau Kepulauan Spratly dibangkitkan. Adakah kerajaan kita tanya kepada Presiden China ini, apa akan jadi dengan tuntutan kami di atas isu *Spratly Island* ini? Bukan sahaja kita hendak terima orang-orang pemimpin dari negara China dan besar ini tetapi kita tidak berani membangkitkan isu-isu yang betul-betul adalah penting kepada negara kita.

■1550

Saya tidak nampak Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional membangkitkan isu ini iaitu tuntutan hak milik adalah satu isu yang amat penting. Kenapa kita tidak bangkit? Jadi saya harap kerajaan dapat menjawab sama ada kita ada rancangan untuk menyelesaikan masalah ini iaitu Kepulauan Spratly ini yang semua orang tahu kaya dengan petroleum dan juga gas.

Oleh yang demikian, disebabkan kesuntukan masa Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang untuk perbahasan ini dan itu sahaja perbahasan saya kali ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kuala Selangor. Yang Berhormat Mas Gading tidak bangun. Sila.

3.50 ptg.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib kerana membentangkan Belanjawan 2014 yang cukup menarik sekali gus memastikan Malaysia sentiasa berada di landasan yang betul dalam menuju ke arah status negara maju.

Setelah mendengar, meneliti dan menganalisis secara mendalam isi-isi Belanjawan 2014 yang bertemakan, 'Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji', saya amat yakin yang kita mampu menjalankan proses transformasi kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi yang sentiasa mengutamakan dan mendahulukan rakyat. Tahniah juga kepada negeri Timbalan Yang di-Pertua atas kejayaan pasukan bola sepak Negeri Pahang yang memenangi Piala Malaysia pada hari Ahad yang lalu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tiada masa tambahan diberikan.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Bajet kali ini cukup menarik serta memfokuskan tiga elemen utama iaitu memperteguh ketahanan ekonomi, memperkasakan

transformasi dan melaksanakan janji merupakan satu belanjawan sempurna untuk membawa Malaysia ke hadapan dalam arus perdana global yang pantas ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan saya kali ini, saya ingin menyentuh cadangan untuk kajian semula Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN) dan cadangan-cadangan untuk memperkasakan belia secara *inclusive* untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan secara umumnya sebagai tambahan kepada langkah-langkah menarik seperti yang digariskan dalam Bajet 2014. Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN) digubal pada tahun 1985 yang mana dasar tersebut dikenali sebagai Dasar Belia Negara pada masa itu. Dasar ini dikaji semula pada tahun 1997 dan dinamakan DPBN. DPBN merupakan satu dasar kerajaan yang fikirkan amat penting kerana dasar ini menjurus kepada pembangunan golongan belia yang merupakan golongan yang penting dan juga aset negara.

Golongan belia bukan sahaja agen penting dalam membantu negara mencapai hasrat Wawasan 2020 tetapi mereka juga adalah golongan pelapis yang akan mewarisi kepimpinan negara kita pada masa hadapan. Maka, adalah penting untuk melahirkan golongan belia yang berwibawa dan cemerlang untuk memastikan Malaysia mempunyai pewaris yang unggul seperti barisan kepimpinan yang kita ada pada masa kini. Dalam konteks ini, matlamat DPBN juga selaras dengan hasrat iaitu mewujudkan belia Malaysia yang memiliki peribadi yang bersepadu daripada segi rohaniah, akhlah dan jasmaniah, bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara selaras dengan Wawasan 2020.

Saya di sini ingin mencadangkan supaya DPBN dikaji untuk kali kedua di bawah Menteri Belia dan Sukan. Kajian semula ini adalah wajar untuk menerapkan strategi-strategi mengikut keperluan semasa belia pada masa kini untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran masa moden. Cadangan saya adalah selaras dengan keputusan Jawatankuasa Kabinet mengenai pembangunan belia yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang juga bersetuju agar DPBN 1997 dikaji semula. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mencadangkan dua lagi strategi dapat dipertimbangkan selain strategi-strategi yang sedia ada seperti pembangunan ilmu, pembentukan sikap, pembangunan kemahiran dan keusahawanan, pemupukan gaya hidup sihat, kemudahan interaksi sosial, perkongsian dalam pembangunan dan jaringan hubungan antarabangsa. Dua strategi yang ingin saya cadangkan adalah pemupukan semangat 1Malaysia dan pembangunan sikap bebas jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berhasrat untuk mengemukakan cadangan-cadangan tambahan untuk melibatkan serta memperkasakan golongan belia secara *inclusive* yang bersifat jangka masa panjang yakni *long term*, dengan izin. Selaras dengan strategi kerajaan untuk melaksanakan GST yang sememangnya satu strategi yang berkesan untuk menyusun semula sistem percukaian di Malaysia untuk menjadikannya lebih komprehensif, efisien dan telus dalam usaha menambah baik sistem percukaian negara, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya fokus khusus diberikan kepada golongan belia di dalam isu yang melibatkan percukaian secara umum.

Pihak kerajaan yang prihatin menggariskan pelbagai pakej bantuan kepada pengguna untuk memastikan implementasi GST dilakukan secara berkesan dan tidak membebani rakyat. Sehubungan dengan itu, saya ingin memberikan cadangan supaya memberi pengecualian cukai kepada syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh golongan belia yang baru menceburi bidang perniagaan. Dalam erti kata lain, cadangan saya adalah untuk meringankan beban yang dihadapi oleh golongan ini pada peringkat awal menjalankan perniagaan dan pengecualian cukai ini dapat mendorong mereka untuk terlibat dalam perniagaan. Ini dapat dilaksanakan untuk jangka masa dua hingga tiga tahun dari masa mereka menubuhkan syarikat atau memulakan perniagaan mereka supaya mereka mempunyai pendapatan boleh guna yang lebih banyak dan boleh digunakan untuk membiayai kos-kos lain yang wujud pada peringkat awal. Justeru itu, jangka masa dua tahun hingga tiga tahun akan memberikan satu jangka masa supaya mereka lebih stabil daripada aspek pengurusan kewangan, terutamanya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya yang seterusnya ialah selaras dengan program Baucar Buku 1Malaysia yang dilaksanakan oleh kerajaan, saya menyokong penuh program tersebut yang mana dalam Bajet 2014 yang diperuntukkan RM235 juta kerana ia benar-benar bermanfaat kepada pelajar-pelajar IPTA dan IPTS sebanyak 1.3 juta pelajar yang dapat menggunakan baucar tersebut untuk membeli buku-buku pilihan mereka yang dapat menambahkan ilmu pengetahuan mereka. Cadangan saya adalah bersama-sama dengan pemberian BB1M, kita memberikan insentif tambahan kepada pelajar-pelajar IPTA dan IPTS terutamanya pelajar ijazah pertama yang mana golongan majoritinya adalah belia baru. Insentif yang saya maksudkan ialah menyediakan insurans bersama sepertimana yang dilaksanakan bersama-sama dengan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia ataupun i-BR1M. Tidak dinafikan buat masa kini terdapat insurans kelompok yang disediakan oleh pihak IPTA dan IPTS lazimnya, yang mana kosnya menjadi sebahagian daripada yuran pengajian pelajar.

Saya ingin mengesyorkan tambahan RM300 iaitu supaya sejumlah RM50 daripada BB1M yang berjumlah RM250 itu dijadikan sebagai insurans kepada pelajar-pelajar yang menerimanya. Premium insurans yang saya maksudkan boleh merangkumi kedua-dua aspek iaitu perlindungan dan pelaburan yang mana 30% dan 20% masing-masing. Selepas tamat pengajian, mereka harus diberikan opsyen sama ada untuk meneruskannya atau tidak. Bagi yang memilih untuk meneruskannya, mereka harus melakukannya dengan premium pilihan masing-masing manakala mereka yang ingin menyerahkannya pula akan dikembalikan sejumlah wang bersama-sama faedah yang disimpan sebagai pelaburan. Justeru itu, adalah wajar untuk pihak kerajaan memberikan perhatian kepada cadangan saya untuk menyediakan i-Bantuan Buku 1Malaysia serta kepada pelajar-pelajar IPTA dan IPTS yang akan memberikan manfaat kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh langkah kerajaan untuk meneruskan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia kepada golongan isi rumah dan bujang. Pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia sememangnya membantu golongan tertentu dan ia adalah insentif kerajaan untuk meringankan beban rakyat. Saya juga menyokong langkah kerajaan yang membahagikan golongan isi rumah kepada dua kategori iaitu pendapatan di bawah RM3,000 dan pendapatan

RM3,001 hingga RM4,000 dengan masing-masing menerima RM650 dan RM450 secara tunai dan RM50 akan diberikan dalam bentuk insurans.

Perluasan pendapatan ini akan membolehkan lebih 80% daripada jumlah isi rumah di Malaysia menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia. Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya menilai kembali pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia kepada golongan bujang yang rata-ratanya adalah belia yang mana adalah wajar sekiranya Bantuan Rakyat 1Malaysia kepada golongan bujang dibahagikan kepada dua kategori. Ini bermakna mengekalkan kategori pendapatan RM2,000 dan ke bawah yang akan menerima RM300 tetapi memperkenalkan kategori baru iaitu pendapatan RM2,001 hingga RM3,000 yang boleh diberikan bantuan yang lebih rendah iaitu RM250, misalnya.

Cadangan saya adalah kerana gaji permulaan graduan adalah kebiasaannya antara RM2,000 hingga RM3,000 dan adalah tidak adil untuk kita mengecualikan mereka daripada menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia. Ini kerana secara realitinya selepas pemotongan tertentu seperti pinjaman pendidikan dan sebagainya, pendapatan boleh diguna mungkin lebih rendah daripada RM2,000. Lantas, kerajaan boleh mewujudkan kategori kedua untuk golongan bujang dengan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia yang rendah daripada kategori pertama tetapi masih membolehkan golongan belia terutamanya graduan yang baru mula bekerja menerima bantuan kerajaan bersama-sama dengan kategori yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kuala Selangor, gulung.

■1600

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberikan penghargaan atas komitmen kerajaan memperkasakan bumiputera, terutamanya dalam bidang pendidikan yang mana antaranya meningkatkan pengambilan pelajar UiTM kepada 250,000 orang.

Di sini saya ingin mencadangkan agar UiTM diisytiharkan sebagai Universiti Diraja UiTM. Dengan pemakaian Universiti Diraja UiTM akan dapat menghentikan campur tangan mana-mana pihak dari kalangan rakyat Malaysia daripada mengganggu gugat kewujudan UiTM ini demi menjaga keharmonian negara Malaysia. Pengisytiharan ini akan menjamin UiTM akan terus kekal sebagai institusi khusus untuk mendidik anak-anak bumiputera. Di samping itu juga, kerajaan dapat menimbangankan untuk mewujudkan dana khas bagi membiayai pengajian khas kepada anak-anak bumiputera melanjutkan pendidikan lebih tinggi. Dana khas ini boleh dinamakan 'Tabung Pendidikan Bumiputera Negara' yang boleh diletakkan di bawah Pengurusan Dana di Jabatan Perdana Menteri dan dikhaskan kepada golongan bumiputera sahaja yang kurang berkemampuan dan ibu bapa yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) telah melakukan pelbagai penambahbaikan sistem pengurusan operasi. Ia dilaksanakan termasuk melengkapkan premis dan pejabat SPRM, di peringkat persekutuan dan negeri dengan infrastruktur yang canggih dan berteknologi tinggi serta menyediakan sumber manusia yang pakar

dan terlatih dalam bidang-bidang berkaitan. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada SPRM yang telah melaksanakan pelbagai tindakan bagi memerangi gejala rasuah sehingga berjaya meningkatkan kos indeks persepsi rasuah (CPI) kepada tahap yang lebih baik pada tahun 2012 iaitu di kedudukan ke-54 daripada 174 buah negara berbanding ke-60 pada tahun 2011.

Di sini saya ingin mencadangkan agar jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM wajar di naik taraf setanding dengan jawatan-jawatan penting seperti Peguam Negara dan Ketua Audit Negara. Ini bagi menjamin ketulusan dan kebebasan SPRM dalam menghadapi pembasmian rasuah. Sehubungan itu, pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM perlu diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan bukan di bawah Akta Pencegahan Suruhanjaya Rasuah Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, pendek kata saya menyeru semua pihak untuk menyokong Bajet 2014 yang dirancang dengan cukup teliti dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk kadar iklim politik dan ekonomi dunia yang agak mencabar dan tidak menentu. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Pekan serta Kabinet yang diterajui oleh beliau yang telah berjaya mewujudkan Bajet 2014 yang berwawasan dan berwibawa ini. Dengan ini saya menyokong. Sekian, terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Gopeng.

4.02 ptg.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut bersama dalam perbahasan Bajet 2014. Pasti kita akan memperingatkan bahawa belanjawan ini sebagai belanjawan GST. Malangnya kita lihat belanjawan ini tidak beri penegasan kepada pengurangan, pemborosan dan ketirisan akibat rasuah dan salah guna kuasa. Saya ingin merujuk kepada usaha-usaha oleh kerajaan dalam rancangan Belanjawan 2014, dalam usaha menyekat kenaikan harga hartanah dengan menghapuskan TIBS, kenaikan keuntungan hartanah dan juga kenaikan paras warga asing untuk membeli hartanah di Malaysia.

Ini memang usaha-usaha yang bagus untuk kita menyekat supaya kita boleh bekalkan rumah untuk rakyat khususnya golongan miskin. Saya pasti Bank Negara Malaysia menggunakan indeks harga rumah Malaysia sebagai panduan untuk mengukur kenaikan harga hartanah. Malangnya saya rasa dalam usaha-usaha yang diumumkan ini mungkin terlalu lewat. Ini kerana kalau kita lihat dari segi indeks harga rumah, boleh dikatakan indeks tersebut memuncak bukan tahun ini, tetapi suku terakhir tahun lepas sehingga 12.2%.

Sampai tahun ini telah menurun. Apabila sampai suku kedua, 7.8%. Ini bermakna pasaran telah mengambil kira beberapa faktor dan kenaikan harga hartanah sudah tidak begitu mendadak.

Jadi saya rasa ini perkara penting yang kita harus ambil kira kerana sektor pembinaan walaupun kecil tetapi adalah *engine of growth*. Oleh kerana apabila kita unjurkan dia akan menyumbang 6.9% pertumbuhan dan sekiranya ini kurang daripada sasaran, kita mungkin tidak dapat seperti yang disasarkan pertumbuhan ekonomi 5% hingga 5.5%.

Jadi saya rasa dalam indeks harga rumah ada *short coming*, dengan izin, kerana dia cuma mengambil kira kenaikan harga hartanah rumah khususnya dan tidak ambil kira faktor-faktor spekulasi. Kita tahu apabila harga hartanah meningkat, ia mungkin akibat kos. Mungkin harga simen naik, harga keluli naik, harga besi naik, harga tenaga manusia naik. Jadi kos meningkat. Jadi harga hartanah akan meningkat. Akan tetapi bagaimana kita hendak mengukur setakat mana kenaikan hartanah itu adalah akibat spekulasi.

Jadi dalam hal ini saya ingin rujuk kepada pakar ekonomi iaitu Profesor Robert Shiller daripada Amerika Syarikat. Orang yang menang hadiah *Nobel* dalam ekonomi tahun ini. Profesor Robert Shiller telah adakan satu kaedah untuk mengukur bagaimana kita boleh tahu ada spekulasi yang melampau dalam sesuatu pasaran. Dengan itu dia gunakan pergerakan harga transaksi rumah yang sama. Jadi dalam sesuatu bandar raya ataupun seluruh negara dan dia telah adakan satu indeks yang dikatakan *Case-Shiller Index*. Saya cadangkan supaya kalau Bank Negara Malaysia ataupun kementerian boleh mengkaji supaya gunakan indeks ini sebagai panduan untuk mengukur sekadar mana spekulasi ini memainkan peranan untuk kenaikan harga hartanah.

Saya ingin merujuk kepada satu isu yang lain. Kalau kita baca Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2012. Ramai yang tidak baca saya tahu, tetapi saya baca. Muka surat 222. Ada satu item di bawah hutang yang boleh dituntut. Hutang oleh satu syarikat yang dinamakan *InventQjaya*. Syarikat ini adalah satu syarikat usaha sama antara kerajaan Malaysia dengan seorang doktor daripada Amerika Syarikat. Doktor Sadeq Mustafa Faris. Doktor ini seorang pakar saintis yang dijemput oleh Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir dalam awal tahun 2000 untuk tubuhkan sebuah syarikat. Syarikat *InventQjaya* yang bertujuan untuk penyelidikan, untuk pembangunan dan untuk komersialkan paten-paten yang berasaskan teknologi yang berasal daripada Malaysia. Ini tujuan syarikat ini dan tujuan pakar saintis ini.

Malangnya, malangnya yang dia pakar dia bukan pakar penyelidikan paten, bukan pakar teknologi, tetapi dia pakar penipu. Yang dia bangunkan bukan bangunkan paten atau teknologi Malaysia tetapi dia bangunkan, yang dia bangunkan, dia selidik, dia kaji adalah bagaimana buat *money laundering*. Tahun 2002, dia *dicharge* di bawah Akta Pengubahan Wang Haram di mahkamah di Kuala Lumpur. Selepas itu *InventQjaya* gulung 'katil'. Tahun 2008, Mahkamah Persekutuan...

Beberapa Ahli: Gulung tikar.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Gulung tikar. *Sorry*. Mahkamah Persekutuan... Gulung katil pun boleh ya. Memang *wine out*. Okey.

Tahun 2008, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan supaya Kerajaan Malaysia boleh jualkan aset-aset *InventQjaya* supaya boleh dapatkan duit yang di hutang itu. Masa itu sebanyak RM240 juta. Jadi dalam penyata ini, hutang yang boleh dituntut sebanyak RM280 juta.

■1610

Ini saya nak tahu, kenapa sampai hari ini masih hutang RM280 juta daripada syarikat tersebut. Tak akan kita tak dapat *recover* satu sen pun sejak keputusan Mahkamah Persekutuan itu. Saya juga harap Ketua Audit Negara boleh buat satu audit sekali lagi dalam syarikat tersebut ataupun *post-mortem* dalam syarikat tersebut khususnya peranan-peranan yang dimainkan oleh orang-orang yang besar. Khususnya mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir dalam syarikat tersebut dan juga bagaimana Doktor Sadeq Mustafa Faris ini dapat mengeluarkan duit RM240 juta wang Malaysia, kepunyaan Kerajaan Malaysia ini keluar daripada tanah air kita, jadi ini soalan saya.

Dalam Belanjawan 2014 telah umumkan supaya ada peruntukan RM150 juta untuk mengupah 6,800 jururawat yang sedang menganggur dalam Kementerian Kesihatan. Saya mengalu-alukan usaha tersebut cuma saya rasa ini adalah satu usaha lebih kepada *damage control* kerana kegagalan dasar-dasar sebelum ini yang mengeluarkan jururawat yang begitu ramai, yang tidak dapat diserap oleh pasaran swasta ataupun hospital-hospital kerajaan, di Kementerian Kesihatan.

Cuma saya sarankan supaya Yang Berhormat Menteri kalau ada ambil cadangan ini, supaya kita gunakan tenaga jururawat ini dengan baik, membangunkan perkhidmatan sokongan yang agak kekurangan setakat ini, khususnya misalnya *home nursing care* iaitu kita boleh hantar jururawat untuk melawat pesakit-pesakit khususnya selepas bersalin. Selepas *discharge* daripada hospital ataupun gunakan mereka sebagai kaunseling dalam wad kepada pesakit-pesakit dari segi pemakanan, dari segi penyakit dan sebagainya. Dalam Belanjawan 2014 juga umumkan akan tambah 50 buah lagi Klinik 1Malaysia, yang ada sekarang 234 buah dan tambah 50 buah lagi dan malangnya saya lihat antara 234 buah yang sedia ada, cuma 22 klinik yang ada doktor perubatan yang bertempat atau *posting* di situ.

Walaupun kita tahu Klinik 1Malaysia caj RM1 setiap kali melawat, murah tetapi saya nak ulangi di sini bahawa rawatan yang paling mahal bukan rawatan yang beribu, berjuta ringgit tetapi rawatan yang salah, rawatan yang menjahanamkan pesakit. Ha! Ini rawatan yang salah ataupun rawatan yang tak tepat. Inilah rawatan yang paling mahal sekali, *its not the cheapest* dan dalam belanjawan juga umumkan adakan sokongan untuk beli alat-alat *peritoneal dialysis* dan RM9 juta untuk *prosthesis* payudara. Saya alu-alukan cuma saya sarankan kalau boleh harus diperluaskan.

Saya pernah bangkitkan di dalam Dewan ini dan Yang Berhormat Menteri masa itu adalah Yang Berhormat Bentong, pernah kata bahawa dia akan kaji alat-alat *prosthesis* seperti *intraocular lens implant* untuk katarak; *prosthesis* untuk *knee replacement*; *prosthesis* untuk *hips replacement* dan *drug-eluting stents* untuk penyakit *coronary pacemaker*. Sepatutnya benda-benda ini diberikan, dibekalkan oleh kementerian di antara perkara-perkara lain yang harus dibekalkan. Satu perkara lagi saya nak bangkitkan, kita pernah adakan *amendment* terhadap *Medical Act* atau Akta Perubatan tahun lepas. Selepas itu nampaknya ada satu daftar pakar-pakar atau *specialist registry*. Semasa buat *amendment*, pendaftaran pakar-pakar sangkut, tergendala. Sampai hari ini

nampak belum dipulihkan, jadi saya nak tanya Menteri, bilakah pendaftaran pakar-pakar baru ini akan dipulihkan sekali lagi?

Akhir sekali, saya nak bangkitkan soal *waiting time* pesakit untuk jumpa doktor, untuk buat *operation* dan sebagainya. Saya pernah buat *appointment* pesakit untuk jumpa pakar-pakar jantung. *Appointment* mungkin sampai dua bulan, tiga bulan. Kita tahu memang *waiting list* ini membantu untuk melicinkan pentadbiran tetapi *waiting time* ini tidak kurangkan beban. Kita lihat semua pesakit yang nak dapatkan *appointment* kalau tidak dirawat sekarang perlu dirawat dalam tiga ke empat bulan yang akan datang, dia turut perlu dirawat. Cuma ada dua kemungkinan mereka tidak akan dirawat iaitu beban kepada doktor akan kurang, iaitu kalau pesakit itu pilih untuk pergi ke hospital swasta jadi hospital kerajaan tak payah rawat ataupun pesakit itu mati, tak payah rawat.

Jadi kedua-dua *outcome* ini adalah *undesirable outcome*, dengan izin. Ini tidak sepatutnya menjadi matlamat. Jadi, kalau boleh saya sarankan supaya kementerian mengkaji semula semua *waiting list* untuk *X-ray*, untuk *CT scan* dan sebagainya tidak boleh melebihi satu minggu. *Waiting list* untuk jumpa pakar tidak boleh melebihi dua minggu, *waiting list* untuk buat pembedahan elektif mungkin boleh dua bulan ke tiga bulan, tak apa tetapi *waiting list* untuk pembedahan *emergency*, ini tak boleh tunggu dua minggu ke tiga minggu.

Jadi, ini kita mesti ada satu kajian menyeluruh kepada semua dan tetapkan KPI untuk semua jabatan supaya *waiting list* itu dipatuhi. Saya mohon perkara-perkara yang saya bangkitkan ini diberi perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Mas Gading.

4.17 ptg.

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut bersama di dalam membahaskan Belanjawan 2014. Usaha kerajaan untuk mengimbangi pengukuhan prestasi fiskal negara dengan keperluan serta kehendak rakyat nyata selaras dengan keadaan semasa ekonomi negara.

Perpaduan Nasional. Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembentangan Bajet 2014, Yang Amat Berhormat Pekan mengungkapkan peribahasa Iban, "*Utai Besai Gaga'miet*". Di dalam menyeru semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan rakyat agar terus menyokong, tanpa adanya perpaduan, segala usaha kita biar sekelumit mana sekalipun menjadi sukar dan mustahil sekiranya rakyat tidak bersatu padu. Bersempena dengan pembentangan Belanjawan 2014, saya berpendapat bahawa wajar jika kerajaan dapat memberi pertimbangan untuk menyalurkan lebih banyak peruntukan bagi memperkukuhkan agenda perpaduan negara terutama di antara rakyat Malaysia di Semenanjung dan Sabah serta Sarawak.

Semangat perpaduan ini penting bagi menjamin negara sentiasa aman. Tanpa adanya semangat perpaduan, negara akan menjadi kucar kacir, aktiviti ekonomi lumpuh dan pelabur pun akan berasa waswas untuk melabur di negara kita. Biarpun memiliki demografi yang terdiri daripada pelbagai etnik, Malaysia masih mampu menjadi antara negara yang teraman di dunia.

Berdasarkan Indeks Keamanan Global, Malaysia menduduki tangga ke-20 daripada 168 buah negara yang lain. Kedudukan ini menempatkan negara kita di kedudukan yang ketiga tertinggi di Asia selepas Jepun dan Bhutan. Pencapaian ini harus kita banggakan kerana biarpun rakyat kita terdiri daripada pelbagai etnik, kita masih mampu untuk mengekalkan keharmonian di negara kita.

Penambahan Penerbangan. Tuan Yang di-Pertua, bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2014, saya menyarankan agar promosi pelancongan dalam negeri dapat dipergiat serta bilangan penerbangan dapat ditambah di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Nescaya melalui RM2 bilion yang disalurkan kepada Tabung Infrastruktur Pelancong, lebih ramai rakyat Malaysia berminat untuk membangunkan industri pelancongan di kawasan mereka serta menarik kedatangan pelancong asing mahupun tempatan.

■1620

Menyentuh mengenai penerbangan, saya berterima kasih kepada kerajaan kerana telah memberi peruntukan berjumlah RM130 juta yang dikhaskan untuk penerbangan di luar bandar. Nescaya, peruntukan ini dapat menanggung beban penduduk luar bandar di samping dapat menggalakkan pelancong untuk berkunjung ke kawasan pedalaman khususnya di Sabah dan di Sarawak.

Kemudahan bekalan air. Tuan Yang di-Pertua, menjurus kepada isu kemudahan asas di luar bandar, saya amat berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah mengambil inisiatif untuk menyalurkan bekalan air ke kawasan pedalaman di seluruh negara. Namun, seperti yang saya ketengahkan tadi masih terdapat jurang pembangunan yang ketara di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh, berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung, hanya 77% rakyat di Sarawak dan 71% rakyat di Sabah yang mendapat akses kepada bekalan air bersih dan terawat setakat tahun 2010.

Di kawasan saya Mas Gading, masih ramai penduduk yang bergantung kepada bekalan air *gravity feed*, dengan izin, yang kerap mengalami masalah kekurangan air terutama sewaktu musim kemarau. Syukur kerajaan peka dan prihatin akan masalah ini dan dalam Bajet 2014 telah memperuntukkan RM450 juta bagi menyalurkan 8,000 buah rumah di luar bandar di seluruh negara dengan bekalan air, di samping memberi dana sebanyak RM75 juta bagi meneruskan usaha mengagih tangki tadahan air hujan kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Saya berharap agar sebahagian daripada peruntukan ini dapat diagihkan kepada penduduk-penduduk di Mas Gading yang amat memerlukan bekalan air yang stabil bagi meneruskan kehidupan harian mereka. Nescaya, jika sampai ke golongan sasaran yang benar-benar memerlukan, bantuan kerajaan ini sangat besar nilainya di dalam merubah kehidupan seharian penduduk di luar bandar.

Tanah hak adat bumiputera. Tuan Yang di-Pertua, isu tanah hak adat bumiputera sering menjadi bahan bualan masyarakat di Sarawak yang rata-ratanya mewarisi tanah pusaka yang diwarisi secara turun temurun. Perbalahan juga sering berlaku bukan sahaja di antara keluarga, malah dengan di antara rumah panjang dan syarikat swasta. Tanpa adanya proses sukat keliling atau *perimeter survey*, dengan izin, tanah-tanah ini juga tidak akan dapat dibangunkan oleh agensi-agensinya kerajaan seperti RISDA dan MPOB. Akibatnya, tanah terbiar tanpa pembangunan,

rakyat berbalah sesama sendiri, lantas menyukarkan usaha untuk memupuk semangat kesatuan di kalangan masyarakat. Menyedari betapa pentingnya menyelesaikan isu ini, kerajaan telah memberi telah peruntukan sebanyak RM50 juta bagi membantu usaha pengukuran tanah dan pengesahan hak milik tanah adat. Nyata kerajaan berniat baik dan amat peka akan masalah rakyat. Maka terima kasihlah saya ucapkan kepada kerajaan bagi pihak Sarawak, terutama bagi penduduk-penduduk di kawasan Mas Gading.

Jalan raya. Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jaringan jalan raya terutama di Sabah dan Sarawak melibatkan kerjasama dan usaha yang berterusan oleh pihak kerajaan. Di dalam Belanjawan 2014 ini, kerajaan menyalurkan sebanyak RM980 juta untuk membina jaringan jalan raya sepanjang 437 kilometer di kawasan luar bandar. Saya berharap agar sebahagian daripada peruntukan ini dapat disalurkan ke kawasan luar bandar Sarawak termasuklah di Mas Gading.

Saya mohon pihak kerajaan dapat mempertimbangkan menaiktarafkan jalan dari simpang Jalan Biawak ke Kampung Kendai'e di Lundu. Saya berterima kasih juga kepada kerajaan atas usaha yang dijalankan sebelum ini untuk jaringan jalan di Lundu. Namun, di kawasan seperti di Kampung Selampit, masih sukar untuk mereka mendapat akses kepada jalan yang sedia ada. Penduduk terpaksa meredah Sungai Batang Kayan semata-mata untuk menggunakan jalan raya yang ada. Jadi, saya mohon agar kerajaan dapat memperuntukkan malah menyenggarakan pembinaan *barry bridge*, dengan izin, ataupun jambatan gantung bagi menghubungkan penduduk di Kampung Selampit dengan jalan raya yang ada.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri hujah saya dengan serangkap pantun.

Gunung Gading, Gunung Santubong,

Buat penanda si anak nelayan,

Bajet 2014, Mas Gading mohon menyokong,

Janji kerajaan harap ditunaikan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Nerus.

4.25 ptg.

Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maksudnya, "*Sekiranya penduduk kampung itu beriman dan bertakwa kepada Allah, pasti Kami akan buka untuk mereka keberkatan-keberkatan daripada langit dan juga bumi, akan tetapi sayangnya mereka tidak percaya. Lalu Kami hukum mereka disebabkan apa yang mereka telah perolehi*". Ayat ini menjelaskan kepada kita panduan kepada sebuah negara untuk mendapatkan keberkatan hasil mahsul negara dan juga perbelanjaan negara iaitu dua anak kunci yang mesti diambil perhatian oleh setiap kerajaan. Pertamanya beriman kepada Allah, yang keduanya bertakwa kepada Allah.

Antara makna beriman ialah yakin bahawa rezeki datang daripada Allah SWT. Oleh kerana itu mestilah segala perbelanjaan yang kita dapat dibelanjakan pada tempat-tempat yang direndai oleh Allah SWT untuk diberikan rezeki yang berterusan, yang baik oleh Allah SWT. Kedua bertakwa, bererti sikap berhati-hati dalam membelanjakan setiap perkara, harta yang diberikan oleh Allah SWT. Apatah lagi harta merupakan perkara yang awal dihisab oleh Allah pada hari akhirat. Seperti mana kata Nabi SAW *[Berucap dalam bahasa Arab]* “Akan terus dua kaki anak Adam tidak berganjak pada hari kiamat hingga disoal empat perkara. Antaranya tentang hartanya” *[Berucap dalam bahasa Arab]* “Dari manakah punca dia dapat dan ke manakah dibelanjakan?”

Dalam kita bincang tentang persoalan perbelanjaan atau bajet pada tahun 2014, perkara yang perlu kita ambil perhatian ialah bagaimanakah konsep belanjawan yang diajar oleh Allah SWT? Saya petik dua ayat Allah SWT, pertamanya firman Allah dalam surah Al-Furqan, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “Orang-orang yang apabila mereka berbelanja, mereka tidak boros. Mereka juga tidak kedekut dan adalah perbelanjaan ini pertengahan antara keduanya”.

Kedua, Allah Taala berfirman *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “Hendaklah berbelanja orang yang berkelapangan berdasarkan kelapangannya. Dan barang siapa yang disempitkan rezekinya oleh Allah, maka hendaklah ia berbelanja berdasarkan apa yang diberikan oleh Allah SWT”. Dua ayat ini menjelaskan kepada kita dua prinsip. Pertama sekali, berbelanja berdasarkan kemampuan. Kedua, berbelanja secara berhemah. Dua prinsip inilah yang saya lihat gagal untuk dihayati oleh Bajet 2014 dan juga dihayati oleh bajet-bajet sebelumnya yang dibentangkan oleh kerajaan.

Ini kerana apa yang kita saksikan ialah belanjawan yang dibentangkan masih lagi bersifat defisit hingga RM40 bilion. Defisit ini kalau ia berlaku untuk kali pertama, tidak mengapa. Akan tetapi, ia telah berlaku juga tahun lepas, dua tahun lepas, tiga tahun lepas, dan begitulah seterusnya berlaku defisit yang berpanjangan. Adakah defisit ini berlaku kerana kekurangan hasil? Jawapannya tidak. Ini kerana kalau kita lihat kepada Laporan Audit Negara, menunjukkan kepada kita bahawa di sana berlaku banyak pembaziran dalam pengurusan harta negara. Seperti disebut oleh Ketua Audit Negara di awal laporan buku berkaitan Kerajaan Persekutuan- Siri 1 dan Siri 2 menyatakan dengan jelas antaranya persoalan pembaziran yang berlaku.

Oleh itu bila kita katakan berlakunya pembaziran, maka kita mengajak kerajaan untuk menangani terlebih dahulu pembaziran yang berlaku kerana pembaziran yang berlaku itu menarik *barokah* daripada Allah SWT. Hari ini kita kata rezeki kita tidak cukup, duit tidak cukup untuk tampung pelbagai perbelanjaan. Perlu kita ingat sebagai orang yang beriman kepada Allah dan kerajaan bagi sebuah negara yang meletakkan Islam agama Persekutuan perlu yakin bahawa persoalan keberkatan rezeki ataupun hasil mahsul negara sangat penting. Ini kerana *barokah* ini satu konsep yang tidak nampak di mata, tetapi dapat kita rasai dalam kehidupan kita seharian. Apakah yang dimaksudkan dengan *barokah*?

■1630

Barokah ini kalau kita petik satu hadis Nabi SAW kisah sahabat bertanya *[Membaca sepotong hadis]* “Kami ini makan-makan tetapi tidak kenyang-kenyang. Kenapa Ya Rasulullah?”

Makannya banyak tetapi tidak rasa kenyang. Lalu kata Nabi SAW [*Menyebut hadis Nabi*] Antara maksudnya, barangkali kamu ini makan secara berselerak, tidak berjemaah, tidak bersama-sama beramai-ramai ketika makan [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “Maka berhimpunlah kamu ketika makan, pasti akan diberkati oleh Allah.”

Apa yang kita hendak ambil di sini ialah cerita bagaimana bila tidak ada *barokah* menyebabkan harta yang ada tidak cukup. Itulah yang berlaku di negara kita pada hari ini. Tidak cukupnya hasil masyhur negeri hingga kita hari ini terpaksa berhutang dengan jumlah yang banyak. Walaupun kerajaan menyatakan tidak mengapa kerana hutang itu masih dapat dikawal. Akan tetapi kita menyatakan bahawa keadaan hutang itu menunjukkan kepada kita bimbang bahawa ia adalah petanda awal kita ditarik berkat oleh Allah SWT.

Dalam persoalan hutang walaupun kerajaan mengatakan tidak mengapa kita hanya berhutang dalam negeri sahaja yang masih boleh dikawal. Kita diperingatkan dengan satu hadis Nabi SAW [*Membaca sepotong hadis*] Antaranya bermaksud, ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada rasa lemah dan rasa malas, dari sifat pengecut dan bakhil, dan aku juga berlindung dengan-Mu Ya Allah daripada bebanan hutang keliling pinggang dan penguasaan manusia lain ke atas kami. Ini doa nabi menunjukkan kepada kita bahawa hutang bukan satu yang sepatutnya menjadi sebahagian daripada cara perbelanjaan negara.

Saya hendak petik bagaimana laporan kewangan yang dibentangkan yang diedarkan kepada kita. Kalau kita lihat Belanjawan 2012, dalam Belanjawan 2012 yang dibentangkan dahulu kerajaan menasaskan perbelanjaan RM232 bilion. Akan tetapi belanja sebenar berdasarkan laporan kewangan ialah RM257 bilion bererti defisit sebanyak RM25 bilion. Hasil sebenar kerajaan 2012 berdasarkan laporan ialah RM208 bilion sedangkan belanja sebenar RM257 bilion bererti defisit sebanyak RM49 bilion. Hutang awal ialah bernilai RM501 bilion campur dengan pelbagai liabiliti RM276 bilion bererti kerajaan sedang menanggung liabiliti semuanya RM777 bilion. Dalam keadaan aset Kerajaan Persekutuan yang dapat dikutip dari pinjaman yang boleh tuntutan dan pelaburan hanya berjumlah RM122 bilion.

Saya mahu kerajaan untuk melihat Surah Yusuf, kisah Nabi Allah Yusuf a.s. menguruskan kewangan negara yang membolehkan kerajaan menyediakan rizab kewangan yang banyak untuk berhadapan dengan situasi dan keadaan yang tidak mengizinkan yang memberatkan kita dari segi ekonominya. Ertinya kerajaan mesti ada rizab kewangan pada masa hadapan. Kalau hutang berterusan dan defisit berpanjangan, mana mungkin kerajaan mempunyai harta yang menjadi rizab pada masa akan datang. Oleh kerana itulah, kita mengajak kerajaan untuk melihat lebih halus perkara prinsip-prinsip ini agar kita diberkati oleh Allah SWT.

Kita lihat juga bila mana kerajaan berhadapan dengan masalah kewangan dan disebutkan dalam pembentangan bajet, untuk menangani fiskal kewangan negara maka kerajaan mencadangkan pelbagai perkara. Antara yang dicadangkan ialah penarikan balik subsidi gula dengan alasan yang bagi saya ramai orang sudah bahas, alasan kesihatan yang tidak dapat terima. Akan tetapi lagi penting lagi ialah untuk menguruskan menangani masalah defisit kewangan ini, maka kerajaan mencadangkan GST. Hakikatnya adakah GST dicadangkan untuk

betul-betul kita menangani masalah kewangan ataupun GST dicadangkan untuk menampung kebocoran dan ketirisan. Kalau GST digunakan untuk menampung ketirisan dan kebocoran, maka ia adalah bercanggah dengan Islam.

Saya petik kata-kata seorang ulama terkenal Imam An-Nawawii Rahimallah. Ketika mana kerajaan di zaman beliau iaitu pemerintah bernama Raja Zahir Bebres yang meminta ulama mengeluarkan fatwa membolehkan kerajaan mengambil cukai daripada rakyat untuk menampung keperluan kewangan yang tidak cukup. Lalu kata Imam Nawawi, *“Sekiranya kerajaan telah mengeluarkan semua harta-harta yang mewah yang digunakan secara membazir dalam Istana Negara, digunakan sepenuhnya untuk menampung keperluan kewangan, maka kalau tidak cukup juga di kala itu akan aku fatwakan boleh mengambil cukai rakyat.”* Itu satu.

Berlaku juga zaman Sultan Ulama bernama Izzuddin Ibni Abi Salam di Mesir situasi yang sama juga di kala pemerintah ketika itu meminta ulama keluaran fatwa untuk membolehkan cukai diambil oleh rakyat. Maka kata Sultan Ulama Izzuddin Ibni Abi Salam, *“Sekiranya segala harta di Istana Kerajaan digunakan sebaik mungkin, dilaburkan dicairkan untuk menampung kekurangan, maka di kala itu kalau tidak cukup juga barulah aku fatwakan membolehkan mengambil cukai daripada rakyat.”*

Cukai pada hari ini GST sebagai contoh bagi saya bercanggah dengan Islam. Saya kena tekankan perkara ini bercanggah dengan Islam. Kenapa saya katakan dengan Islam? Pertama sekali, syarat pengambilan cukai ada tiga syarat disebut dari Dr. Yusuf Qaradhawi ulama terkenal. Antara yang penting ialah cukai tidak diambil daripada semua lapisan rakyat tanpa membezakan yang kaya dan juga miskin. GST cukai yang melibatkan miskin dan kaya yang diambil sedangkan kaedah cukai dalam Islam ialah *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Diambil daripada orang-orang kaya...” [Membaca sepotong ayat Al-Quran] “... dan diagihkan digunakan untuk masa hadapan untuk orang-orang miskin kalangan mereka.”* Inilah GST bercanggah dengan Islam.

Kedua, syarat pengambilan cukai ialah mesti tidak ada sebarang ketirisan dan juga pembocoran dalam pengurusan kewangan negara. Laporan Audit Negara jelas menunjukkan kepada kita berlaku pembaziran kebocoran yang sangat banyak yang tidak perlu saya senaraikan. Cukup saudara semua boleh baca menerusi Laporan Audit Negara.

Ketiga, syarat untuk membolehkan diambil cukai ialah mesti tidak dilaburkan, digunakan kepada perkara-perkara maksiat. Saya ambil contoh mudah isu yang berlaku iaitu RM1.6 juta yang digunakan oleh Kementerian Belia dan Sukan walaupun dinafikan oleh bekas Menteri terbabit. Ini yang digunakan untuk projek konsert K-pop adalah bercanggah dengan Islam. Pembaziran seumpama itu tidak mewajarkan kerajaan mengambil cukai daripada rakyat.

Ini tiga asas penting yang mesti dan diambil perhatian oleh kerajaan. Saya menegaskan bahawa GST sepatutnya dikaji balik oleh kerajaan dan ditarik oleh kerajaan dan mesti mengenakan cukai yang hanya diambil daripada orang-orang kaya sahaja dan digunakan kepada orang-orang miskin.

Untuk akhirnya saya hendak sebutkan sedikit ketidaktelusan dalam pengurusan negara. Kalau kita baca Laporan Audit Negara sebagai contoh, kita akan jumpa bila melibatkan

pembangunan ayat atau perkataan 'tidak ikut spesifikasi'. Terlalu banyak dalam Laporan Audit Negara. Saya hendak ambil contoh berlakulah di kawasan saya sendiri di Parlimen Kuala Nerus. Isu pengambilan tanah Kampung Banggol Donas untuk lebuh raya fasa dua Kampung Jerang Banggor, Kuala Sungai Muda. Kalau kita *check* Laporan Audit Negara untuk negeri Terengganu 2011, mengisahkan bahawa pembinaan jalan tersebut dibuat tanpa menjalankan kajian keadaan fizikal tanah, *accessibility* serta isu-isu sosial dan ekonomi penduduk tempatan. Maknanya audit mengesahkan tidak ikut kaedah yang sebenarnya. Audit juga mengesahkan bahawa tiada notis di bawah seksyen 4, Akta Pengeluaran Tanah dibuat. Maknanya kalau duit telah dikeluarkan untuk pembangunan di tempat ini sedangkan ia tidak ikut peraturan. Tidakkah itu suatu pembaziran?

Begitu juga kita minta berdasarkan perkara inilah saya memohon agar projek itu projek lebuh raya itu dibatalkan kerana pertamanya menzalimi hak rakyat 22 orang penduduk di tempat berkenaan. Juga tiada ketelusan dan tidak ikut peraturan dan bagi saya ia berniat jahat kerana menafikan hak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhirnya saya menyatakan marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT. Moga-moga segala belanja yang kita gunakan ini diberkati oleh Allah dan akhirnya akan membawa kepada kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] Wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Langkawi.

4.39 ptg.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan bajet negara yang baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini dengan sejumlah RM264 bilion. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak di atas pembentangan bajet yang begitu hebat untuk memacu negara ini ke tahap yang lebih cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, ramai yang telah menyentuh tentang GST tetapi saya ingin menambah sedikit tentang GST ini.

■1640

Pertamanya, format GST adalah bertingkat-tingkat tetapi cukai ataupun *tax* tidak bertingkat-tingkat kerana dihapuskan pada setiap *output stage* sepanjang laluan rantaian *business*. Ada juga pihak yang tertentu seperti Yang Berhormat Gombak, pada 30 Oktober membuat pengiraan yang salah untuk mengelirukan masyarakat bahawa cukai GST akan dikenakan 6% setiap *stage* rantaian perniagaan iaitu dari *supplier* bahan mentah, *manufacturer*, *wholeseller*, *retailer* dan *consumer*, dengan izin.

Sebenarnya, setiap *stage* rantaian ini akan ada nilai *input* dan *output* dan *tax* GST boleh dituntut kembali dari kerajaan dalam masa dua minggu bagi setiap *stage* rantaian. Akhirnya, cukai yang kena dibayar oleh pelanggan atau pengguna atau rakyat hanyalah 6% sahaja dan bukannya

6% kali tiga ataupun 18%. GST bukan *tax* bertingkat-tingkat tetapi ada nilai sifar di setiap *stage*. Format *tax* yang ada kini iaitu SST, mengenakan satu kali cukai di permulaan rantaian.

Sementara GST mengenakan cukai hakiki di hujung rantaian. GST bukan *tax* baru ataupun bukan *tax* tambahan tetapi penggantian *tax* SST lama yang diguna pakai sehingga kini. Pihak pembangkang memberi persepsi yang salah kepada masyarakat bila ada di antara mereka yang menyatakan bahawa GST adalah satu bentuk cukai tambahan pada sistem percukaian negara yang SST sekarang ini ataupun *sales services tax* yang kita amalkan sekarang.

GST bukan menyeksa rakyat bawahan kerana sebelum ini pun sudah ada *tax* lama, SST yang mana semua masyarakat kaya dan miskin sudah pun membayar cukai tersebut. Pembangkang mengatakan bahawa GST akan membebankan rakyat bawahan. Sesungguhnya perkara ini tidaklah benar kerana dengan sistem percukaian sekarang iaitu SST, pengguna sudah pun dikenakan *sales tax* sebanyak 10% maksimum dan *service tax* 6% ataupun maksimum 16%, sementara GST pula adalah 6%.

Antara 6% dengan 16%, manakah yang lebih besar agaknya? Sudah tentu 6% lebih kecil iaitu GST. GST bukan balun semua barang tetapi adalah lebih kurang 300 barang yang diberi *tax* percuma dari 940 barang-barang di dalam *basket*. Soalnya, bagaimana GST boleh tambah pendapatan negara, kerana banyak ketirisan dan kebocoran sebelum ini. Seperti lari cukai kastam, *under declare*, *tax avoidance* dan *tax evasion* dapat dihapuskan. SST bayar dulu kepada kastam tetapi GST bayar bila dibeli oleh pelanggan. Dengan demikian itu, modal peniaga tidak terbelenggu. Kedai besar sahaja yang dikenakan GST iaitu lebih RM500,000 setahun jualanannya. Akan tetapi kedai kecil tidak ada GST. Rakyat ada pilihan untuk membeli barang di kedai yang kena GST iaitu yang berdaftar dengan kerajaan di bawah daftar yang mana jualan melebihi *threshold* lebih RM500,000 setahun ataupun membeli di kedai yang tidak ada GST.

Pihak pembangkang juga berkata, kita kena bayar lebih bila SST digantikan dengan GST. Apakah ini benar? Kita bolehlah mengambil contoh. Ubat gigi *Colgate* dikenakan *sales tax* 5%. Akan tetapi bila GST, akan jadi 6%, peningkatan 1%. Akan tetapi bagi tisu masuk tandas, *sales tax*nya adalah 10%. Akan tetapi bila GST, ia menjadi 6%, iaitu pengurangan 4%. Makna kata, ada barang yang lebih sikit, maksimum 1% kerana *sales tax* hanya ada dua, 5% dan 10%. Barang yang *tax*nya menurun sebanyak maksimum *minus* 10% kerana *sales tax* maksimum ialah 10%. Akhirnya, yang penting rakyat tidak terbeban...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Mereka juga berkata bahawa GST tidak sesuai dengan keadaan ekonomi sekarang. Saya rasa inilah masa yang paling sesuai kerana inflasi yang agak rendah dalam lingkungan 2% masa kini...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, GST...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Masa saya hanya ada 10 minit Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tak, minta penjelasan.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: GST, minta maaf Yang Berhormat Gombakk. Nanti, kalau ada...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, boleh beri masa lebih sedikit?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: GST untuk kereta contohnya...

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit sahaja.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: ...Akan berlaku sedikit penurunan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Satu minit, satu minit, Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Contohnya, *import tax 30%, excise tax 75%* hingga 105%. Minta maaf Yang Berhormat Gombak. Bagi, sekejap Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Hari itu saya bahas, saya bagi Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Okey, okey. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, bagi tambah masa sikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Langkawi menyatakan bahawa Pakatan Rakyat mengelirukan kerana sebelum ini pun ataupun sekarang ada sistem SST dan GST ini merupakan *replacement to the present tax regime*. Itu hujah Yang Berhormat Langkawi. Jadi, ia tidak membebankan rakyat kerana sekarang rakyat membayar 10%, GST 6%. Jadi, mengapa Pakatan Rakyat mengelirukan rakyat? Maka, saya hendak minta penjelasan. Kalau itulah hujah Yang Berhormat Langkawi, sekarang ini di bawah sistem percukaian SST, *total collection* untuk kerajaan setahun sekitar RM16 bilion.

Dengan pelaksanaan GST, Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengesahkan ada tambahan RM12 bilion lagi yang meningkat kepada RM27 bilion dan RM28 bilion. Analisa yang dibuat oleh CIMB juga mengesahkan, pelaksanaan GST ini akan meningkatkan hasil negara daripada RM16 bilion kepada RM28 bilion. Maka, penjelasan yang saya hendak minta, kalau inilah yang berlaku, siapa yang bayar pertambahan ini? Bukankah rakyat? Itu yang pertama.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Baik.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang kedua, Yang Berhormat Langkawi juga menyatakan bahawa kalau pengguna beli daripada peruncit kedai yang *thresholdnya* kurang RM500,000, tidak ada GST. Ini yang mengelirukan. Benar, yang menjual itu pengguna tidak perlu membayar GST di kedai yang *thresholdnya* RM500,000. Akan tetapi untuk peruncit itu beli daripada pemborong, dia perlu membayar GST tetapi dia tidak boleh *transfer the cost* kepada pengguna, betul. Maka, apa yang akan berlaku, kebimbangan kita oleh sebab dia tidak boleh *transfer cost* itu dalam bentuk GST, dia akan naikan harga itu.

Akhirnya, pengguna akan bayar jumlah yang sama iaitu lebih tinggi daripada harga sekarang. Apa penjelasan yang Yang Berhormat Langkawi boleh berikan?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Gombak. Yang pertama, apabila Yang Berhormat Gombak mempertikaikan dengan SST, kerajaan akan dapat RM16 bilion, kemudian dengan GST penambahan pendapatan kepada kerajaan. Jawapan yang boleh saya beri ialah kerana sebelum ini pun saya telah nyatakan bahawa terdapat ketirisan dalam pengendalian percukaian yang sekarang ini ada. Ini kerana apabila barang dibawa masuk kepada kastam, ada *under-declare*, ada *tax evasion*, *tax avoidance* dan sebagainya. Akhirnya, barang-barang itu dapat dilarikan dan akhirnya kastam tidak dapat mengutip cukai seperti mana yang sepatutnya dan akhirnya kita tidak dapat duit.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Kalau begitu, boleh tak kita selesaikan masalah ketirisan dahulu sebelum bebankan rakyat dengan GST? Itu pendirian yang dibuat oleh Pakatan Rakyat.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Ya, ya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Selesai ketirisan, kebocoran, salah guna kuasa, rasuah yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara..

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Okey.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang jumlahnya bukan RM12 bilion tetapi RM28 bilion [*Dewan riuh*]

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Baik.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak perlu bebankan rakyat dengan GST. Apa pandangan Yang Berhormat Langkawi?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Saya tidak mengatakan bahawa GST membebaskan rakyat, nanti kejap ya. Betul, kita percaya bahawa cara untuk mengekang masalah ini adalah dengan menghilangkan ketirisan. Antara salah satu cara untuk menghilangkan ketirisan ialah dengan mengadakan GST [*Dewan riuh*]. Ini kerana- nanti sat! Sabar, sabar, sabar [*Dewan riuh*]. Sabar, sabar, bagi saya peluang untuk terang. SST, dia datang, dia *claim* cukai. Kemudian habis, tak ada cukai. Akan tetapi GST, *every stage* dia akan ada cukai. Cukai *input*, *output*, dia *claim* balik. cukai *input*, *output*, dia *claim* balik...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Akhirnya, sampai di hujung barulah. Maka, dengan cara yang demikian itu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh sat?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Sabarlah, banyak sangat ni. Letih saya ni.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak, *best* punya jawapan ni.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu, nanti dulu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Langkawi lah..

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk dulu Ahli Yang Berhormat, tiga orang duduk dulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, saya duduk ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Langkawi, masa kan 10 minit.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Sikit benar.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau macam cara begini dibiarkan, boleh saya biarkan tetapi selepas daripada ini, tidak ada lagi bercakap sana, tidak bercakap sini, boleh. Bagi saya okey
[Disampuk]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Langkawi, saya sikit sahaja..

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, *floor* ini ialah *floor* saya. Masa saya tak cukup. Minta maaf, nanti lain kali.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tadi Yang Berhormat Langkawi bagi, Tuan Yang di-Pertua pula kacau.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua tak bagi, saya tak bagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa, tak apa, okey. Yang Berhormat Sepang, selepas daripada itu, Yang Berhormat Parit Buntar sama Yang Berhormat Ampang. Jangan lagi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Okey, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jawab kepada Yang Berhormat Sepang sahaja.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: GST...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tak, tak, saya tak bagi. Sat gi masalah masa.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat. Jawab dia, selepas daripada itu jangan jawab. Tiada hutang sudah Yang Berhormat. Sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Langkawi.

■1650

Yang Berhormat Langkawi kata, cara untuk kita hendak menutup ketirisan ialah dengan kita mengenakan GST. Kalau kita kenakan GST tetapi masih lagi tiris, kita kluatir duit GST itu pun akan bocor juga. Maknanya, kalau bocor tidak tutup, kita kutip apa cukai pun, ia akan bocor juga. Apa guna ada GST pun?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Okey terima kasih. Maksudnya, kebocoran ini dan GST perlu dilaksanakan bersekali [Ketawa] Yes, ya sungguh. Pasal GST ialah salah satu sistem untuk memastikan bahawa ketirisan tidak ada...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Boleh saya cakap Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Kedua, ketirisan yang dibuatkan oleh pegawai ataupun orang yang mempunyai kuasa, patut juga diambil tindakan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ini yang kita cakap Yang Berhormat Langkawi, selesai masalah ketirisan dulu.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Saya meneruskan ucapan saya. GST menambahkan- GST sebenarnya, dalam *sales tax* untuk kereta akan turun daripada 10% kepada 6%. Makna kata, *sales tax* kereta akan *minus* 4%. Jadi seharusnya, kereta akan bertambah murah sedikit. Tuan Yang di-Pertua, GST menambah kehadiran pelancong kerana boleh *claim* kembali GST apabila pelancong datang ke *airport* untuk terbang... [Disampuk] [Ketawa] Rakyat tidak sakit juga, pasal sekarang pun kena juga.

Saya hendak sambut balik apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Shah Alam pada hari itu, Yang Berhormat Shah Alam kata kita diperah secukupnya. Atas kena, kiri kena, kanan pun kena, Yang Berhormat Shah Alam masih ingat bukan? Akan tetapi sebenarnya, keputusan akhirnya, cukai GST dan SST tidak memberi banyak perbezaan dan gangguan kepada rakyat biasa iaitu perbezaan sebanyak 1%. Sebelum ini pun kita sudah kena bayar cukai yang sama dalam SST.

Pihak pembangkang juga membandingkan GST di Singapura yang menurunkan cukai pendapatan. Maka sebenarnya, itulah yang akan juga dilakukan oleh kerajaan Malaysia- ini Yang Berhormat Gombak sebutkan. Bagi melaksanakan GST, kerajaan juga akan memberi...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Sepuluh pakej bantuan iaitu BR1M antaranya..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: BR1M RM300 dan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam mencelah.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Kedua, cukai pendapatan individu *minus* 1%, *minus* 3%. Pendapatan bercukai dinaikkan daripada RM100 ribu kepada RM400 ribu. Kadar cukai maksimum 26% akan turun ke 24%, *tax* syarikat 25% turun kepada 20% dan lain-lainnya dalam sepuluh perkara tersebut.

Di samping itu, juga perlu melihat apakah pilihan yang ada pada rakyat dalam sistem GST ini. Terdapat 940 jenis barang dalam bakul, cuma 500 sahaja yang akan dikenakan GST. Sementara 300 lagi tidak dikenakan cukai GST ataupun GST sifar. Makanan harian utama tidak akan melibatkan GST. Maka, ia tidak akan memberi apa-apa kesan pada kumpulan akar umbi. Malah, banyak lagi yang tidak dikenakan cukai seperti air, perkhidmatan awam, pengangkutan awam, pendidikan, kesihatan, tol, rumah kediaman dan perkhidmatan kewangan.

Yang Berhormat Ipoh Timur kata tadi, "*Beli barang oversea, GST boleh diclaim. Rakyat di sini kena GST*". Akan tetapi sebenarnya Yang Berhormat Ipoh Timur, apabila kita beli barang lebih daripada RM500, walaupun kita duduk sana *more than 48 hours*, sampai ke *airport*, kastam akan dikenakan *tax*. Itu maksudnya kena juga GST. Untuk penduduk Langkawi Tuan Yang di-Pertua, untuk penduduk Langkawi macam saya, Labuan, Tioman dan kami tidak perlu risau kerana kami tidak terlibat dengan GST. Ini kerana pulau-pulau kami dihadiahkan oleh kerajaan sebagai kawasan bertaraf *duty free*. Terima kasih Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, gaji minimum *[Ketawa][Disampuk]* Kita bersyukur dan berterima kasih kerana Barisan Nasional amat prihatin kepada golongan bawahan apabila mengumumkan 1 Januari 2014, skim gaji minimum RM900 bagi Semenanjung, RM800 Sabah dan Sarawak akan dikuatkuasakan. Namun begitu, saya mendapat banyak rungutan daripada hotel dan lain-lainnya bahawa pihak majikan telah merombak skim gaji mereka dengan menaikkan gaji ke RM900, tetapi memotong elaun yang biasa diberikan. Akhirnya, gaji masih sama walaupun undang-undang telah dipenuhi. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini majikan mendapat untung kerana mendapat potongan *tax* tetapi pekerja tidak mendapat manfaat. Oleh itu saya berharap, pihak kerajaan akan dapat mengambil perhatian terhadap perkara ini dan mengambil tindakan yang mana perlu agar pihak pekerja terjamin dan mendapat manfaat hasil polisi ini.

Skim Takaful RM50 pada penerima BR1M. Ucapan tahniah kepada kerajaan BN di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membuat satu perkara kebaikan yang tidak pernah dibuat oleh mana-mana negara di dunia ini iaitu memberi skim insurans Takaful percuma RM50 tetapi imbuhan amat besar iaitu RM30 ribu bagi yang meninggal atau hilang upaya kekal. Oleh sebab skim ini amat baik, ada rakan-rakan saya terutama dalam *Facebook* memohon saya supaya bercakap di dalam Dewan yang mulia ini agar memohon kerajaan dan Menteri yang berkenaan supaya skim ini boleh dikembangkan kepada golongan yang lain daripada penerima BR1M secara sukarela dan membuat bayaran RM50 agar mereka juga akan mendapat manfaat yang sama dalam skim Takaful ini...

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Oh! Masa. Saya...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Habis sudah.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Ini kira *landing, landing*. Baru-baru ini, Ketua Pembangkang pada hari Isnin lalu berkata bahawa "*Keuntungan Tradewinds adalah 15% sebelum subsidi ditarik. Akan tetapi apabila subsidi gula ditarik 34%, Tradewinds dijangka akan memperoleh keuntungan di antara 20% hingga 25%*". Saya ingin mempertikai hujah ini kerana harga gula yang dijual oleh Tradewinds ialah masih pada harga pasaran iaitu RM2.80 walaupun waktu itu kerajaan terpaksa membayar 34 sen sekilo bagi mengurangkan harga di pasaran. Apabila kerajaan menarik 34 sen subsidi, Tradewinds masih menjual dengan harga RM2.80 dengan harga yang sama sebelum subsidi ditarik.

Bagi Tradewinds, tidak ada apa-apa perbezaan pendapatan dan keuntungan sama ada sewaktu kerajaan bayar subsidi atau waktu kerajaan hapus subsidi. Bagaimana pula Ketua Pembangkang boleh menuduh Tradewinds akan tambah keuntungan 20% hingga 25%...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ahli Lembaga Pengarah Tradewinds kah ini?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Bila subsidi dihapuskan?

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Masa? Oh! *I see [Dewan riuh] [Ketawa]* Allah. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh juga tentang Lynas. Lynas ini, pasal saya

adalah di antara seorang wakil rakyat yang bersama-sama dengan Timbalan Menteri, Datuk Ir. Haji Hamim yang pergi ke Lynas. Saya teruja kerana saya mahu melihat apakah benar tuduhan yang dibuat oleh pembangkang tentang Lynas. Apabila kami diberi taklimat dan juga membawa alat *Geiger counter* ke setiap tempat dan termasuk dengan *rare earth* yang diimport dari Australia itu, kami dapati bahawa ia tidaklah seperti mana yang dikatakan oleh orang tertentu.

Saya sangat teruja apabila saya mendapati bahawa ada kajian yang dibuat oleh Lynas dan juga universiti tentang pasir hitam di Pulau Langkawi. Pasir hitam ialah satu tempat pelancongan di Langkawi yang mana pantainya semua pasir hitam. Apabila diambil sampel pasir hitam dan digunakan *Geiger counter* ini untuk melihat apakah radioaktifnya, maka didapati bahawa radioaktif di pasir hitam lebih besar daripada apa yang terdapat di Lynas. Bermakna kami duduk di dalam radioaktif ini sudah beratus tahun tetapi kami masih hidup dengan segar-bugar, masih banyak beranak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Maka oleh itu... *[Disampuk]*, apa dia?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Langkawi, mentang-mentang tidak bayar GST di Langkawi, jangan lupa masa... *[Dewan riuh]*.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih *[Ketawa][Dewan riuh]* Dalam Malaysia ya Yang Berhormat Telok Intan. Okey. Ada?

Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]: Ada sini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

4.58 ptg.

Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]: Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi ruang untuk berbahas di Dewan yang mulia ini. Ini untuk Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam bukan? *[Bertanya kepada seorang Ahli Yang Berhormat]*.

Seorang Ahli: Yang tadi? Yang Berhormat Langkawi.

Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]: Yang Berhormat Langkawi *[Dewan riuh][Ketawa]* Kita yang risau GST itu sebab perbelanjaan *[Disampuk]* Kerisauan yang seterusnya, mengapa pelaksanaan GST tidak wajar dilaksanakan sekarang? Adalah kerana kerajaan membelanjakan wang cukai yang dikutip. Laporan Ketua Audit Negara telah membuktikannya bagaimana *bermillions* ringgit bocor, tiris dibazirkan, salah urus tadbir jabatan-jabatan kerajaan mahupun kementerian. Setiap tahun begitulah rupanya, pembaziran demi pembaziran berlaku.

Bersama-sama semua peringkat masyarakat hari ini membicarakan isu Bajet 2014 yang baru dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Saya juga terpanggil untuk memasukkan beberapa persoalan yang bermain di fikiran saya pada hari ini. Bajet 2014 akan menyediakan peruntukan sebanyak RM264.2 *million* bagi melaksanakan langkah-langkah program dan projek kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

■1700

Daripada jumlah tersebut RM217.17 *million* diperuntukkan bagi perbelanjaan menguruskan dan RM46.5 *million* bagi perbelanjaan pembangunan. Saya terfikir apakah sebabnya peruntukan bagi perbelanjaan mengurus lebih tinggi daripada peruntukan untuk pembangunan. Mengapakah perbelanjaan mengurus kini lebih menjadi keutamaan berbanding dengan pembangunan untuk kesejahteraan dan faedah rakyat seperti pendidikan dan sebagainya.

Mengikut laporan, berlaku penurunan bajet perbelanjaan untuk pembangunan dari 19.8% kepada 17.6%. Di bawah peruntukan mengurus sejumlah RM63.6 *million* adalah bagi emolumen sahaja. Satu belanja yang sangat besar untuk membayar segala saranan dalam bentuk wang yang kena dibayar kepada seseorang pegawai termasuk gaji pokok, imbuhan tetap, bayaran insentif dan elaun bulanan yang lain. Mengapa memerlukan sejumlah wang yang besar hanya untuk membayar emolumen sahaja? Ketika dengan peruntukan yang sebesar ini berupaya memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti serta mendapat dengan izin, *value for money* bagi setiap perbelanjaan, sudah pasti perbelanjaan RM217.7 *million* diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus tidak akan dipertikaikan.

Ini adalah Laporan Ketua Audit Negara setiap tahun terus menerus membuktikan kelemahan pada pentadbiran kewangan dan aset perbelanjaan Kerajaan Pusat. Begitu juga mendedahkan kelemahan kepada pengurusan dan penyediaan projek-projek kerajaan juga penyelewengan kewangan yang berterusan. Bagaimana rakyat boleh berdiam diri jika pembaziran demi pembaziran berlaku akibat kepentingan dan tadbir urus kerajaan.

Sebagai saluran suara hati rakyat Malaysia, saya ingin menggesa dan mendesak agar pentadbiran yang ada sekarang agar memberi respons kepada aduan salah laku dan penyelewengan, kepincangan tadbir urus jabatan sebagaimana yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara tahun 2012. Janganlah laporan setiap tahun daripada Ketua Audit Negara terus menerus membuktikan kelemahan pentadbiran kewangan dan aset Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, topik hangat yang dibincangkan selepas pembentangan bajet kerajaan 2014. Perbincangan daripada ahli politik, ahli akademik, tokoh-tokoh perniagaan dan rakyat biasa berkenaan subsidi gula dan GST. Bilamana pengumuman mengenai pelaksanaan GST, pada pembentangan belanjawan, Perdana Menteri meminta masyarakat jangan bimbang dan jangan risau. Ini kerana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, GST tidak akan dikenakan kepada barangan makanan asas, bekalan air paip dan sebagainya. Mudah sungguh memberikan jaminan, tetapi apabila melaksanakannya pelbagai alasan pula akan diberikan. Masyarakat sebenarnya bimbang adakah dengan pelaksanaan GST, kerajaan sebenarnya berlaku adil kepada rakyat dan tidak cuba menyukarkan lagi kehidupan mereka.

GST masih efisien namun perlu memenuhi beberapa syarat terlebih dahulu. Ia hanya boleh dilaksanakan jika pendapatan rakyat kukuh. Ini kita dapati lebih daripada 40% rakyat berpendapatan isi rumah kurang daripada RM2,500 sebulan dengan 80% daripadanya adalah orang Melayu dan Bumiputera. Sudah pasti jika dilaksanakan GST, akan menekan golongan kelompok berpendapatan rendah dan rakyat miskin. Oleh kerana GST akan menjadikan setiap

lapisan masyarakat sama ada miskin, sederhana atau kaya akan membayar cukai untuk menyumbangkan kepada pendapatan kerajaan. Di sini yang menjadikan mengapa Malaysia masih belum bersedia untuk melaksanakan GST? Sesungguhnya pelaksanaan GST pasti tidak akan di bantah sekiranya kerajaan berupaya untuk meningkatkan kecekapan pengurusan jabatan-jabatan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, pada perbelanjaan 2014 kerajaan mendakwa mereka mendengar keseluruhan suara rakyat untuk memiliki rumah yang selesa terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Akibat daripada kenaikan harga rumah yang amat-amat ketara, secara langsung telah menjejaskan kemampuan rakyat. Justeru itu bagi meningkatkan aset pemilikan rumah pada harga yang berpatutan, dianggarkan 223,000 buah rumah baru akan dibina oleh kerajaan dan sektor swasta pada tahun 2014. Persoalan saya, ingin saya lontarkan agar dapat kita semua memikirkan bersama adakah dengan pelaksanaan GST sebanyak 6%, harga rumah tidak akan dinaikkan? Ini adalah kerana bahan-bahan binaan tidak tersenarai dalam senarai barang yang tidak akan dikenakan cukai GST sebanyak 6%.

Apa yang menjadi keraguan dan kekusaran saya adalah disebabkan janji telah dibuat untuk meningkatkan aset pemilikan rumah pada harga yang berpatutan. Selaras dengan saranan kerajaan atau lebih khususnya Barisan Nasional, Janji Ditepati sudah tentu harga rumah tidak dinaikkan. Bagaimana dengan kenaikan kos bahan binaan yang perlu ditanggung oleh pemaju-pemaju perumahan? Tidakkah nanti keadaan begini akan menolong pemaju untuk mengurangkan set rumah untuk menyeimbangkan kos dan keuntungan mereka. Bagi mengelakkan mereka daripada menanggung kerugian atau akan berlaku penyelewengan kualiti pembinaan yang tidak mengikut standard yang telah ditetapkan, kerana tidak mahu menanggung kerugian. Siapa yang menjadi mangsa sudah tentu pembeli rumah di mana suatu hari nanti akan berhadapan dengan bencana atau malapetaka [*Ketawa*] Akibat daripada membeli dan menduduki rumah yang dibina tidak mengikut standard yang ditetapkan. Mata *got something problem*. Itu isu nelayan, hendak lebih lebar sedikit, patut perkataan.

Pada tahun 2008, Mesyuarat Jemaah Menteri telah membuat keputusan meneruskan bayaran insentif hasil tangkapan ikan pada kadar 10 sen sekilogram kepada pemilik biasa yang berlesen. Pemilik dan pekerja biasa perikanan warganegara wajib mendaftar dengan LKIM menggunakan borang pendaftaran. Segala prosedur telah dipenuhi, tetapi mengapa sehingga bulan ini dan telah melepasi tempoh tiga bulan terdapat nelayan-nelayan yang masih menunggu kerana belum lagi menerima bayaran bagi insentif hasil tangkapan ikan. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Subsidi minyak diesel bagi bot nelayan telah dikurangkan dan harga minyak bersubsidi telah meningkat daripada RM1.25 kepada RM1.45 bagi bot zon 'A', 'B' dan 'C'. Manakala bagi bot laut dalam iaitu zon 'C' adalah sebanyak RM2.00. Harga minyak subsidi ini tetap telah menjadi satu beban yang berat untuk ditanggung oleh semua bot-bot perikanan kerana keseluruhan operasi menangkap ikan telah meningkat terutamanya bagi bot laut dalam. Ini adalah rentetan

daripada kenaikan harga untuk ayat ganti enjin, peralatan yang melibatkan penangkapan ikan dan juga kos menggaji pekerja.

Apa yang merisaukan saya sekiranya tidak ada tindakan yang sewajarnya untuk melihat keperluan-keperluan nelayan ini, adalah tidak mustahil satu hari nanti ada nelayan yang langsung tidak turun ke laut kerana tidak mampu untuk menanggung kos operasi. Keadaan ini akan menyebabkan nelayan terus menerus berada di paras kemiskinan dan kita tidak akan ada makanan laut lagi lain kali. Sekian terima kasih.

■1710

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Silam.

5.10 ptg.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan ini untuk saya membahaskan Bajet 2014. Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana Bajet 2014 ini merupakan satu inti pati bajet yang tepat dalam kita menghargai rakyat yang telah memberi mandat kepada Barisan Nasional untuk mentadbir negara selama 56 tahun. Ini merupakan hadiah terbesar kepada rakyat Malaysia terutamanya yang tidak putus-putus berjuang untuk memperkasakan Barisan Nasional sebagai peneraju utama kepimpinan negara. Dalam bajet ini saya tertarik kepada semua inti pati dan kandungan yang menunjukkan belanjawan berhemah kerajaan. Ada beberapa perkara yang saya ingin sentuh yang melibatkan kawasan yang mengangkat saya sebagai seorang Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama menyentuh tentang produk pertanian iaitu industri sarang burung walet yang mana kerajaan memperuntukkan sebanyak RM634 juta di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara. Permasalahan pemasaran sarang burung walet yang bermula pada pertengahan tahun 2011 telah memberi tamparan hebat kepada pengusaha yang sekian lama telah menjadikannya sebagai punca utama ekonomi mereka.

Sebelum ini harga sarang burung walet boleh mencecah sehingga RM4,000 sekilo untuk sarang hitam. Akan tetapi akhir-akhir ini harga pasarannya hanyalah di bawah paras RM400 sekilo sahaja. Iaitu tidak boleh menampung kos operasi dan menyebabkan kerugian kepada pengusaha industri ini. Syukur *alhamdulillah*, kerajaan sedia maklum kekangan dan sekatan pasaran terhadap produk sarang burung kita. Maka melalui Bajet 2014 kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk mendayakan kembali sarang burung walet sebagai bidang di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara.

Melalui bajet yang diperuntukkan, kerajaan perlu melihat beberapa perkara yang perlu diselesaikan secepat mungkin. Masalah monopoli atau permainan orang tengah telah menekan harga pasaran sarang burung walet perlu dihentikan. Kerajaan perlu membantu pengusaha industri sarang burung walet ini mendapat harga pasaran yang sepatutnya. Prosedur yang mewajibkan sarang burung walet menjalani ujian makmal di veterinar sebelum usaha jual beli dilakukan amat

membebaskan pengusaha khususnya di Pantai Timur Sabah. Di Sabah hanya terdapat sebuah pusat veterinar iaitu di Kota Kinabalu sedangkan pengusaha industri sarang burung walet ini banyak terdapat di kawasan Pantai Timur Sabah. Saya mencadangkan agar pihak kerajaan menempatkan sebuah ujian makmal veterinar di kawasan Pantai Timur iaitu di Lahad Datu Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan untuk membantu rakyat memiliki rumah dengan harga yang berpatutan melalui beberapa program perumahan rakyat amat kita sanjung. Bajet 2014 ini menunjukkan kerajaan begitu komited dan prihatin terhadap masalah rakyat. Kerajaan telah merealisasikan janji-janji sebagai pemimpin kepada rakyat selaras dengan slogan '*1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan*'.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah penduduk Lahad Datu telah meningkat secara mendadak dan hari ini penduduk Lahad Datu telah mencecah lebih 300,000 orang dan dengan kepesatan pertumbuhan penduduk itu maka permintaan untuk memiliki rumah juga meningkat. Saya yakin dengan bajet ini rakyat mampu menarik nafas lega dengan komitmen kerajaan membantu rakyat berpendapatan rendah memiliki rumah. Saya mengharapkan agar Lahad Datu agar diberikan kuota yang besar untuk membina projek perumahan kerajaan untuk memenuhi permintaan yang kian meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tahun 2014 adalah Tahun Melawat Malaysia, maka industri pelancongan negara perlu ditingkatkan. Di kawasan saya terdapat antara lain dua buah destinasi yang menjadi aset pelancongan negara iaitu Lembah Danum dan Pusat Hidupan Liar Tabin atau *Tabin Wildlife Reserve*. Namun kemudahan asas seperti jalan raya yang selesa dan komunikasi media yang canggih masih di tahap yang amat rendah. Kawasan Lembah Danum yang merupakan kawasan pemuliharaan dan pusat kaji selidik yang terletak 83 kilometer ke Barat Daya Lahad Datu telah diberkati dan dilimpahi dengan pelbagai spesies tumbuhan dan haiwan yang menakjubkan, yang tidak pernah ditemui di tempat lain. Oleh itu kerajaan perlu memberi peruntukan yang secukupnya untuk menyediakan kemudahan kepada destinasi pelancongan yang mempunyai daya tarikan yang tersendiri seperti yang terdapat di Lahad Datu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2014 ini, saya juga amat tertarik kepada usaha kerajaan untuk mempergiat bidang minyak dan gas seperti projek-projek mega yg dilaksanakan oleh Petronas termasuk Projek Ammonia-Urea Sabah di Sipitang dan projek *Re-Gasification Terminal* atau RGT, di POIC Lahad Datu. Keseluruhan Pantai Timur Sabah mengalami bekalan elektrik yang tidak mencukupi dan akan mengalami situasi kritikal sekiranya sesuatu tindakan tidak diambil dengan segera. Kita sedia maklum Lahad Datu mempunyai sebuah taman perindustrian hiliran kelapa sawit atau POIC yang memerlukan bekalan elektrik yang mencukupi. Maka saya bersyukur pembinaan pangkalan *re-gasification* ini ataupun RGT ataupun pembinaan jana kuasa TNB berkapasiti 300 megawatt selain akan menyelesaikan masalah bekalan elektrik akan menjadi platform utama untuk menarik lebih ramai pelabur dari luar untuk melabur di kawasan PIOC Lahad Datu dan Pantai Timur Sabah amnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan ESSZONE, iaitu dari Kudat di Utara hinggalah ke Tawau di Selatan terdapat 11 buah kawasan Parlimen. Sebanyak 10 daripada Kerusi ini telah

dimenangi oleh Barisan Nasional yang menunjukkan satu tekad dan kepercayaan yang tinggi kepada Barisan Nasional untuk menjaga kebajikan dan keselamatan mereka. Peristiwa Kampung Tanduo Lahad Datu adalah sejarah yang telah menghakis kedaulatan Malaysia disebabkan pencerobohan pengganas Sulu. Namun kerajaan berjaya meyakinkan rakyat bahawa keselamatan mereka terjamin di bawa Barisan Nasional. Sebagai manifestasi ke arah itu, Bajet 2014 telah memperuntukkan RM75 juta kepada ESSCOM untuk tujuan urus tadbir dan memperkasakan ESSCOM selain daripada RM2.4 bilion untuk memperkasakan kelengkapan pertahanan di perairan dan sempadan negara. Maka sebagai wakil rakyat Parlimen Silam, saya ingin mencadangkan beberapa perkara kepada kerajaan untuk diambil perhatian.

Seperti yang pernah saya utarakan dalam sesi soal jawab berkenaan radar di perairan Pantai Timur Sabah, kerajaan perlu menggantikannya dengan suatu sistem keselamatan perairan yang lebih canggih. Kita boleh gunakan Agensi Remote Sensing Negara untuk mengesan objek atau imej dengan lebih tepat dan jelas untuk memudahkan pihak keselamatan mengawal perairan yang luas itu. Saya juga mencadangkan kepada kerajaan agar membina beberapa *forward bases* di kawasan persempadanan dengan negara Filipina untuk mengambil tindakan segera apabila terdapat ancaman ataupun pencerobohan yang telah dikenal pasti.

Kerajaan juga perlu melihat tentang keperluan menambah kekuatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang berkawal di perairan sempadan dengan negara Filipina. Kekuatan tentera ini perlu untuk dijadikan benteng kekuatan dan amaran kepada pengganas bahawa perairan kita dikawal dengan ketat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menjaga dan mempertahankan kedaulatan negara, kerajaan perlu bersedia untuk berbelanja secukupnya untuk memperlengkapkan bala tentera kita. Kalau negara jiran kita berbangga dengan kelengkapan tentera udaranya, Malaysia perlu melengkapkan tentera lautnya dengan aset-aset yang canggih, yang '*state of the art*', memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara Maritim.

■1720

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh sedikit sistem *Goods and Services Tax* atau GST yang banyak disentuh sebelum ini. Dalam hal sistem GST ini, kerajaan telah berusaha melaksanakan yang terbaik untuk negara. Pihak pembangkang pula berusaha memperlekehkan sistem ini. Namun setelah mendengar pandangan pakar-pakar GST dan setelah mendengar hujah-hujah negatif yang dilemparkan oleh pihak pembangkang terhadap GST, saya yakin dan percaya bahawa GST adalah sebuah sistem pungutan cukai yang terbaik dan adil serta menguntungkan semua pihak. Atas dasar itu, saya menyokong penuh agar sistem GST dilaksanakan di Malaysia pada tahun 2015 seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Batu Pahat.

Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]: *Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, *alhamdulillah* kita bersyukur kita dapat bersama-sama terus berbincang tentang Bajet 2014, walaupun sebahagian besar yang hadir ini ialah malaikat mewakili di kerusi masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir hal pertama yang ingin kita tegaskan bukan sangat kita melihat hujah dari pembangkang atau dari Barisan Nasional atau pihak kerajaan, tetapi marilah kita bersama-sama melihat kebenaran kepada hujah itu. Jangan kita taasub kepada sesuatu yang dikemukakan oleh eksekutif, maka kita terikat kepada meluluskan sama ada ianya baik atau tidak untuk rakyat. Saudara-saudara, semangat keperluan berhijrah patut kita bersama-sama dukung walaupun saya mafhum dan faham bahawa untuk berubah khususnya bagi rakan-rakan di sebelah sana dalam UMNO, Barisan Nasional selepas 50 tahun lebih memerintah, itu bukan mudah. Dalam bahasa *management* kita selalu sebutkan dengan izin, rakan-rakan ini sudah termasuk dalam kalangan *prisoners of experience*, atau banduan pengalaman. Jadi bila telah termasuk dalam banduan pengalaman, jerjaknya itu besar dan tidak mungkin mudah menembusnya.

Namun demikian, saya fikir kita harus mengambil sikap terbuka untuk melihat kerana apa yang dibincangkan di Parlimen ini, yang kita kasihi Tuan Yang di-Pertua, ia melibatkan rakyat seluruhnya. Kita janganlah melihat kritik-kritik dan pandangan dengan sikap *denial* kerana ini diingatkan oleh Al-Quran nur Karim [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Al-Quran menggambarkan sikap *denial* sekelompok manusia bila dikatakan kepada mereka, "*Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi dengan polisi-polisi yang menyusahkan rakyat, sesungguhnya kata mereka kami hanya berbuat kebaikan*".

Jadi saya mengharapkan saudara-saudara jangan ada sikap *denial* seperti itu. Tinjau, berikan perhatian. Jangan hanya katakan GST oleh kerana 160 negara telah melaksanakan, kita teliti negara yang melaksanakan. Saya kebetulan Tuan Yang di-Pertua, baru balik dari Korea. Kalau kita hendak banding keseluruhan misalnya, Kuala Lumpur ini kita 'darul tol'. Kita menaiki bas lebih daripada 250 kilometer. Di Korea itu kami tidak jumpa satu tol pun. Jadi maknanya kalau banding, kita kena banding menyeluruh. Jangan banding satu bahagian sahaja. Kita, *judge must be fair* bila kita membuat perbandingan. Jangan kita banding bila rasa baik untuk kita, kita banding begitu. Bila kata tidak kena, kita tolak.

Saudara Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya biasa berceramah. Jadi "*saudara*" itu lumrah, "Tuan Yang di-Pertua" ini jarang-jarang...

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham Yang Berhormat.

Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]: Terima kasih banyak kerana memahami. Begitulah orang tua-tua, dia memang mudah faham tentang orang tua yang lain [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]: Sebenarnya saya tengok masing-masing bila dengar hujah ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu mereka dengar atau tidur atau pun mereka telah sediakan peluru masing-masing sahaja. Jadi masing-masing hendak kemukakan peluru, selepas itu apa kawan-kawan sebut mereka tidak dengar.

Jadi inilah yang barangkali menyesakkan perasaan saya Tuan Yang di-Pertua, kerana sebagai orang baru saya mempunyai harapan yang sangat tinggi kepada Parlimen. Ini kerana saya fikir ini tempat untuk wakil-wakil rakyat membicarakan masalah rakyat, menyampaikan rasa dan resah gelisah rakyat, para Menteri dan pemimpin-pemimpinnya mendengar keluh rakyat. Akan tetapi saya lihat Menteri tidak ada, wakil rakyat tidak ada. Apa yang ada kerusi sahaja. *It is very sad upon me*, dengan izin, sebagai orang baru yang baru masuk Parlimen. Saya cuma mengharapkan barangkali mudah-mudahan mereka mendengarlah daripada tempat yang jauh.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sering melihat sikap bila mendengar kritik ini yang digambarkan oleh Al-Quran sebagai kita menutup mata dan telinga. Mudah-mudahan kita tidak termasuk dalam golongan ini yang disebutkan oleh Al-Quran nur Karim sekali lagi [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Al-Quran memberikan gambaran Tuan Yang di-Pertua, bagi manusia dan jin yang Allah sediakan sebahagian besar daripada mereka ini neraka jahanam, mereka ada hati tidak mahu faham, ada mata tidak mahu lihat, ada telinga tidak mahu dengar. Al-Quran bandingkan mereka ini seperti haiwan ternak [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Bahkan kata Allah lebih teruk darinya, lebih teruk dari haiwan ternak. Mereka itulah yang termasuk dalam golongan yang *ghafiah* [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]

Dalam ayat Allah yang lain yang *ghafiah* ini atau yang leka ini kerjanya tidak lain, [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Mereka makan-makan, seronok-seronok seperti haiwan ternak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, marilah kita mengambil kesempatan dalam sesi ini meneliti bajet ini dengan teliti dan kita tengok di mana ruang-ruang harus diperbaiki untuk kita bersama, untuk rakyat bersama. Bukan hanya hendak bagi bos senang. Jangan kita berterusan melaksanakan budaya ABS- asal bos senang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak pergi untuk beberapa perkara soal dasar. Oleh kerana masa telah disingkatkan, saya menyediakan ucapan ini untuk setengah jam tetapi sudah tinggal sepuluh minit. Akan tetapi saya percaya Tuan Yang di-Pertua boleh memberi masa yang lebih sedikit kepada saya supaya saya boleh menyampaikan hujah saya dengan baik, *insya-Allah*.

Dalam setiap kali bajet dikemukakan Tuan Yang di-Pertua, kita dengar sokongan kerajaan dan dukungan kerajaan kepada orang Melayu sangat besar. Setiap kali pilihan raya, bantuan kepada Melayu ini menjadi rangsangan hebat kepada orang Melayu. Setiap kali pemilihan UMNO, dukungan dan bantuan yang hendak diberikan kepada orang Melayu sungguh besar. Setiap kali bajet, juga katanya begitu. Sebagai orang Melayu, saya kadang-kadang berangan bilalah aku hendak dapat segala projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, lebih 50 tahun kita merdeka. Di mana Melayu, bagaimana kedudukan ekonomi mereka? Apa *social problem* yang mereka hadapi, apa masalah yang mereka hadapi? Bagaimana psikik mereka, *the psychology*? Bagaimana pandangan hidup, *self concept* mereka terhadap diri mereka sendiri? Bagaimana mereka melihat alam ini? Bagaimana mereka melihat hubungan mereka dengan pemerintah, dengan rakan-rakan yang lain? Ini semua barangkali, *it is for us*. Saya berharap sangat kepada rakan-rakan yang di sebelah sana, yang

tidak ada di sini sebahagiannya, sebenarnya sebahagian adalah murid-murid saya dahulu di sana sini, melihat hal ini secara serius.

■1730

Jangan main-main ya. Kita ada amanah dan tanggungjawab dan amanah itu *insya-Allah* akan Allah tuntutan dalam hidup ini lagi kalau tidak berlaku dalam hidup kita *insya-Allah* di alam akhirat, di alam kubur, di alam barzakh kita akan dituntut terhadap amanah yang tidak kita laksanakan dan yang kita abaikan.

Tuan Yang di-Pertua, janji kepada pembangunan Melayu ini menyebabkan kita pertama orang Melayu merasakan ianya akan dilindungi oleh kerajaan menjadikan mereka manja. Akibat dari janji yang tidak pernah sampai ini saudara atau sampai hanya asal cukup-cukup, cukup hidup. Misalnya kalau kita lihat, kita tengok apa akibat dari BR1M. BR1M membantu mereka untuk *survive*. Bunyinya hebat RM300 atau RM500 atau RM600 atau RM1,200. Kalau kita bagi-bagi kalau RM1,200 ditakdir sampai ke sana, RM100 sebulan, RM3 satu hari hendak makan apa? Akan tetapi bagi Melayu yang menerima ini, yang miskin ini *they feel so big. The government has helped them* tetapi menjadikan mereka makin *helpless*, makin bergantung.

Jadi Melayu yang diberikan bantuan dari dulu, kini dan selamanya kalau dikekalkan yang macam ini, kita membangun satu peribadi Melayu, bangsa Melayu yang bersifat ketergantungan. Dia bergantung harap kepada pemerintah sehingga mereka tidak mempunyai upaya untuk mandiri. Sudahlah begitu Tuan Yang di-Pertua, bantuan kepada Melayu ini hanya Melayu yang istimewa yang dapat. Saya tidak perlu cerita ini kerana rakan-rakan semua tahu, rakan-rakan sebelah sana tahu sebenarnya dan rakan-rakan sini pun tahu. Akan tetapi ia menjadikan rakan-rakan bukan Melayu menjadi kurang senang. Seolah-olah yang dapat bantuan ini Melayu saja. Melayu dapat itu, Melayu dapat ini.

Ini kalau kita lihat misalnya dalam halaman 54 ini ya, RM300 juta untuk satu-satu jenis dana. Kemudian RM200 juta satu dana lain, RM300 juta, RM700 juta. Dananya hanya bunyi semuanya untuk Melayu. Jadi seolah-olah Melayu ini mendapat sangat lumayan daripada pemerintah tetapi kalau bila kita teliti dengan sebenar dan kita tanyakan Melayu yang mana yang dapat? Saudara, oleh kerana propagandanya terlalu besar yang seolah-olah Melayu dapat segala-gala, dia menyebabkan rasa iri hati dari rakan-rakan kita yang bukan Melayu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita harapkan bagaimana kita menangani isu Melayu ini dan dalam pembangunannya, seharusnya kita lihat pembangunan dalam bentuk memberikan mereka yang perlu dibantu sebagaimana juga mereka yang bukan Melayu perlu dibantu dalam pembangunan mereka sebagai manusia, sebagai insan seutuhnya. Saudara-saudara, *insya-Allah* dalam sesi yang lain yang nanti, kita ambil kesempatan untuk bicara bab bagaimana menangani isu Melayu kerana ini sebenarnya dia tidak baik untuk orang Melayu itu sendiri, bahkan tidak baik untuk pemerintah itu sendiri.

Sebelum datang ke sini, saya berjumpa dengan teman saya malam tadi yang dari UMC Dell dan beliau telah menunjukkan kepada saya bahawa peratus sokongan yang didapati oleh pemerintah, yang didapati oleh BN dalam pilihan raya yang lepas. Di Semenanjung dengan segala

momokan bunyi Melayu ditolong, tapi sebenarnya hanya lebih kurang 48% UMNO-BN dapat dan 53% didapati...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: ...Dukungan diberikan kepada PR. Jadi maknanya kalau kita pergi lebih teliti, dukungan orang Melayu di bandar yang cerdik itu semakin mengurus dan yang tinggal menyokong UMNO-BN ini ialah orang-orang Melayu yang miskin, orang-orang Melayu yang *deprived of information*, yang terpisah daripada maklumat, yang kebanyakannya ini berada di Sabah dan Sarawak. Jadi saya juga mengharapkan rakan-rakan dari Sabah dan Sarawak, marilah sama-sama kita membetulkan keadaan ini. Jangan sampai hendak membenarkan UMNO BN memerintah. Saudara terus mendukung, memiskinkan orang-orang Sabah dan Sarawak terutama yang jauh di pedalaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila habiskan Yang Berhormat.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: *Do not be in power at the expense of our own people.* Saya biasa ke Sabah dan Sarawak dalam program *training* saya dan kebetulan di Sabah ada keluarga saya yang menikah dengan orang Kota Belud. Jadi kalau Sabah ini sangat dekat sebenarnya dengan pandangan hati kita. Jadi saudara-saudara saya menyeru sebenarnya kepada hati nurani saudara-saudara.

Last but not least, saya ingat Tuan Yang di-Pertua yang ingin saya sebutkan pada hari ini ialah tentang pembangunan benda *versus* pembangunan manusia. *Material development versus the human development*, dengan izin. Apa yang kami lihat sekarang ini, yang kami merasa sedih dalam setiap program pembangunan yang dikemukakan sejak 50 tahun yang lalu, kita melihat sebenarnya kualiti insan dari segi moral akhlagnya, dari segi kekuatan ilmunya, kekuatan daya saingnya, kekuatan kompetensinya, kekuatan daya tahan dan semangat jihadnya itu semakin menurun.

Apalah ertinya pembangunan kebendaan bagi kita kalau kita lihat kualiti rakyat dari segi kekuatan keimanannya, kekuatan moral akhlagnya, kekuatan keilmuannya, kekuatan daya tahannya, kekuatan daya saingnya, kekuatan untuk mandirinya, kekuatan untuk mereka boleh membuat keputusan dan pilihan sendirinya itu makin menurun. Apa ertinya pembangunan kebendaan yang kita dapat kalau kualiti kemanusiaan ini, kualiti manusia dan kemanusiaan itu menurun?

Jadi saya mengharap tuan-tuan, Tuan Yang di-Pertua jangan hanya kita bincang bab *numbers*. Jangan kita hanya bincang bab GST dapat untung, tidak dapat untung. Jangan kita hanya seronok untuk hanya menyenangkan hati bos kita dan menyenangkan hati kita kemudiannya bila naik pangkat. Kita lihat anak-anak kita. Kita lihat rakyat jelata. Kita lihat rakyat yang kita wakili. Balik, sudah tengok tempat masing-masing, tengok rakyat. Bagaimana kualiti hidup mereka? Saya harap saudara ada hati perut. Tidak berbicara hanya untuk menyenangkan pemerintah di atas, pemimpin di atas tetapi saudara kemudian balik berbohong dengan rakyat bahawa saudara mempertahankan kepentingan mereka.

Jadi saudara-saudara, saya mengharap hal pembangunan insan seutuhnya itu kita lihat dalam seluruh program kita *it should cut across* bukan saja dalam bidang Kementerian Pendidikan, bukan saja dalam bidang latihan tetapi dalam bidang pembangunan industrinya, dalam pembangunan pertaniannya, dalam semua bidang. Kita mesti melihat, mengukur bahawa setiap program pembangunan itu mesti menyumbang kepada pembangunan insan itu sendiri. Dalam hal inilah saya fikir kalau saya boleh *narrow down* terakhir Tuan Yang di-Pertua tentang kedudukan di sekolah-sekolah. Kita mengharap dalam Kementerian Pendidikan melihat bahawa pelaksanaan beberapa program khususnya macam program Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) itu tidak sebenarnya datang mengakibatkan kesan yang negatif. Marilah sama-sama kita teliti bahawa penaksiran itu dia punya prasarannya cukup, gurunya terlatih, keperluan untuk guru, *ratio* kepada murid itu dilihat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat. Habiskan.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Semua ini harus dilihat. Jangan kita hanya seronok melihat bahawa program bunyi besar, indah khabar dari rupa. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya bajet ini kita lihat dengan teliti, yang ia menguntungkan kita. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Samarahan.

5.39 ptg.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya memanjat rasa syukur ke hadrat Allah SWT dan setinggi-tinggi penghargaan pada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Belanjawan 2014. Pertama sekali saya ingin hendak merakamkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan bajet yang bertemakan, "Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasakan Transformasi dan Melaksanakan Janji" yang bagi saya amat bermakna, amat signifikan dalam memenangi dan merasai denyut nadi rakyat.

■1740

Bajet ini juga akan menjadikan negara kita lebih berdaya saing dan mampan serta mampu menyerlah di mata dunia sebagai negara yang membangun. Rancak dengan strategi-strategi yang cukup berkesan bagi mencapai Wawasan 2020 yang mana berintikan inovasi dan kreativiti.

Tuan Yang di-Pertua, inti pati lima teras yang ditetapkan amat lengkap dan merangkumi setiap aspek kehidupan rakyat Malaysia. Lima teras utama Bajet 2014 iaitu merancakkan aktiviti ekonomi, mengukuhkan pengurusan fiskal, mengungguli modal insan, mempergiatkan pembangunan bandar dan luar bandar dan menyejahterakan kehidupan rakyat jelas menunjukkan komitmen dan perhatian yang tinggi diberikan oleh Kerajaan Pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi memastikan kelestarian hidup seimbang dari segenap segi.

Secara ringkasnya, dalam Bajet 2014 ini sebanyak RM264.2 bilion diperuntukkan bagi melaksanakan langkah-langkah, program-program *pro-rate* kesejahteraan rakyat dan juga pembangunan negara. Ia terdiri daripada belanja mengurus sebanyak RM217.7 bilion dan belanja pembangunan sebanyak RM46.5 bilion. Selain daripada itu, pada tahun 2014 kutipan perolehan Kerajaan Persekutuan dianggarkan sebanyak RM224.1 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM4 bilion berbanding tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan negara, sudah cukup membuktikan bahawa kerajaan telah melaksanakan tanggungjawab dan *insya-Allah*, akan sentiasa memberikan yang terbaik kepada rakyat. Dengan bajet yang memfokuskan pengurusan dan menitikberatkan pembangunan, akan melonjakkan lagi suasana ekonomi pada tahun 2014.

Saya juga merasakan bajet ini memberi peluang kepada ekonomi domestik, juga mampu menarik minat pelabur asing kerana dengan tapak asas ekonomi yang kukuh dan teguh, mampu meningkatkan kepercayaan pelabur luar untuk melabur di negara kita secara mana yang dilaksanakan di pusat koridor ekonomi yang dilaksanakan di Malaysia pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang saya ingin kemukakan di sini ialah isu pendidikan. Sememangnya sejak merdeka, kerajaan telah menjadikan bidang pendidikan sebagai agenda utama negara. Kerajaan juga menyedari pelaburan dalam bidang ini adalah pra-syarat kepada sebuah negara yang makmur dan pembangunan rakyat yang sejahtera. Setiap tahun menyaksikan peruntukan besar diberikan kepada bidang pendidikan. Namun, didapati hasilnya masih lagi perlu diperkemas kan.

Maka, pada 6 September 2013 yang lepas, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025 bagi memastikan sistem pendidikan negara akan mampu mengoptimumkan potensi setiap anak Malaysia. Berbicara tentang pelan pembangunan yang dirancang, langkah meningkatkan upaya kompetensi dan kualiti guru merupakan pra-syarat kritikal yang menunjang kejayaan sistem pendidikan negara. Oleh itu, Kementerian Pendidikan dicadangkan meningkatkan kemahiran guru dalam pengajaran subjek-subjek teras yakni Bahasa Kebangsaan, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik melalui pendekatan *Higher Order Thinking Scheme* atau HOTS, dengan izin.

Dengan peruntukan sebanyak RM54.6 bilion atau pun 21% dalam bajet diberikan dalam sektor pendidikan, jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam usaha memantapkan sektor pendidikan ini. Bagi mendapat proses pembelajaran yang sempurna, keperluan untuk membaiki pulih bangunan sekolah, penyelenggaraan, pembelian peralatan dan pembinaan blok tambahan sekolah-sekolah, terutama di kawasan luar bandar amat penting.

Untuk pengetahuan Ahli Dewan sekalian, daripada sebuah kampung kecil dengan penduduknya menjalankan aktiviti pertanian kecil-kecilan, Kota Samarahan kini sudah membangun menjadi sebuah sub-bandar dan dikenali sebagai Kota Ilmu. Pembangunan berasaskan pendidikan yang dilaksanakan di kawasan ini telah menjanakan peluang ekonomi kepada penduduk yang memberi ruang kepada mereka untuk mempelbagaikan kegiatan untuk menjana pendapatan selain menawarkan peluang pekerjaan.

Pembinaan pusat pengajian tinggi awam, swasta dan pusat penyelidikan telah menjadikan Kota Samarahan yang terletak 30km dari bandar raya Kuching menjadi tumpuan ramai. Antara institusi pengajian tinggi yang dibuka ialah Universiti Teknologi MARA, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Institut Latihan Guru Malaysia (IPTAR), dan juga Institut Latihan Perindustrian Samarahan.

Namun begitu, terdapat beberapa perkara perlu dikongsi apabila berbicara mengenai prasarana sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan Kota Samarahan. Untuk itu, Kota Samarahan hanya mempunyai tiga buah sekolah menengah sahaja. Ketiga-tiga sekolah ini terpaksa menampung jumlah pelajar yang melebihi jumlah yang sepatutnya mencapai 2,300 orang dengan kemudahan dalam sekolah yang amat terhad. Keadaan ini menyebabkan pelajar-pelajar terpaksa mengalami kelas terapung dan tiada kelas yang sempurna dan hal-hal ini sangat menjejaskan prestasi dan keselesaan untuk proses pembelajaran.

Pada tahun 2012, prestasi sekolah rendah di kawasan Kota Samarahan telah meningkat kepada kedudukan ketiga terbaik di Sarawak. Namun demikian, pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam UPSR terpaksa keluar daripada Kota Samarahan kerana kawasan ini tidak mempunyai sekolah berprestasi tinggi. Sebagai sebuah bandar Kota Ilmu, seharusnya kawasan ini perlu mempunyai kesinambungan dari segi prasarana sekolah iaitu sekolah rendah, sekolah menengah berprestasi tinggi dan juga pengajian tinggi.

Oleh itu, saya amat berharap agar peruntukan sebanyak RM450 juta yang diperuntukkan dalam Bajet 2014 ini dapat disalurkan sedikit di Kota Samarahan untuk membina sebuah MRSM atau pun sekolah teknikal untuk menjadi penyambung tradisi sekolah dengan institusi pengajian tinggi yang ada di kawasan Kota Ilmu itu. Begitu juga dengan permohonan sekolah menengah baru, Sekolah Menengah Sri Samarahan bagi menampung pertambahan pelajar disebabkan pembangunan pesat kawasan perumahan dan pembesaran kampung-kampung.

Dengan kewujudan MRSM atau pun sekolah teknikal di kawasan Kota Samarahan ini, saya yakin dan pasti akan menjadikan Kota Ilmu ini lebih menonjol dan melahirkan lebih ramai golongan profesional dan bijak pandai untuk masa depan dan juga boleh membantu melahirkan tenaga mahir kepada skor di negeri Sarawak. Begitu juga saya mohon menyuarakan suara hati rakyat kawasan Samarahan agar naik taraf SMK Muara Tuang atas kelulusan ganti semula dapat dipertimbangkan dalam Bajet 2014.

Keluhan ibu bapa sering diutarakan kerana mereka ingin melihat anak mereka dapat belajar dalam keadaan yang selesa. Begitu juga permohonan dewan sekolah bagi SMK Asia Jaya dan juga SMK Samarahan.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya ingin ketengahkan ialah infrastruktur. Dalam Bajet 2014 ini, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM4.1 bilion bagi menambah baik infrastruktur asas serta meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar. Bajet ini merangkumi pelaksanaan Program Bekalan Air Bersih dan Terawat kepada 8,000 unit rumah luar bandar, membekal tangki air di Sarawak, Program Bekalan Tenaga Elektrik 24 jam kepada 16,000 rumah di seluruh negara. Ini turut merangkumi kos membaiki gangguan bekalan elektrik di Sabah,

sebanyak RM265 juta disediakan selain RM179 juta untuk membina dan membaik pulih sebanyak 20,000 unit rumah rakyat termiskin di luar bandar. Saya dan rakyat di Kota Samarahan mengalu-alukan peruntukan kepada infrastruktur terutama untuk masyarakat luar bandar.

■1750

Bagi Kota Samarahan, kita masih mengharapkan peruntukan pembinaan gelanggang futsal untuk kemudahan rekreasi belia-belia di kawasan kita. Selain daripada itu, rakyat Kota Samarahan juga memohon kerajaan meningkatkan bekalan air bersih. Pada masa ini, Kota Samarahan mengalami masalah bekalan air bersih yang tidak mencukupi memandangkan kemudahan yang sedia ada tidak dapat menampung permohonan yang begitu meningkat, bukan sahaja pertambahan penduduk kampung, perumahan, pusat pendidikan dan juga industri. Saya amat berharap dengan peruntukan yang diberikan pada tahun ini, akan dapat membantu mengatasi masalah bekalan air yang dialami di beberapa kampung di kawasan Kota Samarahan. Kita juga amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana prihatin terhadap rakyat Sarawak dan Sabah dengan memberi peruntukan sebanyak RM75 juta untuk projek tangki air.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung, Yang Berhormat.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Isu terakhir yang saya ingin kemukakan di sini ialah ekonomi luar bandar.

Kawasan luar bandar sentiasa menjadi antara penyumbang utama ekonomi negara dari sudut pelbagai sektor dan bidang. Peranan perusahaan kecil dan sederhana begitu penting pada hari ini kerana PKS mewakili 97.3% daripada semua perniagaan di Malaysia dan menyumbang 32.4% kepada KDNK dan 56% kepada tenaga kerja serta menyumbang 19% daripada jumlah eksport. Kita mengalu-alukan penubuhan Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) dengan dana permulaan RM30 juta dan satu pelan pembangunan usahawan digubal. Hal ini dapat membantu golongan usahawan desa dan luar bandar terutama untuk melakukan anjakan paradigma dalam meningkatkan ekonomi industri perusahaan kecil luar bandar di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Kota Samarahan merupakan antara pengeluar utama produk perusahaan kecil seperti kerepek, bebola ikan, kuih lapis, belacan dan sebagainya. Namun begitu, masalah utama yang dihadapi oleh pengusaha produk tempatan ialah tiada ruang dan peluang untuk melakukan pemasaran produk mereka. Dengan itu, kita mengharapkan peruntukan sebanyak RM120 juta, kita ingin mencadangkan agar diwujudkan satu *marketing group* ataupun pusat produk tempatan di Asajaya bagi menguruskan pemasaran produk-produk tempatan dari kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menutup perbincangan saya, sekali lagi saya ingin hendak memaklumkan bahawa kita juga mengalu-alukan peruntukan untuk pembangunan sektor pertanian kerana kita merupakan aset pertanian dan juga nelayan di kawasan kita. Jadi kita mengharapkan agar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat memberi kita sedikit

peruntukan untuk membina pusat jualan barangan basah dan juga barangan hasil kebun di kawasan kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya percaya dengan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan bajet yang menyeluruh serta merangkumi segala aspek keperluan rakyat di negara ini. Dengan itu, Yang Berhormat Kota Samarahan mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Menyokong Yang Berhormat.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Ya, menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah.

5.53 ptg

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasaan Belanjawan 2014. Salam sejahtera dan salam ubah.

Belanjawan 2014 adalah satu belanjawan pasca pilihan raya yang pasti akan membebankan rakyat jelata. Cukai baru GST diperkenalkan dan subsidi gula pula dihapuskan. Ini sudah tentu akan membawa implikasi kewangan yang drastik kepada rakyat. Sebuah kerajaan kebajikan sudah pasti tidak akan membebankan rakyat dengan cukai yang berlebihan dan pada masa yang sama, akan memberi subsidi pada kadar yang berpatutan untuk membantu rakyat terutamanya golongan miskin. Akan tetapi, Kerajaan Barisan Nasional telah mengkhianati rakyat dengan meningkatkan cukai dalam bentuk GST dan mengurangkan subsidi gula pada 26 Oktober 2013 dan RON95 pada 3 September 2013 sebaik sahaja memenangi PRU Ke-13 dengan pelbagai muslihat. Penghapusan subsidi ini akan mengurangkan pendapatan boleh guna oleh setiap isi rumah. Ini adalah kerana tidak ada peningkatan dalam pendapatan. Pada masa yang sama, terdapat tanggungan baru iaitu GST.

Pada hemat saya, tindakan kerajaan memperkenalkan GST dan mengurangkan subsidi gula dan petrol adalah bertujuan memindahkan tanggungan ataupun liabiliti kerajaan kepada rakyat. Penghapusan cukai jualan dan perkhidmatan yang diganti oleh GST akan membawa perolehan tambahan kepada kerajaan sebanyak lebih kurang RM12 bilion. Jumlah wang yang begitu besar itu datangnya dari mana kalau bukan daripada rakyat, terutamanya daripada rakyat miskin dan miskin tegar. Wang inilah yang akan bakal digunakan oleh kerajaan untuk membayar faedah hutang luar negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut kajian yang dibuat oleh *Penang Institute* mendapati golongan yang berpendapatan sederhana iaitu di antara RM30,000 hingga RM150,000 setahun adalah golongan yang paling terjejas akibat cukai regresif GST. Kajian juga menunjukkan bahawa golongan kaya-raya adalah kelompok yang kurang merasai kepahitan GST.

Saya amat tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Bagan Serai yang memberi penjelasan tentang bahaya gula dan penyakit kencing manis. Penjelasan beliau dari aspek perubahan mungkin boleh diterima. Akan tetapi daripada segi logik dan rasionalnya, adakah

penghapusan subsidi gula sebanyak 34 sen itu akan mengurangkan kadar pesakit diabetes di Malaysia? Tidak ada korelasi yang nyata di antara peningkatan harga gula sebanyak 34 sen itu akan mengakibatkan pengurangan permintaan isi rumah untuk gula. Gula bukanlah barang biasa yang terikat dengan teori permintaan. Malah, ia harus dianggap sebagai bahan mesti. Permintaan untuk gula adalah tidak anjal.

Kalau kita belajar ekonomi, kita lihat dalam teori permintaan, ia jelaskan bahawa ada dua jenis permintaan. Satu yang anjal dan satu lagi tidak anjal. Gula adalah dikategorikan sebagai bahan mesti yang mana kelok permintaannya adalah tidak anjal. Ini bermaksud, untuk mengurangkan sedikit kuantiti gula yang diminta, perlu meningkatkan harga yang begitu banyak dan peningkatan 34 sen itu tidak akan menyebabkan permintaan kuantiti gula itu diturunkan dan perkara ini adalah tidak signifikan. Peningkatan harga 34 sen kalau kita kata akan mengurangkan permintaan gula itu adalah langsung tidak signifikan.

Oleh yang demikian, adalah tidak jitu daripada segi pengiraan ekonomi untuk memberi alasan kesihatan bagi menghapuskan subsidi gula. Pandangan kesihatan adalah satu helah kerajaan untuk mengalih pandangan rakyat...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Mengenai isu pengurangan subsidi gula yang sebenarnya bertujuan untuk menyelesaikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mahu beri jalan Yang Berhormat?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Batu Gajah, satu minit?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Okey, siapa?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Bagan Serai, okey.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Okey, terima kasih. Saya begitu hairanlah. Pihak sebelah sana, walaupun kita sudah beritahu macam-macam cerita berkenaan dengan GST yang akan dilancarkan dan juga kenapa penghapusan subsidi gula dapat membantu negara dan rakyat? Saya hairan, kalau saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Batu Gajah, di luar sana, 160 buah negara telah dapat melaksanakan GST dengan jayanya. Setuju atau tidak Yang Berhormat Batu Gajah dengan saya, mereka dapat melaksanakan GST ini kerana tidak ada orang-orang yang macam daripada PAS, PKR dan DAP?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kita tidak mempertikaikan tentang GST ini. Kita hanya mempertikaikan tentang *timingnya*. Sekarang bukan masa untuk kita melaksanakan GST yang mana kita tahu berlaku banyak ketirisan, pemborosan, rasuah dan sebagainya. Kita hendak hapuskan dan selesaikan masalah itu dahulu sebelum kita memperkenalkan GST. Janganlah kita gunakan helah penyakit diabetes sebagai satu macam apa yang diberitahu oleh...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ini bukan helah, ini kenyataan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Memang betul.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ini kenyataan. Diabetes memuncak.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kita kena pandang jauh Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Gula dengan diabetes memang ada hubung kait tetapi...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Yes, definitely.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Janganlah pula kata kerana kita naikkan harga gula itu, maka permintaan untuk gula akan menurun. Itu memang tidak ada. Ini adalah daripada segi ekonomi.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kita menerangkan tentang sikap.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Mungkin, mungkin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kita menerangkan tentang sikap rakyat Malaysia yang suka makan manis dan banyak gula.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Akan tetapi adakah dengan mengurangkan...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Perubahan sikap yang sedikit ini dapat membantu...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dan sudah tentu...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Okey, adakah dengan peningkatan 34 sen itu akan menyebabkan penghidap...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Batu Gajah, saya bantu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan bangun, Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bukan 34 sen yang dibincangkan. Hanya naik berapa saya ingat secawan air manis tetapi kesannya panjang. Inilah kesan jangka panjang kepada isi rumah Malaysia.

■1800

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kalau boleh Yang Berhormat turun padang, pergi jumpa dengan rakyat di kawasan Bagan Serai, tanya kepada isi rumah di sana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan berdialog begini, Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: ...Adakah peningkatan 34 sen itu mereka akan mengurangkan pembelian gula? Saya rasa pasti tidak.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya membahaskan tentang sikap rakyat Malaysia.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Setiap keluarga akan membeli harga yang sama dalam kuantiti yang sama. Oleh kerana itu adalah satu helah yang digunakan oleh kerajaan untuk mengatakan bahawa dengan...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kepentingan kesihatan. Mencegah lebih baik dari merawat. Jangan nasi jadi bubur. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Cukup, cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Tiga minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *Sorry, sorry.* Hanya bagi tiga minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Hendak bagi jalan Yang Berhormat.. Tiga minit sahaja.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tadi dia kata lepas ada PAS, DAP dan PKR. Di tempat lain tidak ada UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Okey, saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga amat kecewa di atas pengumuman Menteri Kewangan untuk menghapuskan subsidi gula sebanyak 34 sen dengan serta-merta tanpa mengambil kira sensitiviti dan keprihatinan terhadap masyarakat India yang telah menyambut Deepavali seminggu sejeurus pembentangan Bajet 2014. Dalam ucapan Belanjawan ada disebut bahawa Perdana Menteri telah melancarkan Dasar Transformasi Negara pada tahun 2010 sebagai pemangkin untuk mencapai Wawasan 2020.

Bolehkah negara mencapai Wawasan 2020? Setiap tahun sebanyak 17 kali berturut-turut Kerajaan Barisan Nasional telah membentangkan bajet defisit dalam Dewan yang mulia ini. Apakah gunanya mengisytiharkan negara kita sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi tetapi hutang negara juga turut melonjak tinggi, bagaikan telur di hujung tanduk. Saya amat pasti dan berani mencabar Kerajaan Barisan Nasional tidak akan berjaya membentangkan bajet imbang ataupun bajet lebihan dalam tujuh tahun akan datang kecuali jikalau Pakatan Rakyat berjaya melangkah masuk Putrajaya dalam PRU-14 nanti.

Saya khuatir rakyat akan dihampakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dengan omong-omong kosong Wawasan 2020. Saya amat tertarik dengan Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, tetapi adakah sejumlah wang yang diperuntukkan itu akan sampai ke sasaran atau terus diselewengkan seperti biasa dan hanya memperkayakan dan memperkasakan UMNO Putera dan kroni-kroninya. Banyak program ekonomi yang diperkenalkan oleh kerajaan gagal kerana peruntukan tidak sampai ke peringkat akar umbi.

Dalam teks ucapan Belanjawan 2014, Menteri Kewangan menyatakan bahawa setiap kaum dan suku tidak kira peratusannya adalah mustahak dan penting untuk kejayaan negara. Saya 100% bersetuju dengan kenyataan tersebut. Akan tetapi dalam bajet yang sama kelihatan kekontangan dari segi peruntukan untuk masyarakat Cina. Pada masa yang sama hanya memperuntukkan RM100 juta diperuntukkan untuk kaum India yang berjumlah 2 juta orang iaitu 7.2% daripada jumlah rakyat Malaysia.

Pada hemat saya, jumlah yang diperuntukkan itu adalah terlalu kecil untuk pembangunan ekonomi masyarakat India yang sebahagian besarnya hidup dalam kemiskinan dan serba kesederhanaan. Kerajaan sentiasa menganaktirikan masyarakat India yang keringat dan darahnya menjadi baja kepada pertumbuhan ekonomi negara sejak sebelum merdeka lagi. Masyarakat India juga berbakti kepada negara ini dan tidak pernah berganjak seinci pun, kesetiaan dan kesayangan kepada tanah air ini. Akan tetapi Kerajaan Barisan Nasional hanya memberi peruntukan RM100 juta diiringi dengan satu ungkapan sinis, 'nandri' oleh Perdana Menteri. Saya fikir ini adalah satu sindiran atau gurauan semata-mata. Kalau hendak buat biarlah ikhlas. Jangan mencurahkan garam dalam laut, tiada siapa yang akan mendapat faedah [*Tepuk*]

Kalau RM30 bilion boleh diperuntukkan untuk Agenda Memperkasakan Ekonomi Bumiputera, apa salahnya jika kerajaan juga melancarkan Agenda Memperkasa Ekonomi Kaum India dengan memperuntukkan sejumlah lebih kurang RM2 bilion sejajar dengan kadar populasi kaum India 7.2%. Saya pasti pihak MIC ataupun pemimpin-pemimpin India dari kalangan komponen Barisan Nasional tidak berani untuk mendesak kerajaan berbuat demikian.

Di mana perginya seorang pejuang kaum India, seorang wira yang kononnya mewakili Hindraf dan pernah membuat lapam tuntutan? Kerajaan Barisan Nasional bersetuju dan berjanji menunaikan lapan tuntutan tersebut. Apa sudah jadi dengan MoU yang ditandatangani Hindraf dan Barisan Nasional pada 18 April 2013 iaitu sebelum PRU-13. Apa pencapaian Hindraf setakat ini? Berapakah tuntutan yang telah ditunaikan oleh Kerajaan Barisan Nasional kecuali pemimpin utamanya telah diberikan jawatan Senator dan dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sebenarnya beliau adalah seorang pemimpin yang telah mengotori perjuangan murni kerana kepentingan politiknya. Kononnya masyarakat India akan nampak perubahan dalam 100 hari selepas pilihan raya. Apa perubahan yang telah dibuat olehnya? Saya tidak nampak apa-apa perubahan setakat ini walaupun enam bulan sudah pun dilepasi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tiada peningkatan dalam pengambilan kakitangan berbangsa India dalam sektor perkhidmatan awam, tiada perubahan dari segi biasiswa yang ditawarkan, tiada perubahan dari segi peluang perniagaan dan kontrak kerajaan, tiada perubahan dari segi kenaikan pangkat dalam sektor awam, tiada perubahan dari segi perolehan pinjaman bank atau bantuan kewangan, tiada perubahan dari segi pengambilan pelajar untuk matrikulasi, tiada perubahan dari segi ekuiti yang hanya 1.6%, tiada perubahan dari

segi bilangan banduan bangsa India dalam penjara, tiada perubahan dari segi masalah sosioekonomi, tiada perubahan dari segi bilangan sekolah Tamil dan tiada perubahan dari segi peruntukan pembangunan dan juga tiada perubahan dari segi memperkasakan seni budaya dan bahasa. Semuanya sama kecuali seorang pemimpin Hindraf itu disedekahkan jawatan Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya dua tiga minit lagi boleh? Okey. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sanggup memberi dua ekar tanah untuk membina sebuah sekolah menengah Tamil di kawasan Seberang Perai, sekolah menengah yang pertama. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang prihatin mengambil inisiatif untuk memberi tanah di negeri itu, tetapi Kerajaan Persekutuan pula mengabaikan tawaran tersebut. Adakah sesiapa di antara Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang berani menyahut cabaran saya untuk mendesak Kerajaan Persekutuan membina sekolah Tamil yang pertama di negara kita di Pulau Pinang?

Kerajaan berbangga dengan rizab antarabangsa yang bernilai RM4.9 bilion, tetapi kerajaan juga harus sedar bahawa hutang negara sebanyak RM531.6 bilion boleh menelan keseluruhan nilai rizab antarabangsa. Angka ini tidak perlulah dibanggakan. Sebagai analogi, ini seperti seorang budak ada RM10 di koceknya, tetapi berhutang dengan kawannya RM15. Bolehkah budak itu berdiri megah dan berkata, hari ini saya berasa senang kerana ada RM10 di dalam koceknya padahal hutangnya lebih.

Pendapatan per kapita tahun 2014 perlu dijangka akan mencecah RM34,126. Indikator ekonomi ini tidak memberi satu gambaran yang sebenar mengenai kekukuhan negara. Adalah kurang bijak untuk menjadikan *indicator* ini sebagai kayu pengukur, mengukur dan menilai prestasi ekonomi negara kita, dengan izin, *it is a mean value, it does not reflect income distribution. A small wealthy class can increase per capita income fall above than all a majority of the population, far above than all of the majority of the population.*

Kenyataan ini mencerminkan pengagihan pendapatan negara kita yang sebenar. Orang yang kaya menjadi semakin kaya dan miskin menjadi semakin miskin. Jurang pendapatan di antara negara kita antara yang kaya dan miskin semakin melebar. Boleh lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis masa Yang Berhormat [Ketawa]

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Boleh gulung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang dua minit itu pun sudah terlepas.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Okey, saya menggulung Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya habis. Ada banyak lagi sebab masa terlalu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak mengapalah, esok ada lagi.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya tidak boleh menyokong bajet ini kerana, saya pasti kerajaan akan membentangkan satu lagi Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan pada tahun hadapan, seperti tahun-tahun sebelum ini. Oleh itu Belanjawan 2014 ini bukanlah suatu yang muktamad malah boleh dianggap sebagai satu belanjawan olok-olok sahaja. Sepanjang pentadbiran kerajaan di bawah Yang Amat Berhormat Pekan, pengurusan kerajaan negara menyaksikan pembentangan dan belanjawan tambahan secara konsisten berikutan setiap pembentangan asal negara dalam konteks kewangan, berada dalam defisit fiskal. Pembentangan Perbekalan Tambahan akan menunjukkan satu sikap tadbir urus kewangan negara yang tidak berhemat.

Sebagai akhir kata saya juga ingin merakamkan dalam Dewan yang mulia ini desakan saya dan rakan-rakan seperjuangan saya supaya Perdana Menteri tidak menghadiri Mesyuarat CHOGM yang bakal diadakan pada pertengahan bulan November tahun ini di Colombo, Sri Lanka iaitu sebuah negara yang tidak menghormati hak asasi manusia. Membunuh ribuan orang awam, wanita, kanak-kanak termasuk orang-orang Muslim secara kejam tanpa perikemanusiaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lubok Antu. Sekarang ini Yang Berhormat Lawas tidak bangun, Yang Berhormat Lawas tidak ada. Ya, Yang Berhormat Lubok Antu.

6.19 ptg.

Tuan William @Nyallau anak Badak [Lubok Antu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2014 kali ini. Jadinya saya di sini adalah untuk menyokong Belanjawan 2014 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 25 Oktober yang lepas.

■1810

Fokus Belanjawan 2014 yang bertunjangkan tema, "Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji" berpaksikan lima teras untuk dilihat kukuh serta bersesuaian dengan keadaan semasa dan perkembangan ekonomi negara. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memimpin negara Malaysia, yang masih kental membentengi rakyat daripada penangan ketidakstabilan ekonomi global. Syukur bahawa Kerajaan Malaysia masih mendapat sokongan padu rakyat dan saya percaya Belanjawan 2014 bakal menjadi pemangkin ke arah pelaksanaan tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat di dalam memikul amanat yang diberikan oleh mereka.

Isu pertama yang saya ingin ketengahkan di dalam perbahasan kali ini ialah mengenai kemudahan kesihatan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sesebuah negara dapat diukur melalui kemajuan institusi kesihatan di mana negara tersebut. Bajet 2014 telah memperuntukkan sebanyak RM22.1 bilion di dalam memberi perkhidmatan kesihatan dan perubatan terbaik kepada rakyat Malaysia. Inisiatif untuk membina 50 buah Klinik 1Malaysia dan

30 buah klinik desa juga membuktikan kerajaan sentiasa mengambil berat akan tahap kesihatan rakyat khususnya penduduk luar bandar.

Di masa Pilihanraya Umum Ke-13 yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan kunjungan ke kawasan Parlimen saya iaitu kawasan Lubok Antu. Beliau telah bersetuju bahawa perlunya pembinaan sebuah Hospital Daerah Lubok Antu kerana hospital yang ada amat uzur dan tidak dapat menampung keperluan pesakit-pesakit yang datang berubat ke klinik desa di Lubok Antu. Buat masa sekarang, penduduk di Lubok Antu terpaksa dirujuk ke hospital di Betong atau Sri Aman. Keadaan ini telah mengakibatkan penduduk menanggung kos yang amat tinggi dari segi pengangkutan dan tempat tinggal untuk sanak saudara yang mengikut pesakit-pesakit yang berubat di kedua-dua tempat iaitu di Sri Aman atau di Betong. Ada di antara mereka tiada tempat tinggal dan tinggal di kaki lima pasar atau Pekan Sri Aman.

Perkara kedua saya ingin ketengahkan di sini ialah berkenaan infrastruktur asas luar bandar iaitu jalan raya. Pada awal tahun ini, kerajaan telah meluluskan tiga buah jalan di kawasan Lubok Antu iaitu Jalan Bukit Tungku ke Sayat, Soh dan Seramat. Kedua, jalan sungai Sayat ke Nanga Kumpang dan satu lagi Jalan dari Bukong, Engkilili ke Changkol. Akan tetapi malangnya sampai ke hari ini, ketiga-tiga projek ini belum lagi dibina. Oleh yang demikian, saya ingin tahu kenapa pelaksanaan projek ini tidak diteruskan sampai hari ini?

Kedua, pembinaan jalan balak. Kalau kerajaan tidak mampu untuk membina jalan baru, mungkin kos yang tinggi, saya mahu jalan balak di kawasan Parlimen Lubok Antu iaitu di kawasan Lemanak, kawasan ini adalah kawasan di mana penduduk adalah paling banyak miskin disebabkan ada di antara mereka agak susah untuk membawa hasil mereka untuk dijual di pasar-pasar. Oleh yang demikian, saya mahu peruntukan tahun 2014 diperuntukkan untuk membina sekurang-kurangnya jalan balak ke Hulu Lemanak.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini adalah mengenai bekalan air di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, di dalam memastikan penduduk di kawasan luar bandar dapat menikmati kemudahan asas yang mencukupi seperti yang telah digariskan di dalam tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara. Pihak kerajaan telah mengkhususkan sebanyak RM447 juta untuk menyalurkan bekalan air kepada 8,000 buah rumah dan sebanyak RM75 juta untuk mengagihkan tangki air di kawasan luar bandar. Ingin saya ketengahkan bahawa setakat ini ramai penduduk di Lubok Antu yang masih tidak dapat menikmati bekalan air bersih dan terawat di rumah mereka.

Kebanyakan penduduk di rumah panjang terpaksa bergantung kepada bekalan air dari sungai atau tadahan air hujan. Keadaan ini telah diburukkan lagi dengan keadaan sungai yang tercemar dan sudah tiada air. Hendak mandi sungai pula ada buaya yang menunggu. Apakah nasib orang di Lubok Antu, Tuan Yang di-Pertua? Jadi, saya mohon agar sebahagian daripada peruntukan ini disalurkan kepada penduduk di Lubok Antu khasnya di kawasan sebelah Hilir Engkilili dan sebelah hilir. Sekarang kawasan ini amatlah terdedah kepada air masin dan perlukan bekalan air dengan segera.

Perkara keempat yang ingin saya sampaikan di sini adalah berkenaan bekalan elektrik luar bandar. Menjurus kepada soal bekalan elektrik luar bandar, saya amat mengalu-alukan peruntukan

sebanyak RM865 juta yang dikhaskan untuk membekalkan elektrik kepada 16,000 buah rumah di bajet tahun 2014. Kawasan Lubok Antu terkenal dengan loji jana kuasa hidroelektrik iaitu Empangan Batang Ai tetapi masih ramai penduduk belum menikmati bekalan elektrik 24 jam. Ada juga yang bergantung kepada penggunaan generator atau elektrik yang bukan sahaja mahal dari segi penyelenggaraan malah turut menggunakan diesel yang banyak.

Saya juga berterima kasih kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang telah memperkenalkan penggunaan *micro hydro* di kawasan saya yang telah menyalurkan rumah panjang 24 jam bekalan elektrik. Saya cadangkan di sini supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya memberi lebih banyak lagi peruntukan untuk melaksanakan *micro hydro* kerana inilah satu-satunya sebagai jalan untuk mengatasi masalah luar bandar. Khasnya orang hulu sungai supaya mereka mendapat bekalan elektrik yang lebih murah dan senang diselenggara iaitu penggunaan *micro hydro* lebih banyak lagi di hulu-hulu sungai, di jalan untuk membawa grid 24 jam kawasan itu belum sampai lagi.

Satu lagi perkara berkenaan tanah adat hak bumiputera. Saya sebagai orang rumah panjang mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kerajaan kerana memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk membuat pengukuran tanah dan pengesahan hak pemilikan tanah adat bumiputera. Kalau tanah adat hak bumiputera ini sudah dibuat, sudah tentu penduduk-penduduk luar bandar khasnya kaum bumiputera di Sarawak akan dapat memajukan tanah dengan menggunakan peruntukan dari MPOB dan akan dapat masuk untuk membangunkan tanah hak adat bumiputera mereka. Dengan itu sahajalah penduduk luar bandar akan dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi mereka di luar bandar.

Perkara akhir sekali, saya ingin ketengahkan di sini adalah mengenai pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, Daerah Lubok Antu terkenal bukan sahaja kerana namanya Lubok Antu, ia juga terkenal dengan rumah-rumah panjang. Rumah Panjang Tersena dan Taman Negara Lanjak Entimau yang menjadi habitat kepada orang utan di negeri Sarawak.

■1820

Lantaran ini, saya berpendapat bahawa wajar sekiranya kawasan Lubok Antu itu dibangunkan sebagai sebuah destinasi utama ekopelancongan negara. Melalui peruntukan yang disalurkan kepada Tabung Khas Infrastruktur Pelancongan sebanyak RM2 bilion, nescaya lebih ramai rakyat Malaysia yang berminat untuk membangunkan *homestay* pelancongan di kawasan mereka. Seperti yang telah saya nyatakan bahawa kawasan Lubok Antu amat sesuai untuk dibangunkan sebagai kawasan ekopelancongan. Selain itu, program *homestay* rumah panjang mampu mendedahkan pelancong yang berkunjung dengan budaya serta adat resam penduduk tempatan khususnya budaya suku kaum Iban. Akan tetapi ingin saya merayu kerana setakat ini, syarikat-syarikat yang membawa pelancong ke rumah panjang telah mengeksploitasikan penduduk-penduduk di rumah panjang dengan membayar gaji mereka sebagai token sahaja, tetapi mereka tidak mendapat untung daripada program pelancongan yang datang ke kawasan rumah panjang mereka.

Oleh yang demikian, saya memohon supaya Kementerian Pelancongan membuat satu program khas membantu bagaimana penduduk-penduduk rumah panjang ini diberi syarat-syarat tertentu supaya mereka dapat mengendalikan program *homestay* di rumah-rumah panjang mereka. Dengan ini saya menggulung ucapan saya dan ingin menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Langat.

6.22 ptg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas Bajet 2014. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat lawatan kerja ke San Francisco, Amerika Syarikat pada 23 September 2013 bagi mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global atau GSIAC. Antara yang dicadangkan supaya Malaysia menyertai inisiatif global Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik iaitu STEM, yang ditaja oleh Akademi Sains New York, dan Cisco. Antaranya Malaysia berpeluang memberi pendedahan kepada pelajar dan saintis muda untuk menjalin kerjasama dan interaksi dengan rakan sebaya melalui rangkaian sosial daripada pelbagai negara dan bandar.

Selain itu, Akademi Sains New York juga bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia bagi mempertingkatkan program pembangunan guru khususnya dalam pendidikan STEM yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2023-2025. Saya menyokong usaha ini dan berharap kerajaan tidak membelanjakan wang yang besar bagi usaha di atas menghantar wakil kita ke luar negara atau membiayai pakar-pakar luar datang ke Malaysia kerana kita juga mempunyai ramai saintis tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada kes di Hulu Langat, tempat saya mengenai pembinaan Sekolah Menengah Sungai Ramal dan Sekolah Rendah Kebangsaan Sunway Semenyih yang diurus oleh perunding dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sungai Long yang diurus oleh lembaga. Saya dapati ketiga-tiga sekolah ini *delay* ataupun lambat jadualnya daripada asal. Saya meneliti daripada awal pembinaan, mereka tidak merujuk kepada Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, Majlis Perbandaran Kajang, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat sendiri. Maka timbul beberapa masalah seperti longkang ke mana hendak disalurkan, jalan keluar yang sesuai bagi menyambung jalan besar dan aliran sistem rawatan sisa atau *waste treatment system*, dengan izin, yang betul. Akhirnya timbul pelbagai masalah termasuk dengan penduduk sekitar. Akhirnya perjalanan pembinaan ini perlahan dan ada yang terhenti pembinaannya.

Merujuk kepada Sekolah Menengah Sungai Ramal, Jawatankuasa Tindakan Daerah menangguhkan pembinaan selama tiga bulan dan timbul masalah dengan penduduk dalam berkongsi jalan keluar dan *system waste treatment* sehingga pihak negeri masuk campur. Setelah penjelasan dibuat oleh perunding bahawa kos yang diberi oleh kementerian hanya untuk bina bangunan, sementara jalan keluar dan longkang tidak diperuntukkan. Jadi saya mengesahkan dengan Timbalan Menteri Pendidikan, kemudiannya di Dewan yang mulia ini, Menteri menjelaskan

bahawa jalan keluar patut dibina oleh JKR. Akan tetapi apabila dirujuk kepada JKR, mereka menjelaskan bahawa mereka tidak boleh membina jalan dan longkang kerana tidak mempunyai peruntukan.

Apa yang berlaku, kontraktor tidak mampu meneruskan pembinaannya dan tender baru dikeluarkan umpamanya bagi SMK Sungai Ramal. Jadi saya berharap kementerian perlu memperjelaskan masalah yang berlaku dan mengubah cara-cara pengurusan pembinaan sekolah-sekolah baru mengikut prosedur yang betul daripada mula hendak masuk ke tapak, sampai pembinaan seterusnya dan mengambil kira masalah yang timbul dengan masyarakat bagi mengelakkan pembinaan yang terencat atau lewat.

Tuan Yang di-Pertua, program perbekalan kereta perisai *8x8 AB PARS*, pengeluarannya FNSS berasal dari Turki, sehingga sekarang hanya dua sahaja yang dapat dibekalkan daripada 12 yang ditempah. Malangnya dua yang dibekalkan itu tidak boleh berenang, badan terlalu besar, kawalan sistem kebakaran gagal, sistem amaran teknologinya terkebelakang...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Hulu Langat, kalau boleh mencelah sedikit?

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Ya.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih. Sebagaimana yang kita dimaklumkan oleh Yang Berhormat Pekan, kerajaan memperuntukkan sebahagian daripada peruntukan pembangunan untuk membeli kereta perisai, tetapi beliau tidak mengisytiharkan berapakah bilangannya dan bilakah kita akan dapat. Dalam hal ini, kalau pernah didedahkan bahawa kalau kita beli daripada Turki, harganya RM6.6 juta sahaja sebuah. Akan tetapi apabila kita buat di Malaysia yang dikatakan dua biji tadi Yang Berhormat Hulu Langat, baru siap dua biji itu pun prototaip tetapi kita tak tahu maklumat-maklumat dia.

Oleh itu boleh setujukah Yang Berhormat Hulu Langat, kita minta kepada kementerian supaya mendedahkan maklumat-maklumat berhubung dengan kereta perisai ini yang dikatakan dibuat oleh Deftech Malaysia dan akhirnya bernilai RM23 juta sebiji, kita akan beli sebanyak 257 biji. Kalau kita daripada jumlah itu, berapa banyak ketirisan akan berlaku. Jadi seolah-olah Deftech ini kita beri peruntukan semua untuk membuat kereta perisai ini. Terima kasih.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Lumut. Tuan Yang di-Pertua, saya harap dapat masuk dalam ucapan saya kerana saya bersetuju supaya ada pendedahan itu kerana untuk pengetahuan rakyat.

Jadi pembekalan kita tahu lewat, sehingga sekarang Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan telah pun membayar RM1.5 bilion hingga RM1.8 bilion. Tentera darat tidak mempunyai keputusan muktamad, jadi semua *main system* dan *subsystem* diluluskan kepada Deftech sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Lumut tadi. Deftech atau anak syarikat Defend Service Sdn. Bhd gagal dalam melaksanakan *maintenance*, *repair* dan *overhaul* kenderaan sebelum ini, APC iaitu *armoured personnel carrier*, atas nama Pendekar *PT-91M*. Oleh itu, pihak kementerian perlu lebih telus dengan membuka tender terbuka agar syarikat-syarikat tempatan

boleh menyertai program kenderaan perisai *AV 8x8* dan Pendekar *PT-91M* yang boleh menjimatkan kewangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha Kerajaan Malaysia dengan sebuah syarikat Jepun, *Asian Energy Investment* yang mewujudkan dana pelaburan bernilai RM318 juta untuk mempromosikan teknologi hijau yang diuruskan oleh *Putra Eco Ventures Incorporated*. Jadi saya berharap penyaluran dana ini perlu diawasi oleh kementerian dengan baik supaya pengagihan dibuat dengan adil kepada syarikat-syarikat SME dalam menjayakan pembangunan teknologi hijau.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pusat kerana mengambil langkah menggunakan tenaga boleh baharu, *renewal energy* dengan mengumumkan pemasangan *photovoltaic cell* atau solar sel di bangunan-bangunan kementerian bagi menjana elektrik untuk kegunaan kementerian berkenaan. Sebelum ini, saya mencadangkan dipasang solar sel di bangunan-bangunan kerajaan negeri.

■1830

Melalui pemasangan ini diharap akan mendapat data penjimatan elektrik dan dalam masa yang sama, bila banyak *photovoltaic cell* dipasang di seluruh Malaysia termasuk melalui skim *Feed-in Tariff*, diharap dapat mengurangkan harga *photovoltaic cell* yang sekarang masih tinggi bagi membolehkan orang ramai juga mampu memasang *photovoltaic cell* di bumbung rumah mereka. Akhirnya diharap keselamatan atau sekuriti pembekalan elektrik lebih terjamin kerana *insya-Allah* kita boleh menikmati tenaga solar yang mudah dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya apakah yang terjadi dengan rancangan pengeluaran kereta elektrik oleh Proton Berhad yang dapat membantu melaksanakan teknologi hijau dan mengurangkan pengeluaran CO₂? Adakah dengan pengecualian cukai jualan kereta hibrid dapat juga membantu melaksanakan hasrat teknologi hijau?

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Tabung Amanah Konservasi Nasional yang difahamkan bertujuan untuk memelihara kawasan hutan simpan dan pengurusan sumber asli. Saya ingin mendapat penjelasan, antaranya.

Pertama, daripada mana sumber dana bagi tabung ini?

Kedua, bagaimanakah dana ini ditadbirkan dan siapakah yang boleh menggunakan dana ini?

Ketiga, apakah perbezaan tabung ini dengan Tabung Alam Sekeliling yang termaktub dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling?

Keempat, apakah rasional atau justifikasi tabung ini ditubuhkan?

Bagi tujuan menggalakkan pihak individu atau pihak swasta memberi sumbangan pula, antaranya.

Pertama adalah dicadangkan kerajaan memberi insentif pelepasan cukai kepada individu atau syarikat yang menyumbang.

Kedua, dicadangkan supaya syarikat-syarikat asing yang melabur di negara ini yang berisiko kepada alam sekeliling atau yang berasaskan kepada pembangunan sumber asli negara

atau projek-projek memerlukan pelaksanaan *Detail Environmental Impact Assessment*, dengan izin, hendaklah diwajibkan menyumbang kepada tabung ini.

Ketiga, saya difahamkan, ada 46 kilang antara 2006 hingga 2010 yang melakukan kesalahan berulang-ulang, melepaskan efluen melebihi standard ke dalam sungai juga perlu menyumbang kepada tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai pengurusan sisa pepejal atau sampah yang kritikal sekarang ini. Adakah kempen 3R iaitu *reduce, recycle, reuse* akan dilaksanakan secara menyeluruh dan adakah *incinerator* menjadi kemudahan asas bagi pengurusan atau bagi rawatan sisa pepejal nanti berganding dengan tapak pelupusan sisa?

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua saya berharap kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat membekalkan bekalan air bersih yang sehingga sekarang masih tidak ada paip air di kawasan atau di Kampung Batu 23, Lui, Hulu Langat dan kalau sebahagiannya ada paip pun tetapi tidak ada air, atas alasan tekanan rendah. Jadi, saya berharap usaha ini dapat diatasi oleh kementerian kerana mereka ini sudah berada di pinggir bandar raya yang rakyat hidup serba mewah sedangkan mereka tidak mempunyai air.

Saya juga berharap agar jalan-jalan luar bandar yang sudah lama tidak diturap dan rosak di Lui, Pangsun khasnya dan Dusun Tua amnya dapat diberi perhatian oleh kementerian. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kanowit.

6.33 ptg.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan Bajet 2014 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 25 Oktober yang lalu.

Perbahasan di Dewan ini telah banyak bertumpu kepada beberapa isu utama seperti GST, subsidi gula, RPGT, isu jenayah, perumahan, BR1M dan sebagainya. Jelas, pihak sebelah Ketua Pembangkang membayangkan persepsi negatif terhadap isu-isu tersebut. Walaupun berulang kali pihak sebelah sini ataupun Menteri telah pun menerangkan *the positive side of the issues*, kita juga perlu ingat tidak ada pemimpin ataupun kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui proses demokrasi akan membuat sesuatu tindakan yang akan membankrapkan negara atau menyusahkan rakyat. Tidak ada.

Jadi, dalam manifesto dan hujah masa pilihan raya pun kita telah membawa banyak janji dan harapan kepada rakyat. Bajet 2014 ini jelas memberi tumpuan kepada semua aspek bagi memastikan pertumbuhan ekonomi terus berkembang kukuh, mengurangkan defisit fiskal negara, memakmurkan negara dan menyejahterakan rakyat. Semua ini juga selaras dengan program transformasi kerajaan dan Wawasan 2020. Bagi kita dari negeri Sarawak, kita amat berterima kasih kepada kerajaan oleh kerana banyak masalah dan kekurangan telah pun diambil kira. Kita

memahami bahawa peruntukan satu-satu tahun itu tidak akan menyelesaikan kesemua masalah yang sedia ada.

Akan tetapi, kita sentiasa mengharapkan setiap tahun, peruntukan yang lebih banyak lagi diagihkan bagi kawasan di Sarawak dan Sabah supaya masalah tersebut dapat diselesaikan dengan lebih cepat lagi terutamanya dari segi infrastruktur asas.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun mengurangkan kadar subsidi minyak petrol oleh kerana tujuan sebenar subsidi tersebut iaitu untuk meringankan beban rakyat berpendapatan rendah tidak tercapai. Ia banyak lagi menguntungkan orang kaya, syarikat-syarikat besar yang menggunakan banyak petrol dan oleh rakyat negara asing. Ada juga kumpulan-kumpulan tertentu mengambil kesempatan menyeludup dan menjual minyak subsidi ini kepada syarikat-syarikat atau premis yang tidak sepatutnya mendapat petrol bersubsidi tersebut seperti kilang-kilang besar, estet sawit, kem kayu balak dan sebagainya dan juga kepada negara jiran.

Perbuatan sebegini yang selalu merugikan negara sebab berpuluh-puluh bilion ringgit dibelanjakan setiap tahun untuk tujuan subsidi tersebut. Walhal wang tersebut boleh dibelanjakan untuk pembangunan terutama di negeri yang masih memerlukan pembangunan seperti Sarawak dan Sabah. Tambahan pula, kalau kita mengkaji dengan mendalam, ramai di antara rakyat di luar bandar Sarawak ataupun Sabah tidak dapat menikmati subsidi tersebut oleh kerana mereka masih tinggal di pedalaman. Tidak ada jalan raya walaupun menggunakan bot atau perahu panjang cuma memerlukan sedikit sahaja petrol untuk tujuan pergi ke kebun dan aktiviti lain.

Rumah-rumah panjang yang sudah dilalui oleh jalan pun cuma segelintir daripada rakyat dapat membeli motosikal atau *motorbike* ataupun kereta kecil dan penggunaan minyak begitu sedikit. Jadi, bagi mereka *the low income group* di kawasan pedalaman ini lebih baik kerajaan menyalurkan bantuan bulanan untuk mereka bagi meringankan beban hidup harian. Melalui cara ini bantuan kerajaan terus sampai ke sasaran, tidak lagi kepada orang asing atau orang yang kaya raya.

Banyak sudah dikelirukan oleh pihak sebelah sana berkenaan dengan GST. Nampaknya mereka menjaga kepentingan orang-orang kaya sebab dengan mudah GST ini adalah *consumption tax* atau *value added tax*. Jadi, orang-orang kaya yang banyak berbelanja akan membayar lebih banyak GST. Rakyat di luar bandar, *the low income group* mungkin sedikit sahaja kena cukai ini oleh kerana banyak barang-barang keperluan asas harian seperti barang makanan utiliti, perkhidmatan kerajaan, *transport* dan sebagainya dikecualikan dari GST.

Tambahan pula, banyak pemberian untuk bantuan diberi kepada penerima atau kepada yang miskin seperti penerima BR1M. Kadar cukai pun telah diturunkan kepada individu. Kerajaan juga telah menerangkan bahawa cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang sedia ada sekarang ini tidak efisien kerana banyak kelemahan seperti masalah *tax co-founding*, *transfer pricing*. Barang-barang yang dieksport tidak kena cukai dan banyak *bureaucratic*, *red taped*. Jadi, GST adalah sebagai *tax reform* kerajaan yang akan lebih *effective*, *efficient*, *transparent*, *business friendly* dan sebagainya.

Dari segi pendidikan, kita mengalu-alukan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan mengharapkan supaya banyak lagi prasekolah dibina di sekolah rendah, di kawasan luar bandar dan rumah-rumah panjang serta kampung untuk memberi peluang kepada pendidikan awal anak-anak kecil di luar bandar sebelum mereka masuk ke bangku sekolah. Kekurangan inilah telah menyebabkan prestasi murid luar bandar jauh kurang dibandingkan dengan murid-murid dari bandar.

Dalam hal ini saya ingin mengingatkan juga bahawa agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam menubuhkan kelas prasekolah di rumah-rumah panjang atau kampung-kampung di Sarawak supaya benar-benar ikhlas memberi sokongan penuh kepada segala kemudahan yang diperlukan. Oleh sebab ada di antara sekolah-sekolah tersebut tidak mempunyai bilik darjah yang sesuai untuk anak-anak kecil menjalankan kegiatan mereka. Akhirnya, wakil rakyat terpaksa memberi peruntukan untuk menolong prasekolah ini.

■1840

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat mengalu-alukan hasrat kerajaan memperluaskan akses *internet* dan menaik taraf sekolah di kawasan luar bandar. Masalah dan keperluan ini memang diketahui oleh kerajaan dan saya harap mulai kali inilah perkhidmatan *internet* ini patut diberi tindakan serius. Supaya prestasi sekolah di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan pada masa-masa akan datang. Ini juga selaras dengan konsep 1Malaysia dan Wawasan 2020. Bagi sekolah di luar bandar yang benar-benar memerlukan kemudahan seperti rumah guru, rumah sama, bilik darjah, barang sukan, *computer lab* dan sebagainya. Saya berharap Kementerian Pelajaran melihat perkara ini dengan serius dan bertindak sewajarnya. Saya difahamkan bahawa kementerian sekarang ini telah membuat tinjauan dan *compilation* tiap-tiap sekolah bagi projek yang perlu diberi pertimbangan dalam Bajet 2014 ini.

Trend sekarang Tuan Yang di-Pertua ialah ramai petani-petani di Sarawak lebih minat untuk menanam semula getah, ladang sawit, menanam lada. Sebab komoditi-komoditi ini dapat memberi hasil yang lumayan, stabil dan berpanjangan atau *sustainable* bagi mereka. Bagi mereka, tenaga kerja dan tanah sedia ada dan kalau kerajaan dapat memberi bantuan subsidi, maka tidak ada masalah bagi mereka ini melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi tersebut. Maka, dalam hal ini saya berharap kerajaan dapat menyampaikan bantuan yang sepatutnya kepada mereka yang benar-benar berpotensi berjaya dalam bidang pertanian ini. Memang kita sedia maklum banyak skim-skim *joint venture* ladang sawit dan getah di Sarawak tetapi ianya tidak memberi hasil mencukupi pada pemilik tanah. Ada juga sistem sesetengah projek *joint venture* itu menghadapi masalah kerana salah faham dan kelemahan *agreement* antara pemilik tanah dan pemaju peladang dan akhirnya membawa kerugian kepada semua pihak.

Di rumah-rumah panjang kita lihat ramai di antara mereka yang masih muda dapat mengusahakan ladang-ladang sawit dan getah secara *small holding*. Ada juga mereka yang telah dapat bantuan kerajaan terutama melalui MPOB dan RISDA untuk tanam semula ladang getah dan juga skim ladang sawit secara *small holding* tanah mereka sendiri ataupun tanah NCR. Dari bantuan sebeginilah kerajaan dapat menolong orang-orang kampung untuk berdikari sendiri dan

menolong kerajaan dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Untuk kawasan luar bandar, infrastruktur seperti jalan mestilah dimajukan dahulu oleh kerajaan, baru orang kampung dapat berdikari sendiri kerana *linkages* pasaran dapat dicapai.

Dari segi infrastruktur, saya ingin menyentuh sedikit jalan. Beberapa jalan di Sarawak, terutamanya adalah jalan yang begitu panjang daripada Kanowit ke Kapit yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Juga jambatan Sungai Kanowit yang telah juga diumumkan oleh Perdana Menteri. Projek infrastruktur ini amat perlu disegerakan oleh kerana kawasan di *Rajang Basin* ini sahajalah yang masih tertinggal dari segi *network* jalan raya di Sarawak. Ini yang melibatkan jalan-jalan sepanjang lebih kurang 100 kilometer. Kawasan yang dilalui jalan ini ialah begitu luas. Penduduknya begitu banyak, hasil-hasil daripada hutan begitu banyak, potensi hidro elektrik pun banyak dan pelbagai. Malah lebih banyak lagi penduduk dan rumah panjang terdapat di kawasan-kawasan yang akan dilalui oleh jalan ini.

Begitu juga, amat mengalu-alukan ke atas pengumuman dan komitmen kerajaan untuk naik taraf jalan utama Sarawak-Sabah iaitu *Pan Borneo Highway* dengan peruntukan RM500 juta tahun ini, ianya akan dimulakan dengan begitu segera. Jalan-jalan kecil atau *spot road* di kawasan Parlimen Kanowit. Saya ingin sentuh sedikit juga oleh kerana satu jalan yang lebih kurang panjang 28 kilometer daripada Rascom Mungun ke kawasan Rascom Jagau telah lama ketinggalan, telah lama tidak dibina. Sejak dekat 40 tahun, kawasan Rascom ini telah dimajukan atau mereka sudah berpindah kepada kawasan Rascom ini. Sampai sekarang pun jalan itu masih belum dilaksanakan. Jadi, saya harap kerajaan dalam Bajet 2014 ini memperuntukkan kewangan untuk membina jalan Rascom Mungun ke kawasan Rascom Jagau ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit JKM ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pagi tadi ada juga soalan berkenaan dengan masalah yang selalu ditimbulkan oleh rakyat di luar bandar. Isu pertama adalah permohonan yang tertunggak. Banyak borang yang telah kita isi, kita sokong tetapi banyak juga mereka yang telah mengisi borang ini balik kepada kita untuk mengatakan bahawa permohonan mereka sampai sekarang pun belum dapat diluluskan. Jadi, saya pun telah banyak bertanya kepada pegawai-pegawai tentang hal tersebut di Sibu ataupun di Kanowit. Satu masalah yang mereka akui adalah JKM tidak mempunyai cukup kakitangan untuk pergi ke rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman untuk menentukan sendiri kelayakan si pemohon itu sama ada pemohon itu layak atau tidak.

Jadi, sebab ini apabila mereka tidak dapat pergi ke rumah panjang, maka bertimbunlah permohonan-permohonan mereka ini yang tidak diluluskan. Kita pun telah membawa perkara ini kepada Menteri dan Menteri dahulunya telah pun bersetuju supaya apabila sokongan *genuine* daripada wakil rakyat. Maka, JKM itu perlu memberi kelulusan tersebut. Akan tetapi saya pun tidak tahu sama ada ianya disampaikan kepada kakitangan-kakitangan di pejabat-pejabat itu dan sebab itu masalah ini masih berterusan.

Kedua adalah kadar bantuan yang diberi oleh JKM ini, sebab bantuan kebajikan ini juga diberi oleh negeri-negeri. Bagi negeri Sarawak nilainya adalah amat kurang. Kita juga telah

menyampaikan ini kepada Menteri dan beliau dahulu telah bersetuju juga untuk mengkaji dan memberi keputusan dalam hal ini. Di sini saya menyeru sekali lagi supaya perkara seperti ini dapat dilaksanakan atau dapat diberi keputusan dengan cepat. Ketiga, *database* JKM perlu dikemas kini bersama dengan *database* daripada e-Kasih dan BR1M. Sebab perkara ini amat perlu, bukan untuk kerajaan tetapi juga bagi kita sebagai wakil rakyat, untuk dapat semakan oleh kita dengan rakyat-rakyat di kawasan sendiri.

Berkenaan dengan BR1M, banyak telah dibahaskan kerana BR1M. Kita amat bersetuju walaupun setengah rakan-rakan kita di sebelah sana tidak bersetuju dengan ini disebabkan kepentingan mereka sendiri. Akan tetapi *I think* kerajaan telah pun membuat kajian supaya ianya boleh diteruskan dengan peruntukan yang dapat disediakan oleh kerajaan. Dengan itu kita juga menyokong BR1M 3.0 ini yang akan dibuat pada tahun hadapan dengan peruntukan lebih kurang RM46 bilion. Saya juga amat setuju dengan satu lagi tambahan dalam BR1M itu ialah i-BR1M ataupun Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia. Dengan premium cuma RM50 kepada semua penerima BR1M yang memberi perlindungan kepada lebih kurang RM30,000 sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya. Dalam hal ini saya juga bercadang supaya ahli-ahli keluarga di bawah jagaan ketua isi rumah penerima BR1M dimasukkan di bawah perlindungan yang sama...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan isu *Takaful Medical Insurance* kepada kesemua penerima BR1M. Bukan sahaja i-BR1M tadi tetapi kepada semua penerima BR1M dan juga yang lain. Sebab ini adalah satu daripada keperluan, baru-baru ini oleh kerana kita melihat kos rawatan di hospital-hospital besar telah meningkat, hospital-hospital swasta telah meningkat. Dengan takaful ini, maka semua ahli keluarga dapat dilindungi dan *special treatment* oleh pakar-pakar tertentu dapat dilaksanakan di hospital-hospital swasta.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan pemberian khas untuk kaum Dayak. Sebab ini adalah untuk memperkasakan kaum-kaum bumiputera yang masih tertinggal. Kita melihat apa yang telah dibagi kepada kaum India di Semenanjung Malaysia ini perlu juga diberi kepada kaum bumiputera, minoriti bumiputera Dayak di Sarawak. Oleh kerana keadaan mereka juga masih tertinggal dari segi pencapaian ekuiti dan sebagainya. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh lari daripada isu NCR ini. Oleh sebab ini adalah satu daripada isu yang sering dibangkitkan bila pilihan raya diadakan.

■1850

Sebab itu kerajaan telah pun memberi peruntukan dalam beberapa tahun yang lalu ini untuk semua tanah bumiputera NCR di Sarawak dibuat *perimeter survey*, diukur dan diberi *title* kepada yang empunya. Jadi ini, saya berterima kasih sekali lagi kerana peruntukan RM50 juta juga diberi dalam Bajet 2014 ini. Akan tetapi yang masih dan patut kita bangkitkan di sini adalah di dalam surat khabar dua hari ini menjadi *headline* yang mana kumpulan gengster telah melibatkan diri di dalam banyak masalah di sesetengah kawasan di Sarawak yang melibatkan tanah NCR dan orang-orang kampung dan ini jadi isu yang besar.

Saya harap kementerian-kementerian, KDN dan sebagainya mengambil tindakan ke atas apa yang telah berlaku yang amat menyedihkan kita di Sarawak ini oleh sebab ia melibatkan orang kita dan kumpulan-kumpulan penganas. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Semua sudah bangun? Yang Berhormat Kubang Kerian.

6.51 ptg.

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan perbincangan bajet saya pada petang ini dengan satu potong ayat al-Quran daripada Surah al-Qasas, ayat 26 [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Maksudnya, “*Sesungguhnya, orang yang paling baik untuk kamu lantik menjaga harta kamu ialah yang kuat dan amanah*”.

Saya turut bersyukur kepada Allah yang telah memilih saya untuk hidup di bumi Malaysia yang Allah jadikan antara bumi yang subur dan makmur. Daripada ilmu alam yang dipelajari sehinggalah bertukar menjadi geografi, selalu disebutkan bahawa bumi bertuah ini kaya dengan sumber hasilnya. Hatta tanpa GST pun, saya rasa sudah cukup untuk membiayai perbelanjaan negara. Banyaknya hasil ini sehingga disebut, minyak di Malaysia misalnya wujud dari dasar laut sehinggalah ke atas pokok iaitu petroleum dan juga minyak kelapa sawit. Belum lagi dikira hasil hasil perut bumi dan atas bumi yang lainnya.

Cuma yang menjadi persoalan utama ialah setakat manakah kekayaan dan kesuburan hasil ini dapat dirasakan oleh rakyat yang membentuk komuniti terbanyak dalam negara ini? Atau hasilnya hanya dirasakan segelintir golongan yang bergelar pemerintah tanpa pengagihan yang sepatutnya kepada rakyat yang hanya dapat mengecap sisanya sahaja? Hasil minyak contohnya, kenapa rakyat masih perlu membayar harga yang agak tinggi untuk menggunakannya?

Saya bukanlah mahu supaya ia diberikan percuma kepada rakyat Malaysia. Kalaupun ia tidak boleh menjadi semurah Venezuela ataupun *Saudi Arabia* yang kita semua tahu harganya sangat murah di sana, yang kalau mengikut logik Yang Berhormat Bagan Serai tadi, kenapa boleh dimurahkan? Mungkin boleh jadi kerana tidak ada BN di sana. Bagi saya, cukuplah jika rakyat tidak rasa terbeban untuk membelinya. Sekurang-kurangnya, rakyat yang hari-hari melihat operasi berkaitan dengannya, dapatlah juga mengecap nikmat ini.

Bukan hanya melihat ia berlalu begitu sahaja. Berapakah misalnya stesen membekal NGV di Terengganu yang hasil gasnya disedut setiap hari? Berapa pula di Kelantan yang difahami juga mempunyai bekalan gas yang agak banyak? Yang banyak dilihat adalah di Kuala Lumpur yang tidak ada setitik pun minyak dan gas digali di sini. Itu belum dikira dengan kemudahan pengangkutan awam yang sering dijanjikan oleh kerajaan untuk dimajukan apabila subsidi petroleum dikurangkan.

Negeri Kelantan kekal sebagai antara negeri yang tidak mempunyai lebuhraya yang boleh menjadi pemangkin kepada kemajuan ekonominya. Lebih mendukacitakan, apabila yang nampak bahagia dengan kemiskinan sesebuah negeri itu ialah ketua Kerajaan Persekutuan itu sendiri.

Seolah-olah negeri Kelantan bukan sebahagian daripada Malaysia yang menjadi tanggungjawab bersama untuk memajukannya. Sudahlah diikat kaki tangan, kemudian diejek-ejek pula sebagai tidak mampu melawan. Sudahlah demikian, peruntukan untuk mengantarabangsakan ataupun menaiktarafkan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu tiada pula dalam bajet terkini.

Saya terpaksa berterima kasih kepada syarikat AirAsia yang melihat potensi besar Lapangan Terbang Kota Bharu ini sehingga memilihnya untuk memulakan penerbangan terus ke Kota Kinabalu bermula bulan November ini di samping menjadikannya sebagai hab penghubung ke *Indo-China* tidak lama lagi. Sekadar sebagai peringatan kepada kita yang diberi amanah oleh Allah SWT [*Berucap dalam bahasa Arab*] Bermaksud, "*Harapnya supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya daripada kalangan kamu sahaja*". Akan tetapi tidak apa, syukurlah. Malaysia masih lagi aman. Itulah biasanya yang disebut.

Cuma yang peliknya, dalam aman inilah kerajaan tergesa-gesa memaksa kita semua meluluskan satu undang-undang tanpa bicara baru-baru ini. Kononnya untuk membanteras jenayah yang sangat berleluasa. Apa yang lebih pelik, apabila diluluskan, jenayah berat tidak juga berkurangan. Apa yang lebih-lebih lagi pelik, ia dilakukan pula oleh orang yang dikenali dan diambil bekerja walaupun menggunakan kad pengenalan palsu. Penjenayah pula masih bebas sehingga kini walaupun undang-undang sudah sangat ketat. Penjenayah pula dikenal pasti malah yang paling pelik, penjenayah sempat lagi meng*update* status *Facebook*nya tanpa dapat dikesan di mana dia berada. Pelik, tetapi itulah negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jika perkara asas itu masih menjadi suatu yang susah untuk dilaksanakan, maka saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan berusaha untuk membantu rakyat agar dapat mempunyai hasil pendapatan dan kadar perbelanjaan yang seimbang. Dengan erti kata lain, mereka masih mampu mempunyai dan mengecap kemudahan hidup yang baik tanpa dibebankan dengan hutang yang berpanjangan. Cukuplah kerajaan menunjukkan contoh tidak baik dengan bebanan hutang yang melebihi tuntutan. Biarlah rakyat tidak turut terbeban dengannya juga.

Sebagaimana apa yang telah disebutkan sebelum daripada ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan misalnya, hutang isi rumah di Malaysia ini sudah mencecah RM800 bilion ataupun 89.2% dalam KDNK. Dalam erti kata lain, setiap isi rumah di Malaysia sekarang ini berhutang dan kebanyakannya melebihi daripada apa yang sepatutnya dan terjerat dalam hutang yang berpanjangan. Golongan berpendapatan rendah dan penjawat awam negara ini yang kini berada dalam nisbah hutang yang lebih tinggi sekali gus meningkatkan bebanan keseluruhan isi rumah.

Tambahan pula dengan bilangan orang yang diisytiharkan bankrap di Malaysia yang semakin meningkat iaitu seramai 60 orang setiap hari khususnya melibatkan anak-anak muda kita. Sebagaimana yang kita semua tahu, hutang adalah sesuatu yang sangat membebaskan. Lebih-lebih lagi apabila membabitkan bunganya. Hatta boleh menyebabkan kemusnahan keluarga dan masyarakat. Oleh sebab itu, bagi kita umat Islam, Nabi Muhammad SAW telah mengajar supaya

kita dapat menghindari daripada bebanan hutang itu walaupun hutang itu tidaklah diharamkan, sebagaimana doa yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Kuala Nerus yang terdahulu.

Oleh itu, jika boleh saya mencadangkan, apalah kiranya dan apalah salahnya jika kerajaan dapat menyediakan khidmat pinjaman tanpa faedah ataupun tanpa riba, tanpa caj yang berlebihan. Ertinya, peminjam hanya membayar apa yang dipinjam. Kalau pinjam RM1,000, RM1,000lah juga yang mesti dibayarnya. Tidak ada caj-caj yang lain.

■1900

Kalau pun tidak untuk semua rakyat pada peringkat awal, ia boleh dimulakan kepada kakitangan kerajaan yang ada. Begitu juga hutang di antara negeri dan negara. Kalau Kerajaan Negeri Kelantan yang dikatakan miskin itu pun masih mampu memberikan pinjaman sebegini kepada kakitangan negerinya, saya yakin Malaysia yang kaya ini lebih mampu untuk melakukannya. Bukan sahaja dapat meringankan beban di bahu rakyat, malah boleh melepaskan mereka daripada bahaya riba yang dilarang oleh Allah SWT, yang sudah pasti mempunyai seribu keburukan. Sesuai pula dengan amalan *wasatiyyah* yang diulang-ulang temanya dalam sambutan Hijratul Rasul yang disambut semalam.

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhirnya saya juga ingin menyatakan sokongan saya kepada usaha kerajaan untuk membangunkan infrastruktur membekalkan *internet* yang berkelajuan tinggi ke seluruh negara. Saya mengharap ia dapat dibuat dalam keadaan yang baik dan dilaksanakan dalam keadaan yang cepat. Oleh kerana saya yakin lebih cepat kemudahan ini dibekalkan kepada rakyat, lebih cepat pula Pakatan Rakyat akan ke Putrajaya, *insya-Allah*.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh kemudahan *internet* berkelajuan tinggi ini sekali lagi saya merayu ia dimulakan di tempat kita, ia dimulakan di Parlimen ini. Saya telah membangkitkan perkara ini sebelum daripada ini, tetapi nampaknya masih lagi belum diatasi oleh pihak kerajaan. Daripada tadi saya klik dalam skrin yang disediakan nampaknya kelajuan *internet* di Parlimen ini masih lagi berada dalam keadaan yang tidak memuaskan.

Akhirnya kalau boleh saya mencadangkan satu perkara, boleh atau tidak pihak Parlimen khususnya dalam penulisan *Hansard* yang dikeluarkan, memasukkan tulisan bahasa Arab kerana saya melihat kecenderungan yang ada pada sesetengah Ahli Yang Berhormat mengungkapkan sama ada kata-kata daripada al-Quran atau pun hadis atau pun daripada bahasa Arab. Kalau ditulis dalam bahasa lain ia tidak bertepatan dengan kehendak dan maksud yang sebenar. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya terima kasih. Yang Berhormat Sri Aman, sila.

7.03 mlm.

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan ini untuk turut sama mengambil bahagian dalam ucapan sempena Belanjawan 2014. Seterusnya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak atas kejayaan beliau membentangkan Belanjawan 2014 pada 25 Oktober yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tema, "Memperteguhkan Ketahanan Ekonomi, Memperkasakan Transformasi dan Melaksanakan Janji", Bajet 2014 jelas melihat pelbagai transformasi sektor ekonomi dan juga perkhidmatan agar ekonomi negara terus maju menjelang tahun 2020. Beberapa inisiatif telah dicadangkan dan akan dilaksanakan yang melibatkan Keluaran Dalam Negara Kasar, indeks harga pengguna dan juga kadar kebolehan pasaran kerja, bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan kesempatan ini juga ingin merujuk isu pembinaan hospital di Sri Aman yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong, semasa beliau membuat pencelahan kepada Yang Berhormat Bandar Kuching pada minggu lepas. Beliau menuduh Kerajaan Barisan Nasional tidak menunaikan janji yang dibuat pada pilihan raya negeri pada tahun 2011 di Sarawak. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak RM200 juta telah diluluskan oleh kerajaan pada tahun 2012, di mana RM10 juta telah pun diperuntukkan dalam fasa pertama bagi projek penyediaan tapak serta penimbunan tanah. Projek ini telah siap sepenuhnya dan sekarang ini kerajaan telah membenarkan tempoh untuk menstabilkan tapak sebelum tender di panggil untuk pembinaan Hospital Sri Aman yang sebenarnya.

Saya harap Yang Berhormat Jelutong walaupun tidak hadir dalam Dewan ini, akan menerima kenyataan ini kerana Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menunaikan janji kepada rakyat di Sri Aman. Sehubungan dengan ini juga saya mohon agar Kementerian Kesihatan menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk membina rumah kediaman bagi pegawai perubatan dan juga kakitangan lain yang akan ditempatkan nanti apabila hospital baru Sri Aman ini siap sepenuhnya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu pembangunan di Sri Aman. Kita patut memberi banyak-banyak terima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional kerana telah memperuntukkan perbelanjaan begitu besar sebanyak RM4.1 bilion untuk pembangunan luar bandar. Kita juga tahu 70% penduduk seluruh negara tinggal di luar bandar. Maka dengan itu kerajaan merasa amat perlu untuk mengukuh dan menambah baik infrastruktur asas bagi meningkatkan lagi taraf hidup rakyat di kawasan luar bandar.

Pertama, mengenai bekalan air bersih luar bandar. Mengikut statistik pada tahun 2012, Sarawak telah menikmati bekalan air bersih di kalangan 71,000 isi keluarga setakat ini tidak termasuk tahun 2013. Dengan peruntukan sebanyak RM457 juta, penduduk di kawasan Parlimen Sri Aman terutama sekali di luar bandar akan menerima sebahagian daripada kemudahan ini.

Justeru itu saya merayu kepada KKLW untuk meneliti cadangan membekal bekalan air bersih ke kampung seperti berikut. Kampung Batu Lintang, Kampung Lacaou sehingga Kampung Karak dan juga Kampung Gua sehingga Kampung Selepong dan banyak lagi kampung-kampung terpencil yang lain di Sri Aman.

Kesemua kampung di atas belum lagi mendapat bekalan air paip bersih walaupun mereka hanya dapat bekalan air dengan menggunakan kuasa graviti. Cara ini tidak menjamin bekalan air secara konsisten atau berterusan, kerana kadang-kadang kala sumber air atau tadahan air menjadi kering apabila musim kemarau berlaku.

Kedua ialah bekalan elektrik luar bandar. Mengikut tahun 2012 sebanyak 46,000 isi rumah atau 8% keseluruhan di Sarawak telah menikmati bekalan elektrik secara terus menerus selama 24 jam. Walaupun KKLW telah giat melaksanakan program ini di Sri Aman terdapat juga beberapa kampung atau rumah panjang masih belum menikmati kemudahan ini seperti di kawasan Hulu Pantu, di sepanjang jalan Kampung Ubah hingga Kampung Gayau dan juga Kampung Semawak sehingga Kampung Sapak di kawasan Sri Aman.

Saya harap dari dana sebanyak RM865 juta seluruh negara, sebahagian besar daripada peruntukan ini nanti dapat disalurkan ke kawasan Parlimen Sri Aman. Saya juga sering bertanya kepada KKLW supaya mengkaji menggunakan sistem elektrik alternatif bagi kampung-kampung terpencil di pedalaman Parlimen Sri Aman. Saya harapkan dan mengharap agar program *micro hydro electric* dapat dibina di kawasan Ulu Sebuyau seperti Kampung Mentu, Muding, Tuba dan Pedawan yang begitu jauh di pesisir dan susah untuk di hubungi.

Ketiga pula Tuan Yang di-Pertua, walaupun rakan-rakan saya di Sarawak sering juga menyebut hal ini iaitu jalan luar bandar dan *Pan Borneo Highway*. Izinkan saya menyentuh isu ini kerana permohonan luar bandar atau pembinaan jalan luar bandar di Parlimen Sri Aman jauh ketinggalan. Kita semua tahu bahawa pembinaan jalan di pedalaman amat penting untuk menghubungkan kampung dan rumah panjang di pekan ke bandar. Ini saya juga sering bangkit untuk jalan seperti jalan Balau, Banting yang sehingga kini belum menerima sebarang peruntukan walaupun sudah diluluskan dalam Rancangan Malaysia yang sebelum ini. Peruntukan yang kita pohon adalah dalam sekitar RM90 juta dan saya harap kerajaan atau pun KKLW dapat mencari peruntukan untuk membina jalan yang tersebut.

Selain ini juga beberapa batang jalan seperti di Pantu hingga Ulu Sebuyau juga perlu di naik taraf. Mengenai *Pan Borneo Highway*, dalam Bajet 2014 hanya RM500 juta juga telah diluluskan. Walaupun ini hanya peruntukkan yang sangat kecil kita juga perlu berterima kasih, sekurangnya program naik taraf *Pan Borneo Highway* juga akan bermula. Mungkin bajet pada tahun akan datang kerajaan mungkin memperuntukkan perbelanjaan yang begitu besar nanti.

■1910

Mengenai pelancongan, Tuan Yang di-Pertua sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 dan juga tahun pesta atau *a year of festival*, dengan izin, pada tahun 2014 dan 2015, saya ingin mengajak Kementerian Pelancongan untuk membuat promosi secara besar-besaran mengenai Pesta Benak Sri Aman sama ada di peringkat tempatan ataupun luar negara. Pesta Benak yang

diadakan pada setiap tahun di Sri Aman berjaya menarik ramai pelancong dari dalam dan luar negara. Ini termasuklah beberapa orang peserta meluncur Benak dari negara asing seperti Perancis dan juga Brazil. Tidak ketinggalan juga turut serta dalam program meluncur Benak baru-baru ini adalah seorang, dua peserta dari negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri sentiasa dan telah bercadang untuk merencanakan lagi pembangunan ekopelancongan di Sri Aman dengan menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi di Sri Aman seperti membina *tidal bore watch-tower* dan juga membina semula Fort Alice. Selain dari menyediakan hotel bertaraf tiga bintang dan menyediakan 100 bilik dan juga bercadang untuk membina padang golf untuk pelancong-pelancong daripada negara Korea dan Jepun.

Selain itu, kita juga mungkin bercadang untuk membina *pontoon* bagi membuat pangkalan pendaratan *amphibious aircraft*, dengan izin, iaitu kapal terbang yang dapat mendarat di sungai selepas melawat *sanctuary* buaya di Pulau Seduku. Cadangan ini akan menjadi satu rangkaian perhubungan dari Kuching ke Sri Aman dan seterusnya ke Batang Ai Resort di Lubok Antu dan juga seterusnya ke Empangan Bakun bagi pelancong-pelancong yang berminat menggunakan *amphibious aircraft* yang saya sebutkan tadi. Justeru itu, saya mengharapkan Kementerian Pelancongan meneliti perkara ini supaya menyalurkan dana yang mencukupi untuk keperluan ini nanti.

Isu yang kedua terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai pendidikan. Saya ingin menjurus sedikit mengenai isu pendidikan di Parlimen Sri Aman. Daripada beberapa laporan yang diterima oleh guru besar ataupun pengetua sekolah yang mengatakan bahawa prasarana di sekolah masing-masing masih kekurangan. Beberapa isu mengenai dewan, pusat sumber dan juga bilik darjah masih boleh dibaiki. Sebagai contoh yang amat ketara ialah SK Bakong, yang mana bilik darjah sudah usang dan hampir roboh kerana diserang anai-anai. Maka ia tidak selamat untuk digunakan oleh murid-murid sekolah terbabit. Perkara ini sudah dimaklumkan kepada bekas Timbalan Menteri Pendidikan semasa beliau melawat sekolah berkenaan tetapi sehingga kini masih lagi belum diperbaiki.

Terdapat juga bahan perbincangan di kalangan guru-guru Sri Aman bahawa Pejabat Pendidikan Daerah Sri Aman belum lagi mempunyai sebuah bas bagi kegunaan murid-murid dan juga guru-guru semasa mengadakan lawatan atau kegiatan kokurikulum yang lain. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Pejabat Pendidikan Daerah Sri Aman adalah salah satu yang tinggal lagi, yang belum menikmati kemudahan seperti yang saya sebutkan mengenai penggunaan bas. Besarlah harapan saya agar Kementerian Pendidikan mencari jalan untuk menyelesaikan perkara ini.

Satu lagi isu ialah mengenai keperluan untuk membina sebuah sekolah menengah di Sri Aman dan juga keperluan untuk menubuhkan sebuah institusi perguruan ataupun politeknik yang perlu didirikan untuk menampung murid-murid lepasan SPM di Sri Aman. Isu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kanowit tadi dan juga mereka yang daripada Sarawak ialah mengenai tanah NCR. Sebagai pihak ataupun saya bagi pihak kaum bumiputera di Sarawak ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah meluluskan peruntukan dana sebanyak RM50 juta untuk membuat kerja-kerja ukur keliling tanah NCR tersebut.

Dengan pengesahan tanah NCR tersebut nanti ada kemungkinan besar pemaju-pemaju dapat masuk dan mengusahakan ladang sawit atau tanaman lain dengan cara usaha sama di antara pemilik tanah NCR dan syarikat-syarikat yang besar. Cara begini saya fikir dapat menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memperkasakan ekonomi kaum bumiputera di Sarawak menjelang tahun 2020 untuk mencapai status negara maju. Dengan yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bajet 2014. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Aman. Yang Berhormat Sarikei.

7.14 mlm.

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua. Saya berasa bangga kerana diberikan peluang mewakili rakyat Sarikei untuk menyertai debat Rang Undang-undang Perbekalan 2014. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang penting, yang mana ia akan mempengaruhi kehidupan rakyat setiap hari terutamanya di kawasan Parlimen Sarikei.

Tuan Yang di-Pertua, cukai barang dan perkhidmatan yang akan dilaksanakan pada tahun 2015 sudah tentu akan mendatangkan implikasi yang serius kepada rakyat terutamanya rakyat jelata. Dengan pelaksanaan GST sebanyak 6% sudah tentu semua harga barang akan melambung naik dan sudah tentu akan mempengaruhi kehidupan bagi rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Sudah tentu semua lapisan rakyat akan menanggung beban hidup yang lebih berat dengan kenaikan harga barang. Saya memang nampak pelaksanaan GST akan banyak mempengaruhi penduduk-penduduk di kawasan saya iaitu di Sarikei. Ini adalah kerana di kawasan Parlimen Sarikei, kebanyakan penduduk hanya berpendapatan rendah di mana kebanyakannya adalah petani.

Justeru itu, sekiranya GST dilaksanakan, rakyat di kawasan Parlimen saya akan menghadapi masalah kewangan yang tidak cukup untuk menanggung hidup keluarga masing-masing. Saya sebagai wakil rakyat berasa cukup kecewa di atas pemansuhan subsidi gula, yang mana dengan pemansuhan subsidi gula telah mengakibatkan kenaikan harga barang sekali lagi di pasaran dengan serta-merta. Walaupun GST hanya akan dilaksanakan mulai bulan April tahun 2015 tetapi kerajaan telah memberhentikan pemberian subsidi gula. Adakah itu merupakan satu langkah yang bijak untuk membantu rakyat? Saya percaya semua lapisan rakyat sedang mengalami kesusahan dengan kenaikan harga selepas subsidi gula diberhentikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat kecewa kerana dalam Bajet 2014 Kerajaan Pusat langsung tidak menyentuh tentang pembinaan jalan raya dari Bandar Sarikei sampai ke Tanjong Manis. Rakyat di Sarikei dan Bintangor tentu berasa ditipu oleh Kerajaan Pusat kerana sudah berkali-kali Kerajaan Pusat berjanji akan membina jalan raya tersebut. Malang sekali sehingga hari ini, kami belum nampak ada tanda-tanda untuk memulakan projek tersebut.

Pada Pilihanraya Umum 2008, kerajaan telah berjanji akan membina jalan raya tersebut. Akan tetapi tidak menunaikan janji tersebut kepada rakyat. Pada Pilihanraya Umum 2013, Kerajaan Pusat sekali lagi berjanji akan membina jalan raya tersebut. Sebelum Pilihan Raya 2013 diadakan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah membuat lawatan ke Sarikei dan mengumumkan projek pembinaan jalan raya tersebut dengan kos pembinaan sebanyak RM45 juta akan dilaksanakan. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bilakah projek itu akan dimulakan? Adakah semua janji itu hanya untuk memancing undi semasa pilihan raya, di manakah janji ditepati? Rakyat di Sarikei dan Bintangor menghadapi kesukaran dan kesusahan dengan ketiadaan satu jalan raya dari Bandar Sarikei ke...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]: ...Tanjong Manis...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan, hendak mencelah?... Ya, sila teruskan Sarikei.

■1920

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]: Terima kasih. Rakyat Sarikei dan Maratong terutama peniaga-peniaga terpaksa menanggung kos pengangkutan barangan yang lebih tinggi. Ini adalah kerana penghantaran barangan dari pelabuhan Tanjong Manis ke Sarikei dan Bintangor memerlukan jalan raya yang lebih panjang sebab mesti melalui Sibu. Kalau tidak, barangan mesti dihantar melalui Pelabuhan Kuching atau Pelabuhan Bintulu. Perjalanan yang lebih jauh sudah tentu kos pengangkutan barangan lebih tinggi. Sekiranya Kerajaan Pusat dapat membina satu jalan raya dari Sarikei sampai ke Tanjong Manis, sudah tentu kos pengangkutan barangan akan berkurangan.

Tambahan pula, oleh kerana ketiadaan jalan raya dari Sarikei ke Tanjong Manis, perniagaan di Sarikei dan Bintangor banyak terjejas. Ini adalah kerana penduduk-penduduk di Tanjong Manis tidak lagi datang ke Bandar Sarikei atau Bintangor kerana sudah ada satu jalan raya dari Bandar Sibu ke Tanjong Manis. Jadi lebih senang mereka pergi ke Bandar Sibu untuk membeli belah dan melaksanakan urusan lain.

Tuan Yang di-Pertua, isu berikutnya tadi Yang Berhormat Sri Aman ada membangkitkan iaitu isu jalan raya *Pan Borneo*. Saya berasa cukup kecewa kerana dalam Bajet 2014, Kerajaan Pusat tidak mengambil langkah yang positif dan serius untuk menaiktarafkan jalan raya *Pan Borneo* di Sarawak dan Sabah. Kerajaan Pusat hanya memperuntukkan sebanyak RM500 juta untuk menaiktarafkan jalan raya tersebut. Jumlah peruntukan itu memang tidak cukup untuk menaiktarafkan jalan raya tersebut. Sekiranya Kerajaan Pusat hanya memperuntukkan RM500 juta setiap tahun, maka peningkatan jalan raya *Pan Borneo* atau sebagai lebuhraya yang berkualiti mungkin memerlukan masa berpuluh-puluh tahun...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung.

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]: Okey, hendak gulung. Kerajaan Pusat telah membuat pengumuman bahawa pembinaan dan peningkatan jalan raya *Pan Borneo* akan memerlukan RM23 bilion dan projek tersebut akan siap pada tahun 2025.

Akan tetapi dengan peruntukan yang begitu kecil dalam Bajet 2014, orang Sarawak dan Sabah tidak percaya projek peningkatan jalan raya tersebut akan siap dalam masa yang telah ditetapkan. Dengan peruntukan yang begitu kecil, ia juga jelas membuktikan bahawa Kerajaan Pusat terlalu mengabaikan dan meminggirkan pembangunan infrastruktur di Sabah dan Sarawak.

Untuk pembangunan Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keadaan jalan raya *Pan Borneo* yang begitu teruk dan tidak berkualiti, banyak kemalangan jalan raya telah berlaku dan banyak nyawa pengguna jalan raya telah dan akan terkorban pada setiap hari, setiap bulan dan setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin membangkitkan isu perkhidmatan di Hospital Sarikei dan klinik kesihatan di Bintangor. Walaupun Hospital Sarikei kelihatan cantik dan besar, tetapi ia tidak mempunyai doktor pakar dan doktor yang mempunyai pengalaman yang cukup. Ramai pesakit kritikal terpaksa dihantar atau dirujuk ke Hospital Sibul yang memakan masa dengan penghantaran kereta ambulans selama sejam untuk sampai ke Hospital Sibul. Keadaan sebegini adalah amat tidak adil bagi penduduk-penduduk di bahagian Sarikei di mana pesakit-pesakit di sini tidak dapat menikmati perkhidmatan hospital yang efisien dan berkualiti. Saya merayu kepada Menteri Kesihatan untuk menempatkan doktor pakar yang cukup untuk berkhidmat di Hospital Sarikei dan menempatkan doktor biasa di klinik kesihatan di daerah Maradong demi kepentingan penduduk-penduduk di kawasan Parlimen saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Tinggi, selepas Yang Berhormat Kota Tinggi Yang Berhormat Bayan Baru. Selepas Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Baram. Sila Yang Berhormat Kota Tinggi.

7.25 mlm

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Pekan yang telah berjaya membentangkan Bajet 2014 bertajuk Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji. Dalam bajet yang telah dibentangkan, satu isu yang agak menarik adalah mengenai perumahan di mana ditubuhkan satu Majlis Perundangan Perumahan Negara dan dalam bajet ini dijelaskan bahawa satu juta rumah akan dibina dalam masa lima tahun. Ini adalah satu perkara yang baik dan akan menambahkan lagi penawaran perumahan dalam pasaran. Ini secara langsung akan menangani isu seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Gopeng iaitu *Case-Shiller Index*. Dengan penambahan satu juta ini, kita harapkan akan menstabilkan harga dan mengelakkan spekulasi.

Di samping itu juga, kalau satu juta makna 200,000 unit setahun akan dibina. Ini boleh juga dianggarkan berjumlah RM100 bilion hingga RM200 bilion. Dalam masa lima tahun, ia akan dibina dari segi sektor perumahan dan pembinaan dan ini adalah satu perkara baik. Saya mencadangkan kepada kerajaan untuk mengambil peluang untuk mengadakan atau *capacity buildings*, dengan izin, kesempatan ini membina satu juta rumah ini bagi menggalakkan teknologi-teknologi yang baru

sebagai alternatif terutamanya IBS, yang mana ini akan memberi peluang untuk membina kapasiti yang baru dan memberi pilihan yang lebih baik di samping pembangunan konvensional yang sedang dilakukan sekarang.

Dengan adanya ini akan memberi peluang keusahawanan yang baru, pekerjaan dan juga mudah-mudahan ini akan memberi satu alternatif yang akan merendahkan lagi, harga yang lebih baik perumahan kepada pembeli-pembeli masa hadapan. Saya mengharapkan kerajaan supaya mengadakan *forward and backward integration* dengan izin, iaitu dengan mengadakan program-program yang boleh membina *empire* ini agar kita tahu dalam sektor hartanah pembinaan ada 140 lain item ataupun penglibatan 140 bidang-bidang yang bersangkutan. Ini akan memberi peluang kerja keusahawanan dan juga membina keupayaan tempatan dari segi teknologi kemahiran, juga dengan ini dapat mengurangkan lagi kebergantungan kepada guna tenaga buruh-buruh asing. Kita tahu kehadiran mereka ini adalah satu isu yang kita perlu tangani dan kita tidak mahu dalam masa lima tahun ini, kehadiran buruh-buruh ini ditambah dengan keperluan untuk membina satu juta rumah ini. Dengan ini juga akan mengelakkan pengaliran wang keluar daripada negara.

Saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan dalam bajet ini untuk melihat di sudut-sudut pembiayaan kerana kita tahu perumahan ini adalah satu perkara pelaburan yang paling besar dalam setiap rakyat Malaysia. Kita boleh memberi harapan kepada rakyat dengan memiliki satu rumah yang baik. Kalau dahulu kita ada rumah dua bilik, tetapi kita terbeban dengan isu-isu mungkin. Lantaran dari itu, masalah-masalah sosial di mana anak kita tidak dapat tinggal dalam rumah yang selesa. Hari ini kita berharap dengan adanya satu juta ini, dengan *design* yang baik kita akan mengujudkan rumah yang harmoni, yang sesuai dengan konsep kita sebagai budaya timur dan Islam itu '*baiti jannati*', 'rumahku syurgaku'. Di mana dengan ini mereka dapat tinggal dapat berinteraksi dengan baik dalam unit-unit yang paling kecil dalam masyarakat kita iaitu unit keluarga. Atas itu, kita mencadangkan supaya pembiayaan dapat dikuatkan lagi supaya lebih ramai rakyat kita boleh berpeluang membeli rumah-rumah yang selesa, yang baik dan dapat menikmati sebagai rakyat Malaysia mempunyai rumah yang baik.

Atas itu saya galakan supaya program sewa beli digalakkan dan dengan ini akan memberi ruang yang luas kepada semua rakyat Malaysia yang berkelayakan untuk memiliki rumah. Ini juga akan membantu mereka dalam pelaburan yang paling besar iaitu pelaburan dalam perumahan. Ini juga, sewa beli ini digalakkan supaya mereka juga dibudayakan dengan budaya senggara yang baik. Contohnya kalau kita bayar RM500 untuk sewa rumah, kita tambah RM150 untuk selenggara. Dengan cara ini, mereka akan jaga rumah, membudayakan senggara yang baik dan selepas 10 tahun, 15 tahun sewa ini boleh diubah dengan pembelian, maka mereka akan mendapat nilai rumah yang baik, yang boleh tahan lama dan mempunyai aset pasaran yang baik.

Kita juga berharap akan membudayakan akauntabiliti dari segi mereka memberi, menyimpan dengan disiplin kewangan yang ada. Dengan ini secara tidak langsung akan membantu mereka untuk menabung dan melabur di dalam pelaburan perumahan tadi. Sebenarnya kita boleh kuatkan lagi budaya pelaburan ini dengan kita mengadakan program-program boleh membantu mereka, termasuk juga kita juga kena bersiap siaga bahawa rakyat Malaysia pada hari

ini, kita tidak boleh bergantung kepada subsidi selama-lamanya. Subsidi yang ada ini adalah bersifat *consumption*.

■1930

laitu kita berbelanja untuk barang makan, gas, minyak yang mana ini tidak mempunyai nilai tambahan sebaliknya mempunyai susut nilai kalau kita lihat dari sudut itu. Akan tetapi kalau subsidi ini atau kita boleh terjemahkan dalam bentuk yang menggalakkan pelaburan khususnya pelaburan hartanah, ini akan memberi peluang kepada mereka untuk mempunyai aset selepas 15 atau 20 tahun. Apabila mereka sudah habis bayar, maka mereka akan mempunyai aset yang bernilai RM200,000 atau RM250,000 contohnya di kalangan mampu milik ini. Inilah tujuan yang terbaik, jaminan yang terbaik untuk masa depan mereka. Atas sebab itu saya suka menggalakkan dan mencadangkan agar kerajaan mengadakan *isolated gradualism* ataupun konsep kita subsidi sekarang ialah *gradualism*. Kita hendak galakkan *isolated gradualism*, kita memindahkan subsidi yang bersifat *consumption* kepada subsidi bersifat *investment driven*. Dengan cara ini kita dapat menggalakkan rakyat kita mempunyai budaya senggara, budaya akauntabiliti, budaya melabur menabung dan ini *insya-Allah* akan menjamin masa depan mereka dengan lebih baik. Sekiranya dapat kita kawal, maka aset-aset yang berada dalam negara ini yang dimiliki oleh rakyat Malaysia terbanyak akan mendapat nilai tambahan yang lebih baik di masa hadapan.

Pelaburan-pelaburan ini dengan adanya tadi pelaburan dari segi fizikal rumahnya, dari segi kewangan *investmentnya* dan seperti yang saya sebut tadi kalau rumahnya terdiri dari rumah yang baik 1000 kaki persegi, tiga bilik dengan suasana yang baik, maka mereka juga akan mempunyai satu pelaburan sosial. Jadi dengan sekali gus kita mengadakan pelaburan fizikal, pelaburan *investment* kewangan dan pelaburan sosial untuk rakyat Malaysia dengan mewujudkan rumah-rumah yang mampu milik yang boleh mereka miliki untuk masa depan. Saya rasa ini adalah satu konsep yang amat baik yang kita telah pun digerakkan oleh bajet tahun ini. Cuma saya minta pihak kerajaan untuk meneliti supaya elemen-elemen ini boleh digerakkan dengan segera.

Seperkara lagi yang saya hendak sebut di sini ialah tentang wujudnya alternatif *construction matter* atau konvensional. Kita perlu ada dana dan inisiatif tertentu untuk menggalakkan lebih ramai pengusaha-pengusaha tempatan dan juga pembina-pembina tempatan untuk membina keupayaan mereka supaya mereka boleh membina dengan keadaan yang lebih cepat dan lebih murah. Kita tahu kalau *conventional building construction* akan ambil masa yang lebih panjang dibandingkan dengan sistem terbaru iaitu IBS atau pun sistem-sistem yang lain. Akan tetapi saya ingat kerajaan perlu memperkuatkan dan memperkukuhkan lagi supaya kos rumah itu pada keseluruhannya akan dapat dikurangkan dan tidak melibatkan atau meninggalkan pengusaha-pengusaha ataupun kontraktor-kontraktor pihak tempatan. Dengan cara ini meninggikan keupayaan mereka dan juga dapat mengelakkan kebergantungan kepada guna tenaga luar yang lebih banyak dijangkakan pada masa hadapan.

Saya hendak mengambil sedikit kesempatan untuk berkongsi sedikit tentang satu artikel yang dikeluarkan mengenai *black money* ataupun rasuah. *Black money* dikatakan RM871 bilion keluar daripada Malaysia sejak tahun 2001 hingga tahun 2010 dan 20% dikatakan rasuah. Akan

tetapi saya teliti dan lihat perbelanjaan *development expenses* kita tahun 2001 sampai tahun 2010 ialah sebanyak USD114 bilion, perbelanjaan mengurus kita ialah USD300 lebih berjumlah USD444.45 bilion. Tahun 2001 hingga tahun 2010 padahal *black money* atau graf sahaja yang dikatakan ialah berjumlah USD174 bilion ataupun kalau kita ambil kira rasuah ini 10% daripada *total contract* maknanya jumlah kos pembangunannya ialah USD1.74 trilion. Apa yang saya hendak sampaikan di sini kalau kerajaan berbelanja sepuluh tahun USD444 bilion jumlah keseluruhan, macam mana kita hendak kata ada rasuah berjumlah USD1.74 trilion? Kalau kita ambil pecahan ini, *development expenses* hanya 6.5% dari keseluruhan angka ini dan kalau belanja keseluruhan bajet mengurus sepuluh tahun hanyalah 18.9%. Maknanya ada 81% lagi rasuah ini datangnye bukan dari kerajaan.

Jadi saya hendak kata kalau 81% ini *figure* ini datang bukan dari perbelanjaan kerajaan, ia datang dari mana? Adakah dari swasta? Kalau barangkali ini betul, saya hendak kata hanya tidak sampai 9% yang boleh dikaitkan, yang 80% itu datang dari pihak swasta. Saya hendak katakan di sini bahawa tidak adillah kalau kita sentiasa- saya tinggal sini dua bulan, siang malam mengatakan rasuah, rasuah, rasuah tetapi kita kena berpijak pada bumi yang nyata dan jangan kita hanya menuduh sewenang-wenang tetapi pada hakikatnya rasuah ini 80% datang bukan daripada sumber-sumber dari kerajaan. Jadi elok juga kita perlihat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Tinggi, gulung.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya harap dengan ini perbelanjaan SPRM yang ada kita kena sokong dan mungkin ditambah lagi sebab SPRM ini setelah tiga tahun. Berhubung SPRM ini saya hendak sebut sedikit tidaklah bersifat primitif atau hendak tangkap orang sahaja. Sebenarnya kita hendak meningkatkan negara Wawasan 2020 berpendapatan tinggi dan berintegriti tinggi. Dengan cara itu kita mesti mendidik. Kita mesti ada *good governance, good integrity* di kalangan rakyat Malaysia. SPRM telah menjalankan perkara yang baik dengan memberi pelbagai program untuk menyedarkan rakyat Malaysia dan saya rasa ini perlu diteruskan. Kalau perlu ditambah, ditambah lagi.

Jadi saya mengucapkan tahniah kepada SPRM. Terus berusaha walaupun banyak pihak mengatakan tidak bagus tetapi sebenarnya bagus. Akhir kata, saya hendak menggulung sedikit. Saya Kota Tinggi, dengan bajet sebanyak ini tolonglah supaya lebih tiga juga rakyat Johor kena berbelanja sedikit untuk menambahkan kawasan-kawasan *tourism* khususnya di Kota Tinggi di mana Johor ini bermulanya di Kota Tinggi. Jadi saya minta kementerian untuk berbelanja lebih sedikit di sana sebab pelancong kita ramai yang datang daripada selatan.

Keduanya di Kota Tinggi kita ini sebahagian daripada kawasan pembangunan besar di Pengerang dan kita minta supaya jalan-jalan itu apabila pembangunan besar berlaku, jalan-jalan ini terbeban. Sementara hendak siap empat atau lima tahun ini banyak masalahnya. Jadi kita minta supaya jalan-jalan di *upgrade* terutama laluan utama daripada Kota Tinggi ke Bandar Pengerang supaya kita dapat seiring sejalan dengan pembangunan Pengerang.

Jadi saya dengan mengucapkan terima kasih dan menyokong bajet. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Bayan Baru.

7.36 mlm.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya mewakili Bayan Baru membahaskan Bajet 2014. Selepas 56 tahun di bawah pentadbiran UMNO Barisan Nasional, Malaysia sekarang berada dalam keadaan krisis fiskal yang serius. Hutang kerajaan nyaris mencecah siling 55%. Mengikut kajian Bloomberg, ini adalah kedua tertinggi berbanding 13 negara membangun di Asia.

Perbelanjaan mengurus melonjak 82.4% dan perbelanjaan pembangunan hanyalah 17.6% sahaja. Satu senario yang amat membimbangkan. Perbelanjaan mengurus yang terlampau tinggi ditambah dengan hutang yang terlalu tinggi menyebabkan ruang fiskal yang terhad. Apabila berlakunya krisis kewangan seperti tahun 1997, kerajaan tidak lagi mempunyai ruang untuk *pump priming* atau meningkatkan perbelanjaan pembangunan untuk menjana pemulihan ekonomi. Hutang rumah tangga juga dalam keadaan yang membimbangkan. Hutang rumah tangga atau *household debts* adalah di tangga kedua tertinggi di Asia iaitu 83%. Mengikut S&P, Laporan Standard & Poor's, "*Banks in Malaysia and Thailand deemed the most vulnerable to non-performing loans in the household segment.*" Ini laporan yang baru-baru ini.

Mengikut laporan *FOG Magazine* pula, "*Malaysia's high government and household debts is contributing to a credit bubble.*" Keadaan *double crisis* ini mungkin akan menjadi jauh lebih serius berbanding tahun 1997. Datuk Paul Selvaraj dari Persatuan Pengguna Malaysia berkata 47 golongan anak muda di Malaysia berada dalam keadaan hutang yang serius di mana lebih daripada 30% pendapatan mereka digunakan untuk membayar hutang PTPTN, hutang kereta, hutang kad kredit dan hutang rumah.

Berbanding dengan Bajet UMNO Barisan Nasional, manifesto Pakatan Rakyat memberi fokus kepada hutang rumah tangga terutamanya golongan muda. Kita janjikan pendidikan percuma dengan memansuhkan PTPTN dan turunkan harga kereta. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, di manakah janji harga kereta akan dikurangkan 30% dalam Bajet 2014? Di manakah juga janji untuk meringankan hutang PTPTN? Mengapakah Malaysia berada dalam keadaan hutang kerajaan yang begitu tinggi? Ini adalah disebabkan oleh kerajaan yang terlalu besar dan menjadi tidak efisien. *The government is too big to fail.*

Malaysia mempunyai 35 orang Menteri dan 26 orang Timbalan Menteri. Di Australia, di mana negara yang mempunyai jumlah penduduk yang agak sama tetapi mempunyai keluasan tanah 23 kali ganda lebih besar hanya mempunyai 19 orang Menteri Kabinet. Lebih kurang separuh dari Menteri kita. Di Amerika Syarikat, Presiden Obama hanya mempunyai 15 orang Menteri sahaja.

Mengapa pula kerajaan menjadi terlalu besar? Selama 56 tahun pemusatan kuasa atau dikenali sebagai *concentration or centralization of power* rancak dijalankan. Walaupun Malaysia merupakan negara Persekutuan atau dikenali sebagai *Federalisme*. Ia hanya pada nama sahaja. Kuasa yang seharusnya berada di tangan negeri semakin dipindahkan ke Kerajaan Pusat. Kuasa kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan semakin merosot. Kuasa seperti air dan tanah yang berada di tangan kerajaan negeri semakin dipindahkan ke Kerajaan Pusat melalui *National Land Council* dan kerajaan meminda perlembagaan pada tahun 2006 untuk memindahkan kuasa negeri, air ke Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau SPAN.

Kuasa-kuasa negeri Sabah dan Sarawak seperti yang termaktub dalam 18 *and 20 points* tidak dilaksanakan. Keuntungan minyak dari Sabah, Sarawak dan Kelantan di pakai untuk membina Putrajaya dan KLCC. Kini rakyat Sabah dan Sarawak merupakan antara yang termiskin di Malaysia. Tugas-tugas PBT yang begitu dekat dengan rakyat seperti pelupusan sampah atau *solid waste management* sekarang telah dipusatkan di bawah Kementerian Perumahan melalui syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat.

Pemusatan kuasa bukan sekadar di tahap Kerajaan Pusat sahaja, malah pemusatan kuasa semakin rancak kepada Perdana Menteri sendiri. Dalam Bajet 2014, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan mendapat jumlah peruntukan sebanyak RM58.6 bilion. Peruntukan yang paling besar dalam Bajet 2014. Mengikut anggaran, ada seramai 18 Ahli Parlimen, Senator atau bekas Ahli Parlimen yang bekerja di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan. Di antara mereka adalah 9 Menteri dan 3 Timbalan Menteri. Begitu juga penasihat-penasihat khas seperti bekas Menteri dan Ketua Wanita UMNO, Shahrizat Abdul Jalil.

Maka, saya ingin bertanya Perdana Menteri, berapakah sebenar Ahli Parlimen termasuk Senator dan bekas Ahli Parlimen yang menyandang pelbagai *portfolio* di bawah Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Kewangan termasuk penasihat-penasihat khas dan juga *special envoy* kepada negara-negara asing. Berapakah jumlah mereka yang mendapat jawatan ini?

Pemusatan kuasa di tangan Perdana Menteri sahaja menyebabkan kerajaan terlalu besar dan tidak efisien dan ini amat berbahaya. Mengikut Lord Acton, "*Power tends to corrupt, and absolute power corrupts absolutely.*" Maka, Malaysia perlu melaksanakan satu reformasi *total* pada peringkat pengagihan kuasa iaitu *decentralization* atau desentralisasi. Proses desentralisasi ini bukan perkara baru. Kebanyakan negara maju mengagihkan lebih kuasa kepada kerajaan negeri dan PBT mereka untuk menjadikan kerajaan lebih efisien. Negara-negara seperti Amerika Syarikat, *Germany*, memberi kuasa yang besar kepada kerajaan negeri masing-masing mengikut semangat *federalism*.

Di Amerika Syarikat, cukai GST dikutip oleh kerajaan tempatan oleh *City Council*, bukannya Kerajaan Pusat. Di negara Indonesia, mereka juga melaksanakan *Big-Bank policy* iaitu disentralisasikan kuasa pusat kepada provinsi dan kerajaan tempatan. Ekonomi Indonesia sekarang rancak berkembang kerana keputusan kerajaan menjadi cepat pada peringkat provinsi tanpa menunggu keputusan dari Jakarta yang mengambil masa yang terlalu lama. Malaysia juga

harus menjalankan desentralisasi. Menunggu keputusan dari Putrajaya memakan masa terlalu lama dan tidak mesra rakyat.

Kuasa harus diagihkan dengan lebih adil antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dan PBT. Salah satu masalah yang dihadapi oleh Pulau Pinang contohnya, adalah masalah kadar teksi. Teksi tidak mahu mematuhi kadar yang ditetapkan kerana terlalu rendah. Perkhidmatan pun kurang memuaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Bayan Baru, boleh gulung.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Manakala teksi di Malaysia dikenali sebagai antara yang paling teruk di Asia. Kalau ada desentralisasi, masalah ini boleh ditangani oleh kerajaan negeri. Nasib pemandu teksi boleh dibela. Perkhidmatan mereka dipantau dengan lebih cepat. Saya minta Menteri menjawab masalah ini, masalah teksi ini. Sabah dan Sarawak harus diberi kuasa autonomi yang lebih besar. Perkhidmatan awam Sabah dan Sarawak haruslah diberi keutamaan kepada orang Sabah dan Sarawak. Royalti minyak harus ditingkatkan kepada 20% kepada negeri Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu.

Baru-baru ini Perdana Menteri meluluskan RM63 juta untuk menubuhkan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) di 24 zon PBT. Kononnya untuk menyokong pembangunan masyarakat dan menangani isu-isu perbandaran. Bukankah ini tugas-tugas Ahli Majlis? Adakah kementerian ingin menubuhkan Ahli Majlis Persekutuan untuk menggantikan Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, umpamanya di negeri-negeri Pakatan Rakyat. Rampasan kuasa Ahli Majlis PBT seperti Jawatankuasa Perwakilan Penduduk harus dihentikan. PBT sudah mempunyai Ahli Majlis yang sah. Mengapa perlu JPP? Pada pendapat saya, kuasa PBT berada di tangan kerajaan negeri. Kementerian tidak harus campur tangan.

Penubuhan JPP telah melanggar Perlembagaan Malaysia. Minta Menteri jawab soalan ini. Kerajaan di negeri-negeri Semenanjung juga harus dikembalikan kuasa yang lebih dan geran yang lebih. Saya ingin bertanya Kementerian Kewangan, berapakah geran dan bantuan kewangan yang disalurkan kepada kerajaan negeri dalam Bajet 2014? Sila nyatakan jumlah mengikut negeri.

Akhir sekali, sedikit masalah Bayan Baru. Jambatan kedua Pulau Pinang dilaporkan akan dibuka pada bulan November tetapi sehingga ke hari ini rakyat Pulau Pinang masih belum tahu kadar tol dan tempoh masa konsesi. Adakah kadar tol akan diselaraskan antara jambatan pertama dan kedua? Bilakah konsesi jambatan pertama akan tamat? Ini persoalan yang ditanya oleh para pekilang di kawasan Pulau Pinang kerana mereka perlu buat perancangan untuk kos logistik mereka. Minta Menteri jawab. Ini sahajalah apa yang saya ingin sampaikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jemput Yang Berhormat Baram, selepas itu Yang Berhormat Kota Kinabalu. Selepas Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Setiu ya. Yang Berhormat Setiu ada dalam Dewan?

7.47 mlm.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya bagi pihak kawasan Baram mengucapkan banyak-banyak terima kasih sebab dapat terlibat dalam perbahasan Bajet 2014 pada kali ini. Dan seterusnya, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan satu bajet yang saya anggap sebagai satu bajet yang konsisten, khususnya untuk kita membangunkan kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk meneruskan perbahasan ini untuk memberi gambaran berkenaan dengan kawasan Baram. Kawasan Baram mempunyai kawasan seluas 22 kilometer persegi dengan penduduk kira-kira 72,000 yang berselerak di kawasan ini di 400 lebih kampung ataupun rumah panjang.

Jelas Tuan Yang di-Pertua, bahawa kawasan Baram adalah kawasan yang kita memang sah jadi kawasan luar bandar. Sudah semestinya oleh kerana berasaskan kepada kedudukan yang berstatuskan kawasan luar bandar macam ini, sudah semestinya saya sebagai wakil dari Barisan Nasional kawasan Baram menyokong penuh agar bajet ini dapat diteruskan. Kita nampak Tuan Yang di-Pertua, bahawa RM40 bilion lebih daripada peruntukan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat ini adalah untuk pembangunan di kawasan luar bandar. Oleh yang demikian, sebagai wakil kawasan luar bandar, saya ingin menyatakan dengan terang di sini bahawa saya menyokong penuh agar semua peruntukan ini yang dilulus untuk pembangunan ini diteruskan. Kita tahu bahawa peruntukan ini bukannya peruntukan untuk tahun yang akan datang sahaja tetapi ini adalah peruntukan-peruntukan yang juga telah dibuat selama ini dan yang akan terus dijalankan dalam masa-masa yang akan datang.

■1950

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik bahawa berkenaan dengan teras “Merencanakan Aktiviti Ekonomi” ini, saya sebagai wakil dari Baram menyokong penuh agar peruntukan yang dibentangkan ini dapat diteruskan dan saya menyambut baik sebagai wakil dari kawasan luar bandar, kawasan-kawasan ini khususnya di mana menara telekomunikasi ini belum dapat dibina. Kita minta dan saya merayu bagi pihak kawasan Baram supaya lebih ramai lagi sebab kita tahu pada masa ini hanya terdapat 28 menara telah dibina di kawasan Baram dan kita minta ini ditambahkan. Perkara-perkara ini juga perlu diperluaskan kepada kawasan-kawasan luar bandar yang lain.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan juga sokongan penuh kita kepada teras kecemerlangan pendidikan. Kita tahu seperti yang telah diucapkan oleh kebanyakan daripada kita dalam Dewan ini, kita mengakui dan kerajaan juga sedar bahawa pendidikan ini merupakan teras utama dalam kita membina negara. Dengan terbukti juga bahawa dalam bajet yang akan kita adakan tahun depan ini, kita nampak lebih daripada RM5 bilion telah pun diperuntukkan. Jadi, di daerah Baram terdapat 67 buah sekolah rendah dan tujuh buah sekolah menengah. Kawasan-kawasan ini adalah di kawasan pedalaman, sekolah-sekolah ini pun memang

sudah semestinya di kawasan pedalaman. Pada masa ini, keadaan sekolah-sekolah ini memerlukan tindakan yang sewajarnya.

Oleh yang demikian, saya memohon dan merayu agar Kementerian Pendidikan meneruskan usaha-usaha yang baik macam ini supaya sekolah-sekolah di kawasan pedalaman, khususnya di kawasan Baram ini, dapat juga diperbaiki bukan sahaja pada tahun 2014 tetapi juga dalam tahun-tahun yang akan datang. Ini juga termasuk sekolah-sekolah menengah yang ada di kawasan luar bandar termasuk di kawasan Baram.

Seterusnya, saya juga menyokong penuh agar yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan pembangunan luar bandar. Pembangunan luar bandar ini adalah pembangunan yang kerajaan hendak menjarakkan jurang antara bandar dan luar bandar ini. Di kawasan Baram, seperti yang telah saya nyatakan awal tadi, kita terdapat lebih 400 perkampungan ataupun rumah panjang dan kemudahan-kemudahan asas seperti *electricity*, jalan, bekalan air ini memerlukan tindakan yang berterusan daripada pihak Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi, di kawasan Baram kalau saya tidak silap, terdapat kira-kira 500 km jalan tetapi kebanyakan daripada jalan ini adalah jalan balak dan memerlukan tindakan yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan Barisan Nasional ini. Jadi, begitu juga dengan kemudahan-kemudahan yang lain. Inilah harapan kita sebagai wakil rakyat, saya ingat untuk menentukan agar kemudahan-kemudahan yang kita anggap sebagai asas ini dapat diberi ataupun dapat disampaikan kepada rakyat yang bukan sahaja kawasan masing-masing tetapi di kawasan kita semua ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab telah memperuntukkan satu peruntukan yang besar untuk menyejahterakan rakyat ini khususnya berkenaan dengan hospital dan klinik desa ini. Di daerah Baram pun saya rasa, kalau saya tidak silap ada dua klinik desa yang telah pun lama dijanjikan tetapi mungkin oleh kerana keadaan-keadaan yang tertentu, maka inilah saya rasa masanya. Inilah ruangnya untuk kita mengadakan, untuk kita menempatkan kemudahan-kemudahan asas yang seperti ini dengan keadaan jalan yang kurang sempurna dan kita terpaksa menggunakan bot. Jadi, baiklah, mintalah, eloklah dan sesuailah kalau dibina klinik desa di kawasan Baram, pertama ialah di Sungai Peking dan yang kedua ialah di Long Atun di kawasan pedalaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, gulung.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan BR1M. Saya ingat memang kita semua tahu walaupun jumlahnya mungkin kecil bagi orang yang lain tetapi kawasan-kawasan pedalaman khususnya daerah Baram, saya ingat termasuk kaum Penan ini, mereka ini adalah RM1, RM2 ini pun memang begitu bererti bagi kita. Jadi saya minta supaya pihak-pihak yang terlibat dengan pengurusan BR1M ini, masuk ke kawasan pedalaman, turun padang agar mereka ini dapat didaftarkan, agar mereka dapat berpeluang untuk diberikan bantuan-bantuan daripada kerajaan khususnya berkenaan dengan BR1M ini.

Jadi, untuk menggulung, saya percayalah dengan peruntukan yang besar untuk pengurusan ini, kita percaya, sebab saya sendiri pun memang bekas kakitangan kerajaan, saya percaya bahawa dengan transformasi kerajaan yang ada, dengan peruntukan yang besar ini, kita percaya bahawa peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan, yang dibentangkan ini dapat dilaksanakan dan dapat disampaikan kepada segenap lapisan masyarakat kita. Jadi dengan itu, saya sokong Bajet 2014. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Baram. Yang Berhormat Kota Kinabalu, sila.

7.58 mlm

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kami rakyat Kota Kinabalu bangun untuk membahaskan Usul Bajet 2014 di Dewan yang mulia ini. Saya rasa kesal dan kecewa sebab Sabah hanya diberi peruntukan RM2 bilion lebih atau kurang 1% untuk pembangunan infrastruktur daripada jumlah Bajet 2014 iaitu sebanyak RM262.4 bilion seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri Malaysia.

Sebenarnya, rakyat di Sabah menanti-nanti pengumuman khas daripada Perdana Menteri tetapi apa yang diumumkan, sangat menghampakan. Kita kecewa. Ini kah cara UMNO-Barisan Nasional berterima kasih kepada pengundi-pengundi di Sabah yang telah memberikan kemenangan besar iaitu 22 daripada 25 Kerusi Parlimen di Sabah dan terus berkuasa di Putrajaya.

■2000

Tuan Yang di-Pertua, infrastruktur seperti jalan raya di Sabah sangat teruk. Peruntukan untuk Lebuhraya Pan Borneo sejauh 2,239 kilometer dengan peruntukan sebanyak RM22 bilion yang akan menghubungkan Sabah dan Sarawak pada kali ini adalah menimbulkan persoalan. Inilah disebabkan *Budget* 2014 hanya memperuntukkan RM500 juta sahaja untuk Lebuhraya Pan Borneo. Kalau begitu, lebuhraya ini hanya akan di siap lebih 40 tahun lagi. Ahli Parlimen Kuching dan Lanang juga setuju dengan perkara ini. Selain itu, sepatutnya *Pan Borneo Highway* harus disiapkan sebelum tahun 2020 dan bukannya tahun 2025. Ini kerana Kerajaan Barisan Nasional sendiri percaya Malaysia sudah mencapai status negara maju pada tahun 2020. Adakah Barisan Nasional tidak mahu Sabah dan Sarawak maju sama dengan Semenanjung? Jadi untuk selesaikan projek ini pada tahun 2020, peruntukan sebanyak kurang-kurang pun mahu RM3 bilion seharus diberi setiap tahun, bukannya RM500 juta sahaja. Kerajaan harus betulkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu Program Janji Ditepati, Perdana Menteri telah berjanji di hadapan lebih 10,000 penduduk Sabah, di Bandar Kudat, mengumumkan kelulusan pembinaan lebuhraya berjumlah RM800 juta dari Tuaran ke Kudat. Saya ingin tanya kerajaan, bilakah projek ini dapat dilaksanakan sepenuhnya? Apakah janji ini akan ditepati atau 'dicapati'? Tuan Yang di-Pertua, peruntukan hampir separuh bilion ringgit sahaja untuk menaik taraf, membaiki jalan raya dan membina jambatan untuk Sabah memang tidak cukup. JKR Sabah, baru-baru ini sendiri berkata bahawa sebanyak kurang-kurang RM700 juta diperlukan untuk kerja-kerja naik taraf dan

pembaikan jalan. Saya minta kerajaan tolonglah menambah peruntukan seperti yang diminta oleh JKR Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, menurut JKR Sabah, RM200 juta lagi peruntukan diperlukan untuk membina dua *flyover* di jalan menuju Bukit Badang dan Batu Lima, Inanam. Selain itu, sebanyak dua lagi *flyover* diperlukan, masing-masing di Lido *traffic light* dan Penampang *bypass* menuju lapangan terbang. Pembinaan *flyover* ini sangat penting dalam kadar segera untuk mengatasi masalah *traffic conjunction* yang semakin teruk. Saya ingin minta penjelasan dan jawapan daripada kementerian tentang isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah 33 tahun Polisi Kabotaj berkuat kuasa di Sabah. Ini sebab utama kos barangan di Sabah lebih tinggi dari Semenanjung. Sekitar 20% hingga 30% Program Satuan Harga juga tidak berkesan. Semuanya akibat Polisi Kabotaj. Polisi Kabotaj ini seperti hantu puntianak yang menggigit dan menghisap darah penduduk Sabah [*Tepuk*] Hantu puntianak ini yang mesti kita hapuskan...

Beberapa Ahli: Ya! [*Dewan riuh*]

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya mencadangkan polisi Kabotaj ini dimansuhkan sekali.

Beberapa Ahli: Ya! [*Dewan riuh*]

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kita hendak ringankan beban orang Sabah. Tolonglah! Tuan Yang di-Pertua, jikalau Polisi Kabotaj dimansuhkan, maka GST ini pula akan menyebabkan rakyat Sabah sudah jatuh ditimpa tangga. *Haiyaa!* Ini susahlah!

GST kena bayar, kabotaj pun kena bayar. GST ibarat hantu puntianak kedua yang akan gasak dan gigit sampai ke tulang orang Sabah. Ini sepanjang umur, dari masa kelahiran sampai ke mati pun kena GST- *from cradle to the grave*, dengan izin. Rakyat Sabah miskin akan bertambah miskin. Kalau macam ini, habis matilah orang Sabah!

Saya cadang, GST jangan dimulakan dahulu di Sabah, kerana purata pendapatan isi rumah bulanan Sabah pada tahun 2012 menunjukkan hanya RM4,013 dibandingkan dengan seluruh Malaysia iaitu RM5,000. Sebenarnya, apabila ditolak dengan kos kehidupan 30% yang lebih tinggi daripada Semenanjung, maka purata pendapatan isi rumah bulanan Sabah hanyalah lebih kurang RM2,800 sahaja. Ini yang termiskin di Malaysia. Oleh yang demikian, *purchasing power*, dengan izin, negeri Sabah adalah terendah. RM1 di Semenanjung hanya 70 sen *value* sahaja di Sabah. Dengan ini, saya menolak sekali GST untuk dilaksanakan di Sabah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta agar kerajaan mematuhi *10-point solution*, dengan izin, seperti yang sudah Perdana Menteri setuju terhadap orang-orang Kristian. Saya minta Perdana Menteri berpegang pada sepuluh janji ini, di mana Sabah dan Sarawak bebas untuk gunakan kalimah "*Allah*" dalam *Bible* Bahasa Melayu. Kita juga tidak mahu mana-mana pihak politikkan isu ini...

Seorang Ahli: Ya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melanggar polisi *Borneonization* apabila lima hakim dari Sabah bertugas di Mahkamah Kota Kinabalu, dan dua hakim dari Sarawak telah menerima surat arahan perpindahan ke Semenanjung bermula 15 November ini, atas alasan integrasi nasional. Saya difahamkan, lima hakim ini dipindah kerana mereka, dengan izin, *reluctant to endorse let-off registration of suspected immigrant*. Saya sokong pendirian MP Penampang tentang perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, gulung.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Soalan saya, betulkah bahawa lima hakim dari Sabah ini pindah ke Semenanjung bukan atas Integrasi Nasional tetapi atas arahan mereka dengan izin, *reluctant or refused to endorse let-off registration of suspected illegal immigrant*? Sila beri penjelasan. Saya minta kerajaan hentikan pindahan hakim-hakim ini dan laksanakan polisi Borneonisasi di mahkamah Sabah dan Sarawak. Saya minta kerajaan patuh pada perjanjian dua perkara.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir, saya minta kerajaan beri penjelasan mengapa tiada peruntukan khas dalam Bajet 2014 untuk menghantar pulang pendatang asing tanpa izin di Sabah? RCA telah pun selesai jika kerajaan serius dan komited.

Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Maka peruntukan harus disediakan untuk selesaikan masalah PATI ini. Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, saya menyeru kerajaan pastikan pembangunan ekonomi Sabah, Sarawak dan Semenanjung seragam sebelum pada tahun 2020. Kita mahu rakyat hidup senang. Semua projek infrastruktur seperti *Pan Borneo Highway* dan sebenarnya mesti disegerakan untuk mencapai maksud ini pada tahun 2020. Saya berharap Sabah sudah maju sepenuhnya. Saya minta kerajaan *review* semula Bajet 2014 dan buat pembetulan. Sekian, terima kasih [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Setiu

■2010

8.10 mlm.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Izinkan saya memulakan bahawa Bajet 2014 ini yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah digubal bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berkembang kukuh selain komited dalam mengurangkan defisit fiskal negara. Dalam hal ini saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan bagi memastikan bahawa kadar inflasi kekal rendah seterusnya menghalang sebarang kenaikan harga barangan. Jadi Bajet 2014 mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:

- (i) membuka tambahan 60 pasar tani, 50 pasar ikan, 50 karavan tani dan memperluas 100 gerai buah-buahan segar;

- (ii) melaksanakan sistem cukai GST yang dilaungkan selama ini pada paras 6% pada April 2015, belum diadakan bagi menggantikan sistem cukai yang sedia ada iaitu cukai jualan 5% hingga 10% dan juga cukai perkhidmatan sebanyak 6%. Jadi, sistem GST ini akan memastikan tiada lagi cukai berganda dikenakan ke atas rakyat selain ia tidak melibatkan barangan runcit serta makanan;
- (iii) peruntukan sebanyak RM331 juta bagi program penyeragaman harga dan pemberian subsidi; dan
- (iv) peruntukan RM30 juta bagi membuka 60 buah Kedai Rakyat 1Malaysia.

Jadi, kalau kita lihat, saya ingin bandingkan sedikit sebanyak berkenaan dengan hal pengangguran. Pihak pembangkang dalam hal pengangguran telah mencadangkan bahawa untuk meningkatkan akses dan maklumat mengenai dengan peluang pekerjaan tetapi perkara ini, segala akses boleh dicapai melalui *National Entrepreneurship Development office*. Ini adalah daripada Barisan Nasional.

Seterusnya, pihak pembangkang juga menyatakan menganjurkan Program Hari Kerjaya atau *Job Fair* peringkat kebangsaan. Perkara ini telah dilaksanakan melalui Karnival Kerjaya Barisan Nasional, *BN Youth Job Fair* di PWTC dan diiktiraf sebagai karnival kerjaya terbesar di Malaysia.

Seterusnya, berkenaan dengan rumah mampu milik juga yang dicadangkan oleh pihak pembangkang menyatakan bahawa peruntukan RM5 bilion bagi 150,000 rumah mampu milik tetapi Kerajaan Barisan Nasional sendiri telah memperuntukkan dana jauh lebih besar berbanding dengan yang diusulkan oleh pihak pembangkang. Jadi pada keseluruhannya, Bajet 2014 pembangkang ini mengenai dengan pengangguran dan juga pemilikan hartanah adalah tidak *relevant* lagi atas sebab kesemua idea yang dilontarkan telah sedia dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Selain daripada pembentangan kertas kerja yang terlalu umum tanpa sebarang pelan tindakan yang lebih khusus, idea-idea dari pihak pembangkang juga disertakan dengan sebarang data atau statistik untuk menyokong idea yang diberikan. Idea belanjawan pembangkang jelas menunjukkan mereka tidak mengkaji ekonomi secara menyeluruh.

Seterusnya, ini kerana terlampau banyak sangat kena pilih-pilih, lompat-lompat. Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai dengan pemotongan subsidi. Bajet 2014 dengan penghapusan terus subsidi gula, ia merupakan satu komoditi yang lebih membawa kepada mudarat daripada kebaikan kepada kesihatan awam. Jadi, penghapusan subsidi adalah merupakan langkah ke arah memperkenalkan kuasa pasaran di dalam menilai sumber ekonomi dan ini akan meningkatkan kecekapan di dalam penggunaan dan mengukuhkan keyakinan pelabur-pelabur yang global terhadap Malaysia.

Saya juga menyentuh sedikit dari segi pendidikan. Saya katakan bahawa banyak daripada dasar pendidikan yang disebut oleh pihak pembangkang di dalam belanjawan mereka tidak di sekaligus dengan nilai dan juga peruntukan ataupun memang sudah sedia ada dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Jadi, sekali gus menunjukkan bahawa tiada perancangan dan hanya sekadar

sebuah retorik untuk menarik perhatian rakyat. Saya hendak bagi contoh, banyak sangat contoh ini. Saya langkau lagi.

Sedikit sebanyak dengan pembangunan di luar bandar, dalam Bajet 2014 ini banyak yang di impak ke atas pembangunan luar bandar iaitu bajet yang telah dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional banyak memberi penekanan berkenaan dengan pembangunan negara terutamanya pembangunan di luar bandar walaupun kira-kira 70% penduduk di negara ini telah tinggal di bandar. Namun kerajaan merasa amat perlu membantu 30% atau lebih 8 juta orang yang tinggal di luar bandar.

Seterusnya, saya menyentuh sedikit berkenaan dengan GST. GST ini kalau dilihat, dalam membincangkan isu GST ini. *[Disampuk]* Apa dia? GST ini merupakan landasan perbincangan yang seharusnya sentiasa mengambi berat tentang kelangsungan dan ketahanan fiskal negara untuk jangka masa panjang. Pasti akan ada sedikit bebanan yang ditanggung oleh rakyat. Namun begitu kerajaan tidak memandang isu bebanan rakyat itu dengan sebelah mata. Jadi oleh sebab itu, kerajaan memberi beberapa bantuan seperti BR1M, Kedai Rakyat 1Malaysia dan memudahkan peluang untuk menjana pendapatan melalui perniagaan.

Jadi, langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan ini adalah selaras dengan langkah yang diambil oleh negara maju seperti Singapura dan lain-lain. Perlu untuk diambil perhatian. Jadi, saya hendak katakan bahawa keputusan pelaksanaan GST ini perlu disambut baik oleh semua lapisan rakyat dan kita janganlah menjadikan ia sebagai satu caci maki seperti yang kita lihat dalam keluaran *Harakah* pada 28 hingga 31 Oktober ini. Dikatakan bahawa dengan begitu hebat sekali mereka beratur di sini. *[Merujuk surat khabar yang dipegang]* “GST petaka buat rakyat”. Maknanya dikatakan begitu seolah-olah macam satu malapetaka. Belum dilaksanakan lagi, benda yang boleh diperbaiki, dibaik pulih dan sebagainya sudah, mereka dikelilingi oleh lebih 100 orang aktivis. Kebanyakannya pemuda PAS, berhimpun membantah tindakan Kerajaan Barisan Nasional yang mahu melaksanakan GST di negara ini, di persimpangan jalan masuk ke Parlimen pada 25 Oktober lalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Setiu gulung.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Dengan senyum melebar masing-masing, menunjukkan bahawa hebatnya mereka. Begitu juga “GST rompak duit rakyat, Pemuda PAS serah memorandum” dan sebagainya, juga dengan senyum lebarnya macam main-main, satu permainan. Ya, tidak serius. Kemudian dikatakan lagi “GST ‘hadiah’ Bajet 2014 kepada rakyat” juga main-main.

■ 2020

Satu lagi saya hendak menyentuh berkenaan dengan ucapan daripada Yang Berhormat Marang tempoh hari. Saya hendak sentuh berkenaan dengan apa yang dikatakan, walaupun tidak ada kena mengena dengan bajet tetapi saya tidak tahu kenapa disentuh oleh Yang Berhormat Marang. Dia mengatakan bahawa, “Akan tetapi Islam yang dikatakan Agama Persekutuan itu tidak

bebas di Malaysia, masih ada kongkongannya. Mereka yang mengajar agama, berkhotbah memerlukan lesen, memerlukan tauliah, memerlukan kebenaran”.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Itu bukan pasal bajet.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini disebut. Disebut di dalam *Hansard*.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Bukan bajet.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Akan tetapi disebut oleh pihak mana? Pihak mana, saya tanya? Ini daripada mana? Daripada mana saya hendak tanya? Okey, sekarang saya hendak mengatakan bahawa bermakna pihak Yang Berhormat Marang menyatakan begitu seolah-olah sesiapa sahaja yang bukan ahli, boleh baca khutbah. Siapa-siapa sahaja yang bukan ahli boleh membaca al-Quran di mana-mana. Juga pihak pembangkang bukan Islam pun dibenarkan baca al-Quran. Apa lagi hendak khutbah? Salah satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Setiu. Gulung.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Jadi saya gulung begitulah. Maknanya sekarang ini, Yang Berhormat Permatang Pauh tidak membenarkan membaca khutbah di negeri-negeri yang diperintah oleh pihak Barisan Nasional tetapi beliau bebas untuk berkhotbah di mana-mana sahaja termasuk di Adelaide tempoh hari. Saya hendak nyatakan bahawa dalam menyentuh bab agama, kita mesti pastikan bahawa seseorang itu boleh membaca al-Quran dengan baik. Makhrajnya di mana? Kalau *'qof'* disebut *'kaf'* sudah lain maknanya. Kalau ikhfaknya tidak disebut dengan betul sebab ikut bacaan tempoh hari, saya berada di dalam bilik air tempoh hari, saya dengar, terdengar tetapi tidak ada orang yang membuat satu pindaan dan sebagainya. Tidak ada teguran dibuat oleh pihak pembangkang kerana takut. Takut kerana dibaca oleh Ketua Pembangkang.

Dia baca ayat yang *last* sekali. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Sudah salah. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Sepatutnya menjadi ikhfaknya, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* dan juga... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Dia tidak boleh sebut. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Itu yang dikatakan, tetapi tidak ada orang yang betulkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Walaupun ada alim ulama ramai di sebelah sana ramai tetapi sama ada mereka mendengarnya ataupun buat-buat tidak dengar. Saya tidak tahu. Inilah yang dikatakan *double standardnya*. Talam dua muka, tiga muka saya tidak tahu. Inilah dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Okey, terima kasih. Saya sokong bajet.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Ikut giliran, Yang Berhormat Dungun. Yang Berhormat Dungun, sila.

8.21 mlm.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: *Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca sepotong doa] Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk bersama dalam membahaskan usul ucapan Bajet 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri pada 25 Oktober yang lalu. Memulakan ucapan bajet ini, disebut tentang Suratul Qasas, ayat ke-77 yang mafhumnya dan terjemahannya tidak diterjemahkan dengan habis kerana pada bahagian akhir, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* yang bermaksud, “*Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi. Sesungguhnya Allah tidak mengasihi orang-orang yang melakukan kerosakan*”. Daripada harta yang diperoleh, perbelanjaan adalah untuk kepentingan dan manfaat kepada manusia.

Akan tetapi di sana, ada juga masalah apabila berlakunya ketirisan, kebocoran dan pecah amanah yang melibatkan kerosakan kepada harta tersebut yang tidak sampai kepada sasaran golongan seperti yang ditetapkan. Oleh itu dalam kita melihat bajet yang dibentangkan ini, dengan peruntukan anggaran pendapatan yang besar dan perbelanjaan yang melebihi pendapatan, maka kita juga mesti melihat apakah kesan yang telah diperoleh daripada perbelanjaan bajet saban tahun termasuk yang telah dibentangkan bagi Bajet 2014 ini. Kita melihat contohnya ialah bagaimana peruntukan kepada pembangunan pertanian yang disebut bahawa kita telah berjaya keluar daripada sebuah negara pertanian menjadi negara perindustrian moden dengan bajet yang telah diberikan pada saban tahun termasuk dalam Bajet 2014 ini. Apakah kejayaan yang telah dicapai dalam menjadikan negara kita ini mencapai status yang telah disebutkan iaitu sebuah negara pertanian?

Cuba kita lihat kepada banyaknya projek-projek pertanian yang tidak mencapai sasaran atau matlamat. Projek fertigasi dengan jumlah yang telah dikeluarkan, di manakah kedudukan hasil yang telah diperoleh? Ternakan kambing Jamnapari dan boer yang juga daripada peruntukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, di mana kedudukannya? Apa yang sangat masyhur ialah lembu, di mana kedudukannya? Mengeluarkan Malaysia dengan banyaknya negeri-negeri yang sebahagian daripada peruntukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjadikan Malaysia ini jelapang padi, bagaimana kedudukannya? Begitulah juga projek ikan dalam sangkar dan lain-lain projek pertanian.

Terbaru ialah bagaimana masalah nelayan-nelayan pantai kita yang terpaksa berhadapan dengan nelayan-nelayan luar yang menggunakan bot-bot besar atau *vessels* besar yang melibatkan bot laut dalam yang menimbulkan isu seperti yang berlaku di Kuantan dan juga Marang.

Semua ini mesti diberikan jawapan oleh pihak kerajaan untuk diambil perhatian oleh rakyat yang memahami perkara yang asas. Mengapa apabila berlaku pertembungan itu, akhirnya didapati daripada bot-bot besar, *vessels* laut dalam ini yang sebahagiannya lesen-lesen adalah daripada Malaysia. Ini perlu diberikan perhatian. Oleh sebab itulah jika kita melihat bagaimana dalam soal

yang membabitkan ketirisan, kebocoran perbelanjaan kerajaan seperti yang dilaporkan daripada Laporan Ketua Audit Negara, saya tidak mendengar ucapan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang membincangkan ketirisan, kebocoran daripada Laporan Ketua Audit Negara. Kalau kita mempunyai sebuah kereta yang mempunyai empat tayar, satu tayar yang bocor dan tiris pun kita sudah runsing, bagaimana mungkin berlaku kebocoran dan ketirisan pada perbelanjaan negara ini daripada hasil yang diperoleh tidak disentuh oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional.

Bagaimana sikap mereka yang pertamanya bangun, berucap dan memuji kerajaan, memuji Perdana Menteri, memuji Menteri Kewangan, kemudian menghentam pembangkang, kemudian minta projek bawa balik ke dalam kawasan. Itulah rutin ucapannya di mana-mana. Mereka puji kerajaan, hentam pembangkang, minta projek balik ke kawasan dengan tidak melihat bagaimana kalau orang curi duit kita sebanyak RM250 pun, kita sudah marah. Bagaimana boleh dicuri duit negara sebanyak RM250 juta, kita tidak merasa apa-apa?

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Sangat malang. Ini adalah sangat malang sebab kita memahami hakikat. Bagaimana? Oleh sebab itulah perlu kita lihat bagaimana kesannya apabila supaya kita melihat - Tidak tuduh. Semua maklum dan diketahui. Buka *Hansard*, Dewan tahu.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Lumut masuk.

■2030

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Lumut bangun.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Ha, sila.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dungun, setujukah Yang Berhormat Dungun kalau kita nak menyelamatkan duit ketirisan, kebocoran rasuah ini kita minta Ketua Audit Negara mengaudit senarai projek-projek yang akan diluluskan untuk 2014? Oleh kerana saya percaya sebahagian daripada senarai projek-projek yang dimasukkan dalam Bajet Pengurusan ataupun OE merupakan projek-projek pembangunan yang sepatutnya dimasukkan dalam senarai pembangunan. Dalam senarai pembangunan, duitnya telah khas untuk bayar ansuran projek-projek pembangunan tetapi oleh kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini masa Yang Berhormat Dungun ada 10 minit sahaja Yang Berhormat Lumut.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Saya ambil lagi setengah minit. Jadi untuk menyelamatkan itu, kita minta Ketua Audit Negara menyemak senarai-senarai projek mengurus kementerian-kementerian supaya menarik balik segala projek-projek pembangunan yang disenaraikan dalam peruntukan OE atau peruntukan mengurus. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Saya sangat bersetuju Tuan Yang di-Pertua sebabnya kita melihat ketika dalam ucapan bajet ini apabila Laporan Ketua Audit Negara 2012 dibangkitkan bahawa kerajaan memandang serius isu ini lalu bagi mengukuhkan keyakinan rakyat dan menjaga imej dan kredibiliti sektor awam, kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara bagi menyasiat serta mengambil tindakan tegas ke atas salah laku penjawat awam. Dia tidak bermula dengan penjawat awam, dia bermula dengan ahli-ahli politik.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Ini kerana apa? Ini kerana kalau kita melihat kuala sungai yang keruh, dia tidak mula keruh di kuala sungai, dia keruh di hulu sungai. Oleh sebab itulah salah satu daripada jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah SPRM, SPRM diberikan perbelanjaan saban tahun sejak ditubuhkan pada tahun 2009. Tahun 2010 untuk pengurusan dapat RM198 juta. Tahun 2011 dapat RM187 juta. Tahun 2012 dapat RM211 juta. Tahun 2013 dapat RM252 juta dan tahun 2014 anggaran diberikan dengan RM298 juta. Di antara tanggungjawab SPRM ialah beban bukti pemilikan harta melebihi pendapatan. Jika sekiranya pegawai yang hidup lebih daripada paras pendapatan, SPRM akan memberikan perhatian kepada pegawai tersebut tetapi berapa ramai ahli-ahli politik yang hidup lebih daripada paras pendapatan?

Mengapa SPRM tidak memberikan perhatian? Oleh kerana inilah masalah berlaku. Oleh sebab itu kes-kes profil tinggi yang melibatkan ahli-ahli politik tiada satu pun yang dikenakan tindakan. Terbaru, bekas Menteri Pengangkutan dibebaskan. Kalau kita tengok pendakwaan yang telah dikemukakan pada tahun ketika mana kes ini berlaku ialah dakwaan menipu dengan kos satu daripada berapa bilion sehingga akhirnya tanah itu terlepas dengan harga satu jumlah. Akhirnya kes profil tinggi dikatakan tiada apa-apa siasatan padahal kalau kita buat, kita akan dapati memang ada berlaku. Oleh sebab itulah saya minta supaya kita benar-benar berikan perhatian kepada soal yang sangat penting iaitu SPRM diberikan kuasa yang penuh untuk menyasiat, menyelidik dan seterusnya diberikan kuasa pendakwaan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia supaya ada satu badan yang ditakuti oleh kita semua iaitu tidak boleh melakukan rasuah dalam negara kita yang tercinta ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai akhirnya saya nak sebut kata-kata Sayidina Umar kepada Abu Musa Ashaari ketika Abu Musa Ashaari dilantik dalam lantikan politik menjadi Gabenor pada zaman Sayidina Umar. *'Sesungguhnya pemimpin yang paling bahagia ialah mereka yang menyebabkan rakyatnya bahagia dan pemimpin yang paling celaka ialah yang menyebabkan rakyatnya celaka. Jaga-jaga kau wahai Abu Musa Ashaari. Jangan hidup bermewah-mewah nanti pegawai-pegawaimu juga akan bermewah-mewah'.*

Akan tetapi jika nak dikenakan tindakan, tindakan kepada pegawai, tidak kepada orang-orang politik. Saya minta supaya kita ambil ingatan pesanan Sayidina Umar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanah Merah.

8.34 mlm.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bajet 2014 telah membuktikan bahawa kerajaan telah melaksanakan janjinya untuk mengambil langkah usaha dan tindakan bukan sahaja untuk menyejahterakan hidup mereka tetapi juga meningkatkan taraf kehidupan mereka. Pelbagai insentif yang diberikan oleh kerajaan dalam Bajet 2014 ini saya percaya akan dapat membantu mengurangkan beban rakyat seperti rumah mesra rakyat yang menyaksikan kerajaan meningkatkan subsidi daripada RM15,000 kepada RM20,000. Bantuan BR1M yang ditingkatkan daripada RM500 kepada RM650. Bujang berumur 21 tahun ke atas pendapatan tidak lebih RM2,000 naik daripada RM250 kepada RM300 dan buat pertama kalinya BR1M sebanyak RM450 diberikan kepada isi rumah pendapatan RM3,000 hingga ke RM4,000.

Bagaimanapun buatlah sebaik mana pun, usahalah sekuat mana pun dan bentanglah sehebat mana pun bajet dalam Dewan yang mulia ini, namun janganlah mengharapka ia akan dapat sepatah pujian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang. *[Tepuk]* Apabila mereka mendengar pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mereka seolah-olah tidak mahu mendengar apa-apa yang baik untuk rakyat. Kalau pun ada, mereka tetap membutakan mata dan memekakkan telinga menerima kebaikan itu. Sebaliknya mereka akan mencari apa yang ada dalam bajet tersebut untuk dijadikan isu. Langkah itu bukanlah bertujuan untuk kebaikan rakyat tetapi kepentingan politik mereka. Inilah sikap dan kualiti pembangkang yang ada di negara kita, sungguh malang sekali.

Seperti mana kita lihat GST telah menjadi sasaran serangan pakatan Pembangkang di dalam dan di luar Dewan, mereka menentang habis-habisan pelaksanaan GST ini. Biar pun ia hanya akan berkuat kuasa mulai tahun 2015. Segala fakta yang dibentangkan oleh kerajaan ditolak sama sekali kerana matlamat pembangkang ialah untuk meracuni pemikiran rakyat dengan memutarbelitkan fakta berhubung perkara itu. Oleh sebab itulah saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk melaksanakan dengan lebih aktif sesi penerangan kepada rakyat secara keseluruhan bagi membolehkan mereka memahami GST dan seterusnya menolak propaganda politik pembangkang.

Rakyat perlu diberi pemahaman sejelas-jelasnya berhubung perkara ini. Saya yakin jika penerangan seumpama itu dapat diberikan, ia akan memberi pemahaman kepada rakyat bahawa kerajaan bukannya suka-suka nak melaksanakan GST. Sememangnya kalau kerajaan mahu popular, sudah pasti kerajaan tidak akan melaksanakan GST ini tetapi ia bukan soal popular, disukai atau tidak tetapi ia berkaitan masa depan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana bersedia untuk menubuhkan jawatankuasa bagi menyasat Laporan Ketua Audit Negara. Sememangnya langkah ini amat penting bagi mengelakkan kepercayaan rakyat kepada penjawat awam dan jabatan kerajaan terhakis. Kita merasa sedih kerana masih ada sesetengah penjawat awam yang tidak amanah dalam melaksanakan tugas hingga memungkinkan pelbagai masalah didedahkan dalam laporan tersebut. Saya menggesa tindakan tegas dikenakan ke atas mereka yang terlibat dan tiada kemaafan harus diberi kepada penjawat-penjawat yang berbuat demikian yang mana ia boleh dianggap pengkhianatan kepada rakyat. Saya juga berharap hasil siasatan yang dilakukan oleh jawatankuasa yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara itu akan didedahkan kepada umum bagi mengelakkan ia terus dipolitikkan oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa bangga dengan keputusan kerajaan menyalurkan peruntukan sebanyak RM50 juta pembangunan sekolah pengajian pondok. Ini menunjukkan bahawa perkembangan sekolah tersebut sentiasa mendapat perhatian kerajaan. Biarpun ada pelbagai tuduhan kononnya kerajaan sedia ada tidak islamik dan sebagainya, namun usahlah kita merasa gundah gulana dengan tohmahan seumpama itu. Apa yang penting kerajaan bukanlah sebuah kerajaan retorik tetapi sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan tidak banyak bercakap soal Islam tetapi berusaha mempertingkatkan martabat Islam di negara ini. Saya percaya peruntukan yang disalurkan ini akan memberi pemangkin kepada pembangunan sekolah-sekolah pengajian pondok.

Walaupun sebelum ini kerajaan sentiasa membantu institusi tersebut, namun inilah kali pertama ia dimasukkan dalam bajet. Ia membuktikan kesungguhan kerajaan membangunkan sistem pendidikan Islam termasuk sekolah pondok dan di sini saya menyokong penuh sebarang usaha untuk menjadikan sekolah pondok sebagai sekolah bantuan kerajaan kerana ia dapat memartabatkan dan memperkasakan Islam. Saya mencadangkan kerajaan memastikan semua sekolah pondok menerima peruntukan ini bagi mengelakkan kerajaan dituduh *double standard* atau pilih kasih. Apa yang penting ialah kita memastikan peruntukan itu akan mampu meningkatkan martabat sekolah pondok dan sekali gus memantapkan pendidikan Islam di negara ini.

■2040

Saya juga menyokong penuh langkah kerajaan menambah peruntukan RM1 bilion bagi tabung khas pembinaan dan menambah baik dan penyelenggaraan sekolah. Khususnya bagi keperluan mendesak bagi membaik pulih sekolah uzur, penyelenggaraan, pembelian peralatan dan pembinaan blok tambahan. Di Tanah Merah, di tempat saya ada lapan daripada 50 sekolah yang memerlukan penyelenggaraan segera seperti menukar bumbung, pagar rosak teruk, masalah tangki air dan macam-macam masalah lain.

Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Kebangsaan Tebing Tinggi, Sekolah Kebangsaan Kemang Satu, Sekolah Kebangsaan Alor Pasir, Sekolah Menengah Tan Sri Mohamed Yaacob dan Sekolah Menengah Ladang Kerilla amat kritikal, perlu baik pulih dengan kadar segera. Saya juga memohon padang Sekolah Menengah Tanah Merah 1, padang yang banyak sejarah di mana

pelbagai aktiviti. Di mana melibatkan lawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri. Malah contohnya, pada bulan April ini, sejarah berlaku. Tidak pernah berlaku di Kelantan. Kehadiran 50,000 kehadiran menyambut Perdana Menteri, merupakan kehadiran yang paling ramai berlaku di negeri Kelantan pada tahun ini. Jadi, padang ini malangnya setiap kali hujan akan jadi macam sawah padi. Orang Kedah kata bendang. Jadi, saya harap padang ini amat kritikal memerlukan baik pulih dengan segera.

Dalam bajet, ada juga peruntukan pembinaan hospital baru atau blok tambahan dibina seperti di Hospital Jeli. Saya mohon Hospital Tanah Merah juga memerlukan blok tambahan yang di mana Hospital Tanah Merah hari ini serba kekurangan kemudahannya. Tanah Merah merupakan bandar yang kedua ataupun ketiga terbesar di negeri Kelantan. Akan tetapi malangnya hari ini, Hospital Tanah Merah tidak boleh menampung jumlah pesakit yang begitu ramai. Malah kemudahan di situ juga serba kekurangan. Saya mengharapkan tambahan katil, CT scan dapat diadakan di Hospital Tanah Merah. Adalah besar harapan saya, hasrat murni Perdana Menteri memberi perkhidmatan kesihatan berkualiti dapat ditempiaskan ke Hospital Tanah Merah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan RM4.1 bilion yang disediakan untuk pembangunan luar bandar menerusi Bajet 2014, saya yakin akan merapatkan lagi jurang pembangunan antara masyarakat luar bandar dan masyarakat bandar. Langkah ini juga sekali gus dapat merapatkan hubungan interaksi dan integrasi antara rakyat di negara ini. Saya yakin dengan peruntukan yang disediakan ini, beban rakyat khususnya di luar bandar dapat dikurangkan di samping dapat menikmati pembangunan hampir setanding dengan bandar. Bagaimanapun, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk memastikan semua kontraktor yang terlibat dalam melaksanakan projek-projek ini terdiri daripada mereka yang berwibawa dan berkemampuan.

Kita tidak mahu niat baik kerajaan tercemar apabila projek pembangunan luar bandar ini diberikan kepada kontraktor yang tidak berkemampuan dan membuat kerja sekerat jalan. Pilihlah kontraktor yang benar-benar layak kerana projek yang bakal dilaksanakan akan mampu mengubah kehidupan masyarakat luar bandar. Saya juga mencadangkan mana-mana kontraktor yang gagal menyiapkan projek pada tempoh yang ditetapkan, dikenakan penalti termasuk lesen kontraktor mereka digantung.

Kerajaan harus tegas dalam soal ini bagi memastikan kerajaan tidak dituduh memberikan projek kepada mereka yang tidak berkeupayaan sehingga dituduh berlakunya rasuah dan kronisme. Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan Bajet 2014 yang menyediakan RM200 juta untuk menaik taraf dan melaksanakan pendekatan dua *shift* di Institut Kemahiran Belia Negara ataupun IKBN. Saya percaya langkah ini akan mampu memberikan banyak manfaat kepada golongan belia yang dianggap aset ataupun waris di masa akan datang. Namun begitu, saya minta kerajaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan untuk meningkatkan lagi langkah mencari calon untuk memasuki IKBN.

Saya percaya masih ramai belia di kawasan luar bandar tidak tahu mengenai IKBN. Oleh itu, saya mencadangkan satu program penerangan secara bersepadu dilakukan di kawasan-kawasan bandar bagi membolehkan belia mengetahui peluang-peluang mereka memasuki IKBN

ini. Saya percaya jika ini dapat dilakukan, ia akan berupaya melahirkan belia-belia yang berbakat dalam bidang kemahiran demi kemajuan negara. Di Tanah Merah juga malangnya kita sebelum ini ada satu projek IKBN tetapi kini projek itu telah jadi sakit, terbengkalai. Maka, saya harap ia dapat disiapkan dengan segera.

Saya juga, ini saya hendak minta rakan-rakan saya di pihak belah sana, khususnya daripada Kelantan. Saya juga minta SPRM dapat menyasat pencerobohan Padang Merdeka di tengah bandar Tanah Merah yang kini dinodai, dibina *shop lot* yang harganya melebihi RM1 juta. Bayangkan Dataran Merdeka ini, tiba-tiba kita buat *shopping complex*. Itulah yang berlaku di Tanah Merah. Di tengah-tengah bandar, ada padang Majlis Daerah. Hari ini padang ini telah dinodai, dibuat *shop lot*. Jadi, fikirkanlah. Projek ini pula dibuat tergesa-gesa sebelum PRU, seolah-olah takut seandainya Kelantan bertukar kerajaan, projek ini akan dibatalkan dan akan disiasat. Saya mohon pihak SPRM dapat menyasat isu pencerobohan, penodaan Padang Merdeka ini.

Jadi, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya ingin menggulung perbahasan saya ini untuk mengucapkan tahniah sekali lagi kepada kerajaan atas pembentangan Bajet 2014. Saya percaya dan yakin rakyat yang mampu berfikiran terbuka dan tidak terhasut dengan mainan politik murahan pembangkang, pasti akan menyokong bajet ini. [*Tepuk*] Bagaimanapun, tidak perlu bimbang dengan telatah mereka kerana seperti yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, akhirnya kebenaran pasti akan meranapkan kepalsuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Kawan.

8.46 mlm.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas peluang untuk Batu Kawan mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan dalam Dewan yang mulia ini. Saya mulakan dengan ucapan takziah dan Al-Fatihah di atas pemergian rakan seperjuangan Allahyarham Suhaimi Said di Pahang petang semalam. Semoga Tuhan mencucuri rahmat ke atas roh beliau yang terus memperjuangkan isu-isu rakyat.

Saya ingin mengetengahkan beberapa isu yang sering membelenggu anak-anak muda di Malaysia. Baru-baru ini seorang gadis berumur 21 tahun dari kawasan saya, telah disabitkan kesalahan mengedar dadah. Apabila ditahan di KLIA di mana sejumlah dadah dijumpai, dijahit di dalam *inner lining*, dengan izin, beg tersebut yang telah diberikan oleh seorang lelaki di Chennai, India. Gadis muda ini ditipu di atas *pretext* bahawa kandungan beg tersebut hanyalah helaian sari.

Gadis muda ini telah dijatuhkan hukuman gantung di atas kesalahan tersebut. Akan tetapi ini bukan penyelesaian isu yang amat membimbangkan di mana lebih ramai anak muda digunakan sebagai *drug mule* atau keldai dadah untuk menjalankan transaksi dadah sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa. Malah, kes-kes penyeludupan dan pengedaran telah meningkat secara mendadak dalam 20 tahun ini. Anak-anak muda kita dipergunakan dan paling menyayat, dieksploitasi oleh sindiket tempatan dan antarabangsa tanpa pengetahuan anak-anak muda ini untuk mengedar dadah atau lebih teruk lagi untuk tujuan, dengan izin, *tasting the waters*

berhubung sistem pengawasan atau *security system* bahagian kastam atau imigresen di negara ini.

Sejak tahun 1960, hampir 450 orang digantung sampai mati di atas sabitan menyeludup dadah di Malaysia. Anak muda dieksploitasi oleh geng-geng atau sindiket telah lama membarah, namun ianya seakan-akan kerajaan ini telah melepaskan tangan atau, dengan izin, *to run away from their morale civil responsibility* untuk melindungi, membimbing dan mendidik anak muda kita. Adakah kerajaan lebih selesa untuk menangkap ikan kecil seperti *drug mules* dan melepaskan jerung dari sindiket tersebut?

Apakah inisiatif serius untuk menangkap ahli-ahli sindiket besar yang memonopoli industri dadah ini? Di manakah moral *compass* Ketua Polis Negara, Menteri Dalam Negeri dan Perdana Menteri dalam kes-kes peningkatan mendadak anak muda yang dipergunakan oleh sindiket dadah, senjata dan bapa ayam. Walaupun sebanyak RM200 juta diperuntukkan kepada Polis Diraja Malaysia termasuklah alat pengesan narkotik, masalah pokoknya tidak akan dapat diselesaikan sekiranya sindiket besar dibiarkan untuk terus berjinak.

Apakah hala tuju negara ini jika anak-anak muda kita tidak diberi peluang yang sama untuk satu peluang pendidikan yang baik? Peluang pendidikan pekerjaan untuk menyara diri dan kehidupan yang baik. Keadaan sekarang selepas 50 tahun di bawah kerajaan yang sama ini telah mewujudkan satu keadaan yang amat perit bagi anak muda yang ingin berdikari dan mencari sumber pendapatan secara halal. Akan tetapi program-program transformasi kerajaan terbukti gagal untuk menjamin kehidupan yang lebih baik untuk anak muda kita. Sebaliknya, secara tidak langsung menggalakkan lagi anak-anak muda mencari sumber pendapatan secara haram seperti pengedaran dadah, merompak, menyamun, membunuh, menyeludup dadah dan senjata serta pelacuran.

■2050

Penyelesaiannya bukanlah program-program transformasi yang beraneka ragam tetapi komitmen dan hasrat keikhlasan untuk dengan izin, *tackle the existing issues now and plugging all the holes of public wastage before opening a dam on fresh wastage*. Saya mohon agar Perdana Menteri prihatin dengan kehidupan anak muda daripada segi pendidikan dan peluang pekerjaan yang sama rata bagi anak-anak Melayu, Cina dan India agar dapat meletakkan batu asas kehidupan yang lebih baik bagi generasi muda negara ini dan penglibatan anak-anak muda ke dalam gejala gengsterisme, penyeludupan dadah dan senjata dapat dihapuskan seiring dengan laungan kerajaan 'Rakyat Didahulukan'.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Oktober yang lalu, Ketua Menteri Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Pakatan Rakyat telah menghantar satu surat bertarikh 8 Oktober kepada Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin merangkap Menteri Pelajaran untuk mendapat kelulusan untuk membina satu-satunya Sekolah Menengah Jenis Tamil di Pulau Pinang yang pertama sekali dibina di Malaysia dalam sejarah tanah air sejak merdeka. Kerajaan negeri telah pun mengenal pasti dua kawasan di Butterworth dan di Seberang Perai bagi tujuan pembinaan sekolah menengah ini sekiranya Kementerian Pendidikan memberikan *green light*. Persoalannya, selepas

50 tahun bermaharajalela, mengapa tidak wujud apa-apa komitmen, inisiatif atau peruntukan oleh Kementerian Pendidikan atau Kementerian Pendidikan terutama sekali daripada parti komponen MIC dalam Barisan Nasional yang kononnya memperjuangkan hak-hak etnik India di Malaysia yang sudah kini dan selama-lamanya tertindas di bawah rejim Kerajaan Barisan Nasional?

Ini untuk cadangan untuk membina sebuah sekolah Tamil bersatu sekolah menengah di negara ini. Kata-kata *Rumba Nandri* Perdana Menteri dalam ucapan belanjawan dengan izin, "*Miss nothing to the Indian Community as long as Indian are continuously marginalize and condemn under a race based government and is a race based component parties*". Peruntukan RM50 juta bagi sekolah Tamil tidak menyatakan sama ada ia akan dibelanjakan untuk pembinaan sekolah menengah yang baru ini. Di manakah semangat 1Malaysia yang menjanjikan kesamarataan di antara pelbagai kaum etnik di negara ini? Atau adakah ia satu resipi atau gimik semata-mata untuk meraih sokongan daripada rakyat terutama sekali minoriti India? Sebanyak RM100 juta untuk meningkatkan pencapaian pelajaran dan latihan kemahiran bagi kaum India tidak membuktikan keseriusan kerajaan untuk transformasi kehidupan kaum India di Malaysia yang pada masa yang sama terus ditindas oleh kerajaan minoriti ini.

Perdana Menteri seharusnya dengan izin, *walk the talk* sebagai seorang pemimpin yang kononnya *wasatiyyah*, seorang pemimpin yang kononnya *moderate*, seorang pemimpin yang kononnya meletakkan rakyatnya dahulu dalam program transformasi beliau untuk menjana negara Malaysia yang lebih dinamik dan maju. Sebaliknya, beliau telah menjadi satu pemimpin yang lebih rela mempertahankan Putrajaya daripada melindungi dan mempertahankan rakyatnya sendiri daripada dieksploitasi oleh polisi program dan akhirnya belanjawan yang dilahirkan oleh kerajaannya sendiri yang terus mencabuli kesejahteraan rakyat Malaysia.

Dengan izin, *the dignity of a person is violated if you give and give and give*. Dengan janji-janji kosong yang ditepati dan *hand out*, dengan izin sebelum dan semasa tempoh pilihan raya yang akan menentukan dengan izin, *survival* Barisan Nasional di negara ini, saya merayu agar Perdana Menteri dan kerajaan negara ini mengambil serius keadaan sebenar situasi rakyatnya yang akan teruk dibelasah nanti dengan GST saban tahun 2015 nanti. Inilah masa terbaik untuk Perdana Menteri untuk *listen, listen, listen* kepada cadangan daripada kami Pakatan Rakyat untuk menambah baik corak belanjawan urus tadbir negara ini daripada segi menangani rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan pencabulan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai pertubuhan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) atau *Volunteers of Malaysian People* yang dianggotai oleh sukarelawan rakyat Malaysia. RELA adalah satu persatuan sukarelawan yang ditugaskan untuk membantu memelihara dan mengekalkan keselamatan negara. Kami daripada Pakatan Rakyat amat menghormati dan berterima kasih di atas sumbangan dan jasa RELA dalam menangani isu-isu pendatang izin dan memelihara keselamatan negara termasuklah inisiatif untuk menangani 40,000 pengundi Bangladesh juga. Akan tetapi, kerjasama dari ahli-ahli RELA terutama sekali bagi kawasan-kawasan di bawah ADUN-ADUN dan Ahli Parlimen Pakatan Rakyat amat mendukacitakan. Ia satu dengan izin, *open secret* apabila ADUN atau Ahli Parlimen daripada

Pakatan Rakyat menjalankan program di kawasan mereka. Penyertaan dan kerjasama dari RELA seakan-akan menganaktirikan wakil rakyat pihak Pakatan Rakyat.

Bila ditanya, mereka akan hampir berbisik, "*Ini Yang Berhormat Pakatankah? Oh! Maaf, tidak boleh. Nanti kalau bos dapat tahu nahaslah.*" Budaya apa ini? [Disampuk] RELA harus berkhidmat untuk rakyat bukannya diperkuda oleh *the powers that be* dan dimonopolisasikan dan dieksploitasi hanya untuk menghimpit wakil rakyat Pakatan Rakyat. Saya sendiri telah menjadi mangsa kepada politik kalut yang dimainkan oleh sesetengah anggota RELA apabila mendapat tahu saya mewakili rakyat di bawah panji Pakatan Rakyat dalam program anjuran pejabat saya baru-baru ini. Dalam nadi yang sama, saya juga ingin mohon agar peruntukan tambahan dan insentif diberikan kepada anggota-anggota RELA agar terus memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

Saya mohon agar Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri lebih bersikap dengan izin, *gentleman* dan berilah watak kepada RELA agar berkhidmat tanpa waswas untuk wakil rakyat Pakatan Rakyat juga tanpa menghakimi pendirian politik kami. Usahlah berperangai sebagai *spoil spot*. Saya merayu agar kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Ya Tuan Yang di-Pertua. Saya merayu agar Kerajaan Barisan Nasional akan lebih menghormati sistem federalisasi yang mana sebahagian hasil kutipan Kerajaan Pusat akan diagihkan kepada kerajaan negeri selaras dengan penyerahan kuasa kepada kerajaan negeri tersebut. Sehingga kini, dana pembangunan bagi negeri-negeri Pakatan Rakyat telah disalurkan melalui pegawai pembangunan negeri yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini diterjemahkan sebagai dengan izin, *power grab* sekali lagi kerana kerajaan-kerajaan negeri Pakatan Rakyat tiada kuasa atau pendapat di atas pengagihan dana pembangunan di negeri mereka sendiri, seperti negeri Pulau Pinang yang telah ikhlas memberikan peruntukan kepada ADUN-ADUN pembangkang di negeri tersebut.

Saya memohon kepada Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan mempertimbangkan pengagihan peruntukan dalam bentuk *outright grant* bagi kegunaan projek atau bekalan untuk dibelanjakan bagi tujuan kebaikan, kesejahteraan dan kemaslahatan rakyat dalam kawasan-kawasan Pakatan Rakyat di Malaysia.

Sekiranya Perdana Menteri benar-benar percaya bahawa negara Malaysia mempunyai sistem demokrasi yang terbaik di dunia, maka tibalah masa untuk membuktikan pepatah '*cakap serupa bikin*' dan mengambil pendirian yang lebih matang untuk memberikan penghormatan yang sama bagi rakan-rakan seperjuangan daripada pihak Pakatan Rakyat. Ingatlah dengan izin, *for evil to triumph is when good men and women do nothing*. Ubahlah untuk melahirkan satu negara yang bebas, berdaulat dan demokratik untuk 'Malaysian Malaysia'. Ayuh berganding tenaga dengan rakan-rakan daripada Pakatan Rakyat bagi mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bebas, adil, bersih dan berdemokratik. Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Julau.

8.59 mlm.

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang telah membentangkan Bajet 2014. Dengan kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh hanya beberapa perkara sahaja dan dengan peluang ini juga, saya mengutarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat di Sarawak dan Sabah. Satu iaitu berkenaan dengan penubuhan komuniti bumiputera yang berkecimpung dalam perniagaan dan perusahaan di Sarawak dan Sabah.

■2100

Di sini saya ingin menyarankan agar dalam tahun-tahun yang akan datang, kerajaan akan mengambil atau menyediakan langkah-langkah untuk memudahkan penyertaan kaum-kaum ini dalam bidang perniagaan. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa rakyat di Sabah dan Sarawak terlebih lagi kaum bumiputera, memang jauh ketinggalan dalam bidang tersebut. Oleh yang demikian, jangan kita mengambil sikap bahawa kita tahu apakah masalah yang dihadapi oleh mereka, tetapi tidak mengambil atau mengatur langkah-langkah untuk memperbaiki situasi yang wujud.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara berkenaan dengan sekolah yang berselerak di kawasan pedalaman. Sekolah-sekolah ini adalah dibangunkan semasa kerajaan kroni dahulu. Kebanyakan sekolah di pedalaman adalah dibangunkan mengikut keadaan sungai. Oleh sebab masa itu mod transportasi atau mod pengangkutan adalah sungai. Sekarang oleh sebab kita telah membangunkan beberapa batang jalan dan beberapa sekolah ini tidak lagi sesuai dari segi lokasinya.

Oleh yang demikian, saya menyarankan di sini, bahawa Kementerian Pendidikan akan mengambil peluang untuk menyatukan beberapa sekolah di lokasi yang sesuai untuk rakyat di pedalaman supaya sekolah ini nanti akan dituntut oleh murid-murid yang mencukupi. Oleh sebab pada masa ini kualiti pengajaran di pedalaman adalah sangat kurang dari apa yang ada di bandar.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan bahawa lebih banyak lagi sekolah berbentuk MRSM dibangunkan di Sarawak dan Sabah. Ini supaya anak-anak kita bukan hanya sekadar menuntut di sekolah, tetapi juga akan keluar dari sekolah sebagai rakyat yang memang ada berpelajaran yang mencukupi untuk mereka memasuki institusi-institusi pendidikan tinggi, seperti anak-anak kita yang datangnya dari bandar. Ini saya percaya akan lebih berkesan dalam usaha kita membangunkan penduduk di luar bandar.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu berkenaan dengan kemudahan asas di pedalaman terlebih lagi di Sarawak dan Sabah. Sebagaimana yang kita tahu bahawa jangan kita lupa iaitu Sarawak dan Sabah adalah tanah besar Malaysia. Semenanjung sebenarnya hanya 40% dari keluasan kawasan Malaysia.

Oleh kerana penduduk yang tidak begitu ramai, maka memang sukar untuk dibangunkan kemudahan-kemudahan asas ini. Akan tetapi jangan kita ingat oleh sebab ini ada sedikit kesusahan untuk kita menyediakan, tetapi ia perlu dalam kita hendak memperkasakan komuniti

bumiputera yang duduk di pedalaman dari segi ekonomi mereka. Sekiranya mereka dibangunkan, bagaimanakah mereka berhubung dengan kawasan bandar? Sekiranya misalnya tidak ada jalan yang begitu baik untuk digunakan oleh mereka untuk menghantar atau menjual barang keluaran mereka. Begitu juga untuk mereka berhubung ke bandar dari segi melawat misalnya hospital ataupun dari segi perhubungan yang lain, ini jalan yang lain lagi. Oleh sebab luar bandar sekarang pesat membangun, maka banyak pencemaran sungai berlaku. Oleh yang demikian, kita mesti ingat bahawa kemajuan dan pembangunan ini juga membawa masalah kepada rakyat di pedalaman.

Oleh yang demikian, kita minta disegerakan beberapa loji air terawat untuk disediakan untuk penduduk di luar bandar seperti penduduk di kawasan saya iaitu di Pekan Pakan dan Pekan Julau. Air memang ada tetapi jauh sedikit dari pekan tersebut. Air tidak mencukupi dan mereka terpaksa menggunakan air dari *gravity faith system*, dengan izin. Begitu juga dengan elektrik 24 jam. Di pedalaman memang sukar untuk kita menyambung elektrik dari grid sistem yang sedia ada, tetapi kita mesti berusaha untuk mencari jalan menyediakan bekalan elektrik kepada mereka. Kita tahu bahawa di pedalaman juga ada terdapat sungai yang panjang dan berbukit bukau. Oleh yang demikian, ada situasi yang memudahkan kita membangunkan sistem mikro hidro. Ini kita mesti sediakan pelan tindakan, di mana kita tahu bahawa di sesuatu tempat memang ada potensinya untuk dibangunkan.

Pada masa kini, saya ingin bertanya adakah kerajaan mempunyai peta-peta atau data-data yang mencukupi menunjukkan di manakah sungai yang boleh kita bangunkan sebagai lokasi untuk menempatkan *micro hydro dam*.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di kawasan Sabah dan Sarawak luas dan kebanyakan tempat-tempat ini jauh dari klinik-klinik yang ada di luar bandar. Oleh yang demikian, kita mesti menyediakan juga klinik-klinik yang mencukupi. Di sini, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan, bilakah Klinik Desa Nanga Kemalih dibangunkan walaupun saya tahu peruntukan disediakan untuk klinik ini lebih lagi dari sepuluh tahun yang lepas dan ada dalam peruntukan RMKe-10.

Berbalik kepada jalan raya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Jabatan ataupun Kementerian Kerja Raya, bilakah jalan yang telah diumumkan di kawasan saya iaitu jalan dari Nanga Entabai ke Rantau Limau dan dari Jalan Nanga Entabai ke Engkamop dimulakan oleh sebab ini sudah hampir dua tahun pengumuman dibuat, tetapi belum ada apa-apa yang berlaku.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan bahawa jangan sesiapa atau kementerian mana atau pegawai-pegawai mana menggunakan orang tengah untuk memajukan atau mem'broker'kan sesuatu projek yang begitu penting kepada rakyat.

■2110

Saya harap agar ini adalah satu pengajaran dan sekiranya jalan ini tidak dibangunkan, saya percaya ini adalah satu kes yang boleh diutarakan dan boleh juga dilaporkan kepada MACC supaya ada penyiasatan bagaimana projek ini boleh tertangguh sebegitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya mengutarakan di sini iaitu berkenaan dengan pemberian BR1M ketiga dan dari pengalaman kita pemberian BR1M kedua dahulu ada beberapa penduduk yang telah menerima BR1M pertama tetapi nama-nama mereka telah tercicir dari senarai nama penerima BR1M kedua. Oleh yang demikian, saya menyarankan bahawa di Malaysia, kita mesti menyediakan pangkalan data yang lengkap supaya semua penduduk di Malaysia, kita tahu di mana mereka dan berapa ramaikah dalam sesuatu keluarga. Jangan kita lupa bahawa pemberian BR1M membawa banyak manfaat kepada rakyat.

Akan tetapi dalam memberi manfaat, ada juga BR1M ini memberi kesusahan iaitu misalnya, keluarga yang menerima tidak semestinya sama besar keluarganya. Ada yang lima orang, ada yang enam orang, ada yang tiga orang dan begitu juga dari segi pendapatan mereka. Misalnya kalau seseorang itu sudah mendapat dekat RM3,000 sebulan maka dia bertambah mewah lah dengan BR1M. Akan tetapi di bawah paras kemiskinan, ini mungkin tidak mencukupi. Dari segi itu kita mesti melihat adakah kesaksamaan dalam pemberian ini. Ini boleh kita pelajari untuk masa hadapan. Pertamanya, kita mesti mengemaskinikan pangkalan data kita.

Sebelum saya mengakhiri ucapan atau pun perbahasan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan di Dewan yang mulia ini, saya sebagai seorang Kristian dari Sarawak tidak dihiraukan oleh keputusan Mahkamah Rayuan yang dikeluarkan pada 14 Oktober. Saya akan bersembahyang dan berdoa dalam bahasa saya dan akan menyebut di Sarawak, di Sabah ataupun di Semenanjung Malaysia perkataan-perkataan walaupun, mungkin diharamkan. Sekian saya mohon menyokong. Terima kasih. [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: Melawan, melawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Telok Kemang. Walaupun ada dalam senarai, Yang Berhormat kena bangun untuk dipanggil iaitu *standing order* ya? Kalau tidak bangun, Tuan Yang di-Pertua tidak boleh dipanggil. Ya, sila Yang Berhormat.

9.14 mlm.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: *Bismillahi Rahmani Rahim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita melihat bajet khususnya untuk memahami cara hendak menampung perbelanjaan sebanyak RM262 bilion, perlu kita melihat hasil pendapatan. Seperti yang sedia maklum, pendapatan kita tidak akan dapat menampung perbelanjaan yang ditentukan, terpaksa kita meminjam sebanyak 14.5%, dan juga menggunakan aset kerajaan. Dalam menilai mengenai dengan pendapatan, kita dapati memanglah hasil pendapatan meningkat dan jumlah hasil daripada RM220 bilion pada tahun 2012 akan meningkat kepada RM224 bilion, itu dijangkakan. Walaupun jumlah hasil ini meningkat, kita dapati yang menampung peningkatan ini, yang membantu meningkatkan hasil ini hanya daripada hasil cukai. Hasil cukai langsung dan juga hasil bukan cukai. Walhal dalam hasil bukan cukai kita dapat penurunan, dari tahun 2012 menurun tahun 2013 dan sekarang turun 10% lagi kepada RM50 bilion. Apa yang menurun ini ialah cukai petroleum, yang turun 10% tiap-tiap tahun hasil daripada dividen Petronas kekal. Faedah pulangan daripada pelaburan turun dan juga dividen daripada Khazanah turun. Saya sebut

Khazanah kerana dividen Khazanah kalau ikut laporan, pada tahun 2011 dividennya ialah RM3 bilion. Pada tahun 2013 anggarannya hanya RM850 juta dan anggaran tahun 2014 hanya RM500 juta. Persoalannya, kenapa Khazanah tidak mampu mempertahankan apatah lagi meningkatkan dividen kepada kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, Khazanah ialah satu syarikat kerajaan yang mempunyai 40 syarikat sendirian dan 17 syarikat awam. Kebanyakannya, kemungkinan ialah syarikat-syarikat mengalami kerugian. Syarikat sendirian berhad tidak dapat kita menilai prestasi kerana tidak ada laporannya dibuat untuk Parlimen. Akan tetapi sebagai contoh dapatlah sebagai satu maklumat mengenai dengan empat syarikat yang terlibat dalam pertanian. Sebagai contoh, keempat-empat syarikat ini jumlah modal berbayarnya ialah RM360 juta. Akan tetapi semenjak tahun 2009, jumlah kerugiannya ialah RM537 juta. Kalau syarikat biasa yang dipunyai oleh orang awam, syarikat ini sudah lama ditutup.

Akan tetapi oleh sebab Khazanah mampu menyalurkan kewangan maka syarikat ini diteruskan perniagaan walaupun tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa syarikat ini boleh berterusan apatah lagi untuk mengurangkan kerugian. Dalam masa yang sama syarikat ini membayar bonus, menaikkan gaji pengarah-pengarah sampai ke 33%. Ini satu contoh. Ada satu lagi syarikat Khazanah iaitu syarikat yang dinamakan Silterra Malaysia Sdn. Bhd. di Kedah. Syarikat ini ditubuhkan pada 1995, 100% kepunyaan Khazanah yang terlibat dalam *based semiconductor wafer foundry*. Syarikat ini tidak tahu ke mana dan telah pun dilaburkan berbilion ringgit oleh Khazanah. Prestasi syarikat ini termasuk apa yang saya sebutkan tadi sebagai contoh, kita tidak tahu.

■2120

Ini jelas menunjukkan kenapa Khazanah tidak mampu mempertahankan atau meneruskan dividen kepada kerajaan. Itu sebabnya pendapatan faedah dan pulangan daripada pelaburan menurun. Dalam hasil pada tahun depan, apa yang diharapkan oleh kerajaan ialah hasil cukai. Hasil cukai langsung, individu dan syarikat. Cukai tidak langsung, ada sedikit peningkatan kerana masih lagi dikekalkan cukai jualan dan SST dan sebagainya dan juga kenaikan duti eksais dan sebagainya. Akan tetapi yang saya hendak sebutkan di sini ialah cukai pendapatan individu ini dijangka meningkat 10%. Begitu juga cukai pendapatan syarikat yang dianggarkan akan meningkat 10%. Cukai petroleum menurun.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampaklah cara mana cukai pendapatan individu ini dapat ditingkatkan sebanyak 10% tetapi dengan maklumat yang saya terima, LHDN telah mula mencari individu yang sudah pencen 10 tahun, tiba-tiba dapat surat daripada LHDN mengatakan bahawa tuan masih berhutang dengan LHDN RM10,000. Dia sudah pencen 10 tahun, sudah duduk kampung. Terdapat satu kes, dia sudah meninggal pun. Oleh sebab dia sudah meninggal dan tidak ada sesiapa yang dapat mempertahankan atau memberikan penjelasan apakah dia masih lagi berhutang dengan LHDN, harta yang ditinggalkan kepada warisnya telah disita dan dijual. Maka mereka ataupun waris-warisnya terpaksa keluar daripada rumah dan tidak tahu ke mana.

Satu kes yang saya sebut mengenai dengan seorang yang menerima notis bahawa beliau berhutang dengan LHDN. Beliau telah pergi ke LHDN dan oleh sebab beliau ini seorang profesional, dia ada fail-failnya. Apabila sampai ke sana, dia boleh beritahu bahawa 15 tahun yang lalu ada baki yang dia tidak jelaskan. Akan tetapi mengikut failnya, maklumat daripada apa yang dibawa dia tidak berhutang, malah ada pulangan rebat daripada LHDN. Jadi apabila dipersoalkan kepada pegawai, di mana datangnya baki hutang ini? Jawapannya daripada fail. Tunjukkan fail, fail tidak ada. Macam mana tidak ada? Mana datangnya angka hutang ini? Saya ada fail, saya boleh buktikan. Jadi apabila dijelaskan mengikut perkiraan dia, memang benar LHDN berhutang. Ini contoh, akhirnya diberitahu secara tidak langsung ataupun secara tidak sedar bahawa LHDN akan memburu mereka yang sudah bersara walaupun sudah 10 tahun, 15 tahun sebab LHDN ini tidak ada *limitation*.

Jadi kalau sudah masuk kubur pun, mereka akan datang memburu. Itu sebabnya di sini kita lihat, kerana kalau benarlah kalau mengikut mereka yang masih bekerja, peningkatan 10% itu tidak mungkin kerana tidak mungkin gaji pekerja meningkat begitu ketara sampaikan dapat mencukai mereka sehingga kepada tahap 10%. Inilah masalahnya yang akan berlaku. Rakyat juga akan menampung, rakyat juga akan dihasut, rakyat juga akan diugut untuk mendapatkan pendapatan yang lebih. Kerana apa? Ini kerana hasil bukan cukai menurun.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pengurangan dividen ini bukan cerita baru. Kurangkan pendapatan pelaburan bukan cerita baru. Tahun demi tahun, kita mendapat komen daripada Laporan Ketua Audit Negara. Tahun demi tahun punca kelemahan disebutkan oleh Ketua Audit Negara. Lemah dalam penguatkuasaan undang-undang dan peraturan, ini tiap-tiap tahun diberitahu kepada kerajaan ataupun kakitangan kerajaan. Tidak atau kurang memantau kerja-kerja kontraktor, vendor, konsultan, khidmat perunding dan sebagainya. Tidak atau kurang memantau kerja-kerja, kurang kemahiran dan tidak cekap dalam pengurusan projek program, kurang peduli dalam keberhasilan impak sesuatu program dan projek serta kecuaiian dalam mematuhi peraturan prosedur yang ditetapkan oleh kerajaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sudah cukupkah? Saya rasa baru sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah 12 minit Yang Berhormat, sudah masuk 13 minit Yang Berhormat.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Akhir sekali...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Akhir kalam, dua perkara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskanlah, habiskan.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Dua perkara di kawasan saya. Pertama ialah ada satu lebuhraya yang dibina daripada Seremban ke Port Dickson ke Pasir Panjang tergendala pada tahun 2008. Maka ditender semula pada tahun 2010, sekarang masih lagi tergendala. Saya hendak sebut di sini bahawa apabila ditender semula pada tahun 2010, kontraktor yang lama juga yang dapat. Jadi saya mohonlah kepada kerajaan tolong selesaikanlah

lebuhraya ini, bukan mahal sangat pun. Kita boleh kerjakan MRT sampai RM50 bilion, ini RM150 juta sahaja. Tambah sedikit kos *overrun* baru sampai RM200 juta.

Akhir sekali yang juga terlibat dalam kawasan saya ialah saya mohon kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Pertama ialah ketiadaan pegawai warisan daripada Jabatan Warisan Negara di Negeri Sembilan. Tidak ada pegawai, tetapi di Negeri Sembilan banyak bangunan-bangunan warisan. Di Telok Kemang ada Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas, batu bersurat daripada tahun 1460, itu asalnya sebelum Portugis datang ke Melaka dan Kota Lukut ini juga adalah kawasan warisan. Jadi saya mohon Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, kerana kedua-dua tempat ini kurang dipelihara. Mungkin tidak ada pegawai yang dikhaskan atau peruntukan dibuat untuk memelihara tapak-tapak sejarah, seterusnya menjadi daya tarikan pelancong ke Malaysia. Saya sendiri pun tidak jumpa mula-mula tempat Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas ini kerana tidak ada tanda. Apabila saya sampai memang usang, tetapi di situ terdapat batu bersurat bertarikh 1460.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini akhir ucapan saya. Saya berharap Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia memberikan sedikit peruntukan untuk menyelenggarakan dan membaik pulih tapak-tapak sejarah di Telok Kemang dan khususnya adanya pegawai warisan di Negeri Sembilan, walaupun yang ada sekarang ini letaknya di Melaka. Jadi orang Melaka tidak akan jaga warisan pembangunan warisan Negeri Sembilan. Sekian, terima kasih.

■2130

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Paya Besar.

9.30 mlm.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dengan membahaskan Bajet 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 25 Oktober 2013 yang lepas. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di atas pembentangan agenda pembangunan yang menghuraikan perancangan serta memperincikan strategi dan melonjakkan ekonomi ke tahap lebih tinggi dan mengusung Malaysia ke status negara maju.

Tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II yang membantu dan menjayakan agenda transformasi pembangunan negara melalui gandingan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan II ini, saya berharap agar negara akan terus makmur dan membangun mengikut apa yang dirancang demi kesejahteraan rakyat dan generasi seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, bajet yang dikira berhemah kali ini banyak menumpukan kepada rakyat menengah dan rendah di negara ini. Kesemua aspek yang diberikan memberi tumpuan dan memerdekakan diri daripada menjadi sebuah negara yang terjerat sebagai berpendapatan sederhana dan melakukan transformasi paradigma ke arah negara berpendapatan tinggi yang

saya kira mampu untuk menyahut cabaran globalisme dengan jayanya. Bajet 2014 mempunyai keseimbangan yang menyeluruh yang merangkumi semua aspek dan ini menunjukkan semangat Kerajaan Barisan Nasional yang mengharungi rintangan dan membawa Malaysia ke arah Wawasan 2020.

Dalam bajet ini, suka saya menyentuh beberapa perkara. Pertama mengenai pelancongan di mana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ada membentangkan mengenai Tabung Khas Infrastruktur Pelancongan dan memperuntukkan sejumlah RM2 bilion yang akan disediakan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad bagi membiayai kos pembinaan infrastruktur berkaitan sektor pelancongan. Saya mohon kementerian memandang serius dalam isu ini di mana infrastruktur dan prasarana yang tidak mencukupi dan tidak memuaskan menjadi masalah kepada pelancong-pelancong asing mahupun pelancong dalam negara.

Kajian dan soal selidik perlu diadakan bagi mendekati keprihatinan kementerian terhadap rakyat Malaysia dan pelancong asing dan menambah baik infrastruktur tempat pelancongan dalam menjaga reputasi negara ke arah negara berdaya saing. Kementerian dan agensi pelancongan juga perlu memainkan peranan dalam perangkaan perancangan dan program yang bersepadu dan sewajarnya untuk industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan dalam menghimpunkan jutaan belia di Putrajaya pada setiap tahun. Banyak program sihat yang dianjurkan oleh pelbagai agensi belia dengan kerjasama NGOs dan kementerian lain. Di sini kita dapat lihat sokongan anak muda terhadap program-program yang disediakan oleh kerajaan di peringkat kebangsaan. Namun begitu, saya ingin bertanya adakah kementerian bercadang mengadakan program Hari Belia ini di peringkat akar umbi iaitu di daerah dan negeri supaya belia-belia di luar bandar tidak disisihkan. Apa yang saya dapati tidak ada peruntukan yang diberikan kepada persatuan di peringkat daerah di negeri dan banyak persatuan yang tidak dapat digerakkan memandangkan tiada peruntukan khas untuk persatuan belia mengadakan program di kawasan masing-masing.

Adakah kerajaan masih lagi memberi bantuan untuk peruntukkan bantuan pentadbiran kepada persatuan-persatuan belia di luar bandar? Disebabkan tiada bantuan keupayaan ini, menyebabkan persatuan-persatuan belia lesu dan tidak aktif. Perkara ini perlu dipandang serius oleh pihak kementerian di mana saya melihat tiada kesinambungan daripada Hari Belia peringkat kebangsaan yang diadakan setiap tahun. Belia-belia ini perlu diberi perhatian terutama belia dari kawasan luar bandar supaya kes seperti merempit, anak luar nikah, gejala *drop out* dengan izin dan gengsterisme dapat dibanteras.

Tuan Yang di-Pertua, isu pengintipan oleh Kedutaan Amerika dan Australia di negara ini perlu diambil serius. Kementerian Luar Negeri perlu membuat sesuatu dalam menangani isu ini yang bukan hanya mencetuskan kebimbangan malah mereka tidak menghormati pertalian diplomatik dan persahabatan di antara Malaysia, Amerika Syarikat dan Australia. Perkara ini perlu diberi penekanan oleh kementerian dan adakah kementerian telah memanggil duta yang terlibat terutamanya Amerika Syarikat dan Australia untuk tampil memberi penjelasan mengenai perkara

ini. Di sini juga saya ingin kepastian adakah Kedutaan Malaysia di seluruh dunia terhindar daripada kes-kes pengintipan seperti ini. Pemantauan perlu dilakukan oleh kementerian supaya negara kita bebas daripada pengintipan daripada pihak-pihak tertentu. Isu ini penting dan memastikan maklumat negara dijaga dan tidak dicerobohi sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet kali ini, suka saya menyentuh mengenai infrastruktur luar bandar terutamanya jalan-jalan di kawasan luar bandar. Pihak kementerian perlu memberi tumpuan kepada jalan-jalan kampung di kawasan luar bandar yang perlu dibaiki dan dilebarkan kerana jalan ini digunakan oleh penduduk hampir setiap hari sama ada kenderaan berat ataupun ringan. Jalan ini harus dilebarkan menjadi dua lorong agar dua kenderaan boleh berselisih yang boleh menyebabkan atau menjadi punca kemalangan. Jalan di kampung atau kawasan luar bandar masih lagi ditakuk lama seakan-akan jalan raya pada tahun 1957.

Sistem perparitan juga perlu diambil kira kerana apabila musim hujan, jalan-jalan ini sering dibanjiri dan ditenggelami air yang boleh menyebarkan berlakunya kesesakan dan kerosakan jalan yang serius. Kementerian perlu mewujudkan jalan alternatif lain bagi memudahkan pengguna jalan ini menjalankan aktiviti harian. Perkara ini perlu diambil perhatian dan tindakan segera bagi menangani isu banjir di kawasan pedalaman khususnya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh bajet sebanyak RM50 juta untuk penyelenggaraan SJK(T). Saya mohon kerajaan membina sebuah sekolah baru untuk SJK(T) Pancing yang pada saya sudah uzur dan daif.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Belanjawan 2014 adalah satu belanjawan yang dirancang teliti serta komprehensif dan menyeluruh. Bajet ini mampu menyemarakkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai daya saing untuk bertarung di gelanggang dunia dan ini membuktikan yang 1Malaysia adalah kenyataan yang sehati dalam prinsip dan jiwa Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Yang Berhormat Stampin. Selepas Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Pasir Mas.

9.39 mlm

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas dalam pembentangan Bajet 2014. Tuan Yang di-Pertua, Sarawak itu satu tanah yang besar dan luas. Jadi saya harap mendapatkan masa tambahan. *[Disampuk]* Ya, masa tambahan sebab besar. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan kerana sekali lagi berjaya menyingkirkan Sabah dan Sarawak dalam Bajet 2014.

■2140

Dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jumlah peruntukan bagi Sarawak dari segi pembinaan jalan raya dan jambatan hanya RM217 *million*

daripada RM3.54 bilion. Adakah ini memadai memandangkan pembangunan di Sarawak seperti juga di Sabah, jauh ketinggalan walau pun setelah 50 merdeka? Syarat pembentukan Persekutuan Malaysia di mana kedua-dua negara tersebut tidak akan ketinggalan dari segi pembangunan seperti yang tercatat dalam Perjanjian 1820 atau pun *1820 Agreement*.

Sarawak, satu pertiga dari segi keluasan tanah, lebih kurang 10% daripada populasi Malaysia serta mengeluarkan minyak mentah dan gas utama di Malaysia dengan pembangunan yang begitu ketinggalan, terbukti sekali lagi Sarawak dipinggirkan. Keutamaan perlu diberi kepada Sabah dan Sarawak supaya kita orang Sabah dan Sarawak boleh memperoleh infrastruktur yang bukan sahaja membolehkan kita bersaing dari segi ekonomi tetapi juga hak asasi kita.

Pan Borneo Highway perlu disiapkan dengan segera. Bukannya pada tahun 2025. RM22 bilion. Itu pun jika ianya tidak dinaikkan serta puluhan ribu nyawa terkorban kemudiannya. Ianya perlu disiapkan sekurang-kurangnya dua tahun sebelum pencapaian Wawasan 2020. Bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mungkin 2018 lah. Dalam dua tahun ini ia membolehkan ekonomi Sarawak memecut serta berkembang secara semula jadi dengan adanya rangkaian jalan di antara bandar-bandar utama. Kita tidak berhak digelar negara maju jika Pan Borneo Highway tidak dapat disiapkan, kerana jangan lupa perjanjian kita bahawa mesti adanya pembangunan serentak serta saksama di Sabah dan Sarawak *with the forming of Federation of Malaysia*. Mana adanya maju jika tiada rangkaian jalan yang bertaraf seperti yang terdapat di Semenanjung wujud di antara bandar-bandar di Sabah dan di Sarawak? Ianya akan menjadi satu penghinaan kepada rakyat di Sabah dan juga di Sarawak.

Seperti kita ketahui bahawa salah satu tujuan dalam mengadakan GST adalah untuk menambahkan keuntungan negara dalam lingkungan anggaran RM32 bilion. Pakatan Rakyat tidak bersetuju dengan wujudnya GST pada masa kini di Malaysia. GST itu memang adalah satu kaedah, satu sistem pencukaian yang efektif. Akan tetapi dalam tangan kerajaan yang tidak efektif, boros serta budaya rasuah yang berleluasa, ianya adalah satu mala petaka kepada rakyat jelata. Buktinya, *Auditor General Report*, dengan izin, penyelewengan yang begitu dahsyat. Tahun demi tahun tetapi apa gunanya? Tiada tindakan! Ini jelas menunjukkan rakyat tidak dipedulikan. Biar saya beri contoh, *Department of Broadcasting*. 20 jam dinding yang dibeli pada RM3,810 seunit walaupun anggaran harga pasaran hanya RM100. Pembaziran sebanyak RM74,200. Tiga A4 size scanner RM14,670. Harga anggaran pasaran hanya RM200 sahaja. Pembaziran RM43,410! Dua contoh ini pembaziran keseluruhan daripada *Auditor General Report* ialah RM117,610. Jumlah kecil jika berbanding dengan pembaziran berbilion oleh kerajaan tetapi contoh ini cukup menunjukkan ketidakpuasan kita rakyat Sarawak dan Sabah. Kenapa? Dengan adanya duit yang dibazirkan ini lebih kurang RM120,000 kita boleh membeli sekurang-kurangnya tiga buah *mobile ultra scan* bagi klinik-klinik pedalaman kecil serta pasukan *medic* bergerak. Contohnya, di kawasan pedalaman seperti di Sarikei dan Mas Gading. Berapa banyak kes di mana anak kandungan serta ibu yang mengandung meninggal dunia kerana tiadanya kelengkapan ini? Tiada duit kononnya! Jam Rolex gantung di dinding. Duit yang kita boleh juga gunakan untuk buat *replacement* dekat projektor di dalam Dewan yang mulia ini, buka tetapi tidak boleh nampak.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Mencelah boleh atau tidak?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tidak boleh. KDN, pembelian dua pesawat pada harga USD7 *million*. Dua kali ganda harga pasaran mengikut *Auditor General Report*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong bangun.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Masa tidak cukup. Pembaziran sebanyak USD3 *million* iaitu lebih kurang...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagi teks biar kita baca.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: RM11 *million*. Dengar dahulu ya? Duit ini boleh digunakan untuk menambahkan mesin radioterapi serta *planning machine* di Hospital Umum Sarawak. Pada 1 Oktober tahun ini, tiga buah daripada lima mesin radioterapi telah pun rosak selama seminggu dan mengakibatkan 140 pesakit terjejas di mana di antaranya adalah pesakit kritikal.

Beberapa bulan sebelumnya mesin *planning* rosak sepanjang satu bulan. Saya hairan, pernahkah kementerian atau pun wakil khas Menteri turun padang dan mendengar secara ikhlas aduan-aduan daripada kakitangan hospital terutamanya di Hospital Umum Sarawak? Syarikat manakah yang membekalkan alat perubatan kritikal ini dan ketidakmampuan mereka dalam mengatasi *down time*, dengan izin, secara serta-merta tidak profesional dari segi mengelakkan atau mengurangkan *down time*? Itu pun harga yang dibeli adalah mungkin jauh lebih tinggi daripada pasaran. Sudahlah untung banyak dan senang tetapi profesionalisme itu dibiarkan. Sudahlah pembangunan Sarawak dibiarkan, jangan pula kita memainkan nyawa rakyat Sarawak yang tersayang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Cakap seorang mana syok.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Masalahnya Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia cakap seorang mana syok?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kapar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Macam mana Yang Berhormat Kapar boleh masuk?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sabarlah ini. 30 saat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai seorang Ahli Parlimen dari Sarawak, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Stampin. Tidak dapat dinafikan bahawa hari ini Barisan Nasional masih mentadbir Putrajaya kerana Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak. Namun begitu ini tidak dapat dicerminkan dalam Bajet 2014.

Bajet 2014 ini tidak membantu atau dirangka untuk membantu masyarakat Sabah dan Sarawak tetapi sebaliknya Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak berpura-pura berterima kasih dengan Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri. Adakah sandiwara sebegini

bermaksud Yang Berhormat Sabah dan Sarawak Barisan Nasional ini mencekik, menekan dan menganiayai masyarakat Sabah dan Sarawak untuk selama-lamanya?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tepat sekali! Sila masukkan dalam perbahasan saya. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak dengan janji-janji serta peruntukan walau pun sedikit sepatutnya boleh menolong kehidupan rakyat Sarawak tetapi sikap tidak kepentingan oleh kerajaan.

Sebagai contoh, pertamanya, pada tahun 2008 selepas *general election*, dengan izin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjanji peruntukan khas sebanyak RM1 *million*..

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Satu minit lagi.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Bagi pembangunan infrastruktur yang boleh membawa impak ekonomi tinggi di Sarawak katanya dan mesti disiapkan dalam masa dua tahun. Lebih RM500 *million* bagi pembinaan serta naik taraf jalan raya. Akan tetapi lebih kurang 67% dari segi peruntukan projek adalah tidak siap atau pun sakit. Itu pun bukan dua tahun. Lebih tiga tahun! Manakah lebih daripada RM1 bilion peruntukan tersebut? Berapa banyak duit terbazir kerana projek yang tidak lengkap dan sakit? Kenapakah ini berlaku? Adakah pembaziran ini sebenarnya adalah isi di sebalik batu?

Keduanya, Teluk Melano Sarawak. Adakah betul bahawa lebih kurang RM50 *million* digunakan untuk membuat penjana elektrik angin yang sepatutnya membekalkan elektrik kepada kampung di situ? Mana elektrik? Meter pun tidak jalan. Jika betul RM50 *million*, bayangkan berapa banyak pembangunan yang boleh disalurkan kepada begitu banyak kampung pedalaman Sarawak di mana sampai sekarang tiada elektrik, tiada air? Bagaimana dengan bangunan sekolah yang begitu besar di Teluk Melano? Bahkan, saya difahamkan bahawa hanya kurang daripada 30 murid sahaja. Projek siapa? Siapa yang untung? Tadi seperti Yang Berhormat Kota Kinabalu yang cakap, pengkhianat ini mesti ditangkap.

Ketiganya, tempat letak kereta berperingkat di Hospital Umum Sarawak yang dijanjikan sekian lama. Kalau tidak silap saya pada tahun 2008. Barulah hendak bermula pada tahun 2014. Enam tahun penderitaan rakyat serta kakitangan hospital.

Keempat, kawasan Beliong, Sarawak juga bermaksud *kissing the dragon*. Naga tidak ada. Begitu juga tiada elektrik di banyak tempat.

Kelima,...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Stampin, gulung.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Dua minit ya? Kelima, Kampung Padawan lebih kurang lima hingga sepuluh minit daripada pekan kecil serta paip air utama di jalan utama. Penduduk kampung masih terpaksa minum dan mandi air sungai. Kampung yang hanya 15 minit masa pandu daripada pinggir Kuching, Sarawak tiada air. Minum, mandi semua dekat sungai.

Last one, keenam, dengan izin. Kampung Rayang, Munggu Kopi, Tanah Puteh iaitu jalan raya Semaman sepanjang 15 kilometer pada kos RM68 *million* iaitu RM4.5 *million* per kilometer.

Bermula pada bulan April 2011 sampai sekarang, hanya tiga kilometer siap. Jalan raya itu satu lorong sahaja bernilai RM68 *million*. Kalau Menteri pergi sekarang, tiada jentera, tiada mesin, tiada projek. Sudahlah tiada duit hendak naik taraf sistem air yang begitu banyak tempat di Kuching. Kampung-kampung tiada air, tiada elektrik, jalan raya buruk. Duit yang boleh digunakan untuk membina jambatan di Batu 32 jalan lama di Sarawak yang berhampiran yang mana ratusan murid sekolah membahayakan nyawa mereka melintas. Hendakkah kita menunggu adanya malapetaka barulah jambatan kurang daripada RM200,00 dibuat, sedangkan projek RM68 *million* yang tidak ada tender terbuka dikurniakan begitu sahaja?

Jadi sebagai rumusan, memang jelas penyelewengan duit ini merupakan satu penghinaan bagi rakyat di Sabah dan Sarawak. Penyelewengan serta janji propaganda atas nama pembangunan Sarawak tetapi apa yang rakyat Sarawak dapat hanya kekecewaan. Saya harap pembangunan pedalaman yang lambat ini bukanlah disengajakan sebagai jentera bagi Barisan Nasional yang mana kehidupan rakyat sentiasa dalam kemiskinan supaya mereka tidak didedahkan kepada media luar kecuali jentera propaganda Barisan Nasional seperti di stesen televisyen tempatan contohnya RTM dan TV3. Sekian, terima kasih dari Bumi Kenyalang, dari Sarawak, bumi Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Daripada Tuan Yang di-Pertua, ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Stampin... *[Ketawa]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lima markah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Pasir Mas. Lepas Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Ya, sila.

9.51 mlm.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim. [Berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW]* Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa yang sedikit yang saya perolehi untuk perbahasan bajet kali ini, maka ia tidak sesuai untuk perincian terhadap isu-isu bajet yang banyak. Justeru, dengan izin, saya akan tumpukan kepada asas falsafah dan polisi dalam pengurusan fiskal negara. Perinciannya *insya-Allah*, saya cuba bahaskannya dalam peringkat Jawatankuasa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, unjuran pendapatan dan perbelanjaan yang dibentangkan oleh kerajaan dalam setiap bajet tahunan, hakikatnya adalah gambaran rezeki yang dikurniakan oleh Allah untuk rakyat Malaysia dan bagaimana mereka membelanjakannya. Allah Taala berfirman, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* yang bermaksud, "Allah lah Tuhan yang telah menciptakan kamu, kemudian Dia rezeikikan kamu, kemudian Dia matikan kamu, kemudian Dia hiduipkan kamu balik di akhirat nanti". Dalam ayat ini Allah menyebut bahawa Dialah Tuhan yang mencipta kita. Sebelum Dia mematikan kita, Allah menyebut di tengahnya adalah kurniaan rezeki yang menggambarkan besarnya pengaruh rezeki daripada Allah di dalam kehidupan kita. Adalah

penting bagi kita di Dewan yang mulia ini yang memegang kuasa legislatif untuk melihatnya daripada kaca mata agama, sesuai dengan negara kita yang menjadikan agama Islam sebagai agama persekutuan yang bersifat menganjurkan pengajaran-pengajaran, nilai-nilai kehidupan dan juga tata kelola yang dijamin kekuatan dan keberkesanannya, sesuai dengan dasar-dasarnya yang bersifat *wahyu, rabbani* dan *samawi*.

Tuan Yang di-Pertua, rezeki atau harta negara mestilah dilihat sebagai satu amanah kerana ia adalah istikhlaf atau tugas sebagai pemegang amanah daripada Allah di dalam menguruskan segala nikmat dan rezeki yang dikurniakan. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] “*Dan belanjakanlah daripada rezeki yang Allah Taala telah kurniakan, telah tugaskan kamu dengan amanah menguruskannya*”. Perolehan pendapatan negara adalah menjadi hak rakyat. Ia mesti dikembalikan kepada rakyat secara yang adil. Yang kaya berhak merasainya, apatah lagi golongan miskin dan rakyat bawahan yang menjadi tanggungan untuk pemberian dan pengenaan tetap kerajaan.

Allah telah menjadikan golongan bawahan yang miskin sebagai sasaran ibadah wajib golongan yang mewah dan berada. Zakat itu adalah pengenaan tetap dari langit kepada orang-orang lemah daripada orang-orang berada. Yang naik ke langit bukan harta itu tetapi niatnya. Harta zakat itu pula diarah salurkan kepada golongan miskin dan berhak. Begitulah Allah membesarkan hak rakyat bawahan yang mesti diladeni oleh orang-orang yang berada, yang berada di anjung kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memahami asas dan falsafah kurniaan rezeki daripada Allah kepada setiap makhluknya, perlu diingatkan bahawa rezeki yang dikurniakan kepada seseorang adalah mencukupi untuknya. Apa yang diusahakan oleh manusia, itulah hasil rezeki untuknya dan dia mesti menerimanya, menguruskan keperluannya dan menikmati kehidupannya dengan baik. Jika dia tidak berpuas hati, maka dia mestilah menambah usahanya dengan cara yang benar. Dia tidak boleh tidak puas hati dengan hasil rezekinya itu lalu keluar daripadanya dan bertindak memperoleh harta dengan cara yang salah seperti merompak, menipu, mencuri, memeras ugut dan sebagainya.

Justeru, kerajaan perlu memahami. Jika kerajaan membuat unjuran bahawa pendapatan negara bagi tahun 2014 adalah berjumlah sekitar RM224 bilion, maka pada asasnya, ia adalah mencukupi untuk dibelanja gunakan bagi memastikan negara ini aman dan bahagia, rakyatnya menjalani kehidupan. Ia jumlah yang memang besar. Oleh kerana itulah kita berimpian besar untuk memacu pertumbuhan ekonomi menuju status negara maju dalam masa yang terdekat. Jika kerajaan merasa perlunya perbelanjaan melebihi pendapatan tersebut, maka kerajaan hanya boleh memperolehnya dengan cara yang benar, tidak dengan cara yang salah, zalim dan haram.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan sebanyak RM264 bilion yang dibiayai oleh sumber hasil berjumlah RM224 bilion dengan pengurangan pendapatan berjumlah hampir RM40 bilion atau 3.5% defisit, adalah satu bajet yang telah lari daripada asas awal pengurusan bajet atau rezeki negara. Ia tidak salah tetapi mestilah menepati kaedah penambahan bajet yang benar dan halal. Memang benar pada asasnya bajet defisit bukanlah satu kesalahan tetapi di sini kita melihat,

kita sedang melihat wujud dua fenomena yang membimbangkan yang telah membenarkan anggapan bahawa bajet defisit hari ini telah menjadi satu penyakit, satu kesalahan besar dalam pengurusan fiskal negara.

Pertama, ia bajet defisit yang berterusan semenjak tahun 1998 iaitu sejak 15 tahun yang lalu, sejak format perjawatan CEO dan CFO kerajaan dipegang oleh individu yang sama iaitu Menteri Kewangan dipegang oleh Perdana Menteri sendiri. Defisit berterusan ini telah mengakibatkan hutang yang semakin membesar dari tahun ke tahun dan hari ini telah menghampiri silingnya yang telah ditetapkan oleh kerajaan sendiri iaitu RM541 bilion atau 55% daripada KDNK negara.

Fenomena kedua, adalah bagaimana kerajaan mula tersepit dan tertekan untuk menuju bajet berimbang dengan beberapa penyelesaian yang mula menekan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, rancangan rasionalisasi subsidi oleh kerajaan yang pastinya akan menaikkan harga barangan, seterusnya memanjangkan gejala inflasi yang menekan kehidupan rakyat. Juga pelaksanaan rejim cukai GST pada tahun 2015 nanti, adalah janji transformasi kerajaan yang memalukan yang dilihat sebagai gagal dan bohong oleh rakyat. Jelas kerajaan hari ini, berhutang baru untuk membayar hutang lama. Bon baru diterbitkan untuk membayar bon lama, bahkan hutang baru lebih besar daripada jumlah pembayaran hutang lama. Ini adalah penyelesaian-penyelesaian yang penuh dengan kebuntuan.

Jelas kerajaan hari ini bukan lagi kerajaan yang memesrai rakyat bahkan kerajaan yang memeras rakyat. Dua fenomena getir ini jelas menunjukkan kita tidak boleh lagi mengatakan bahawa belanjawan defisit adalah biasa bahkan ia bahaya, kritikal dan kerajaan terus buntu mencari penyelesaian. Tuan Yang di-Pertua, hutang yang besar, yang gagal dilunaskan adalah satu bebanan negara. Jika hutang negara di campur dengan hutang isi rumah atau hutang rakyat, maka hutang kita telah pun melangkaui RM1.3 trilion. Negara kita bukan lagi negara hutan hijau malar tetapi negara kita telah menjadi negara hutang, gelap dan malap. Ia adalah gejala. *[Berucap dalam bahasa Arab]* Ataupun himpitan hutang yang sama bahaya dengan gejala. *[Berucap dalam Bahasa Arab]* Atau gejala tekanan oleh golongan diktator seperti yang digambarkan oleh Rasulullah SAW di dalam doanya... *[Membaca sepotong doa]* "Dan aku berlindung dengan-Mu wahai Tuhanku daripada tekanan hutang dan tekanan lelaki yang berkuasa".

■2200

Tuan Yang di-Pertua, kesedaran kerajaan untuk mengawal inflasi, mensifarkan defisit dan mengelak daripada terus bergantung kepada hutang adalah baik. Akan tetapi yang tidak baiknya ialah cara kerajaan mengemukakan penyelesaiannya. Puluhan tahun kita bertahan daripada melaksanakan rejim cukai GST. Maknanya kita tahu ianya tidak sesuai, ada buruknya tetapi atas tekanan yang terhasil daripada salah urus kerajaan sendiri, kita akhirnya akur dan berkempen agar rakyat menerima sistem cukai ini ke atas mereka. Kita berhujah, ianya telah dilaksanakan oleh ratusan negara lain. Ertinya seolah-olah kerajaan berkata pada diri sendiri, kami sebenarnya bodoh bertahun-tahun kerana tidak melaksanakan GST sejak dahulu. Maksud saya hujah kerajaan adalah salah dan memakan diri sendiri.

GST adalah sistem yang tempang dan salah. Sistem cukai dalam Islam mestilah memenuhi syarat-syarat mesti. Yang utamanya ialah yang pertama tidak boleh diambil daripada orang miskin. Kalau zakat yang menjadi rukun agama pun dikecualikan daripada orang miskin apatahlah lagi cukai. GST adalah ibarat pukut tunda yang tidak mengenal mangsanya.

Kedua, mestilah dihapuskan ketirisan dan salah urus wang negara. Adalah jelas ketirisan dalam pengurusan ekonomi negara adalah gejala yang sedang kita tanggung hari ini. Maka saya sarankan kerajaan mestilah berani menerokai sistem percukaian yang dianjurkan oleh Islam. Apabila kita terus menerokai sistem ekonomi dan kewangan Islam yang menyeluruh, keberkatan akan datang. Rakyat akan sokong dan rakyat akan membayar untuk kerajaan dengan penuh rela dan rasa puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, kami mencadangkan penyelesaian yang mudah iaitu seperti berikut:-

- (i) perbelanjaan berhemat;
- (ii) berbelanja ikut kemahuan; dan
- (iii) berbelanja ikut keutamaan.

Ia adalah penyelesaian yang disukai oleh rakyat, tetapi ia adalah penyakit yang membarah di dalam kerajaan sendiri. Ia menjadi sukar kecuali oleh kerajaan yang benar-benar mempunyai kemahuan yang tinggi untuk berubah. Bukan sekadar bertransformasi di alam fantasi. Saya sangsi Kerajaan Barisan Nasional mampu melaksanakannya. Laporan Ketua Audit Negara secara berterusan mempertegaskan penyakit dalam kerajaan sendiri. Bukan bermula daripada rakyat sehingga rakyat ditekan untuk menyelesaikan penyakit tua BN. Kerajaan berboros, berbelanja pada perkara yang tidak perlu. Kerajaan membazir dengan berbelanja pada perkara yang haram, kerajaan gagal berbelanja ikut keutamaan. Ini semua telah merosakkan kitaran pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan kewangan yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya memilih satu isu sahaja untuk menjimatkan masa. Negeri-negeri pantai timur terutama Kelantan terencat pembangunan dan kemajuannya dan terperuk bagai kisah bawang putih, bawang merah akibat dianaktirikan. Lapangan terbang terus dikekalkan untuk penerbangan domestik sahaja, sedangkan sudah bertahun-tahun Kelantan berhak untuk terbang lebih tinggi di awan antarabangsa. Ia bukan hanya untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi domestik sahaja bahkan negara juga.

Begitu juga pembinaan lebuhraya yang lebih baik yang menghubungkan Kota Bharu dan Kuala Lumpur telah tergendala bertahun-tahun lamanya. Begitulah juga pembinaan pelabuhan di pantai Kelantan. Semua ini adalah prospek besar yang akan merancakkan pertumbuhan ekonomi negara. Malangnya ia adalah penyakit Kerajaan Barisan Nasional yang enggan diubati oleh kerajaan sendiri. Bukankah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik, kerajaan sepatutnya tidak mengetepikan titik-titik hijau yang subur untuk penjana ekonomi tersebut di dalam negara kita. Titik-titik subur ini ada banyak terdapat di pantai timur dan Malaysia Timur juga Sabah dan Sarawak. Negara kita ini Tuan Yang di-Pertua adalah negara timur tetapi mengapa asyik belah bahagian barat sahaja yang diutamakan?

Akhir sekali, suka saya ingatkan penyelesaian yang lebih utama di dalam memastikan negara kita mampu keluar daripada kemelut ekonomi yang menakutkan hari ini, kerajaan mestilah memperoleh pendapatan daripada hasil yang benar dan halal. Ia akan menambah keberkatan pendapatan negara dan ia pasti membantu merancakkan pertumbuhan ekonomi. Rakyat negeri Kelantan tetap yakin bahawa mereka berhak ke atas royalti minyak. Selagi kerajaan gagal melunaskannya maka Kerajaan Barisan Nasional makan wang haram. Wang yang haram banyak mana pun kekal akan merosakkan dan membinasakan ekonomi negara.

Saya sudahi perbincangan saya dengan membaca satu ayat yang pendek. Semoga ia memberi manfaat. *[Membaca sepotong ayat a-Quran]* Maksudnya “Maka ingatlah kamu wahai hamba-hamba ku akan segala nikmat Allah dan janganlah kamu melakukan kerosakan di muka bumi ini.” Sekian, saya akhiri perbincangan saya untuk belanjawan kali ini. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

10.05 mlm

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan saya membahaskan Bajet 2014. Saya hendak bangkitkan beberapa isu. Pertama tentang cukai keuntungan hartanah. Saya sangat mengalu-alukan pengumuman Dato' Seri Perdana Menteri, Ahli Parlimen Pekan yang telah pun mengumumkan berkenaan cukai keuntungan hartanah iaitu RPGT sebanyak 30%. Kalau suatu hartanah itu dijual antara satu tahun hingga tiga tahun dan 20% empat tahun dan 15% lima tahun. Kalau satu hartanah itu dijual selepas enam tahun ia tidak dikenakan cukai keuntungan hartanah.

Saya rasa ini memang satu cara yang amat tepat, di mana sebelum itu pun 2008 di mana kerajaan telah pun mengenakan cukai yang amat ketat supaya kegiatan atau kes-kes spekulasi tidak begitu ketara. Selepas kerajaan memansuhkan cukai ini pada tahun 2008, semenjak tahun 2008 sampai 2012 sekarang kita dapati harga rumah melambung naik. Ini kerana ada banyak pihak yang telah pun menspekulasikan, menaikkan harga hartanah terutama perumahan. Saya rasa pengenalan cukai keuntungan hartanah sebanyak 30% dalam tempoh tiga tahun ini sangat-sangat dialu-alukan. Kita juga berharap dalam jangka masa panjang ini tidak ada kenaikan harga rumah dengan sewenang-wenangnya.

Kerajaan Pusat kena bertanggungjawab mengapa harga rumah melambung naik tinggi selepas 2008. Sebelum itu harga rumah teres hanya sekitar RM300,000, tetapi sekarang harga rumah teres, *landed property* sudah melambung naik sampai RM600,000, RM800,000 di sekitar *Klang Valley*, Lembah Klang. Saya rasa dalam jangka masa pendek ini kita tidak dapat nampak ada penurunan harga rumah. Akan tetapi untuk jangka masa panjang ya, ia memang boleh mengawal kenaikan harga rumah ini.

Saya juga hendak tanya. Walaupun kita sudah mengetatkan, mengenakan cukai keuntungan tanah ini dan bagaimana kita memastikan sebab harga rumah masih mahal terutama

di Lembah Klang ini. Banyak golongan terutama golongan sederhana dan juga mereka yang berpendapatan rendah tidak mampu untuk beli rumah terutama *landed property* dan juga kondominium. Bayangkan di sini, di Lembah Klang kondominium atau apartment sudah melambung naik sampai RM400,000. Ada yang RM500,000. Jikalau mereka yang mempunyai gaji sekitar RM5,000 ke bawah memang tidak mampu untuk beli rumah.

Untuk belia yang baru berumah tangga, mereka juga hendak cari rumah, tetapi sekarang mereka juga tidak mampu beli rumah di Lembah Klang. So, saya hendak tanya cara bagaimana kerajaan untuk membantu mereka mendapatkan rumah. Walaupun Kerajaan Pusat telah mengadakan PR1MA lah, Rumah Pertamaku lah, tetapi ada kelemahan. Kelemahan di mana golongan belia ini, golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana ini tidak dapat pinjaman daripada bank. Oleh sebab bank mengenakan sekatan yang amat ketat, di mana saya rasa banyak yang sudah pun cuba untuk dapatkan pinjaman bank, tetapi mereka tidak dapat akhirnya.

So, saya hendak tanya tentang peratusan berapakah mereka yang telah memohon PR1MA atau pun Rumah Pertamaku ini?

■2210

Berapakah peratusan mereka yang berjaya untuk mendapatkan pinjaman daripada bank-bank? Saya harap kerajaan terutama Kementerian Kewangan dalam segi ini sebab bank-bank tidak beri kerjasama langsung, yang mana syarat-syarat yang dikenakan terlalu ketat. So, saya harap kementerian dapat campur tangan supaya bank memberi kelonggaran. Jangan ketat sangat, kalau ketat sangat memang golongan ini tidak dapat atau mampu untuk dapat pinjaman untuk beli rumah.

Perkara yang kedua saya hendak bangkitkan di sini tentang masalah pekerja pendatang asing. Baru-baru ini kita ada dengar tentang pengawal keselamatan orang asing ini, dia merompak. Kes-kes yang berlaku di USJ, yang mana seorang warga Malaysia telah dibunuh kerana pengawal keselamatan atau pekerja pendatang asing ini merompak dan banyak juga. Ada dua kes lagi. Satu di Wangsa Maju dan satu lagi di Subang Jaya.

Saya hendak tanya tentang mengapa orang asing terutama dari Bangladesh dan juga lain-lain negara boleh menjadi pengawal keselamatan? Kalau mengikut akta yang diperuntukkan, hanya warga Malaysia ataupun warga Nepal yang boleh menjadi pengawal keselamatan. Akan tetapi saya tidak tahu bila kelonggaran ini diberi? Semua orang asing boleh menjadi pengawal keselamatan. Saya hendak dapatkan statistik berapa ramai pendatang asing yang menjadi pengawal keselamatan, mengapa tidak mengambil orang tempatan? Saya rasa ada banyak alasan-alasan kerana gaji yang terlalu rendah, orang tempatan tidak mahu untuk menjadi kerja-kerja pengawal keselamatan. Saya rasa ini bukan alasan. Saya rasa untuk kerja-kerja keselamatan ini kerana tanggungjawab itu amat tinggi. So, saya rasa perlu naikkan gaji untuk mendapatkan pekerja daripada orang tempatan.

Saya rasa masalah pekerja pendatang asing ini telah mencecah lebih 2.4 juta, yang mana terlalu banyak sangat pekerja asing di Malaysia ini. Dahulu hanya sektor-sektor perladangan, untuk

sektor perkilangan, sektor pembinaan dan juga pembantu rumah yang perlu kita ambil pendatang asing. Akan tetapi sekarang ini saya rasa banyak sektor perkhidmatan seperti hotel dan juga hospital juga nampak ada pekerja asing.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, gulung.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Gulung?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Okey, hendak gulung. Saya hanya hendak minta, mengapa sektor perhotelan ini, hospital tidak beri peluang pekerjaan kepada orang tempatan? Saya rasa saya hendak bawa dua perkara di kawasan saya. Satu, tentang masalah pengaliran tanah liat daripada tapak projek di Bukit Gasing di sebelah Kuala Lumpur, di Kampung Pasir Baru di mana ada satu projek di sebelah Bukit Gasing di Kuala Lumpur sekarang sedang menjalankan projek untuk banglo di atas bukit. Sekarang setiap hari hujan, pasti ada pengaliran tanah liat ke perumahan di sekitar Bukit Gasing Indah, Seksyen 5, Petaling Jaya. Saya harap pihak yang bertanggungjawab DBKL, pastikan perkara ini tidak berlaku lagi kerana ia amat membimbangkan penduduk sekitar kerana mereka khuatir ada runtuhan tanah dan juga hakisan tanah semasa hujan.

Kedua tentang lebuhraya. Lebuhraya Kinrara-Damansara (KIDEX) saya hendak tahu status lebuhraya ini kerana sampai sekarang kementerian tidak beri langsung *detail* tentang Projek Lebuhraya Kinrara-Damansara (KIDEX). Saya hendak tahu jumlah kos pembinaan projek ini dan syarikat manakah yang terlibat? Saya difahamkan ada dua atau tiga tol yang akan didirikan untuk lebuhraya ini. So, saya hendak tahu kutipan tol ini, adakah kutipan ini akan berjalan selama 60 tahun? Saya difahamkan kutipan tol ini akan dikutip selama 60 tahun. Saya hendak pastikan sama ada Lebuhraya KIDEX ini sudah pun diluluskan di peringkat negeri. Ini kerana di pihak MPPJ dan juga di PBT, kita tidak terima apa-apa pun butiran tentang projek ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Saya rasa itu sahaja. sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, silakan Yang Berhormat Kampar. Selepas Yang Berhormat Kampar, Yang Berhormat Lumut. Kalau tepat 10 minit seorang boleh kepada Yang Berhormat Kluang.

10.15 mlm.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersyukur kerana diberikan peluang untuk turut serta dalam perbahasan usul Belanjawan 2014 kali ini. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon membawa perhatian kerajaan untuk menaik taraf jalan raya dari Kampar ke Gopeng dan dari Kampar ke Tapah.

Pada masa sekarang, jumlah penduduk di sekitar kawasan Kampar adalah seramai 100,000 orang. Kita tidak ada *access* terus dari Lebuhraya Utara Selatan ke Bandar Kampar. Dari Kuala Lumpur dan Selatan, pengguna lebuhraya perlu keluar di tol Tapah. Jarak dari tol Tapah ke Kampar adalah 20 kilometer. Dari Ipoh atau Pulau Pinang dan Utara, pengguna perlu keluar dari lebuhraya di tol Gopeng dan jarak dari sana ke Kampar adalah hampir 20 kilometer. Sebahagian besar jalan dari Gopeng ke Tapah iaitu Laluan Persekutuan 1 adalah terdiri daripada dua lorong sahaja. Saya ingin memohon Kementerian Kerja Raya untuk meningkatkan dan memperbaiki jalan raya dari Kampar ke Gopeng dan Kampar ke Tapah. Cadangan saya ialah untuk memperluaskan jalan dari Gopeng ke Tapah kepada empat lorong.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya pohon Menteri Dalam Negeri untuk meningkatkan keselamatan sekitar kawasan Kampar. Sebelum saya teruskan, izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Polis Diraja Malaysia di kawasan Kampar di atas prestasi baik mengawal keselamatan awam di kawasan Kampar. Kadar jenayah di Kampar adalah lebih rendah daripada kadar jenayah nasional. Namun, seperti di seluruh negara kita, penduduk Kampar memang berasa bimbang kerana trend penjenayah yang semakin berani dan ganas. Memang sudah terjadi beberapa kes jenayah yang menyebabkan kebimbangan di kalangan penduduk tempatan. Penduduk Kampar faham pihak polis menjalankan tugas mereka dengan sebaik yang mungkin tetapi bilangan anggota PDRM tidak ada penambahan sejak 10 tahun yang lepas. Saya pohon Menteri Dalam Negeri menyegerakan penubuhan sebuah balai polis baru di Bandar Baru Kampar. Saya turut ingin polis kerajaan untuk menambahkan bilangan anggota polis di seluruh kawasan Kampar.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai SPRM gagal menyelesaikan 99.3% kes rasuah walaupun belanja hampir RM1 bilion. Dalam soalan saya bertarikh 21 Oktober 2013 kepada Perdana Menteri, meminta beliau menyatakan berapakah jumlah bajet dan bilangan kakitangan bagi SPRM untuk lima tahun yang lalu? Berapakah bilangan kes yang dibawa ke pendakwaan, bilangan kes yang telah disabitkan kesalahan dan jumlah wang rasuah yang terlibat? Dalam jawapan yang diberikan kepada saya, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Low menyatakan bahawa bajet dan bilangan kakitangan SPRM bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (RM)
2009	161,032,700
2013	251,672,000

■2220

Jumlah peruntukan bagi tempoh lima tahun adalah sebanyak RM983,118,700. Jumlah jawatan bagi tahun 2009 adalah 2,078 orang. Bagi tahun 2013 adalah 2,331 orang. Bajet yang dicadangkan bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM297,510,000. Kes-kes didakwa dan kes-kes berjaya disabitkan adalah seperti berikut:

Tahun	Kes Yang Didakwa	Kes Yang Disabit Kesalahan	Peratus (%)
2009	174	94	54
2012	401	339	85

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila gulung.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Gulung. Yang Berhormat Senator Paul Low menyatakan terdapat peningkatan kadar kes-kes yang disabitkan dalam lima tahun yang lepas, dalam jangka masa yang sama jumlah nilai wang rasuah yang terlibat adalah RM57,698,540 dan jumlah wang yang berjaya dirampas semula adalah RM17,083,729. Berdasarkan bajet untuk memerangi rasuah, ini merupakan pulangan 1.7% sahaja daripada peruntukan yang diluluskan. Kita telah membelanjakan hampir RM1 bilion dalam memerangi rasuah semenjak Dato' Sri Najib Tun Abd. Razak menjadi Perdana Menteri. Mengurangkan rasuah juga adalah salah satu daripada enam NKRA yang diumumkan.

Walaupun bagaimanapun, Malaysia dikenal pasti sebagai salah sebuah negara yang mengalami korupsi tinggi berdasarkan Laporan *Ernst Young dan World Street Journal. Global Finance Integrity* melaporkan bahawa Malaysia kehilangan RM871 bilion dalam jangka masa 2001 hingga 2010 dalam bentuk aliran keluar wang haram dengan wang daripada kegiatan rasuah merupakan 20% daripada jumlah ini. Sebenarnya amaun wang rasuah yang disiasat hanyalah 0.07% daripada jumlah keseluruhannya, dengan kadar kejayaan mendapatkan semula wang terlibat hanya 0.02%.

SPRM telah gagal menyelesaikan kira-kira 99.3% kes rasuah walaupun menerima peruntukan hampir RM1 bilion sejak tahun 2009. Dengan peningkatan peruntukan sebanyak RM45,838,000, SPRM mempunyai dana yang mencukupi untuk meningkatkan prestasi kejayaan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kampar.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Bilangan kes yang didakwa dan jumlah wang rasuah yang disiasat mestilah ditingkatkan. Saya inginkan kepastian daripada kerajaan supaya korupsi betul-betul menjadi suatu isu lalu dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Lumut, 10 minit dan selepas itu Yang Berhormat Kluang.

10.24 mlm.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid [Lumut]: *[Berucap dalam Bahasa Arab]*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita bersyukur Yang Amat Berhormat Pekan telah membentangkan Bajet 2014. Perbelanjaan RM264.15 bilion, pendapatan hanya RM224 bilion, hutang defisit RM40 bilion, hutang kerajaan hingga RM530 bilion. Ini seolah-olah hendak membawa kerajaan kita bankrap pada tahun 2019 sebagaimana amaran oleh Dato' Sri Idris Jala.

Saya hendak menafikan kenyataan Yang Berhormat Kanowit, dia kata tidak ada kerajaan yang hendak membankrapkan negara tetapi dia lupa Greek itu, rakyatkah yang membankrapkan kerajaan? Tidak lain dan tidak bukan Greek, Greece. Melayunya Greek. *Greece – slip of the tongue*, okey terima kasih. Jadi ada negara kerajaannya yang menyebabkan rakyat jadi bankrap. Oleh itu, dalam keadaan yang kita berhutang nampaknya kita kena berdoa Tuan Yang di-Pertua. *[Membaca sepotong doa]*. Mudah-mudahan kita juga selamat daripada tekanan hutang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh bajet Kementerian Pertahanan, kita jangan lupa penyelewengan yang berlaku apabila puluhan kapal selam **Scorpene** kita beli dan kita rugi RM500 juta, setengah bilion. Kita beli helikopter **Super Cougar** EC725, kita rugi juga oleh kerana Brazil membeli helikopter yang sama lebih murah daripada kita. Kita beli 48 buah kereta kebal ataupun *main battle tank* daripada Poland, kita rugi juga oleh kerana kualitinya lebih rendah dari jenis **Leopard** buatan Jerman. Kita beli enam buah *patrol vessel* berharga RM6 bilion dan kita rugi juga Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga dengan kemudahan-kemudahan kem tentera, kita lihat amat daif. Duit habis berbilion-bilion, kem-kem tentera masih daif. Inilah keadaan yang berlaku kepada negara kita. Oleh itu, untuk ini kita kena berdoa juga Tuan Yang di-Pertua. *[Membaca sepotong doa]* Mudah-mudahan Allah Taala memberi petunjuk yang mana benar akan lahir dan yang batil juga akan ditunjukkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita pergi kepada bajet Kementerian Pertahanan. Kementerian Pertahanan diperuntukkan sebanyak RM16.1 bilion pada tahun ini berbanding RM15.2 bilion pada tahun lepas. Ini merupakan kenaikan perbelanjaan mengurus. Kita tidak nafikan RM13.36 bilion merupakan peruntukan OE atau peruntukan mengurus yakni RM6.72 bilion untuk emolumen atau gaji dan RM6.64 bilion untuk bekalan. Peruntukan ini yang kita persoalkan Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita tahu peruntukan DE kita lihat makin menguncup tetapi peruntukan OE makin berkembang. Soalannya, kenapa ia boleh berkembang? Sebagaimana saya beritahu kepada Yang Berhormat Dungun tadi, oleh kerana banyak projek-projek DE dimasukkan di dalam peruntukkan OE.

Oleh sebab itu kita lihat Yang Berhormat Limbang mengadu, oleh kerana projek Klinik 1Malaysia ataupun pusat kesihatan tidak siap dalam masa setahun. Wahai Yang Berhormat ...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Itu salah. Baca balik Hansard.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid [Lumut]: Tidak mengapa, saya akan cek balik. Akan tetapi Yang Berhormat Limbang oleh kerana ada projek dikatakan tidak siap. Selepas itu, dalam masa setahun tidak boleh disambung. Oleh kerana projek ini merupakan projek OE, ia perlu disiapkan dalam tahun tersebut. Jadi apabila tidak siap, sudah tidak boleh disambung oleh kerana peruntukan untuk tahun-tahun seterusnya.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Kementerian Kewangan supaya menyemak senarai-senarai projek yang di bawah dasar sedia ada atau pun *one-off* oleh kementerian-kementerian ini kerana mereka mengambil kesempatan untuk menggunakan **OE** melaksanakan projek-projek **DE**.

Sekiranya ini berlaku, saya memohon kepada Kementerian Kewangan supaya menarik balik semua senarai-senarai DE di dalam OE supaya peruntukan kita boleh diselamatkan. Mudah sahaja. Mungkin lebih kurang RM10 bilion akan diselamatkan. Dengan itu defisit kita akan berkurangan. Saya tidak mempersoalkan peruntukan DE yang disenaraikan oleh Yang Amat Berhormat Pekan untuk pembelian enam OPV, empat kali kargo *aircraft* berserta peralatan sokongannya dan juga kereta perisai yang kita tidak tahu berapa bilangannya. Oleh itu pada bajet kali, ini saya memohon kementerian berkenaan supaya menyenaraikan pihak-pihak yang terlibat, siapa yang mendapat kontrak, berapa bilangannya dan bilakah ia akan dibekalkan kepada Kementerian Pertahanan.

Oleh kerana kita tahu sebelum ini seperti yang kita katakan tadi, sebagaimana yang saya katakan tadi berlaku ketirisan ataupun keborosan berlaku di dalam perolehan...

Seorang Ahli: Tiris, tiris.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tiris dan bocor berlaku di Kementerian Pertahanan oleh kerana kegagalan pegawai-pegawai kerajaan menguruskannya dengan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita rujuk di dalam buku belanjawan, RM16.1 bilion – Kementerian Pertahanan konon-kononnya akan dibelanjakan untuk 70% tahap kesiagaan ATM, untuk *care force* dan untuk kebajikan dan kesejahteraan tentera, warga Angkatan Tentera Malaysia. Apa yang saya ingin persoalkan Tuan Yang di-Pertua, 70% kesiagaan ATM sebagaimana strategi perbelanjaan Kementerian Pertahanan, ini kita boleh persoalkan. Oleh kerana kita habis berbilion ringgit kita beri kepada Kementerian Pertahanan tetapi setakat 70% kesiagaan. Ini mengelirukan rakyat. Adakah kita boleh menentang musuh ataupun ancaman luar dengan 70% kesediaan Angkatan Tentera Malaysia. Oleh kerana itu, saya mohon Kementerian untuk meneliti kembali akan strategi perbelanjaan ATM ataupun Kementerian Pertahanan. Saya percaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lumut. Gulung ya.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Dalam apa ketika pun sepatutnya Angkatan Tentera Malaysia harus bersedia 100% untuk menghadapi ancaman musuh walaupun kita tahu satu per tiga ataupun 30% peralatan tentera ataupun kelengkapan tentera masih di dalam selenggaraan. Jadi kita mahu yang 70% aset yang beroperasi mestilah 100% bersedia untuk menghadapi ancaman musuh. Setuju, Yang Berhormat? Terima kasih.

Sentuh kebajikan kepada warga ATM. Baru-baru ini saya mendapat maklumat kes dera berlaku di TUDM Kuching oleh provost semasa dan kita ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pertahanan sekiranya betul-betul berlaku penderaan dan kita minta peruntukan yang ada kena bayar ganti rugi kepada warga yang didera.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Jika perlu juga, bayar ganti rugi kepada warga yang terlibat. Peruntukan OE juga saya minta supaya kita bantu warga ATM yang terperangkap dengan Ah Long. Kita juga minta Kementerian Pertahanan untuk memberi elaun khas kepada petugas di Pulau Mantanani, Pulau Ubi, Pulau Siput, Pulau Layang-layang, Pulau Jarak dan Pulau Perak yang mempertahankan negara di dalam keadaan yang amat berisiko. Boleh diserang oleh musuh dan kedaulatan negara kita akan terjual. Begitu juga dengan keadaan cuaca-cuaca yang tidak menentu. Kita mohon supaya peruntukan yang ada untuk bayar elaun khas untuk warga yang terlibat dengan Operasi Fajar. Ops Fajar di Somalia kerana mereka telah menyelamatkan aset negara berbilion-bilion ringgit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Oleh kerana itu – sikit lagi, sikit lagi, sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, Yang Berhormat Lumut.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita minta... *[Disampuk]* Okey, kita minta warga Kementerian Pertahanan melahirkan penyelenggara-penyelenggara tempatan. Jangan bergantung kepada DRB HICOM atau DefTech sahaja untuk Tentera Darat. Jangan bergantung sahaja kepada Boustead Naval Shipyard untuk TLDM, jangan bergantung semata-mata kepada AIROD dan ZETRO untuk TUDM tetapi kita perlu lahirkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lumut.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Akan tetapi kita perlu lahirkan pakar-pakar yang lebih ramai lagi. Satu lagi yang mungkin penting Tuan Yang di-Pertua, kita merayu supaya Kementerian Pertahanan memikirkan untuk membina depot minyak simpanan perang.

Beberapa Ahli: Setuju!

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Setuju. Terima kasih Yang Berhormat. Untuk itu kalau semuanya telah dipertimbangkan, saya tutup dengan doa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Allah, sudah lupa pula. Sebentar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, Yang Berhormat Lumut. Yang Berhormat Lumut.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Sekejap. Sekejap lagi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Baca doa makan pun tidak apa.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: *[Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kluang. Sila.

10.36 mlm.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bawa – terutama sekali saya hendak bawa isu-isu yang saya pernah bincang pada sesi yang lalu pada bulan Julai. Tiga isu yang saya hendak ulang di sini yang belum ada penyelesaian. Satu, ialah Sistem Penaksiran Berasaskan Sekolah. Baru-baru ini saya hendak menarik perhatian Kementerian Pendidikan bahawa satu rencana yang ditulis oleh Profesor Madya Datuk Dr. Mohammad Agus Yusoff di Sinar Harian pada 3 November bertajuk '*Dengarlah Keluhan Para Guru*'. PBS ini sudah banyak dibincangkan dalam Parlimen tetapi nampaknya tidak ada penyelesaian, nampaknya tidak ada pembaikan. Masalahnya ialah PBS ini tidak sesuai dengan cara kita. PBS yang dilakukan di Eropah bukan satu *centralize system*. PBS di negara-negara Eropah adalah satu sistem di mana sekolah atau pengetua sekolah diberikan autonomi untuk menjalankan atau menguruskan sekolah mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Speaker sokong.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Speaker sokong ya. Terima kasih dan masukkan dalam ucapan saya. Saya minta Kementerian Pendidikan memberikan tumpuan untuk mengubah cara pelaksanaan PBS ini.

Isu kedua ialah isu *airport limo* yang juga saya bawa pada bulan Julai. Belum ada jawapan lagi. Ada dua *driver* yang saya bangkitkan dengan SPAD. Belum dapat penyelesaian dan tidak ada jawapan lanjutan. Isu ketiga ialah isu Jalan Batu Pahat di kawasan Kluang dan di kawasan Ayer Hitam di mana saya ada bangkitkan di sini dan saya ada bangkitkan dengan Menteri secara peribadi juga. Belum ada jawapan. Saya minta Parlimen kalau boleh setiausaha ataupun Pejabat Speaker di mana kalau Menteri janji beri jawapan dalam sesi jawapan, minta Menteri ataupun kementerian berikan jawapan. Pihak kami perlukan jawapan Menteri untuk menjelaskan kepada umum atau pengundi.

Isu yang saya hendak masuk sekarang ialah isu tentang apa yang saya panggil dana kotor Jabatan Perdana Menteri ataupun saya panggil *near slash fund* dalam Jabatan Perdana Menteri. Dalam belanjawan atau dalam anggaran perbelanjaan persekutuan, terdapat lima item atau lima butiran di dalam JPM yang saya panggil dana kotor ataupun dana yang tidak ada butiran, dana yang tidak ada penjelasan, dana yang boleh diguna pakai oleh Perdana Menteri secara budi bicara iaitu Program Penyusunan Semula Masyarakat, Program Pembangunan, Projek Khas, Projek Mesra Rakyat dan Dasar Fasilitasi. Lima item ini, lima butiran ini jumlahnya RM6.9 bilion atau 65% daripada peruntukan pembangunan JPM bagi tahun 2014.

Bidang-bidang ini tidak ada penjelasan, terutamanya dana fasilitasi. Empat bilion untuk dana fasilitasi tetapi tak ada butiran. Ini adalah salah dan ini satu fenomena baru, satu fenomena yang tidak pernah berlaku sebelum tahun 2011. Sebelum tahun 2011, tidak ada item-item macam ini di mana Perdana Menteri diberikan kuasa budi bicara sebegitu besar. Sebelum itu, bajet ataupun item-item ini dimasukkan ke kementerian lain tetapi dalam kajian saya telah terbukti bahawa sejak 2011, dana-dana ini dimasukkan dalam JPM. Kalau kita baca belanjawan sejak 2011, bajet atau peruntukan untuk pembangunan telah turun, secara *absolute number* telah turun. Bagi tahun 2011, sejumlah RM51 bilion projek pembangunan tetapi untuk tahun 2014 hanya RM46 bilion sahaja. Akan tetapi dana untuk Perdana Menteri, dana yang saya sebutkan tadi telah meningkat daripada RM2.8 bilion pada tahun 2011 dan RM4.3 bilion pada tahun 2012. RM5.9 bilion pada tahun 2013 dan bagi tahun ini RM6.9 bilion.

So, ini adalah satu fenomena yang saya minta JPM jawab dan saya minta JPM butirkan, apa akan dilaksanakan dengan dana-dana yang saya sebutkan tadi, lima butiran yang saya sebutkan tadi.

Saya nak masukkan isu GST. Banyak telah disebutkan oleh ramai Ahli Parlimen di sini tapi yang masalah penting ialah GST akan menyebabkan rakyat Malaysia yang tidak pernah membayar cukai, sekarang ini diperlukan membayar cukai dan ini akan menurunkan *disposable income* mereka. Apabila *disposable income* mereka diturunkan, akan menyebabkan mereka tidak akan berbelanja. Apabila mereka tidak berbelanja, kita ada satu masalah *depress demand*, permintaan domestik akan turun. Kalau permintaan domestik turun, itu bermakna bahawa ekonomi akan merosot dan ini adalah masalah GST yang kita harus hadapi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, gulung ya YB.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Okey, sebelum saya gulung saya nak minta Menteri Kementerian Dalam Negeri atau Menteri Dalam Negeri untuk menjawab isu tentang pengawal keselamatan. Dalam *The Star* hari ini di mana *The Star* berkata, sebenarnya ada 400,000 orang bekerja sebagai pengawal keselamatan. Dalam 400,000 ini, 150,000 orang adalah warga asing tanpa izin. Ini menurut *cover story* *The Star* hari ini. Adakah ini betul? Saya minta kementerian untuk jawab. Akan tetapi dalam jawapan yang diberi oleh Menteri Dalam Negeri pada 11 Oktober 2011, dua tahun yang lalu, menurut kementerian pada masa itu, dalam sektor pengawal keselamatan, dikatakan jumlah pengawal keselamatan warganegara Malaysia adalah seramai 160,000. Manakala pengawal keselamatan warganegara Nepal, bekas tentera, adalah seramai 1,049 orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kluang.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Tidak ada butiran lain dan saya minta kementerian berikan penerangan di sini supaya kita faham isu tentang siapa dapat lesen untuk membekalkan pengawal keselamatan dan siapa ataupun syarikat-syarikat di mana dapat kontrak ini. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjung Karang.

10.45 mlm.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan bajet pada tahun ini.

Beberapa Ahli: Sambunglah, sambung, esok, esok, esok.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dia suruh saya berhenti dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Hmm, sila.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh terus?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Hmm, sila Yang Berhormat Tanjung Karang. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung esok ya. *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 7 November 2013.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.45 malam]